

PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA MELAYU DALAM  
KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI  
MALAYA

NORFAIZAL BIN JAMAIN

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2023

**PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA MELAYU DALAM  
KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI  
MALAYA**

**NORFAIZAL BIN JAMAIN**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2023**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: NORFAIZAL BIN JAMAIN

No. Matrik:17021712/3

Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”):

PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN  
PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI MALAYA

Bidang Penyelidikan: Bahasa Melayu

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut munasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh: 21 / 11 / 2023

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan.

Tandatangan Saksi:

Tarikh: 21 / 11 / 2023

Nama:

Jawatan:

Tandatangan Saksi:

Tarikh: 21 / 11 / 2023

Nama:

Jawatan:

# **PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI MALAYA**

## **ABSTRAK**

Kosa kata bahasa Melayu mempunyai peranan yang penting terutamanya kepada pelajar antarabangsa untuk berkomunikasi dengan berkesan. Kekangan yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa untuk menguasai bahasa Melayu disebabkan oleh kekurangan kosa kata kerana kurang menggunakan strategi pembelajaran kosa kata dengan sebaik mungkin semasa mempelajari bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis saiz kosa kata bahasa Melayu di samping menghuraikan hubungan korelasi penggunaan strategi pembelajaran kosa kata yang diamalkan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini akan menilai faktor-faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu dengan menggunakan Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994) dan Taksonomi Schmitt (1997). Kajian berbentuk kuantitatif ini dijalankan terhadap 30 orang pelajar antarabangsa ijazah tinggi yang sedang mengikuti kursus Bahasa Malaysia Asas di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Terdapat dua instrumen kajian yang digunakan, iaitu ujian penilaian kosa kata dan borang soal selidik berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Selepas itu, data dianalisis dengan menggunakan ujian -t, ujian korelasi Pearson, interpretasi hubungan dan regresi berganda. Hasil kajian membuktikan, wujudnya hubungan yang signifikan selepas pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang menunjukkan nilai  $p = 0.000 (< 0.05)$ . Selain itu, seramai tujuh (23.33%) orang pelajar berjaya melepasi tahap 3000 penguasaan kosa kata berbanding 23 (76.67%) berada di bawah tahap penguasaan kosa kata. Bagi strategi pembelajaran pula, pelajar banyak mengamalkan strategi memori dengan memperoleh nilai min = 3.76 dan nilai sisihan piawai = 0.99, dan hubungan interpretasi berada pada

tahap yang tinggi. Keseluruhan penggunaan strategi pembelajaran kosa kata dalam kajian ini berada pada tahap yang sederhana kerana memperoleh nilai min = 3.59 dan nilai sisihan piawai 1.05. Bagi menjelaskan hubungan korelasi pemboleh ubah strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu, hasil kajian membuktikan bahawa nilai  $r$  yang diperoleh ialah 0.889 dan nilai signifikan  $p = 0.000$ . Faktor-faktor seperti jantina, umur dan bidang pengajian pula, hasil kajian tidak menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap penguasaan kosa kata kerana memperoleh nilai  $p = >0.05$ . Sebagai kajian lanjutan, satu Ujian Khas Kosa Kata Bahasa Melayu boleh dibentuk dengan kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti Majlis Peperiksaan Malaysia. Justeru, kajian kosa kata bahasa Melayu perlu diteruskan dan dipergiatkan lagi demi kelangsungan dan pengantarabangsaan bahasa Melayu pada masa akan datang.

# **MASTERY OF MALAY VOCABULARY AMONG INTERNATIONAL STUDENTS AT THE UNIVERSITI MALAYA**

## **ABSTRACT**

*Malay vocabulary has an important role especially for international students to communicate effectively. The constraints faced by international students to master the Malay language are due to the lack of vocabulary learning strategies as best they can while learning the Malay language. Therefore, this study aims to analyze the vocabulary size of the Malay language as well as to elaborate on the correlation relationship between the use of vocabulary learning strategies practised by students while learning the Malay language. In addition, this study will assess factors that have a significant relationship with the mastery of Malay vocabulary by using the Model of Second Language Acquisition by Ellis (1994) and Schmitt Taxonomy (1997). This quantitative study was conducted on 30 international students who are currently pursuing the Bahasa Malaysia Asas course at the Faculty of Languages and Linguistics, Universiti Malaya. There are two study instruments used, namely the vocabulary assessment test and the questionnaire related to the Malay vocabulary learning strategy. After that, the data is analyzed using the t-test, the Pearson correlation test, the relationship interpretation, and the double regression. The results showed that there was a significant relationship after students went through the teaching and learning process which showed a value of  $p = 0.000$  ( $< 0.05$ ). In addition, seven (23.33%) students successfully passed the level of 3000 vocabulary proficiency compared to 23 (76.67%) below the vocabulary level. As for learning strategies, students practice a lot of memory strategies with a mean value of  $= 3.76$  and a standard deviation value of  $= 0.99$ , while the interpretive relationship is at a high level. The overall use of vocabulary learning strategies in this study was at a moderate level due to obtaining a mean value of  $= 3.59$  and a standard deviation value of  $1.05$ . To explain the correlation relationship of the Malay vocabulary learning strategy*

*variable, the results proved that the value of  $r$  obtained was 0.889 and the significant value  $p = 0.000$ . Factors such as gender, age and field of study, the results of the study did not show a significant association with vocabulary mastery due to obtaining a value of  $p = >0.05$ . As a recommendation for further research, a Special Malay Vocabulary Test can be formed in collaboration with various stakeholders such as the Malaysian Examination Council. Therefore, the study of Malay vocabulary should be continued and intensified for the future survival and internationalization of the Malay language.*

Universiti Malaysia

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kasih sayang-Nya yang tidak terhingga telah memberi kekuatan, kesabaran dan kesungguhan kepada saya untuk menyiapkan tesis bagi menyempurnakan pengijazahan Ijazah Sarjana Kedoktoran di Universiti Malaya. Selawat dan salam juga kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. yang merupakan contoh teladan yang baik bagi umat manusia.

Ucapan kasih dan rindu yang tidak terhingga kepada adinda tersayang Puan Erina Faizati binti Kadri yang memberi pelbagai bantuan, sokongan, dorongan dan mahabbah serta menjadi peneman pada kala suka dan duka sepanjang menyiapkan tesis ini. Kata-kata semangat yang dilontarkan sentiasa menjadi pegangan kepada saya untuk terus berusaha hingga berjaya. Begitu juga kepada anakanda Muhammad Irfan Fariez, terima kasih kerana memahami kekangan masa dan tenaga ayahanda. Semoga adinda dan anakanda sentiasa dirahmati dan diberkati oleh Allah S.W.T.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada kedua-dua bonda dan ayahanda tercinta, iaitu Puan Zainab binti Osman dan Encik Jamain bin Atan kerana memberi kata-kata semangat dan galakan, serta tidak dilupakan bonda dan ayahanda mentua Puan Rosnah binti Hussin dan Encik Kadri bin Sarbini. Doa dan restu daripada kalian semua ialah kekuatan buat saya. Buat kakak, abang dan adik-adikku, doa kalian penuh bermakna.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada penyelia-penyelia, iaitu Dr. Akhmad Mansur dan Dr. Rohaidah Haron kerana sudi membimbing, memberi tunjuk ajar, teguran dan cadangan sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Pastinya saya tidak melupakan jasa



bekas penyelia, iaitu Prof. Madya Dr. Muhammad Saiful Haq bin Hussin, pensyarah-pensyarah di Akademi Pengajian Melayu kerana sudi mencurahkan ilmu dan memberi tunjuk ajar tanpa rasa jemu. Semoga segala ilmu yang dicurahkan mendapat keberkatan Allah S.W.T.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada teman-teman seperjuangan yang gigih tanpa jemu berkongsi idea dan buah fikiran untuk sama-sama berjaya. Hasil usaha yang gigih pasti akan membawa kejayaan. Akhir kata, saya berharap dan berdoa ke hadrat Allah S.W.T. agar segala ilmu dan usaha yang dilakukan ini diberkati oleh-Nya.

Norfaizal bin Jamain  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

# ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b> .....	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>vi</b>
<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>viii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	<b>x</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>xvi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>xix</b>
<b>SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL</b> .....	<b>xx</b>
<b>SENARAI ISTILAH</b> .....	<b>xxi</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	<b>xxii</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	4
1.2.1 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua .....	5
1.3 Permasalahan Kajian .....	6
1.4 Persoalan Kajian .....	12
1.5 Objektif Kajian .....	12
1.6 Bidang Kajian .....	12
1.7 Skop Kajian .....	14
1.8 Kepentingan Kajian .....	17
1.8.1 Pelajar Bahasa Kedua .....	18
1.8.2 Pengajar Bahasa Kedua / Guru Bahasa .....	19
1.8.3 Institusi Pendidikan .....	22
1.8.4 Pengkaji Bahasa Kedua .....	24
1.9 Konsep Operasional .....	25

1.9.1	Kosa Kata .....	25
1.9.2	Saiz Kosa Kata.....	29
1.9.3	Penguasaan Kosa Kata.....	30
1.9.4	Pembelajaran Kosa Kata.....	33
1.9.5	Pelajar Antarabangsa .....	35
1.10	Kesimpulan .....	37
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN .....</b>		<b>38</b>
2.1	Pendahuluan.....	38
2.2	Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Kedua.....	38
2.3	Aspek Saiz Kosa Kata Bahasa Kedua.....	45
2.3.1	Kosa Kata Berasaskan Frekuensi.....	46
2.3.2	Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua.....	52
2.4	Strategi Pembelajaran Bahasa.....	59
2.4.1	Pembelajaran Bahasa Melayu.....	60
2.4.2	Pembelajaran Bahasa Kedua.....	65
2.5	Perbezaan Pelajar Mempelajari Kosa Kata.....	73
2.5.1	Jantina dan Penguasaan Kosa Kata.....	73
2.5.2	Umur dan Penguasaan Kosa Kata.....	78
2.5.3	Bidang Pengajian Pelajar.....	83
2.6	Kesimpulan .....	87
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN .....</b>		<b>90</b>
3.1	Pendahuluan.....	90
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	90
3.2.1	Kaedah Kepustakaan .....	91
3.2.2	Kaedah Kajian Lapangan.....	92
3.3	Teori Kajian .....	94
3.3.1	Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994).....	94

3.3.1.1	Perbezaan Individu (Pelajar) .....	95
3.3.1.2	Strategi Pembelajaran Kosakata .....	96
3.3.1.3	Hasil Pembelajaran Bahasa .....	97
3.3.2	Strategi Pembelajaran Kosakata Schmitt (1997) .....	98
3.3.2.1	Strategi Penentuan .....	100
3.3.2.2	Strategi Sosial .....	101
3.3.2.3	Strategi Memori .....	102
3.3.2.4	Strategi Kognitif .....	102
3.3.2.5	Strategi Metakognitif .....	103
3.4	Kerangka Teori .....	105
3.5	Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian .....	106
3.5.1	Lokasi Kajian .....	106
3.5.2	Populasi Kajian .....	108
3.5.3	Sampel Kajian .....	113
3.6	Instrumen Kajian .....	115
3.6.1	Ujian Kosakata Bahasa Melayu .....	115
3.6.2	Borang Soal Selidik .....	116
3.6.2.1	Maklumat Demografi .....	117
3.6.2.2	Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Melayu .....	117
3.6.3	Kesahan Instrumen Kajian .....	119
3.6.4	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian .....	122
3.7	Prosedur Kajian .....	123
3.7.1	Kebenaran Menjalankan Kajian .....	124
3.7.2	Kutipan Data - Platform SPeCTRUM V3 .....	125
3.7.3	Kajian Rintis .....	126
3.7.3.1	Kesahan Kajian .....	128
3.7.3.2	Kebolehpercayaan Kajian .....	129
3.7.4	Kajian Sebenar .....	130

3.7.4.1	Ujian Pra.....	131
3.7.4.2	Ujian Pasca.....	132
3.7.4.3	Pengedaran Borang Soal Selidik.....	133
3.8	Pemerolehan Data.....	134
3.9	Penganalisan Data.....	135
3.9.1	Ujian -T.....	136
3.9.2	Interpretasi skor min.....	138
3.9.3	Korelasi Pearson.....	138
3.9.4	Analisis Regresi (regresi berganda).....	139
3.10	Kerangka Konseptual.....	142
3.11	Kesimpulan.....	143
<b>BAB 4</b>	<b>SAIZ KOSA KATA BAHASA MELAYU.....</b>	<b>144</b>
4.1	Pendahuluan.....	144
4.2	Ujian Pra Subjek Kajian.....	144
4.3	Ujian Pasca Subjek Kajian.....	146
4.4	Perbezaan Skor Subjek Kajian.....	149
4.5	Saiz Kosa Kata Subjek Kajian.....	150
4.6	Penguasaan Kosa Kata Subjek Kajian.....	153
4.7	Hubungan Korelasi Tahap Kosa Kata.....	154
4.8	Kesimpulan.....	157
<b>BAB 5</b>	<b>STRATEGI PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA MELAYU .....</b>	<b>159</b>
5.1	Pendahuluan.....	159
5.2	Demografi Subjek Kajian.....	159
5.3	Analisis Strategi Penemuan.....	165
5.3.1	Strategi Penentuan.....	165
5.3.2	Strategi Sosial (penemuan).....	169
5.4	Analisis Strategi Pengukuhan.....	172

5.4.1	Strategi Memori .....	172
5.4.2	Strategi Sosial (pengukuhan).....	176
5.4.3	Strategi Kognitif .....	179
5.4.4	Strategi Metakognitif.....	183
5.4.5	Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata.....	186
5.4.6	Penggunaan Strategi yang Tinggi Diamalkan .....	188
5.4.7	Penggunaan Strategi yang Kurang Diamalkan .....	194
5.5	Frekuensi Tahap Penggunaan Strategi Subjek Kajian.....	201
5.6	Hubungan Korelasi Strategi Pembelajaran .....	203
5.7	Hubungan Korelasi Strategi Pembelajaran dengan Penguasaan Kosa Kata...	207
5.8	Kesimpulan .....	209
 <b>BAB 6 FAKTOR PERBEZAAN PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA MELAYU.....</b>		<b>211</b>
6.1	Pendahuluan.....	211
6.2	Perbezaan Penguasaan Kosa Kata Berdasarkan Jantina Pelajar .....	211
6.3	Perbezaan Penguasaan Kosa Kata Berdasarkan Umur Pelajar .....	218
6.4	Perbezaan Penguasaan Kosa Kata Berdasarkan Bidang Pengajian Pelajar....	233
6.5	Gabungan Pemboleh Ubah Faktor Perbezaan Pelajar .....	241
6.6	Analisis Faktor Perbezaan Pelajar dan Strategi Pembelajaran Kosa Kata.....	243
6.7	Kesimpulan .....	246
 <b>BAB 7 RUMUSAN DAN CADANGAN .....</b>		<b>248</b>
7.1	Pendahuluan.....	248
7.2	Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu .....	248
7.2.1	Saiz Kosa Kata Bahasa Melayu.....	249
7.2.2	Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Melayu.....	252
7.2.3	Faktor Perbezaan Pelajar .....	254
7.2.3.1	Faktor Jantina .....	254
7.2.3.2	Faktor Umur .....	256

7.2.3.3	Faktor Bidang Pengajian .....	258
7.3	Psikolinguistik Dalam Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu .....	260
7.4	Cadangan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Melayu.....	262
7.4.1	Mencari Maklumat Kosa Kata Baharu di Internet.....	263
7.4.2	Mengulang kaji Semula Pelajaran Bahasa Melayu .....	265
7.4.3	Menggunakan Kamus Dwibahasa (Bahasa Melayu – Bahasa Inggeris) 267	
7.4.4	Menghubung kait Gambar dengan Makna Kosa Kata Baharu .....	269
7.5	Perancangan Pembangunan Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu.....	272
7.5.1	Ujian Khas Kosa Kata Bahasa Melayu.....	272
7.5.2	Pembelajaran Berpusatkan Pelajar .....	274
7.5.2.1	Penilaian Kendiri Kosa Kata Bahasa Melayu .....	275
7.5.3	Pembelajaran Bahasa Melayu Menggunakan Multimedia .....	276
7.6	Peranan Pihak-Pihak Berkepentingan.....	277
7.6.1	Kementerian Pengajian Tinggi .....	278
7.6.2	Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta .....	279
7.6.3	Guru Bahasa Melayu .....	281
7.6.4	Pelajar yang Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua ..	284
7.7	Cadangan Kajian Lanjutan.....	285
7.8	Kesimpulan .....	286
	<b>RUJUKAN .....</b>	<b>288</b>
	<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>317</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Perbezaan maksud kosa kata .....	3
Jadual 1.2: Keputusan pencapaian kursus Bahasa Malaysia Asas.....	7
Jadual 1.3: Statistik pelajar antarabangsa di Universiti Malaya .....	16
Jadual 1.4: Jadual pengajaran bersemuka .....	17
Jadual 1.5: Pembentukan kosa kata.....	26
Jadual 1.6: Liputan saiz kosa kata berdasarkan korpus Brown.....	30
Jadual 1.7: Bilangan pelajar antarabangsa berdasarkan negara pada tahun 2020 dan 2021 .....	36
Jadual 3.1: Ringkasan strategi pembelajaran kosa kata Schmitt (1997) .....	104
Jadual 3.2: Bilangan pelajar antarabangsa di 7 buah Universiti Awam di Malaysia....	109
Jadual 3.3: Perbandingan jumlah enrolmen pelajar antarabangsa bagi tahun 2019 dan 2020.....	110
Jadual 3.4: Jumlah pelajar ijazah tinggi.....	111
Jadual 3.5: Jumlah pelajar antarabangsa ijazah tinggi semester 1 sesi 2021/2022 .....	113
Jadual 3.6: Pecahan bilangan item strategi pembelajaran kosa kata.....	118
Jadual 3.7: Skala likert borang soal selidik.....	118
Jadual 3.8: Kesahan instrumen kajian.....	120
Jadual 3.9: Kesahan dan cadangan pakar rujuk instrumen .....	121
Jadual 3.10: Klasifikasi indeks kebolehpercayaan instrumen.....	122
Jadual 3.11: Indeks tahap kesukaran dan pengkelasan item .....	129
Jadual 3.12: Kebolehpercayaan kajian rintis.....	130
Jadual 3.13: Tempoh masa menjalankan ujian .....	131
Jadual 3.14: Interpretasi skor min soal selidik.....	138
Jadual 3.15: Hubungan korelasi antara pemboleh ubah.....	139
Jadual 3.16: Analisis data .....	141



Jadual 4.1: Skor ujian pra subjek kajian .....	146
Jadual 4.2: Skor ujian pasca subjek kajian.....	147
Jadual 4.3: Perbezaan skor min kosa kata subjek kajian.....	150
Jadual 4.4: Saiz kosa kata subjek kajian .....	152
Jadual 4.5: Bilangan subjek kajian yang menguasai kosa kata mengikut item.....	154
Jadual 4.6: Hubungan korelasi kosa kata subjek kajian.....	155
Jadual 5.1: Maklumat item demografi .....	162
Jadual 5.2: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi penentuan .....	168
Jadual 5.3: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi sosial (penemuan).....	171
Jadual 5.4: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi memori .....	175
Jadual 5.5: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi sosial (pengukuhan) ....	178
Jadual 5.6: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi kognitif .....	182
Jadual 5.7: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi metakognitif .....	185
Jadual 5.8: Statistik penggunaan strategi pembelajaran kosa kata.....	187
Jadual 5.9: Item strategi yang tinggi diamalkan .....	194
Jadual 5.10: Item strategi yang kurang diamalkan.....	200
Jadual 5.11: Frekuensi tahap penggunaan strategi.....	202
Jadual 5.12: Hubungan antara strategi penemuan dengan penguasaan kosa kata .....	204
Jadual 5.13: Hubungan antara strategi pengukuhan dengan penguasaan kosa kata ....	205
Jadual 5.14: Korelasi keseluruhan strategi pembelajaran dengan penguasaan kosa kata .....	208
Jadual 5.15: Analisis varian strategi pembelajaran.....	209
Jadual 6.1: Perbezaan skor mengikut jantina pelajar .....	212
Jadual 6.2: Pengaruh jantina terhadap penguasaan kosa kata.....	213
Jadual 6.3: Strategi pembelajaran mengikut jantina pelajar .....	215
Jadual 6.4: Skor ujian penilaian kosa kata mengikut kategori umur subjek kajian .....	219
Jadual 6.5: Perbandingan berganda kategori umur pelajar .....	220
Jadual 6.6: Pengaruh umur terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu .....	221
Jadual 6.7: Strategi pembelajaran kategori umur 21 tahun hingga 30 tahun .....	222
Jadual 6.8: Strategi pembelajaran kategori umur 31 tahun hingga 40 tahun .....	226
Jadual 6.9: Strategi pembelajaran kategori umur 41 tahun hingga 50 tahun .....	228
Jadual 6.10: Strategi pembelajaran kategori umur 51 tahun hingga 60 tahun .....	230

Jadual 6.11: Analisis keseluruhan strategi pembelajaran kosa kata mengikut kategori umur pelajar .....	232
Jadual 6.12: Perbezaan skor mengikut bidang pengajian pelajar.....	235
Jadual 6.13: Pengaruh bidang pengajian terhadap penguasaan kosa kata .....	235
Jadual 6.14: Strategi pembelajaran mengikut bidang pengajian pelajar .....	237
Jadual 6.15: Analisis varian faktor perbezaan pelajar.....	242
Jadual 6.16: Analisis regresi berganda faktor perbezaan pelajar .....	243
Jadual 6.17: Analisis Varian pemboleh ubah bebas.....	244
Jadual 6.18: Analisis berganda pengaruh pemboleh ubah .....	245

Universiti Malaya

## SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Keputusan pencapaian kursus Bahasa Malaysia Asas.....	8
Rajah 3.1: Reka bentuk kajian .....	93
Rajah 3.2: Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994).....	97
Rajah 3.3: Strategi Pembelajaran Kosa Kata Schmitt (1997).....	99
Rajah 3.4: Kerangka teori digabungkan daripada Ellis (1994) dan Schmitt (1997).....	105
Rajah 3.5: Instrumen kajian .....	119
Rajah 3.6: Prosedur kajian .....	124
Rajah 4.1: Skor min ujian pra subjek kajian .....	146
Rajah 4.2: Skor min ujian pasca subjek kajian .....	148
Rajah 4.3: Skor min kosa kata subjek kajian .....	150
Rajah 4.4: Saiz kosa kata subjek kajian .....	152
Rajah 6.1: Penggunaan item strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu mengikut jantina pelajar .....	218
Rajah 6.2: Penggunaan item strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu mengikut umur pelajar .....	233
Rajah 6.3: Penggunaan item strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu mengikut bidang pengajian pelajar .....	241
Rajah 7.1: Cadangan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Melayu .....	272

## SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

CBBMK	:	Cara Belajar Bahasa Melayu Komunikasi
Covid-19	:	<i>Coronavirus disease 2019</i>
FBL	:	Fakulti Bahasa dan Linguistik
GAPENA	:	Gabungan Penulis Nasional
IPTA	:	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	:	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
M	:	Min
MQA	:	<i>Malaysian Qualifications Agency</i>
N	:	Bilangan sampel kajian
NGO	:	Pertubuhan Bukan Kerajaan
OECD	:	<i>Organization for Economic Co-Operation and Development</i>
p	:	Signifikan
QS	:	<i>Quacquarelli Symonds</i>
r	:	Korelasi
R <sup>2</sup>	:	Regresi
S	:	Subjek kajian
SP	:	Sisihan piawai
SPSS	:	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
UM	:	Universiti Malaya
VLT	:	<i>Vocabulary Levels Test</i>

## SENARAI ISTILAH

- Fonologi : Kajian tentang bunyi sebutan dalam sesuatu bahasa.
- Grafik : Maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol untuk menyatakan atau menyampaikan idea.
- Inferensi : Kaedah statistik kuantitatif yang digunakan untuk menginterpretasi data dan membuat kesimpulan.
- Ortografi : Ejaan yang betul atau standard.
- Refleksi : Bayangan atau gambaran.

Universiti Malaya

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Buku rujukan – Efektif Bahasa Melayu Asas .....	317
Lampiran 2: Maklumat Kursus Bahasa Malaysia Asas .....	318
Lampiran 3: Peta Universiti Malaya di Kuala Lumpur.....	320
Lampiran 4: Lokasi Fakulti Bahasa dan Linguistik .....	323
Lampiran 5: Kedudukan Kelas Bahasa Malaysia .....	324
Lampiran 6: Syarat Pengijazahan .....	326
Lampiran 7: Ujian Kosa Kata Bahasa Melayu .....	327
Lampiran 8: Borang Soal Selidik.....	334
Lampiran 9: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian.....	345
Lampiran 10: Paparan Spectrum.....	347
Lampiran 11: Paparan Visual Ujian Kosa Kata dan Borang Soal Selidik.....	348
Lampiran 12: Skor Markah Ujian Kosa Kata .....	352
Lampiran 13: Kalendar Akademik Ijazah Tinggi Sesi 2021/2022 .....	356

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Penguasaan bahasa merupakan kemampuan serta kebolehan pelajar menggunakan bahasa dengan cekap dan efisien ketika berkomunikasi. Kebolehan berkomunikasi dengan baik menunjukkan keupayaan pelajar menggunakan bahasa yang dipelajari agar pendengar memahami kandungan yang disampaikan. Selain itu, penguasaan bahasa juga dikaitkan dengan kemampuan pelajar menggunakan kosa kata yang dimiliki dengan sebaik mungkin. Hal ini merujuk kepada penggunaan kosa kata di tempat yang sesuai dan betul ketika bertutur (Zyzik, 2011). Perkara ini boleh berlaku untuk penggunaan kosa kata bahasa pertama mahupun bahasa kedua. Penguasaan bahasa membolehkan penutur berkomunikasi dengan lebih baik walaupun mempunyai latar belakang budaya, umur, negara dan pendidikan yang berbeza. Keupayaan untuk berkomunikasi dalam bahasa dapat membantu merapatkan jurang antara individu yang tidak berkongsi bahasa ibunda yang sama (Ahmad Azman Mokhtar et al., 2010). Luque dan Morgan (2021) juga menjelaskan bahawa penguasaan bahasa oleh pelajar dipengaruhi oleh faktor kognitif yang membantu kepada kelancaran ketika bertutur.

Penguasaan bahasa kedua memainkan peranan yang sangat penting sebagai satu daripada cara komunikasi untuk menyampaikan bentuk dan makna. Input bahasa yang diperoleh membolehkan pelajar memahami makna teks dan pengajaran bahasa (Cummins, 1998). Schmitt (1997) mengatakan bahawa pelajar yang menguasai bahasa kedua mempunyai kelebihan untuk memahami, membaca, bertutur dan menulis. Pelajar juga berkeupayaan untuk berkomunikasi dan meluahkan kehendak secara lancar dan berkesan. Darasawang dan Reinders (2021) menyatakan bahawa keyakinan yang terdapat

dalam diri pelajar membolehkannya menyampaikan idea dan pandangan kepada orang sekeliling dan menambah pengalaman komunikasi. Hal ini bergantung pada cara pemerolehan bahasa kedua.

Sementara itu, pemerolehan bahasa kedua berbeza dengan pemerolehan bahasa pertama. Hal ini kerana, bahasa pertama diperoleh secara tidak sedar yang muncul melalui Tatabahasa Sejagat atau *Universal Grammar* yang berlaku di dalam minda (Chomsky, 2002). Berbeza dengan bahasa pertama, bahasa kedua diperoleh untuk tujuan tertentu selepas bahasa ibunda penutur (Ellis, 1997). Selain itu, bahasa kedua juga boleh diperoleh melalui proses pembelajaran, sama ada pembelajaran yang menekankan latihan tubi, melakukan banyak latihan dan pengulangan yang boleh membentuk satu tabiat kekal (Lantolf, 2000). Seterusnya Zulkifley Hamid (2006) berpendapat bahawa rangsangan, dorongan dan sikap positif serta motivasi yang tinggi boleh membantu kepada pemerolehan bahasa kedua.

Pemerolehan bahasa kedua terutamanya bahasa Melayu memerlukan tempoh masa yang tertentu untuk melengkapkan proses penguasaan bahasa. Zulkifley Hamid (2006) menyatakan bahawa seseorang pelajar yang memperoleh bahasa kedua memerlukan masa untuk menguasai rumus tatabahasa. Antara rumus tatabahasa ini adalah dengan melibatkan pengetahuan penggunaan kosa kata untuk menghasilkan output bahasa. Setelah pelajar menguasai kosa kata seperti melibatkan cara sebutan dan makna, maka komunikasi menjadi lebih mudah untuk difahami. Perkara ini bertepatan dengan pandangan Ellis (1997) yang berpendapat bahawa pemerolehan bahasa kedua yang baik adalah dengan menguasai kosa kata yang dituturkan. Kosa kata ini tidak hanya diperoleh secara sedar sahaja, tetapi boleh juga diperoleh secara tidak sedar melalui input semasa berkomunikasi (Ellis, 1997). Oleh itu, satu daripada aspek penting dalam pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua adalah dengan penguasaan kosa kata.



Selain itu, pembelajaran bahasa kedua tanpa pengajaran secara formal memerlukan tempoh masa yang panjang khususnya pemahaman dari aspek tatabahasa (Mitchell, 1996). Kosa kata yang dipelajari secara tidak formal mempunyai pemahaman yang berbeza daripada maksud sebenar kosa kata sekiranya tidak mendapat penjelasan yang betul daripada guru (Y. Zhang et al., 2018). Hal ini kerana terdapat kosa kata yang mempunyai sebutan yang sama tetapi mendukung maksud yang berbeza seperti kosa kata daki yang diterangkan dalam jadual 1.1.

**Jadual 1.1: Perbezaan maksud kosa kata**

<b>Kosa kata</b>	
daki (1)	daki (2)
<b>Penggolongan kata</b>	
Kata kerja (KK)	Kata nama (KN)
<b>Maksud</b>	
Memanjat tempat yang tinggi.	Kotoran yang melekat pada badan manusia.

Sementara itu, pembelajaran kosa kata bahasa kedua telah berkembang dengan adanya teori pengajaran dan teori pemerolehan bahasa yang telah dipelopori oleh beberapa orang sarjana. Perkara yang menjadi perhatian dan penelitian para sarjana seperti Ellis (2006), Schmitt (1997), Nation dan Webb (2011), iaitu berkaitan kosa kata sama ada pemerolehan kosa kata bahasa kedua atau pembelajaran kosa kata bahasa kedua. Kajian berkaitan kosa kata telah menarik minat para penyelidik untuk mengenal pasti kaedah yang sesuai dan berkesan dalam meningkatkan pembelajaran bahasa kedua agar menjadi mudah, menyeluruh dan cepat termasuklah bahasa Melayu.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian berkaitan pembelajaran dan penguasaan bahasa kedua banyak dilakukan oleh sarjana dari pelbagai pusat pengajian di seluruh dunia. Pelbagai usaha untuk mewujudkan taksonomi pembelajaran bahasa dilakukan dengan memperkenalkan teori, model, pendekatan dan strategi pembelajaran untuk diguna dan diaplikasikan oleh para pengkaji. Selain itu, para sarjana berusaha mencari hubungan antara penggunaan strategi dan kosa kata untuk mengenal pasti strategi yang paling berkesan semasa mempelajari dan memahami bahasa kedua sehingga berjaya.

Pada awalnya, kajian penguasaan bahasa kedua telah dimulakan oleh Porte (1988), iaitu sarjana yang menyelidik tentang pelajar untuk menguasai bahasa kedua dengan menerapkan strategi pembelajaran kosa kata. Seterusnya kajian terhadap penguasaan kosa kata dan strategi pembelajaran bahasa telah membawa perubahan besar kepada perspektif pemikiran dalam proses pembelajaran bahasa. O'malley et al. (1990) berpendapat, pendekatan dan teknik yang bersifat bukan kognitif telah menyumbang kepada proses pembelajaran bahasa kedua. Oxford (1990) pula telah meneliti usaha pelajar untuk membuat pembelajaran menjadi lebih mudah, cepat dan berpusatkan kepada pelajar. Oxford (1990) menyatakan bahawa strategi pembelajaran yang boleh digunakan oleh pelajar terdiri daripada dua jenis yang utama, iaitu strategi secara langsung dan strategi secara tidak langsung.

Selain itu Kissau (2006) telah mengkategorikan strategi pembelajaran kosa kata kepada dua kumpulan, iaitu strategi makro dan strategi mikro. Strategi makro merujuk kepada cara dan kaedah pelajar dengan melakukan penghafalan, latihan dan pengambilan nota dengan menggunakan sumber yang berbeza seperti kamus dan carian di Internet. Seterusnya strategi mikro pula merujuk kepada usaha pelajar yang merangkumi tingkah laku khusus seperti pembelajaran secara latih tubi.

Penguasaan kosa kata adalah faktor utama yang menyumbang kepada komunikasi yang berkesan (Nyikos & Fan, 2007). Kosa kata yang tidak mencukupi akan mengakibatkan pelajar tidak memahami struktur serta fungsi bahasa, seterusnya pelajar tidak berminat untuk meneruskan pembelajaran bahasa pada masa akan datang (G. Kartal & Sarigul, 2017). Beberapa kajian lain dalam pelbagai bahasa menunjukkan bahawa kekurangan kosa kata boleh merencatkan pemahaman bahasa dan komunikasi menjadi terhalang (Benjamin & Felicia, 1995). Pelajar perlu mempelajari ribuan kosa kata, konotasi, kolokasi, ejaan, pengucapan dan penggunaan tatabahasa untuk menjadi mahir dalam bahasa kedua (Nation, 2004).

### **1.2.1 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua**

Di Malaysia, kajian berkaitan bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji seperti Asyraf et al. (2022), Nurul Ain Ahmad dan Rohaidah Kamarudin (2019) serta Jasah Jumayza Ahmad et al. (2020). Perkembangan kajian berkaitan bahasa Melayu telah dilakukan dalam pelbagai bidang dan subbidang kajian seperti fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, pragmatik, terjemahan dan banyak lagi. Semenjak bahasa Melayu mula tersebar ke seluruh pelosok dunia, kajian yang dijalankan bukan hanya tertumpu kepada yang mempelajari bahasa Melayu di Malaysia sahaja, malah kajian tersebut dilakukan terhadap pelajar tempatan yang mempelajari bahasa Melayu di negara asal seperti Universiti Hanguk, Korea; Universiti Konstanz, Jerman; Universiti Songkla, Thailand; dan Universiti Bahasa-Bahasa Asing, Beijing China.

Seterusnya, kajian bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa pula meliputi pelbagai bidang dan aspek seperti penggunaan strategi dan gaya pembelajaran bahasa Melayu seperti kajian oleh Roshidah Hassan (2017) dan Li Yan et al. (2022). Kajian berkaitan pembelajaran bahasa Melayu dan multimedia oleh Mardian Shah Omar dan

Mashrom Muda (2019) serta Juwairiah Osman dan Mardian Shah Omar (2021). Kajian berkaitan aspek kemahiran berbahasa pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu oleh Mazlina Ahmad et al. (2018) dan Jasah Jumayza Ahmad et al. (2020). Kajian faktor ekstra linguistik yang boleh mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu oleh Ezzah' Afifah Nasrudin dan Rohaida Kamaruddin (2020). Kajian-kajian berkaitan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua lebih menjurus kepada cara pembelajaran pelajar antarabangsa dalam memahami dan menguasai bahasa Melayu. Namun, kajian-kajian yang telah dijalankan kurang menekankan aspek berkaitan kosa kata bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa.

Tambahan pula, dalam bahasa Melayu, terdapat kosa kata yang mempunyai dua makna yang berbeza dalam satu sebutan yang sama. Perkara seperti ini sukar untuk dibezakan oleh pelajar antarabangsa sekiranya tidak mendapat penerangan daripada guru (Asmah Haji Omar, 2015). Selain itu, pelajar antarabangsa mempunyai masalah menyebut abjad, suku kata, kosa kata, frasa dan memahami ayat bahasa Melayu (Alice Alim, 2015). Jasah Jumayza Ahmad et al. (2020) menjelaskan bahawa, pelajar sukar untuk menuturkan bunyi vokal dan diftong terutama daripada negara Timur Tengah kerana faktor artikulasi. Hal ini menyebabkan pelajar gagal untuk memahami makna kosa kata yang dipelajari serta tidak boleh menuturkan kosa kata tersebut dengan jelas dan betul. Pelajar daripada negara ini memerlukan latihan yang lebih intensif untuk melancarkan sebutan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, adalah penting bagi kajian ini meneliti faktor perkaitan kosa kata bahasa Melayu yang boleh menyumbang kepada penguasaan bahasa Melayu pelajar antarabangsa.


### **1.3 Permasalahan Kajian**

Berdasarkan kajian lepas oleh Nursyafina Mohd Sabri (2018), Nurul Ain Alizuddin dan Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif (2021) dan Savitry Chelliah dan Norasmah Hj Othman,

(2022), perlunya kajian yang mendalam berkaitan kosa kata bahasa Melayu bagi memberi penyelesaian kepada permasalahan yang ditimbulkan. Permasalahan yang pertama adalah berkaitan tahap pencapaian kursus bahasa Melayu pelajar antarabangsa. Hasil keputusan pencapaian pelajar masih kurang memberangsangkan yang memerlukan kajian lanjutan bagi membantu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu. Hal ini penting supaya pelajar antarabangsa tidak melakukan kesilapan yang sama pada masa akan datang dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian bahasa Melayu. Perkara ini merujuk kepada hasil pencapaian kursus Bahasa Malaysia Asas pelajar ijazah tinggi di Universiti Malaya untuk lima sesi akademik terakhir. Berdasarkan data statistik yang diperoleh dari Pejabat Ijazah Tinggi Fakulti Bahasa dan Linguistik, sebanyak 4.57 peratus pelajar gagal pada sesi 2017/2018 dan pada sesi 2018/2019 ialah 6.79 peratus. Seterusnya pada sesi 2019/2020, jumlah pelajar yang gagal kursus Bahasa Malaysia Asas menunjukkan penurunan, iaitu sebanyak 3.02 peratus sahaja. Namun begitu, pada sesi 2020/2021 dan 2021/2022 peratus pelajar gagal menunjukkan peningkatan daripada 3.82 peratus kepada 8.84 peratus. Hal ini membuktikan bahawa, masih terdapat pelajar yang gagal menguasai bahasa Melayu dengan baik malah semakin ramai pelajar gagal untuk tiga sesi akademik yang terakhir.

**Jadual 1.2: Keputusan pencapaian kursus Bahasa Malaysia Asas**

Sesi	Lulus	Peratus (%)	Gagal	Peratus (%)	Jumlah
2017/2018	418	95.43	20	4.57	438
2018/2019	549	93.21	40	6.79	589
2019/2020	611	96.98	19	3.02	630
2020/2021	957	96.18	38	3.82	995
2021/2022	1,289	91.16	125	8.84	1,414
<b>Jumlah</b>	<b>3,824</b>		<b>242</b>		<b>4,066</b>



**Rajah 1.1: Keputusan pencapaian kursus Bahasa Malaysia Asas**

Sementara itu, permasalahan yang sama juga berkaitan tahap pencapaian kursus bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal ini merujuk kepada hasil kajian oleh Nursyafina Mohd Sabri (2018) yang mendapati pelajar Thailand yang memperoleh gred A masih rendah, iaitu seramai 40.00 peratus sahaja jika dibandingkan dengan pelajar yang memperoleh gred B dan C, iaitu 47.00 peratus dan 13.00 peratus. Selain itu, kajian oleh Nurul Ain Alizuddin dan Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif (2021) mendapati pelajar antarabangsa kerap melakukan kesalahan daripada segi morfologi dan sintaksis seperti penggunaan kosa kata yang tidak tepat, iaitu sebanyak 29.10 peratus dan kesalahan penggunaan kata hubung sebanyak 18.50 peratus. Terdapat kesalahan penggunaan imbuhan, iaitu sebanyak 16.40 peratus, kesalahan penggunaan kata sendi nama sebanyak 12.40 peratus, kesalahan kata ganti nama diri sebanyak 7.60 peratus dan kesalahan kata ganda sebanyak 5.50 peratus. Kajian tersebut turut mendedahkan bahawa pelajar banyak menggunakan kaedah terjemahan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu bermula dari minggu pertama hingga minggu keempat belas. Hal ini menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai sepenuhnya kemahiran bahasa Melayu kerana lebih bergantung kepada penggunaan kamus.

Permasalahan yang kedua, iaitu kurangnya kajian berkaitan penguasaan kosa kata bahasa Melayu berbanding kajian berkaitan kosa kata bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Kajian yang dijalankan adalah terhadap pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Oleh yang demikian, kajian berkaitan kosa kata bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa adalah kurang dan terhad. Terdapat kajian kosa kata bahasa Arab yang telah dilakukan oleh Irma Martiny Md Yasim et al. (2017), Zaini et al. (2021), Nuraznan Jaafar et al. (2019), Nur Naimah Akmar Kamaruddin dan Harun Baharudin (2017) serta Asmuni Zumrah et al. (2020). Kajian kosa kata bahasa Arab mendapati bahawa jumlah kecukupan kosa kata boleh memberi kesan yang baik kepada pelajar dalam jangka masa panjang. Selain itu, terdapat pengkaji yang menjalankan kajian kosa kata bahasa Inggeris seperti Asgari dan Ghazali Mustapha (2012), Nadya Supian dan Mohd-Asraf (2019) dan Aizan Yaacob et al. (2019). Kajian-kajian tersebut juga mendapati kosa kata memainkan peranan penting terhadap pemahaman pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (*English for Second Language*). Oleh itu, terdapat kelompangan kajian, iaitu dengan meneliti penguasaan kosa kata bahasa Melayu terutamanya terhadap pelajar antarabangsa.

Permasalahan yang ketiga ialah kajian yang telah dilakukan lebih tertumpu kepada aspek penguasaan kemahiran bahasa Melayu berbanding kosa kata. Kajian oleh Zeckqualine Melai dan Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin (2020) yang melihat kesalahan tataahasa dalam aspek kemahiran penulisan. Selain itu kajian oleh Jasah Jumayza Ahmad et al. (2020) yang mengkaji aspek kemahiran sebutan bunyi diftong dan vokal yang menyebabkan pelajar sukar untuk menuturkan kosa kata dengan jelas dan terang. Seterusnya kajian Mazlina Ahmad et al. (2018) yang hanya memfokuskan kepada kemahiran pertuturan pelajar antarabangsa dalam pengajaran dan pembelajaran daripada pengalaman guru yang mengajarkan bahasa Melayu di Universiti Malaysia Terengganu.

Kajian berdasarkan kemahiran bahasa Melayu tidak kurang pentingnya terhadap pelajar antarabangsa. Namun, sekiranya kajian tersebut diikuti oleh strategi dan aspek saiz kosa kata dalam pembelajaran bahasa Melayu, maka kajian-kajian tersebut boleh memberi nilai tambah yang lebih bermanfaat pada masa akan datang.

Permasalahan yang keempat adalah banyak kajian yang dilakukan terhadap pelajar tempatan yang bukan penutur natif bahasa Melayu seperti pelajar Cina, pelajar India dan pelajar Bumiputera yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, tetapi kurang kajian yang memfokuskan pelajar antarabangsa. Hasil dapatan kajian tersebut menjelaskan bahawa terdapat kelemahan yang dihadapi oleh pelajar ini semasa mempelajari bahasa Melayu seperti kesalahan sebutan, ejaan dan penggunaan kosa kata bahasa Melayu. Kajian-kajian tersebut telah dilakukan oleh Chew Fong Peng (2016), Mohamad Yazid Mohamad (2017), Nur Fatin Zulkifli (2017), Rozana Jaafar (2020) serta Savitry Chelliah dan Norasmah (2022). Penemuan-penemuan ini boleh diguna pakai dalam aspek pembelajaran bahasa Melayu pelajar antarabangsa memandangkan subjek kajian yang diuji adalah bukan penutur natif bahasa Melayu. Oleh itu, penggunaan metodologi dan instrumen kajian untuk memperoleh data boleh dijadikan sebagai rujukan. Maka terdapat aspek tertentu yang boleh dijadikan panduan dan landasan terhadap kajian ini.

Permasalahan yang kelima adalah kurangnya kajian berkaitan saiz kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di Malaysia. Namun begitu, terdapat kajian oleh Rabiah Tul Adawiyah et al. (2021) yang mengkaji saiz kosa kata dwibahasa kanak-kanak antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Kajian tersebut yang membandingkan saiz kosa kata antara dua bahasa dalam kalangan kanak-kanak yang menuturkan bahasa Melayu. Maka adalah penting bagi



kajian ini bagi mengetahui tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu berdasarkan saiz dan strategi yang diamalkan oleh penutur dewasa dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Masalah penguasaan kosa kata yang dihadapi oleh pelajar terutamanya dalam mempelajari bahasa Melayu telah dibincangkan dan mendapat perhatian oleh para pengkaji sama ada dalam negara atau luar negara. Malah aspek-aspek yang dikaji juga berbeza sama ada kaedah kajian, teori kajian yang dijadikan rujukan dan subjek kajian itu sendiri. Pembelajaran kosa kata didedahkan dengan pelbagai bentuk, sebutan, bunyi, makna dan penggunaan. Setiap kosa kata mempunyai tahap kesukaran yang berbeza bergantung kepada panjang kosa kata yang dituturkan. Dalam sistem bahasa Melayu, terdapat satu suku kata, dua suku kata, tiga suku kata dan seterusnya membentuk kosa kata yang bermakna.

Kajian berkaitan tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar antarabangsa yang masih lemah dan perlu kajian secara empirikal berlandaskan data dan statistik yang lebih terperinci. Pelajar antarabangsa masih lagi melakukan kesalahan yang sama dan tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik walaupun telah selesai melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini membuktikan bahawa perlunya kajian yang lebih mendalam berkaitan kosa kata dan strategi pembelajaran bahasa Melayu di samping faktor-faktor yang boleh membantu pelajar antarabangsa menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik.

Kajian kosa kata tidak hanya tertumpu kepada kajian makna semata-mata, malah kajian boleh diperincikan berkaitan kedalaman kosa kata dan keluasan kosa kata. Justeru penting bagi kajian ini bagi membantu menyelesaikan seboleh mungkin permasalahan yang timbul bagi memberi peluang dan ruang kepada pelajar antarabangsa untuk

mempelajari bahasa Melayu sama ada sebagai syarat pengijazahan atau sebagai kegunaan komunikasi pada masa akan datang.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini akan meneliti tiga persoalan terhadap kajian yang timbul dalam penguasaan kosa kata bahasa Melayu antaranya ialah:

1. Bagaimanakah saiz kosa kata bahasa Melayu boleh mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar antarabangsa?
2. Apakah hubungan korelasi strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa?
3. Apakah faktor-faktor yang mempunyai hubungan signifikan dengan penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi merealisasikan tiga objektif yang telah ditetapkan, iaitu:

1. Menganalisis saiz kosa kata pelajar terhadap tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar antarabangsa.
2. Menghuraikan hubungan korelasi strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa.
3. Menilai faktor-faktor yang mempunyai hubungan signifikan dengan penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa.

#### **1.6 Bidang Kajian**

Kajian ini merangkumi aspek kosa kata bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa di Universiti Malaya (UM). Bidang psikolinguistik ini bertujuan untuk membuat penilaian berdasarkan tahap penguasaan kosa kata melalui ujian kosa kata yang dijalankan dan

dianalisis serta dibentangkan untuk melihat perkaitan antara hubungan pemikiran dan pemahaman pelajar. Menurut Zulkifley Hamid (2006) bidang psikolinguistik terdiri daripada faktor yang berkait antara satu sama lain, iaitu teori, model, praktis dan transformasi psikologi dalam pelbagai situasi penggunaan bahasa. Bidang kajian ini ialah gabungan daripada ilmu linguistik dan psikologi yang dikenali sebagai psikolinguistik. Kedua-dua gabungan ini saling melengkapi untuk membina pengetahuan berbahasa.

Pada peringkat awal pemerolehan bahasa, kosa kata yang dipelajari adalah sangat kompleks dan sukar difahami kerana melibatkan banyak dimensi sama ada pengekalanan memori hasil daripada pembelajaran bahasa, pemahaman makna dan kebolehan sebutan. Perkara ini mempengaruhi pencapaian pelajar dari semasa ke semasa (Caspi, 2010). Selain itu, Fatemeh Ramani dan Najmeh Nasri (2013) berpendapat item tatabahasa terutamanya yang melibatkan kosa kata mempunyai hubungan secara langsung terhadap psikologi pelajar yang boleh mencetuskan tindak balas komunikasi. Kosa kata yang dipilih mengikut kekerapan penggunaan dan daya ingatan jangka pendek dan jangka panjang. Duursma et al. (2007) menyatakan bahawa pembelajaran kosa kata adalah untuk mewujudkan hubungan rapat antara pembelajaran, komunikasi dan persekitaran sosial pelajar yang membantu kepada pengembangan bahasa.

Oleh yang demikian, bidang kajian berkaitan penguasaan kosa kata bahasa Melayu ini membantu proses pembelajaran dengan lebih berkesan untuk memahami konsep dan penggunaan kosa kata tersebut. Bersesuaian dengan kajian yang akan dijalankan terhadap pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di Universiti Malaya.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini mempunyai empat skop kajian. Skop kajian yang pertama dari aspek kosa kata yang merangkumi golongan kosa kata, instrumen ujian kosa kata, tahap kosa kata dan bahan pengajaran yang digunakan dalam pembinaan ujian kosa kata bahasa Melayu. Seterusnya skop kajian yang kedua melibatkan subjek kajian. Skop kajian yang ketiga ialah lokasi kajian dan skop kajian yang keempat ialah tempoh masa pembelajaran bagi menguji penguasaan bahasa Melayu

Kajian ini melibatkan tiga golongan kata yang utama, iaitu kata nama, kata adjektif dan kata kerja. Kerelevanan memilih golongan kata tersebut kerana pembentukan ayat atau ujaran yang bermakna merupakan gabungan daripada satu atau lebih kosa kata untuk menjadi frasa dan seterusnya membentuk ayat (Nik Safiah Karim et al., 2004). Golongan kata ini akan diuji dalam ujian kosa kata bahasa Melayu yang melibatkan pemilihan jawapan. Bagi menentukan tahap kefahaman dan penguasaan pelajar berkaitan kosa kata, maka instrumen ujian kosa kata yang diadaptasi daripada Ujian Tahap Kosa Kata Nation (1990) atau *Vocabulary Levels Test* (VLT) akan diuji kepada subjek kajian. Seterusnya bagi skop tahap kosa kata pula, kajian ini melibatkan tiga tahap, iaitu tahap 1000 kosa kata, tahap 2000 kosa kata dan tahap 3000 kosa kata. Jumlah keseluruhan kosa kata yang diuji adalah sebanyak 54 item berserta 108 pilihan jawapan kosa kata. Kesemua item yang diuji ditentukan menerusi kaedah pensampelan rawak bertujuan daripada senarai kata buku Efektif Bahasa Melayu Asas oleh Mat Zaid Hussein et al. (2017) yang berjumlah 24,360 kosa kata (Lampiran 1).

Bahan pengajaran merupakan bahan yang digunakan oleh pelajar sebagai bahan pembelajaran. Pembinaan soalan ujian kosa kata bahasa Melayu adalah berdasarkan bahan pengajaran yang digunakan oleh guru semasa di dalam kelas, iaitu buku Efektif Bahasa Melayu Asas. Menurut Tomlinson (2011) guru akan berhadapan dengan

kesukaran untuk memilih bahan pengajaran yang sesuai bagi melengkapkan objektif di akhir pembelajaran. Guru perlu membuat penilaian terhadap bahan yang digunakan supaya sesuai dengan masa yang diperuntukkan seperti dalam jadual pengajaran dan pembelajaran. Bahan pengajaran merupakan buku yang dirujuk sebagai panduan dan dimasukkan sebagai rujukan utama yang dinyatakan dalam maklumat kursus, iaitu buku Efektif Bahasa Melayu Asas, Bahasa konsep, fungsi dan Penguasaannya oleh Penutur, Ekspresi Bahasa Malaysia Asas untuk Kemahiran Berbahasa dan Komunikasi serta Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga. Maklumat berkaitan dengan bahan pengajaran dan topik pembelajaran dapat diteliti dalam maklumat kursus (Lampiran 2).

Kajian berbentuk kuantitatif ini akan dijalankan di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Selain itu, dari sudut bilangan subjek kajian pula, seramai 30 orang pelajar akan terlibat bagi mendapatkan data yang empirikal. Subjek kajian tersebut merupakan pelajar antarabangsa berstatus aktif yang mendaftar kursus TXGZ6102 Bahasa Malaysia Asas pada semester satu sesi 2021/2022. Subjek kajian berkenaan merupakan pelajar antarabangsa ijazah tinggi sahaja. Hal ini kerana pelajar ijazah tinggi merupakan pelajar yang paling ramai mendaftar sebagai calon jika hendak dibandingkan dengan pelajar ijazah dasar.

Berdasarkan Laporan Tahunan Universiti Malaya pada tahun 2020, seramai 2,776 (29.50%) orang merupakan pelajar antarabangsa ijazah tinggi berbanding 1,052 (5.49%) orang pelajar ijazah dasar. Seterusnya pada tahun 2019 pula, jumlah pelajar ijazah tinggi seramai 2,666 (26.10%) orang dan 898 (5.46%) orang untuk pelajar ijazah dasar. Terdapat peningkatan seramai 110 orang pelajar.

**Jadual 1.3: Statistik pelajar antarabangsa di Universiti Malaya**

<b>Kategori</b>	<b>2019</b>	<b>Peratus (%)</b>	<b>2020</b>	<b>Peratus (%)</b>	<b>Peningkatan</b>
Ijazah Tinggi	2,666	26.10	2,776	29.50	110
Ijazah Dasar	898	5.46	1,052	5.49	154
<b>Jumlah</b>	<b>3,564</b>		<b>3,828</b>		<b>264</b>

Bagi tahap pengajian pelajar pula, subjek kajian boleh terdiri daripada kursus disertasi secara sepenuh masa, disertasi secara mod campuran dan pelajar yang mengambil pengajian secara kursus sepenuh masa. Dalam kajian ini, tiada penglibatan pelajar antarabangsa peringkat ijazah dasar dan juga tidak melibatkan subjek kajian yang berstatus mengulang kursus Bahasa Malaysia Asas. Hal ini penting memandangkan penguasaan bahasa Melayu yang hendak dinilai adalah berdasarkan tahap pemahaman pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Melayu sahaja.

Bagi skop tempoh masa pembelajaran pula, setiap kelas diperuntukkan masa pembelajaran selama 20 jam sesi pertemuan secara bersemuka, iaitu pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Jumlah keseluruhan pembelajaran kursus Bahasa Malaysia Asas adalah selama 40 jam seminggu melibatkan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan masa pembelajaran sendiri. Sepanjang 20 jam pertemuan tersebut, sepuluh jam seminggu yang dibahagikan kepada tiga hari, iaitu hari Isnin selama empat jam, hari Selasa dua jam dan hari Rabu selama empat jam. Jadual kursus Bahasa Malaysia kumpulan kajian dapat diperhatikan seperti dalam jadual 1.4.

**Jadual 1.4: Jadual pengajaran bersemuka**

<b>Hari</b>	<b>Masa</b>	<b>Jam/hari</b>	<b>Jam/minggu</b>	<b>Tempat pengajaran</b>
Isnin	9.00 pagi – 1.00 tengah hari	4	10	
Selasa	9.00 pagi – 11.00 pagi	2		
Rabu	9.00 pagi – 1.00 tengah hari	4		Dalam talian
Isnin	9.00 pagi – 1.00 tengah hari	4	10	
Selasa	9.00 pagi – 11.00 pagi	2		
Rabu	9.00 pagi – 1.00 tengah hari	4		
<b>Jumlah</b>			<b>20 jam</b>	

### 1.8 Kepentingan Kajian

Elemen asas dalam berbahasa adalah mempunyai kosa kata yang baik untuk menyampaikan makna serta difahami oleh pendengar. Kosa kata yang banyak dan digunakan dengan betul boleh membentuk ayat yang gramatis. Setiap pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa baharu mempunyai tujuan akhir, iaitu boleh berkomunikasi dalam bahasa yang dipelajari. Penguasaan sesuatu bahasa tidak hanya tertumpu kepada kosa kata sahaja, inti pati lain yang perlu dititikberatkan ialah berkaitan makna, pengucapan dan kandungan dalam ayat (Keith S. Folse, 2004).

Nation (1994) menyatakan bahawa terdapat tiga faktor penting dalam penguasaan kosa kata yang membantu dalam pengembangan bahasa. Faktor yang pertama ialah, semakin banyak kosa kata yang diketahui maka semakin banyak perkara yang akan dipelajari. Faktor kedua merangkumi kecekapan penggunaan kosa kata yang boleh membantu pelajar untuk berkomunikasi kepada pendengar. Faktor yang ketiga ialah mengukuh dan mengembangkan bahasa baharu yang dipelajari untuk kegunaan pada

masa akan datang. Pelajar yang mempunyai kosa kata yang banyak akan menguasai kemahiran berbahasa seperti membaca, mendengar, menulis dan bertutur. Kajian ini adalah satu daripada usaha untuk mengetahui tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa. Kepentingan kajian ini dapat dilihat daripada beberapa sudut dan faktor.

### **1.8.1 Pelajar Bahasa Kedua**

Pelajar yang mempunyai saiz kosa kata yang mencukupi dapat menggunakan kosa kata yang diketahui dengan lebih banyak dan boleh mendalami ilmu pengetahuan (Nation, 1994). Saiz kosa kata ini boleh bertambah dengan penggunaan strategi pembelajaran yang betul. Kesan daripada strategi ini, pelajar memperoleh kosa kata bukan sahaja di dalam kelas, tetapi juga di luar kelas. Lebih banyak kosa kata yang dimiliki, maka pelajar berupaya untuk menggunakan kosa kata untuk berkomunikasi. Penguasaan kosa kata sangat penting kepada kehidupan seharian pelajar. Pelajar akan menguasai kosa kata dengan mudah sekiranya menghubungkan kait kosa kata tersebut dengan peristiwa kehidupan seharian (Pinter, 2017). Pelajar mudah mempelajari bahasa jika diajar untuk mengaitkan kosa kata dengan imej yang berada dalam fikiran (Schmitt & Schmitt, 2020).

Sesuatu kosa kata yang mempunyai kaitan dengan perbualan harian menjadikan pelajar lebih berminat untuk mengetahui dan menggunakannya lagi pada masa akan datang. Kosa kata tersebut juga boleh dikembangkan untuk tujuan-tujuan lain yang mempunyai kaitan seperti membeli-belah, hubungan sosial, ekonomi dan perbualan harian bersama keluarga. Hal ini boleh diaplikasikan di dalam kelas, di rumah, bersama rakan kerana memberi kesan yang positif kepada pelajar.



Penguasaan pelajar terhadap kosa kata dapat membantu memahami dengan lebih jelas penggunaan bahasa Melayu. Keupayaan pelajar adalah dengan mencerakinkan ayat-ayat menjadi kosa kata seterusnya menjadikan pemahaman pelajar lebih cepat dan mudah (Achard & Niemeier, 2008). Sekiranya pelajar diperkenalkan dengan ayat-ayat mudah kemudian mengulangi kosa kata dalam ayat lain, pelajar lebih ingat dan faham makna kosa kata tersebut. Selepas itu unsur huruf dan suku kata diperkenalkan kepada pelajar. Pengembangan kosa kata yang baharu memudahkan pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan.

Kosa kata mewakili asas kemahiran paling penting yang diperlukan dalam mempelajari bahasa Melayu. Penguasaan kosa kata menjadi pelopor kepada kemahiran berbahasa yang lain. Pelajar perlu menguasai teknik dan kaedah bagi membantu memahami kosa kata dengan menggunakan memori jangka panjang (Atkinson et al., 1971). Semasa pelajar berkomunikasi, terdapat perkara yang perlu dipertimbangkan semasa bertutur atau menulis untuk menyampaikan maklumat, iaitu dengan menggunakan kosa kata yang betul mengikut konteks. Kadangkala proses komunikasi itu terhenti kerana pelajar menggunakan ungkapan dan kosa kata yang sama (Waring & Nation, 2004). Terdapat pelajar yang melupakan niat untuk bercakap apabila pendengar meneka kosa kata tersebut sebagai tanggapan maksud sebenar yang hendak disampaikan. Masalah utama terjadi kejadian tersebut ialah pelajar kekurangan kosa kata. Maka kekurangan ini boleh diselesaikan dengan menambah saiz kosa kata dengan penggunaan strategi pembelajaran kosa kata.

### **1.8.2 Pengajar Bahasa Kedua / Guru Bahasa**

Dapatan kajian ini membolehkan guru memanfaatkan sepenuhnya hasil kajian yang diperoleh untuk merangka kaedah dan strategi pengajaran berdasarkan keperluan dan kehendak semasa berkaitan bahasa Melayu. Maklumat berkaitan kosa kata boleh diguna

untuk mengenal pasti tahap kemahiran dan kecekapan pelajar. Selain itu, hasil kajian ini nanti membolehkan guru menggunakan laras bahasa dan kosa kata yang sesuai dan membolehkan pelajar untuk menguasai kosa kata, semantik dan sintaksis bahasa Melayu. Konsep pengajaran yang perlu berubah dari berpusatkan guru kepada pembelajaran berpusatkan pelajar. Perkara-perkara ini perlu dipertimbangkan oleh pengkaji kini dan masa akan datang ketika membuat perancangan adalah dengan menyusun, merangka dan menetapkan corak pembelajaran bahasa Melayu yang berpusatkan pelajar. Pelbagai aktiviti dan kemahiran mengajar di dalam kelas lebih kreatif dan diluaskan dengan penggunaan teknologi terkini. Pelajar antarabangsa yang datang ke Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mempunyai pelbagai latar belakang bahasa, budaya dan persekitaran sosioekonomi yang berbeza (Mohamad Yazid Mohamad, 2017). Pelajar tidak mempunyai akses kepada persekitaran bahasa yang baik kecuali semasa kelas pembelajaran di dalam kelas (Pavlenko, 2000).

Persediaan dari segi bahan pengajaran, kaedah dan teknik pengajaran, fizikal dan mental boleh membantu dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan. Seterusnya sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi lancar dan tersusun. Satu daripada faktor kejayaan penguasaan kosa kata pelajar terhadap sesuatu bahasa bergantung kepada pengajar. Para guru perlu mengetahui jenis aktiviti di dalam kelas sehingga dapat menolong pelajar untuk memperoleh kosa kata yang baharu. Menurut Johnson (2008) proses pengajaran boleh membantu pelajar untuk memperoleh pengetahuan atau kemahiran baharu. Kepelbagaian kaedah pengajaran dapat mengelakkan pelajar berasa cepat bosan terutamanya kepada pengajaran yang melibatkan bahasa. Malah pengajaran yang menarik dan kreatif mampu menarik perhatian pelajar untuk lebih fokus. Mengajar kosa kata memerlukan pelbagai medium pengajaran sama ada menggunakan teknologi, aplikasi-aplikasi dalam talian seperti *Quizlet.Com*, penggunaan *Web 2.0* dan *Kahoot*. Walau bagaimanapun, pertemuan secara bersemuka semasa proses pengajaran memberi kesan

yang lebih mendalam terutama dalam aspek sebutan yang lebih jelas (Ahmad Zaki Amiruddin et al., 2014)

Selain itu, guru perlu menjelaskan isi kandungan pelajaran dengan baik semasa sesi pengajaran di dalam kelas. Aktiviti yang disediakan oleh guru boleh mempengaruhi emosi, intelek, motivasi dan minat pelajar untuk terus mempelajari bahasa Melayu. Penggunaan dan pemilihan strategi pengajaran perlu difikirkan sesuai dan paling berkesan untuk kumpulan pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan asas bahasa Melayu (Zulkifley Hamid & Mohd Asyraf Zulkifley, 2012). Sikap pelajar yang cepat berasa bosan dan letih sekiranya guru tidak mengambil kira faktor dalaman dan luaran pelajar itu sendiri. Menurut Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon (2014) faktor dalaman merujuk kepada motivasi, minat dan ketekunan pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu. Seterusnya faktor luaran pula melibatkan keadaan dan persekitaran kelas, sokongan dan penghargaan yang membantu proses pengajaran.

Pembelajaran kosa kata merupakan proses yang kompleks. Terdapat strategi yang dicadangkan dengan menangkap sebutan atau imej kosa kata baharu, iaitu semasa menonton televisyen, mendengar radio, perbualan dengan penutur natif, membaca iklan dan melihat senarai kata baharu. Menurut Chamot (2008) pelajar boleh menggunakan pelbagai strategi untuk mempelajari kosa kata baharu seperti meminta rakan daripada penutur natif memberi penjelasan dan membuat pemetaan di minda. Selain itu, pelajar mencipta hubungan yang kuat antara bentuk kata dengan makna yang boleh digunakan dalam pelbagai konteks lisan atau tulisan (Huckin & Coady, 1999).

Kajian ini diharapkan memberi penerangan dan panduan strategi yang boleh digunakan oleh guru selain penggunaan bahan pelajaran bahasa, menarik dan berkesan (Li, 2009). Proses pembelajaran bahasa Melayu ialah proses yang melibatkan

rangsangan, tindak balas dan kognitif pelajar. Maka amalan mendengar dan bertutur dalam kehidupan seharian boleh membantu pelajar menggunakan kaedah tersebut dalam mempelajari bahasa di luar kelas sambil dibantu dengan persekitaran yang positif (Vandergrift, 1999). Positif yang dimaksudkan ialah masyarakat yang bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu secara meluas dalam urusan seharian.

Oleh itu, kajian ini berupaya untuk memainkan peranan yang penting terutama dalam proses pengajaran bahasa Melayu apabila melibatkan penggunaan strategi pembelajaran bagi merangsang minat pelajar dalam aktiviti komunikasi.

### **1.8.3 Institusi Pendidikan**

Institusi pendidikan berperanan sebagai pusat yang bertanggungjawab untuk mempromosikan kemahiran berbahasa dengan lebih kuat dan berskala tinggi. Pelajar antarabangsa yang datang ke Malaysia untuk melanjutkan pelajaran datang dari pelbagai negara dan latar belakang yang berbeza (Siti Saniah Abu Bakar & Adenan Ayob, 2016). Keyakinan dan polisi pendidikan bahasa Melayu yang jelas dan mantap menjadi daya penarik kepada pelajar untuk terus menjadi wakil apabila pelajar pulang ke universiti atau negara asal. Khabar gembira yang dicanangkan boleh menjadi pemangkin supaya bahasa Melayu ini terus berkembang. Selain itu, penawaran kursus bahasa Melayu jangka pendek yang sesuai dan praktikal boleh memberi kefahaman mendalam terhadap penguasaan bahasa pelajar antarabangsa. Kursus-kursus yang dimaksudkan merangkumi kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur yang boleh menilai kecekapan berbahasa pelajar.

Perkembangan bahasa Melayu pelajar antarabangsa di universiti memberi gambaran bahawa penerimaan bahasa Melayu menunjukkan peningkatan yang positif (Chew Fong Peng & Zahari Ishak, 2008). Pembelajaran bahasa selalu dipengaruhi oleh

keadaan sosial dan pengaruh persekitaran. Dorongan dan sokongan datangnya daripada keprihatinan institusi pendidikan untuk terus memberi perhatian yang tinggi kepada pelajar antarabangsa (Ku Hasnita Ku Samsu et al., 2013). Kajian bahasa Melayu sebagai bahasa kedua boleh dikembangkan dan diperluaskan dengan penggunaan media dan teknologi sebagai kaedah alternatif dalam proses pembelajaran. Perkara ini turut diteliti berkaitan kosa kata bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa. Selain itu, menurut Meyer (1997) institusi pendidikan boleh bertindak secara proaktif dalam menggabungkan pelbagai penemuan linguistik yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa untuk memenuhi keperluan pelajar. Pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang negara memerlukan pendekatan terkini dan bersepadu sama ada melibatkan proses pengajaran oleh guru, proses pembelajaran di dalam kelas dan sistem penilaian bahasa Melayu supaya bahasa Melayu yang dimiliki dapat membentuk pelajar yang holistik dan berpengetahuan.

Elemen yang membantu kepada agenda pembentukan negara bangsa yang maju mempunyai bahasa pengantar, iaitu bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di semua peringkat pengajian (Awang Sariyan, 2009). Nilai bahasa Melayu itu sendiri perlu dipandang tinggi dan terus dimartabatkan ke peringkat yang lebih tinggi dan dihormati oleh setiap penggunanya. Kerajaan memberikan segala inisiatif sama ada dalam bentuk kewangan atau moral kepada institusi pendidikan tinggi, badan-badan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) (Karim Harun et al., 2018). Penggerak-penggerak bahasa sentiasa memberi idea dan buah fikiran untuk terus memartabatkan bahasa Melayu. Program-program dan seminar yang dilakukan antara institusi pendidikan dengan syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai pasaran yang boleh menjamin masa depan.

Institusi pendidikan menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan yang tidak menentu kerana perkembangan dan kemajuan dalam sistem pendidikan sentiasa berubah-ubah mengikut arus kemodenan (Abdullah Hassan, 2009). Bahasa Melayu kini berkembang untuk tujuan pelancongan dan sektor perkhidmatan pendidikan seperti pusat bahasa swasta. Terdapat kursus jangka pendek pembelajaran bahasa Melayu untuk tujuan-tujuan tertentu seperti sektor ekonomi, pentadbiran di kedutaan asing (diplomat) dan politik (Asmah Haji Omar, 1992).

#### **1.8.4 Pengkaji Bahasa Kedua**

Usaha-usaha pengkaji bahasa Melayu bagi memastikan keberkesanan pengajaran dalam era yang baharu perlu diteruskan. Proses pengembangan, pengukuhan dan pembangunan idea berlaku apabila pengkaji membahaskan isu-isu, permasalahan dan kepentingan yang berkaitan bahasa Melayu. Hasil kajian yang dilakukan diterjemahkan ke dalam bentuk dasar yang dipertanggungjawabkan kepada pihak-pihak berkepentingan di pelbagai peringkat seperti universiti, sekolah dan pusat-pusat bahasa. Model-model pengajaran dan pembelajaran diuji dan dinilai untuk mendapatkan keberhasilan demi pengukuhan dan penguasaan bahasa Melayu yang baik oleh pelajar (Zulkifley Hamid, 2006). Hasil kajian yang kukuh dan sistematik berkaitan dapatan kajian boleh memberi kesan langsung terhadap proses pengajaran dan penguasaan bahasa Melayu pelajar.

Banyak isu dikaji dan diperhalusi untuk menyelesaikan setiap permasalahan yang timbul. Pengkaji meneroka penguasaan bahasa dalam tujuan tertentu sama ada pengembangan bahasa, mencipta istilah baharu dan pembentukan pedagogi (Little, 1999). Satu daripada tujuan kajian yang dilakukan adalah untuk mengetahui dan mengesahkan tahap penilaian kosa kata pelajar (Coady, 1997). Perkara yang sama boleh dilakukan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Sebagai seorang pengkaji, kajian yang dilakukan memberi kesan jangka panjang dan terkini sama ada dalam bidang pedagogi,

kaedah pengajaran, strategi pembelajaran dan pemerolehan bahasa. Penambahbaikan dilakukan sekiranya terdapat kelemahan dan kekangan hasil daripada kajian yang telah dilakukan. Setiap pengkaji memainkan peranan penting yang boleh menyumbang secara aktif dalam bidang bahasa dan linguistik, pengujian metodologi, pembelajaran berautonomi, pembelajaran menggunakan teknologi dan pengembangan kurikulum.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perancangan, pembentukan dasar yang melibatkan penguasaan bahasa Melayu. Tidak terlepas juga kepada penulis-penulis buku teks dan buku panduan untuk kegunaan pelajar pada masa hadapan. Kajian yang bagus dan holistik boleh memberi manfaat kepada pihak berkepentingan agar lebih prihatin terhadap keperluan pemerolehan dan pengajaran bahasa dalam memastikan keberkesanan penggunaan kosa kata bahasa Melayu. Keupayaan pelajar antarabangsa untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua yang diperoleh melalui pendidikan formal di dalam kelas boleh diteruskan dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Hal ini bergantung kepada dapatan kajian untuk membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar. Penggunaan bahasa Melayu yang kerap di luar kelas dan pembelajaran secara tidak formal boleh meningkatkan keyakinan percakapan pelajar menggunakan bahasa Melayu dan boleh berinteraksi dengan lancar tanpa rasa malu dengan penutur natif.

## **1.9 Konsep Operasional**

### **1.9.1 Kosa Kata**

Kosa kata boleh ditakrifkan dalam dua kategori yang berbeza, iaitu secara ortografi (ejaan betul atau standard) dan fonologi (Easterbrook, 2013). Selain itu, Aubrecht (2013) menjelaskan bahawa kosa kata merujuk kepada perkataan yang perlu difahami untuk berkomunikasi dengan berkesan. Kosa kata memainkan peranan penting dalam proses membaca dan menyumbang kepada pemahaman pembacaan. Nation (2015)

menerangkan bahawa kosa kata mempunyai ciri-ciri yang berbeza, iaitu dari segi istilah yang harus dipertimbangkan dari segi struktur item (morfologi), makna (semantik) dan sistem penggunaan (tatabahasa).

Seterusnya, menurut Nik Safiah Karim et al. (2004) perkataan atau kosa kata bahasa Melayu digolongkan berdasarkan kriteria fonologi, morfem, sintaksis dan semantik. Kosa kata juga merujuk kepada bentuk bebas terkecil yang boleh membawa maksud serta boleh berdiri sendiri seperti batu, meja, kertas, awan dan lain-lain lagi. Binaan sesuatu kosa kata tidak boleh dipisahkan atau dibahagi kepada bentuk tatabahasa yang lebih kecil (Nik Safiah Karim et al., 2004). Bentuk-bentuk ujaran seperti khabar angin, makanan, tertidur tidak boleh dikategorikan sebagai kosa kata kerana perkataan tersebut boleh dikecilkan lagi bentuknya menjadi khabar, angin, makan, -an, ter- dan tidur.

#### **Jadual 1.5: Pembentukan kosa kata**

**Ayat:**

Budak itu sedang belajar.

**Klausa:**

budak itu sedang belajar

**Frasa:**

budak itu | sedang belajar

**Kosa kata:**

budak | itu | sedang | belajar

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kosa kata adalah item bahasa yang berkaitan dengan struktur fonologi, morfologi dan sintaksis. Kosa kata ialah unit asas dalam penguasaan bahasa sama ada bahasa pertama atau bahasa kedua (Ellis, 1994). Di samping



itu, setiap kosa kata mengandungi maksud atau makna yang menjalankan fungsi tatabahasa. Setiap kosa kata adalah penting untuk berkomunikasi dan mengetahui pemahaman bacaan. Aspek saiz kosa kata merupakan kecukupan kosa kata untuk menguasai bahasa Melayu dan membolehkan pelajar berkomunikasi dan menyampaikan maklumat kepada pendengar. Kosa kata yang terhad, boleh menghalang ungkapan idea dan sukar untuk memahami kebanyakan petikan, perbualan, bacaan serta akan menyekat pemahaman keseluruhan teks (Ellis et al., 2011). Kekurangan kosa kata boleh memberi kesan jangka panjang kepada pelajar, iaitu mudah lupa dan disalah guna mengikut situasi.

Kosa kata sebagai satu daripada bidang pengetahuan dalam bahasa yang mempunyai peranan besar untuk memperoleh sesuatu bahasa sama ada bahasa pertama atau bahasa kedua (Cameron, 2001). Selain itu Zulkifley Hamid (2006) menyatakan bahawa kosa kata pelajar ialah aspek yang penting dalam perkembangan bahasa. Pengetahuan kosa kata yang terhad menjadi penghalang kepada proses komunikasi yang berkesan. Schmitt (1997) menekankan pengetahuan kosa kata adalah sebagai pusat kecekapan komunikasi. Seterusnya Nation (1994) menjelaskan hubungan antara pengetahuan kosa kata dan penggunaan bahasa sebagai satu pelengkap berbahasa. Pelajar yang mempunyai pengetahuan kosa kata membolehkannya menggunakan bahasa dengan baik dan sebaliknya. Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu yang baik boleh membawa kepada peningkatan pengetahuan pelbagai disiplin ilmu seperti sains, ekonomi, pendidikan, sosial dan teknologi maklumat dalam bidang pengajian pelajar semasa di universiti.

Kepentingan kosa kata dapat dilihat dalam penggunaan komunikasi atau menyampaikan hasrat. Laufer dan Nation (1995) menjelaskan bahawa pemerolehan kosa kata adalah penting untuk penggunaan pembentukan teks lisan dan tulisan yang lengkap dan bermakna. Selain itu Asmah Haji Omar (1992) menyatakan bahawa pelajar

antarabangsa boleh menguasai semua kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur bergantung pada kosa kata yang dimiliki. Seterusnya Nunan (1999) berpendapat bahawa tanpa kosa kata yang luas, pelajar tidak dapat menggunakan struktur dan fungsi bahasa yang dipelajari. Keterbukaan sistem kosa kata dianggap sebagai penyebab utama kesukaran pelajar dalam mempelajari bahasa (Stockwell, 2013). Hal ini bergantung kepada kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru dan strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar. Kosa kata merupakan komponen yang paling besar dan mempunyai makna yang berbeza bergantung kepada penggunaan ayat. Menurut Oxford dan Crookall (1990) kosa kata mempunyai sistem yang tersendiri, iaitu daripada abjad membentuk suku kata dan seterusnya kepada kosa kata.

Seterusnya Ma (2009) menyatakan bahawa pemerolehan bahasa kedua bermula daripada asas mempelajari kosa kata. Ramai pelajar menghabiskan masa untuk menghafal senarai kosa kata kerana bergantung kepada kamus dwibahasa sebagai sumber rujukan. Ramai pelajar hanya menggunakan kaedah hafalan walaupun bahan pengajaran yang dibekalkan adalah yang terbaik. Pada akhir proses pembelajaran, pelajar tidak memahami konsep sebenar bahasa yang dipelajari. Hal ini menyebabkan guru dan pengkaji bahasa menyedari tentang pentingnya pembelajaran kosa kata serta meneroka dan mencari kaedah yang lebih berkesan. Terdapat sebilangan penyelidik hanya mengkaji mengenai strategi yang digunakan pelajar untuk menguasai kosa kata tetapi tidak mengkaji faktor luaran atau dalaman pelajar.

Tidak dinafikan kajian kosa kata bahasa Inggeris dan bahasa Arab telah banyak dilakukan dalam pelbagai disiplin dan aspek seperti sebutan, bacaan, keluasan dan kedalaman kosa kata. Oleh yang demikian, kajian berkaitan penguasaan kosa kata

terutamanya bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa perlu diperluas dan diperhebat dari semasa ke semasa.

### **1.9.2 Saiz Kosa Kata**

Kecukupan kosa kata bergantung pada saiz atau jumlah kosa kata yang dimiliki oleh pelajar sama ada diperoleh secara langsung atau tidak langsung. Adolphs (2004) menyatakan bahawa pelajar akan meneka makna kosa kata yang tidak diketahui dalam konteks ayat walaupun sebahagian besar kosa kata tersebut berada di sekitar pelajar. Nation (2013) menyatakan bahawa pelajar memperoleh maklumat yang berguna adalah dengan mempunyai jumlah kosa kata yang banyak. Pengiraan jumlah kosa kata boleh dilakukan dengan membuat senarai kosa kata berdasarkan kumpulan, jenis atau penggolongan tertentu seperti kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

Nation dan Waring (1997) menyatakan bahawa saiz sebanyak 2000 kosa kata perlu ada dalam diri pelajar untuk diiktiraf sebagai asas menguasai bahasa. Tetapi 2000 kosa kata tidak cukup untuk memahami teks atau petikan umum. Laufer dan Nation (1995) menjelaskan untuk memahami keseluruhan teks, setiap pelajar memerlukan sekurang-kurangnya lebih 3000 kosa kata yang kerap digunakan dalam bahasa sasaran. Nation (2006) menyimpulkan bahawa pemahaman pelajar terhadap teks bacaan adalah memadai jika tidak kurang daripada 98-99 peratus kosa kata. Keupayaan ini boleh dicapai dengan sistem pembelajaran kosa kata dengan mendapat bimbingan daripada guru. Guru perlu menghabiskan banyak masa bersama pelajar untuk mengajar kosa kata secara langsung.

Aubrecht (2013) menjelaskan ukuran kosa kata yang tinggi sangat penting bagi pelajar universiti kerana terdapat hubungan antara saiz kosa kata dan teks yang dipelajari. Hal ini menunjukkan bahawa jumlah kosa kata yang terdapat dalam memori pelajar

tersimpan dalam leksikon. Sekiranya pelajar mempunyai tahap pemahaman kosa kata yang tinggi, pelajar berkenaan memperoleh 72 peratus liputan keseluruhan teks (Masrai, 2019). Di samping itu, jika pelajar mempunyai lebih 90 peratus liputan teks, pelajar boleh memahami teks bacaan dengan baik (Nation & Waring, 1997). Ukuran saiz kosa kata dalam teks yang meliputi tahap pemahaman pelajar seperti yang dicadangkan oleh Brown dalam Nation dan Waring (1997) dapat diperhatikan seperti dalam jadual 1.6.

**Jadual 1.6: Liputan saiz kosa kata berdasarkan korpus Brown**

Saiz kosa kata	Kadar liputan teks
1,000	72.00%
2,000	79.70%
3,000	84.00%
4,000	86.80%
5,000	88.70%
6,000	89.90%
8,000 dan ke atas	97.80%

### 1.9.3 Penguasaan Kosa Kata

Penguasaan kosa kata oleh pelajar sangat penting untuk memahami sesuatu bahasa terutamanya kepada pelajar yang mempelajari bahasa kedua. Penguasaan kosa kata diperlukan untuk menterjemahkan idea, pendapat dan cadangan ke dalam kemahiran berbahasa. Selain itu, penguasaan kosa kata yang baik dapat memahami ucapan orang lain tanpa bantuan pihak ketiga sama ada penggunaan kamus, penterjemah, alat elektronik dan rakan sebaya (Azman Che Mat & Soon, 2010). Menurut Wright dan Taylor (1995) penguasaan merujuk kepada memiliki atau mempunyai kemahiran, teknik dan kaedah yang bagus. Schmitt (1997) menjelaskan penguasaan kosa kata merujuk kepada kemahiran dalam memproses kata-kata menjadi bahasa yang lengkap dan bermakna. Pencapaian dan kebolehan berbahasa dengan baik oleh individu boleh dikatakan sebagai penguasaan bahasa (Swan, 1997). Kejayaan pelajar menguasai sesuatu bahasa

bergantung kepada diri sendiri. Kejayaan dalam penguasaan kosa kata memerlukan motivasi dan minat pelajar terhadap bahasa tersebut.

Kosa kata merupakan satu daripada komponen bahasa yang paling utama (Schmitt & Schmitt, 2020). Menurut Anisa (2016) kosa kata ialah pusat kepada bahasa dan mempunyai kepentingan yang utama kepada pembelajaran bahasa. Kosa kata perlu dikuasai sekiranya seseorang menguasai kemahiran berbahasa seperti yang dinyatakan oleh pengkaji yang lain. Kekurangan kosa kata boleh menghalang pelajar daripada memahami dan menguasai bahasa. Penguasaan kosa kata boleh mempengaruhi kemampuan pelajar untuk mengambil bahagian secara aktif dalam interaksi sosial semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Tindakan pelajar menggunakan teknik dan strategi pembelajaran bahasa yang betul membolehkan pelajar memperoleh, menyimpan, memahami dan mengembangkan semula pengetahuan kosa kata yang dipelajari (Cameron, 2001). Menurut Schmitt (2008) penguasaan bahasa kedua merangkumi tiga elemen penting yang tidak boleh dipisahkan, iaitu penguasaan kosa kata, sebutan dan nahu bahasa yang dipelajari.

Seterusnya Paul (1996) mengatakan bahawa terdapat perbezaan dalam penguasaan kosa kata, iaitu pengetahuan kosa kata yang luas dan pengetahuan kosa kata yang mendalam. Pengetahuan kosa kata yang luas merujuk kepada jumlah kosa kata yang diketahui oleh pelajar dan kosa kata yang mendalam merujuk kepada pengetahuan secara terperinci. Kedua-dua perkara ini melibatkan rumus tatabahasa atau peraturan berbahasa. Hal ini dapat dibezakan dengan pelajar yang telah belajar banyak kosa kata melalui hafalan tetapi tidak tahu menggunakannya berbanding pelajar yang tahu kegunaan setiap kosa kata dan menggabungkannya dengan kosa kata lain. Dua perkara ini dapat menjelaskan kelayakan pelajar berkaitan penguasaan kosa kata.

Read (2004) pula memberikan perbezaan antara makna kosa kata yang luas dengan kosa kata yang mendalam. Kosa kata yang luas bermaksud kuantiti kosa kata yang dimiliki dan kosa kata yang mendalam menerangkan pemahaman yang lebih terperinci berkaitan kosa kata. Hal ini menerangkan, pelajar yang mempunyai jumlah kosa kata yang banyak tetapi tidak tahu menggunakan kosa kata tersebut, maka kosa kata itu tidak memberi sebarang kebaikan. Dalam hal ini, kaedah hafalan tanpa memahami konsep, struktur dan sistem bahasa yang dipelajari boleh mengakibatkan pelajar gagal dalam penguasaan bahasa. Berbanding pelajar yang mempunyai kosa kata yang cukup dan arif akan setiap penggunaannya dalam ayat boleh berkomunikasi dengan baik.

Menurut Read (2007) gabungan setiap kosa kata yang berada dalam pemikiran pelajar yang bertujuan untuk menyampaikan idea merupakan penguasaan kosa kata bahasa yang dipelajari. Harmer (2007) pula menjelaskan bahawa setiap kosa kata mempunyai hubungan dengan kosa kata lain. Oleh itu, setiap pelajar perlu tahu untuk menggunakan kosa kata itu dalam situasi dan keadaan tertentu. Setiap kosa kata perlu dikuasai dan diaplikasikan dalam konteks yang sesuai.

Dapat disimpulkan bahawa penguasaan kosa kata adalah kemahiran pelajar dalam menggunakan kosa kata bahasa yang diperoleh berdasarkan keperluan pelajar itu sendiri. Namun begitu, setiap penguasaan kosa kata perlu dilihat daripada penggunaan strategi yang diamalkan oleh pelajar. Penguasaan kosa kata memainkan peranan dalam penggunaan keempat-empat kemahiran berbahasa, iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Kemahiran-kemahiran ini digunakan dalam pembelajaran bahasa kedua sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Hal ini kerana kosa kata yang dipelajari sangat dititikberatkan supaya makna kosa kata tersebut sampai kepada pendengar.

#### 1.9.4 Pembelajaran Kosakata

Saiz kosakata dan strategi pembelajaran kosakata adalah penting bagi menentukan kebolehan pelajar untuk memahami bahasa kedua dengan baik dan berkesan (Tinutda & Waraporn, 2011). Pelajar perlu memahami strategi pembelajaran dengan membuat latihan yang bersesuaian agar boleh menyumbang kepada pemahaman kosakata yang lebih baik.

Kafipour dan Naveh (2011) berpendapat bahawa strategi pembelajaran kosakata boleh mempengaruhi tahap pemahaman pelajar secara langsung, khususnya strategi kognitif yang berkorelasi dengan kemahiran pelajar. Namun begitu, Leung dan Hui (2011) menyatakan bahawa strategi pembelajaran juga boleh berlaku secara tidak langsung. Perkara ini boleh terjadi melibatkan pergaulan sosial tanpa pembelajaran formal di dalam kelas. Seterusnya Rahimy dan Shams (2012) menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai skor yang baik dalam ujian kosakata kerap menggunakan strategi metakognitif dan memori. Strategi ini sekiranya digunakan dengan baik dan mendapat bimbingan daripada guru pasti memberikan pemahaman serta pengetahuan dalam jangka panjang.

Read (2004) membincangkan perbezaan antara pembelajaran kosakata yang disengajakan dan tidak disengajakan. Pembelajaran kosakata yang disengajakan termasuklah latihan kata yang berulang atau latih tubi. Pembelajaran yang tidak disengajakan bermaksud pengetahuan yang diperoleh daripada rakan di luar kelas, sama ada rakan penutur natif memperbetulkan sebutan atau makna yang diujarkan. O'malley et al. (1990) mengatakan bahawa strategi pembelajaran adalah cara khas pemrosesan maklumat yang menjadi pemahaman, pemerolehan, penyusunan dan penyimpanan maklumat baharu. Riley (1997) berpendapat bahawa fikiran, kepercayaan dan emosi harus dimasukkan ke dalam konsep strategi pembelajaran.

Pendapat yang dikemukakan oleh Riding dan Rayner (2013) dengan membezakan antara tingkah laku pembelajaran strategi dan pembelajaran bukan strategi. Sekiranya pelajar memilih prosedur pembelajaran seperti yang telah ditetapkan oleh guru, maka pembelajaran tersebut dikatakan pembelajaran berstrategi. Sebaliknya pembelajaran bukan berstrategi merujuk kepada kaedah dan amalan yang dilakukan oleh pelajar dengan mengikut cara tersendiri. Namun, kedua-dua cara ini boleh diterima sekiranya kaedah dan cara pembelajaran tersebut boleh menambah kosa kata pelajar. Oleh itu, tingkah laku pembelajaran tertentu boleh dianggap strategi untuk pelajar berkenaan tetapi tidak untuk pelajar yang lain. Hal ini menyebabkan pelajar harus memilih sendiri strategi pembelajaran yang sesuai dengan diri pelajar.

Terdapat perbezaan dalam pemilihan tingkah laku yang dianggap strategi dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa. Oleh itu Ellis (1995) membezakan antara strategi pembelajaran dengan strategi lain seperti strategi persepsi, penggunaan bahan bantu mengajar dan strategi komunikasi. Setiap strategi harus dibahagikan kepada strategi bahasa dan strategi kemahiran. Pendapat ini disokong oleh Cohen (2014) dengan membezakan antara strategi pembelajaran bahasa dan strategi penggunaan bahasa. Walau bagaimanapun McDonough (1995) berpendapat bahawa penggunaan bahasa dan pembelajaran bahasa berlaku secara serentak. Maka strategi pembelajaran bahasa dan strategi penggunaan bahasa ada kalanya bertindih dan sukar untuk membezakan antara dua faktor tersebut.

Komponen dalam pengetahuan berbahasa terdiri daripada ortografi, morfologi, pertuturan, pengucapan, makna, kolokasi, perkaitan makna, penggunaan khusus atau bidang teknikal dan daftar kata (Grabe & Stoller, 2018). Pembelajaran bahasa adalah pembelajaran kosa kata yang baharu dan terus bertambah sepanjang hidup. Melalui



beberapa sesi pembelajaran yang berlaku di dalam kelas, setiap pertemuan membawa kepada pembelajaran kosa kata yang disengajakan dan tidak disengajakan.

### **1.9.5 Pelajar Antarabangsa**

Terdapat beberapa takrifan bagi mengklasifikasikan status pelajar antarabangsa. Menurut *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO, 2006) pelajar antarabangsa boleh dikategorikan sebagai seorang pelajar yang meninggalkan atau berpindah dari negara, wilayah atau tempat asal kerana mempunyai satu objektif yang utama, iaitu untuk belajar. Kelo dan Teichler (2006) mentakrifkan pelajar antarabangsa merujuk kepada pelajar yang melintasi sempadan dengan tujuan belajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan.

Sherry et al. (2010) pula menjelaskan bahawa pelajar antarabangsa ialah seseorang atau individu yang berpindah ke negara lain untuk tujuan belajar, menuntut ilmu atau menyambung pengajian sama ada peringkat diploma, ijazah sarjana muda atau ijazah tinggi. Pelajar antarabangsa atau pelajar asing adalah orang yang diterima oleh negara lain selain dari negara sendiri dengan mendapat kebenaran melalui visa atau keizinan khas untuk tujuan tertentu. Terdapat juga definisi bagi pelajar antarabangsa, iaitu pelajar yang tidak memiliki kewarganegaraan negara di tempat individu itu menetap atau bermastautin untuk tempoh masa tertentu yang dibenarkan oleh kerajaan (Guo & Guo, 2017).

Seterusnya *Organisation for Economic Co-Operation and Development* (OECD, 2006) yang telah membuat perbezaan antara pelajar antarabangsa dan pelajar asing. Laporan tersebut menyatakan bahawa pelajar antarabangsa merujuk kepada pelajar yang melintasi sempadan untuk tujuan pendidikan dan istilah pelajar asing pula ialah pelajar warganegara yang mendaftar di institusi pendidikan asing dan tidak semestinya melintasi

sempadan negara. Definisi dan kriteria untuk pelajar antarabangsa mungkin berbeza di setiap negara, tetapi istilah ini mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk tujuan belajar atau pendidikan.

Menurut data Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2021) bahagian Statistik Pendidikan Tinggi 2021, bilangan pelajar antarabangsa mengikut institusi terutamanya bagi universiti awam adalah seramai 39,172 orang pelajar bersamaan dengan 29.80 peratus daripada jumlah keseluruhan, iaitu 131,255 orang pelajar. Seterusnya jadual 1.7 menunjukkan bilangan pelajar antarabangsa mengikut negara asal tertinggi yang melanjutkan pengajian di Malaysia bagi tahun 2020 dan 2021.

**Jadual 1.7: Bilangan pelajar antarabangsa berdasarkan negara pada tahun 2020 dan 2021**

Negara	Tahun			
	2020		2021	
	Jumlah	Peratus (%)	Jumlah	Peratus (%)
China	16,957	17.70	28,593	29.40
Indonesia	9,983	10.40	10,278	10.60
Bangladesh	8,338	8.70	6,656	6.80
Yemen	5,084	5.30	3,910	4.00
Pakistan	4,973	5.20	4,466	4.60
Nigeria	4,647	4.80	4,084	4.20
India	3,206	3.30	3,569	3.70
Egypt	2,653	2.80	2,320	2.40
Arab Saudi	2,627	2.70	-	-
Iraq	2,160	2.30	2,145	2.20
Sri Lanka	-	-	2,432	2.50
Lain-lain negara	35,327	36.80	28,783	29.60
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>95,955</b>	<b>100</b>	<b>97,236</b>	<b>100</b>

Kedatangan pelajar antarabangsa di institusi tempatan memberi peluang pendidikan yang lebih luas dan membangunkan sistem pendidikan yang lebih baik. Sekiranya terdapat peningkatan permintaan daripada pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di sesebuah negara, sudah pasti pihak universiti atau institusi akan menyediakan kemudahan yang diperlukan selaras dengan dasar pengantarabangsaan institusi pendidikan (Bista, 2016). Tambahan pula, terdapat kerjasama antara universiti dalam dan luar negara yang menyediakan biasiswa atau tajaan dalam bidang-bidang kritikal seperti perubatan, kejuruteraan dan farmasi (Giedt & Gokcek, 2015). Terdapat manfaat yang lebih luas dari segi akademik dengan berkembangnya pengetahuan, kerjasama kajian bahasa dan pemahaman antara budaya termasuklah pengenalan berkaitan bahasa Melayu.

### **1.10 Kesimpulan**

Secara umumnya, dalam bab satu ini telah dijelaskan perkara-perkara berkaitan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan konsep operasional secara terperinci. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti penguasaan kosa kata bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa yang mengambil kursus Bahasa Malaysia Asas. Kajian ini akan menjadi panduan kepada pelajar untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dalam bab yang seterusnya akan membincangkan perkara berkaitan sorotan kajian. Bab tersebut akan menunjuk dan merumuskan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji di samping kelompangan berkaitan kajian saiz kosa kata, penguasaan kosa kata dan strategi pembelajaran bahasa Melayu.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menghuraikan kajian lepas berkaitan saiz kosa kata, pembelajaran bahasa Melayu, strategi pembelajaran kosa kata dan aspek yang bersangkutan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Seterusnya bab ini akan mengemukakan kajian-kajian yang berkaitan strategi pembelajaran kosa kata yang menjadi pilihan pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu. Setiap kajian yang dikemukakan boleh dijadikan sebagai rujukan untuk melihat pemboleh ubah antara saiz kosa kata, strategi pembelajaran bahasa Melayu dan faktor-faktor perbezaan pelajar yang menguasai kosa kata.

Huraian pada setiap sorotan kajian yang dilakukan dalam bab ini adalah berdasarkan klasifikasi dan bidang kajian yang menjurus kepada pemahaman pelajar untuk menguasai bahasa Melayu. Selain itu juga, pembahagian sorotan kajian juga dilakukan berdasarkan kajian yang dilakukan di dalam negara dan luar negara bergantung kepada tahun, metodologi kajian, hasil dapat kajian dan kesimpulan kajian.

#### **2.2 Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Kedua**

Mempelajari bahasa kedua terutamanya bahasa Melayu memerlukan pengetahuan pelbagai aspek tentang bahasa tersebut termasuklah sebutan, penulisan, pertuturan, sintaksis, pragmatik, leksikal dan yang paling penting adalah kosa kata. Oleh itu kajian - kajian yang dilakukan berdasarkan kepada pembelajaran kosa kata bahasa kedua mencari penyelesaian kepada permasalahan yang timbul.

Kajian oleh Syahar Nurmalia Sari dan Dyah Aminatun (2021) yang membuktikan penggunaan media adalah sebagai satu daripada medium yang boleh membantu pelajar menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Kaedah kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif yang dilakukan adalah melalui borang soal selidik dan temu bual terhadap 31 orang responden yang mengambil kursus bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Hasil kajian menunjukkan bahawa, menonton televisyen boleh membantu menambah bilangan kosa kata di samping memberi kefahaman penggunaan kosa kata kepada pelajar. Terdapat genre yang dipilih pelajar ketika menonton televisyen seperti genre komedi, romantik, seram dan aksi. Pelajar lebih faham dan arif akan penggunaan kosa kata berdasarkan situasi konteks ayat dan jalan penceritaan filem. Selain itu, pelajar turut dibantu dengan penggunaan sari kata bahasa pertama yang boleh memberi gambaran dengan lebih jelas dan terperinci terhadap situasi yang berlaku.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan, data menunjukkan bahawa cara untuk mempelajari bahasa kedua boleh dipelbagaikan dan tidak hanya tertumpu di dalam kelas sahaja. Penggunaan teknologi dan multimedia dengan baik boleh memberi kesan kepada penguasaan kosa kata khususnya penggunaan sari kata yang bersesuaian dengan kehidupan seharian. Kajian tersebut boleh ditambah baik sekiranya terdapat pendekatan atau teori yang boleh menjadi panduan semasa menjalankan kajian terutama berkaitan pemerolehan dan pembelajaran kosa kata seperti dengan menggunakan Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994) dan digabungkan bersama Taksonomi Schmitt (1997).

Seterusnya kajian oleh Noorhidayah Abu Hasim et al. (2020) yang meneliti pengaruh persekitaran dalam penggunaan strategi memori kosa kata pelajar yang mempelajari bahasa Arab. Kaedah kajian berbentuk kualitatif dijalankan menerusi temu bual berstruktur terhadap 10 orang informan yang terdiri daripada enam orang pelajar

Melayu, dua orang pelajar Cina dan dua orang pelajar India. Hasil kajian mendapati informan boleh mengingat jumlah kosa kata yang diberikan kerana kosa kata tersebut merupakan kosa kata yang selalu dituturkan dalam aktiviti sosial. Elemen persekitaran boleh dijadikan sandaran kepada informan kerana perkara itu berlaku di sekeliling informan. Selain itu terdapat kosa kata yang mempunyai sebutan yang hampir sama seperti “*parade*” dalam bahasa Arab yang membawa maksud “perarakan/beramai-ramai”. Terdapat tempat membeli-belah yang dinamakan “*Mahkota Parade*” di Melaka. Maka, pengalaman informan semasa bercuti dan berjalan-jalan di pusat membeli-belah tersebut meningkatkan daya memori pelajar terhadap kosa kata yang telah dipelajari.

Dapatan kajian membuktikan bahawa, faktor persekitaran boleh membantu memori jangka panjang dalam pembelajaran kosa kata. Terdapat kosa kata yang mempunyai sebutan yang hampir sama dengan bahasa pertama pelajar yang disebabkan oleh faktor peminjaman bahasa. Pelajar yang kerap berkomunikasi dengan masyarakat setempat boleh menggunakan kosa kata yang dimiliki hasil simpanan memori tersebut. Kosa kata boleh diperoleh sama ada secara alami semula jadi atau pembelajaran di dalam kelas. Ringkasnya, kajian tersebut boleh ditambah baik dengan meneliti hubungan korelasi faktor-faktor perbezaan individu yang boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Handoko (2019) yang menganalisis pembelajaran kosa kata bahasa Mandarin dengan menggunakan aplikasi kemahiran bahasa. Kaedah kajian yang dijalankan menerusi kaedah kuantitatif dan kualitatif yang melibatkan seramai 20 orang sampel kajian. Instrumen yang digunakan ialah temu bual informan dan pemerhatian berstruktur. Hasil kajian mendapati, pelajar menggunakan tiga kaedah pembelajaran yang utama, iaitu kaedah asosiasi (perkaitan antara kosa kata), kaedah pembentukan kata (membina ayat) dan kaedah hafalan (ulangan). Bagi kaedah

asosiasi, penggunaan gambar boleh membantu pelajar mempelajari kosa kata baharu kerana gambar yang dipamerkan menarik dan mudah diingati. Kaedah hafalan pula terjadi apabila kosa kata yang digunakan dalam aplikasi diulang berkali-kali dan dibantu dengan audio rakaman suara. Pelajar dapat menangkap cara sebutan yang diujarkan dan boleh menyebut kembali kosa kata tanpa kesalahan sebutan *hanzi*.

Bagi kaedah pembentukan kata pula, kaedah ini kurang mendapat perhatian daripada pelajar kerana sukar untuk difahami. Pelajar perlu mempunyai kosa kata yang mencukupi untuk digunakan dalam penulisan. Hasil kajian tersebut membuktikan penggunaan aplikasi dan teknologi merupakan satu daripada cara untuk mempelajari bahasa Mandarin. Perkara yang sama juga boleh dilakukan untuk mempelajari bahasa Melayu, iaitu gabungan penggunaan teknologi dan multimedia. Kajian tersebut boleh ditambah baik dengan menggunakan instrumen ujian penilaian bahasa bagi mengetahui penguasaan bahasa kedua yang dipelajari.

Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Sharala Subramaniam dan Zamri Mahamod (2017) berkaitan pembelajaran bahasa Melayu oleh warganegara asing. Kaedah kajian adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Terdapat seramai 250 orang responden yang terdiri daripada pelajar di institusi pengajian tinggi di negeri Selangor. Kajian yang berfokus kepada cara pembelajaran bahasa Melayu komunikasi dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran seperti gambar, teks, isi kandungan dan pendekatan pedagogi. Dari aspek gambar dalam modul, penggunaan gambar-gambar yang menarik mengikut kategori boleh memudahkan pemahaman pelajar. Gambar yang tidak mempunyai kaitan terhadap pembelajaran bahasa dikeluarkan daripada modul agar tidak membebankan pelajar supaya paparan kandungan tidak menjadi terlalu berat. Seterusnya dari aspek warna teks pula, penggunaan warna hitam dan putih memberi kemudahan kepada pelajar untuk membaca dengan lebih jelas.

Dalam kajian tersebut, aspek isi kandungan yang dikemukakan adalah selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) seperti dialog perbualan harian, kata sapaan dan panggilan kekeluargaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah Cara Belajar Bahasa Melayu Komunikasi (CBBMK) boleh menjadi alternatif kepada guru dan institusi pengajian tinggi sebagai bahan bantu pengajaran. Hal ini boleh memberi peluang kepada guru untuk mempelbagaikan teknik pengajaran semasa di dalam kelas. Terdapat penambahbaikan yang boleh dilakukan pada masa akan datang, iaitu kajian berbentuk eksperimental. Kajian tersebut boleh dilakukan terhadap dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi mengenal pasti dengan lebih jelas keberkesanan modul yang dihasilkan.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Siti Nur Roihan Saidin (2015) yang mengkaji pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi. Kaedah kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen tinjauan lapangan dan borang soal selidik yang diedarkan kepada 108 orang pelajar antarabangsa. Hasil kajian mendapati pelajar lebih gemar bertutur menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu semasa berada di kampus. Hal ini kerana terdapat pengaruh daripada masyarakat di kampus yang lebih suka menggunakan bahasa Inggeris ketika berkomunikasi. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa mempunyai kosa kata yang kurang dan terhad kerana baru memulakan pengajian di universiti. Faktor tempoh masa pembelajaran yang singkat terutama pendidikan formal di dalam kelas membataskan lagi penggunaan bahasa Melayu pelajar. Perkara ini menyebabkan pelajar tidak berkeyakinan untuk bertutur dan menyebabkan maklumat yang hendak disampaikan tidak sampai kepada pendengar.



Kajian tersebut berjaya menghasilkan buku panduan pertuturan untuk kegunaan pelajar antarabangsa sebagai buku rujukan. Buku tersebut boleh diguna pakai bukan sahaja kepada pelajar di Universiti Putra Malaysia, malah kepada semua pelajar di institusi pengajian tinggi yang lain. Walau bagaimanapun, terdapat penambahbaikan kajian dari aspek saiz kosa kata bahasa Melayu yang perlu diuji bagi melihat keberkesanan modul terhadap dua kumpulan kajian, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Malah, kajian terhadap penguasaan bahasa Melayu boleh juga dinilai daripada kemahiran lain, iaitu kemahiran membaca, mendengar dan pemahaman berkaitan teks.

Kajian yang dilakukan oleh Mazlina Baharudin dan Razalina Md Radzi (2015) berkaitan pemerolehan dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar dari negara China yang mengambil kursus bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia. Kaedah kajian kuantitatif yang dilakukan menerusi kajian kepustakaan dan penelitian dokumen daripada kertas ujian karangan peperiksaan bahasa Melayu. Sebanyak 43 skrip dijadikan bahan kajian yang meneliti kesan kognitif hasil pembelajaran bahasa Melayu selepas menggunakan modul Bahasa Malaysia III (LKM300). Hasil kajian mendapati pelajar dari negara China boleh menguasai bahasa Melayu kerana kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan sangat mudah dan sesuai dengan keadaan semasa. Modul bahasa Melayu yang merangkumi sembilan bahagian melibatkan kata kerja, kata adjektif, kata hubung dan kata sendi nama. Pelajar diuji dengan ujian penilaian dan memperoleh keputusan yang baik, iaitu sebanyak 79.10 peratus. Dapatan kajian menunjukkan pelajar dapat menguasai bahasa Melayu setelah melalui 15 minggu proses pembelajaran dan boleh berkomunikasi bahasa Melayu dengan berkesan sesama rakan sebaya dan masyarakat. Modul tersebut terbukti berkesan kerana pelajar dapat memahami dan menguasai setiap topik pembelajaran dengan baik.

Kajian tersebut memberikan dapatan data yang terbaik kerana sampel kajian diuji dengan pelbagai penilaian tatabahasa seperti imbuhan, menukar ayat aktif kepada ayat pasif, kata hubung dan pembinaan ayat. Sebagai kajian lanjutan, satu kajian dari aspek lisan perlu dilakukan pada masa akan datang bagi mengetahui dengan jelas dari segi sebutan terutamanya bidang fonologi bahasa Melayu. Secara ringkasnya, terdapat kelompangan yang boleh diambil kira dengan meneliti strategi-strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu.

Seterusnya kajian oleh Chye dan Subramaniam (2012) yang ingin memfokuskan kesilapan fonologi dan leksikal yang dilakukan pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kaedah kajian kualitatif yang dilakukan menerusi tinjauan, pemerhatian, analisis kontrastif dan analisis kesilapan bahasa terhadap 75 orang pelajar antarabangsa. Hasil kajian mendapati pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza seperti negara dan bangsa memerlukan pendekatan yang berbeza sama ada dari segi bahan pengajaran dan masa pembelajaran. Ujian penulisan yang dilakukan untuk melihat kepada penguasaan pelajar berkaitan nombor, kata tanya, komunikasi asas, kata ganti nama diri dan kata sapaan berkaitan ucapan. Dapatan data menunjukkan bahawa pelajar banyak menggunakan kosa kata bahasa Inggeris dalam ayat bagi menggantikan kosa kata bahasa Melayu yang tidak diketahui. Selain itu, pelajar antarabangsa kerap melakukan kesalahan ejaan yang boleh menjejaskan bacaan dan pemahaman kosa kata bahasa Melayu.

Kajian tersebut mencadangkan agar guru menyediakan bahan rujukan yang sesuai di samping penggunaan kaedah pengajaran yang berbeza mengikut latar belakang negara. Berdasarkan sampel kajian yang terlibat, pengkaji berpendapat bahawa pelajar dari Indonesia perlu dikecualikan terlibat sebagai sampel kajian kerana berasal dari rumpun bahasa yang sama, iaitu rumpun Nusantara. Pelajar daripada Nusantara seperti Singapura,

Brunei, Selatan Thailand dan Indonesia sudah mempunyai pengetahuan asas berkaitan bahasa Melayu. Oleh itu, data yang diperolehi tidak membuktikan 100 peratus penguasaan pelajar antarabangsa kerana faktor latar belakang negara. Bagi mengkaji perkara berkaitan penguasaan bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa, faktor latar belakang negara perlu diambil kira dan dikeluarkan menjadi sebahagian daripada sampel kajian.

Dapat disimpulkan bahawa pengetahuan kosa kata sangat berkait rapat dengan pembelajaran bahasa kedua. Cara pembelajaran yang berbeza memungkinkan kosa kata yang dipelajari mempunyai tafsiran makna yang berlainan. Terdapat sorotan kajian daripada bahasa-bahasa yang lain yang menerangkan kaedah mempelajari bahasa kedua, namun hasil data kajian yang diperolehi boleh memberi panduan dan rujukan kepada pembelajaran bahasa Melayu. Sumbangan utama yang dapat dibuat adalah dengan menonjolkan pendekatan pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan kepada perbezaan faktor individu sambil menekankan kemahiran bahasa.

### **2.3 Aspek Saiz Kosa Kata Bahasa Kedua**

Penguasaan kosa kata berkait rapat dengan saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Kedua-dua input dan output bahasa dikaitkan dengan jumlah kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Menurut Baayen (2001) terdapat kemungkinan output bahasa seperti menulis dan bertutur berfungsi sebagai mekanisme utama hasil daripada input bahasa. Swain (1995) pula membincangkan hubungan antara output bahasa dan pembelajaran bahasa kedua berdasarkan frekuensi kosa kata sama ada penggunaan secara meluas (jumlah) atau mendalam (kekerapan). Oleh itu terdapat kajian berkaitan saiz kosa kata bahasa kedua yang boleh diklasifikasikan dalam beberapa aspek, iaitu frekuensi, makna dan jumlah kosa kata.

### 2.3.1 Kosa Kata Berasaskan Frekuensi

Frekuensi kosa kata merujuk kepada kekerapan penggunaan yang mempunyai hubungan secara langsung terhadap orang yang mendengar dan membaca (Van Patten & Benati, 2010). Menurut Ellis (2008) frekuensi mempunyai peranan utama dalam pemerolehan bahasa kedua, iaitu pembelajaran bahasa yang didorong oleh input. Selain itu, fungsi memori bertindak sebagai penambah frekuensi untuk menyimpan maklumat yang diterima bagi membolehkan pelajar menggunakan kosa kata tersebut pada masa akan datang. Terdapat beberapa kajian yang membicarakan perkara berkaitan frekuensi kosa kata yang membolehkan pelajar mengguna dan mengembangkan bahasa.

Kajian oleh Wan Amar Ikram dan Kaseh Abu Bakar (2022) yang telah meneliti perkara berkaitan saiz kosa kata dalam aspek pengukuran bahasa Arab di Malaysia. Kaedah kajian dilakukan berbentuk kualitatif dengan mengutamakan kajian kepustakaan terhadap kajian-kajian lepas dan saiz yang diperlukan bagi seseorang pelajar untuk menguasai bahasa Arab. Hasil kajian mendapati saiz kosa kata boleh dipengaruhi oleh strategi pembelajaran bahasa yang diamalkan oleh pelajar. Selain itu, kecukupan kosa kata membolehkan pelajar menguasai kemahiran bahasa, iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Kemahiran yang dititikberatkan sebagai output bahasa ialah kemahiran menulis dan bertutur yang membolehkan pelajar berinteraksi dan mengungkapkan idea dengan bernas. Seterusnya, sebanyak 2000 kosa kata adalah saiz minimum yang perlu dicapai oleh setiap pelajar untuk menguasai bahasa kedua. Selain itu, pelajar perlu memahami lapan daripada setiap 10 kosa kata yang ditemui ketika membaca teks. Hasil sorotan kajian mendapati semakin lama pelajar mempelajari bahasa Arab, semakin baik penguasaan kosa kata yang dimiliki oleh pelajar.

Secara ringkasnya, bilangan saiz kosa kata mempunyai hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran dan tempoh masa pembelajaran. Pelajar di institusi pengajian tinggi memerlukan saiz kosa kata yang besar untuk mengukuhkan pengetahuan akademik dalam bidang yang dipelajari. Jumlah 3000 hingga 5000 yang dicadangkan dalam kajian tersebut merupakan jumlah minimum yang diperlukan bagi memudahkan pelajar mengikuti bidang pengajian di peringkat yang lebih tinggi terutama kemahiran berbahasa, manakala tahap 2000 adalah tahap minimum bagi penguasaan kosa kata asas. Dari aspek kelompangan kajian tersebut, penguasaan kosa kata boleh dinilai dengan melakukan kaedah kuantitatif seperti borang soal selidik dan ujian penilaian. Maka, kaedah kuantitatif merupakan satu daripada metodologi penyelidikan yang boleh memberi dapatan kajian yang empirikal.

Selain itu Kida (2022) telah menjalankan kajian berkaitan kekerapan dan kesan gabungan kosa kata terhadap pembelajaran bahasa kedua melalui kemahiran membaca. Kajian kuantitatif yang dilakukan berbentuk eksperimental terhadap 128 orang pelajar Jepun yang telah mempelajari bahasa Inggeris untuk menilai pemahaman pelajar berkaitan teks bacaan bagi setiap kosa kata dan konteks ayat. Terdapat dua ujian yang perlu dilalui oleh pelajar, iaitu dengan menjawab soalan pemahaman kosa kata dan soalan struktur ayat. Hasil kajian mendapati kumpulan rawatan mempunyai daya ingatan (memori) lebih tinggi dalam memahami bahasa Jepun ke bahasa Inggeris berbanding kumpulan kawalan. Selain itu, kajian menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang ketara berkaitan kekerapan dan penggunaan kosa kata antara dua kumpulan kajian. Data menunjukkan bahawa subjek kajian tidak menghadapi masalah untuk menggunakan bahasa Inggeris kerana hasil gabungan kosa kata untuk memahami ayat atau klausa.

Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa, kekerapan pendedahan terhadap kosa kata boleh memainkan peranan dalam bentuk daya ingatan pelajar terhadap bahasa Inggeris. Pendedahan kosa kata secara berulang kali memberikan peratusan skor yang lebih tinggi berbanding kosa kata yang jarang ditemui dalam teks bacaan. Lebih banyak penggunaan kosa kata dalam ayat, maka lebih cekap memori pelajar untuk mengenali kosa kata berdasarkan konteks ayat. Bagi menyokong usaha dan hasil kajian ini, maka guru perlu memperkenalkan sumber bacaan kosa kata dengan lebih sistematik berdasarkan penggunaan bahan bantu mengajar pada awal sesi pembelajaran. Penggunaan kosa kata secara kerap dan berulang kali boleh memberi kesan positif kepada pembelajaran bahasa Inggeris pelajar. Kajian tersebut boleh ditambah baik dengan menggunakan ujian -t bagi membuktikan perbezaan signifikan antara dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Kajian oleh Nurain Syafina Husain dan Norhayuza Mohamad (2020) berkaitan saiz kosa kata yang diperlukan sebagai seorang pelajar untuk memahami sesuatu bahasa sasaran. Kaedah kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan dua instrumen, iaitu ujian tahap kosa kata bahasa Arab dan ujian tahap produktif. Seramai 127 orang pelajar terlibat sebagai sampel kajian yang terdiri daripada pelajar program Bahasa Arab Komunikasi Profesional. Kajian tersebut mencadangkan beberapa perkara untuk pelajar mempunyai jumlah kosa kata yang mencukupi seperti memperuntukkan waktu khas untuk subjek bahasa Arab. Hal ini kerana, waktu pembelajaran yang terhad akan membataskan pemikiran pelajar di samping kekangan untuk memahami penggunaan kosa kata dengan lebih jelas. Oleh itu, waktu untuk mempelajari bahasa Arab perlu ditambah sesuai dengan keperluan bahasa Arab. Selain itu, beberapa aktiviti boleh dilakukan sama ada sebelum atau selepas kelas seperti kuiz, teka silang kata, nyanyian dan lakonan drama. Kesemua aktiviti ini perlu dilakukan dengan perancangan yang rapi dan tersusun agar memberi kelebihan kepada pelajar dalam jangka masa panjang.

Kajian tersebut juga mencadangkan ujian khas berkaitan kosa kata bahasa Arab bagi mengukur saiz sebenar kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Selain itu, penggunaan strategi pembelajaran yang khusus seperti yang dicadangkan oleh pengkaji wajar diteliti dengan lebih mendalam untuk kegunaan pelajar bahasa Arab. Walaupun kajian yang dijalankan berkaitan bahasa Arab dan bukannya bahasa Melayu, sumber dan data yang diperoleh dalam kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan berkaitan ujian saiz kosa kata bahasa Melayu.

Kajian oleh Sakata (2019) yang bertujuan untuk menganalisis jenis kosa kata yang dimiliki oleh pelajar berdasarkan pembelajaran menggunakan buku teks dan frekuensi am bagi mengetahui perkembangan bahasa asing. Kaedah kajian kuantitatif dijalankan terhadap 52 orang sampel kajian yang terdiri daripada 17 orang pelajar lelaki dan 35 orang pelajar perempuan. Pelajar tersebut perlu menduduki ujian kosa kata dan ujian kecekapan kosa kata. Hasil kajian mendapati bahawa saiz kosa kata pelajar tidak mempunyai hubungan korelasi, iaitu hanya  $r = 0.491$  sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan kosa kata pelajar bukan hanya diperoleh berdasarkan buku teks sahaja, malah terdapat sumber lain yang boleh mempengaruhi pemerolehan kosa kata seperti bahan bacaan dalam talian. Walau bagaimanapun, kosa kata dalam buku teks dilihat lebih menyumbang kepada perkembangan kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran bertulis.

Dapatan data dalam kajian ini menunjukkan bahawa guru perlu mempelbagaikan bahan pengajaran dan tidak hanya tertumpu kepada penggunaan buku teks sahaja. Kaedah dan teknik pengajaran dengan menggunakan teknologi dan multimedia boleh menyumbang secara signifikan kepada saiz kosa kata pelajar. Terdapat kosa kata yang tidak terdapat dalam buku teks tetapi diperoleh melalui sumber rujukan dalam talian. Selain itu, guru perlu menambah kekerapan penggunaan kosa kata dengan

memperkenalkan strategi pembelajaran bersifat memori, kognitif, metakognitif dan sosial. Keempat-empat strategi ini boleh diamalkan dengan lebih kerap dan dibantu dengan latihan dan latih tubi bergantung pada objektif pengajaran. Secara ringkasnya, kajian yang telah dijalankan telah membuktikan hubungan korelasi antara kosa kata dengan skor ujian penilaian. Kajian tersebut boleh ditambah baik dengan menilai kesan yang boleh mempengaruhi strategi pembelajaran terhadap kosa kata bahasa kedua yang telah dipelajari.

Seterusnya kajian Zainur Rijal Abdul Razak dan Rosni Samah (2018) yang meneliti saiz kosa kata mengikut peringkat pengajian pelajar sama ada di peringkat menengah atau universiti. Kaedah kajian kualitatif yang dijalankan adalah berbentuk kepustakaan dengan meneliti kajian-kajian lepas, kandungan jurnal, buku panduan dan tesis pelajar. Hasil kajian mendapati, jumlah minimum kosa kata yang mesti dikuasai oleh pelajar adalah antara 3000 hingga 5000 kosa kata. Jumlah ini adalah gabungan daripada kosa kata berfrekuensi tinggi, kosa kata akademik dan kosa kata bersifat teknikal atau khusus. Masalah utama kepada penguasaan bahasa kerana tidak mempunyai kosa kata yang mencukupi untuk berkomunikasi. Perkara ini memberi kesan negatif kepada pelajar dan tidak memperoleh keputusan baik dalam peperiksaan. Dalam kajian tersebut juga menerangkan bahawa terdapat strategi pembelajaran kosa kata yang perlu diamalkan oleh para pelajar bagi memperkukuhkan daya ingatan jangka masa panjang seperti penggunaan kad imbas. Kajian turut menyarankan agar kemahiran membaca dilakukan secara santai dan bersistematik sambil perlunya mendapat latihan dan bimbingan daripada guru.

Kecukupan kosa kata membolehkan pelajar memahami pelajaran dengan mudah berdasarkan bidang yang dipelajari sama ada bidang umum atau pun teknikal. Definisi penguasaan kosa kata berfrekuensi tinggi dalam pembelajaran bahasa bukan sekadar



penguasaan dari aspek kuantiti tetapi melibatkan pemahaman kosa kata. Saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar berbeza mengikut peringkat pengajian. Semakin tinggi taraf pendidikan yang dimiliki, maka semakin banyak kosa kata yang perlu dikuasai oleh pelajar. Hal ini membolehkan pelajar menggunakan kosa kata dengan lebih tepat dan teratur. Oleh itu, terdapat kelompangan kajian untuk menangani masalah ini adalah dengan menggunakan strategi pembelajaran kosa kata seperti yang diperkenalkan oleh Schmitt (1997).

Seterusnya Alaa Alahmadi et al. (2018) turut mengkaji berkaitan strategi pembelajaran kosa kata yang boleh mempengaruhi saiz kosa kata. Kajian berbentuk kuantitatif ini dijalankan terhadap 49 orang pelajar ijazah sarjana muda dan ijazah pascasiswazah yang mempelajari bahasa Inggeris di institusi pendidikan tinggi. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua kumpulan kajian gemar menggunakan teknologi seperti menonton televisyen dan meneka makna daripada konteks ayat untuk mempelajari bahasa Inggeris. Selain itu, pelajar pascasiswazah mempunyai kadar saiz kosa kata yang lebih tinggi disebabkan oleh penggunaan strategi yang pelbagai seperti bertutur dengan masyarakat di tempat-tempat awam seperti di kedai dan hospital. Kecukupan kosa kata yang dimiliki oleh pelajar pascasiswazah memudahkan pelajar untuk berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling terutamanya melibatkan aktiviti sosial. Berbanding dengan pelajar ijazah sarjana muda yang lebih mengaitkan kosa kata baharu dengan kosa kata sinonim yang diketahui dan penggunaan buku nota kosa kata.

Dalam hal ini, kajian yang dilakukan terhadap dua kumpulan yang berbeza tahap pendidikan boleh memberi keputusan berkaitan aspek pemerolehan dan frekuensi penggunaan kosa kata. Pelajar yang berada pada tahap pendidikan yang lebih tinggi memperoleh pengetahuan kosa kata yang banyak daripada bahan bacaan seperti surat

khobar, rakan sebaya dan faktor umur. Tahap pendidikan atau latar belakang pendidikan individu boleh mempengaruhi pemahaman, penguasaan dan saiz kosa kata. Oleh yang demikian, kajian ini berpendapat bahawa pengukuran saiz kosa kata boleh dilakukan terhadap bidang pengajian yang sama atau berbeza. Secara umumnya, terdapat kelompangan kajian dari aspek hubungan korelasi antara strategi pembelajaran kosa kata dan saiz kosa kata yang dimiliki. Faktor ini boleh dijelaskan dengan menganalisis hubungan korelasi antara dua pemboleh ubah tersebut.

Dapat disimpulkan bahawa kajian – kajian yang telah dilakukan membuktikan frekuensi berkeupayaan mempengaruhi pemerolehan dan pembelajaran kosa kata para pelajar yang mempelajari bahasa kedua. Guru perlu menangani kepekaan pelajar terhadap masalah frekuensi dan tujuan pembelajaran dengan menjalankan aktiviti pengajaran yang memberi pengetahuan dan penguasaan bahasa kepada pelajar. Bagi menentukan kegunaan sesuatu kosa kata, para pengkaji telah meluaskan kriteria kajian yang meliputi jangkaan kajian, frekuensi penggunaan, peluang pembelajaran dan kemampuan kognitif pelajar. Sehubungan dengan itu, frekuensi dianggap sebagai kriteria paling selamat untuk menentukan kegunaan, penguasaan dan fungsi umum sesuatu kajian kosa kata.

### **2.3.2 Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua**

Dalam membina keyakinan pelajar untuk bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu, para pelajar mestilah mempunyai kosa kata yang cukup seperti yang disarankan oleh pengkaji bahasa. Adolphs dan Schmitt (2003) mencadangkan sekurang-kurangnya pelajar perlu menguasai 3000 kosa kata semasa berkomunikasi. Selain itu, Azlia Cahyani Ngalawi dan Hakim Zainal (2020) menjelaskan penguasaan bahasa boleh diambil kira berdasarkan jumlah kosa kata yang dimiliki dan diterapkan dalam penggunaan kemahiran bahasa. Oleh itu, bahasa Melayu tidak terlepas daripada menjadi korpus kajian dan

perhatian daripada penyelidik dalam dan luar negara berkaitan penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

Kajian oleh Savitry Chelliah dan Norasmah Othman (2022) berkaitan tahap penguasaan bahasa Melayu berdasarkan pencapaian mata pelajaran Pengajian Perniagaan pelajar bukan Melayu. Kajian kualitatif berbentuk temu bual dijalankan terhadap enam orang informan yang mengajar mata pelajaran Pengajian Perniagaan di daerah Petaling Perdana, Puchong. Hasil kajian mendapati pelajar sukar untuk menyebut suku kata tertentu dan tidak dapat membaca dengan lancar. Selain itu juga, terdapat pelajar yang boleh membaca dengan baik tetapi tidak faham berkaitan isi kandungan yang diperkatakan. Bagi kemahiran bertutur, pelajar bukan Melayu masih menggunakan bahasa ibunda semasa sesi perbincangan dalam kumpulan dan tidak menggunakan sepenuhnya bahasa Melayu.

Seterusnya, bagi kemahiran menulis, pelajar tidak menjawab soalan yang diberikan dan dibiarkan kosong kerana memahami kehendak soalan kerana kesemua soalan yang diberikan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati hubungan korelasi yang lemah terhadap penguasaan bahasa Melayu pelajar boleh memberi kesan kepada hasil pencapaian mata pelajaran Pengajian Perniagaan.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, aspek kecukupan kosa kata boleh mempengaruhi pemahaman pelajar berkaitan isu, topik dan subjek yang dipelajari, terutamanya mata pelajaran yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Pembelajaran menjadi terhalang sekiranya pelajar tidak dapat memahami penggunaan kosa kata yang diujarkan oleh guru. Terdapat tiga kemahiran bahasa yang diuji kepada pelajar, iaitu kemahiran membaca, menulis dan bertutur. Dalam kajian

tersebut tidak melibatkan kemahiran mendengar. Apek mendengar boleh diuji bagi mengenal pasti pemahaman pelajar berdasarkan perbualan, soal jawab dan arahan yang diberikan oleh guru. Hasil data yang diperoleh nanti memberi dapatan yang jelas sekiranya pelajar bukan Melayu memahami maksud, boleh bertindak balas dan mentafsir kandungan yang didengari dengan tepat. Kelompangan kajian dalam tersebut adalah dari aspek penggunaan sampel kajian. Dalam kajian ini, sampel kajian ialah pelajar ijazah tinggi antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu di Universiti Malaya berbanding kajian yang telah dilakukan, iaitu pelajar tempatan yang bukan penutur natif bahasa Melayu.

Seterusnya kajian oleh Nurmasturah Jamil et al. (2020) yang mengkaji penguasaan kosa kata bahasa Arab semasa berkomunikasi. Kaedah kajian kuantitatif yang dilakukan menerusi instrumen soal selidik terhadap 12 orang guru yang mengajar subjek al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu’asirah (LAM). Hasil kajian mendapati bahawa pelajar Melayu menghadapi masalah komunikasi kerana kekurangan kosa kata. Selain itu, terdapat juga pelajar yang tidak memahami tatabahasa bahasa Arab seterusnya tidak dapat menggunakan kosa kata dengan tepat. Faktor kurang membaca bahan bacaan bahasa Arab antara penyumbang utama kepada masalah ini. Pelajar lebih memilih menggunakan bahasa bacaan daripada bahasa ibunda berbanding bahasa Arab. Teknik hafalan yang diamalkan menyebabkan pelajar tidak memahami struktur pembentukan kosa kata terutama melibatkan morfologi dan sintaksis. Terdapat pelajar yang boleh bertutur bahasa Arab dengan baik kerana sudah mempelajarinya sejak dari tingkatan satu. Pendedahan awal berkaitan kosa kata bahasa Arab memberi kelebihan kepada pelajar tersebut untuk berkomunikasi.

Kajian berkaitan bahasa Arab mempunyai permasalahan yang sama dengan bahasa Melayu, iaitu pelajar kekurangan kosa kata. Faktor masa pembelajaran, kefahaman tatabahasa merupakan faktor yang boleh dijadikan pemboleh ubah untuk melihat hasil penguasaan kosa kata. Kajian tersebut boleh ditambah baik dengan menambah bilangan informan serta menguji pelajar sebagai sampel kajian yang mempelajari bahasa Arab. Selain itu, fokus kajian terhadap satu daripada kemahiran berbahasa boleh diimplementasikan dalam kajian lanjutan.

Selain itu, Patricia Antai Robin et al. (2020) yang telah menjalankan kajian berkaitan penguasaan kosa kata bahasa Melayu terhadap kanak-kanak Iban melalui nyanyian lirik lagu. Kajian kualitatif yang dilaksanakan berbentuk kajian kes dan temu bual seorang guru. Kajian tersebut menyatakan bahawa kaedah pengajaran yang dipelbagaikan boleh memberi kesan yang baik kerana tidak hanya tertumpu pada sukatan pengajaran yang telah ditetapkan sahaja. Penggunaan lagu kanak-kanak juga boleh memberi kesan positif terhadap tahap pemahaman pelajar yang bukan penutur natif bahasa Melayu. Cara tersebut boleh mengasah kemahiran berbahasa seperti sebutan dan kefahaman. Teknik latih tubi atau pengulangan sebutan yang diamalkan oleh sampel kajian juga merupakan satu daripada kaedah yang boleh diamalkan kepada pelajar yang mempelajari bahasa Melayu. Kemudahan pengajaran seperti penggunaan audio dan visual juga boleh membantu perkembangan kognitif kanak-kanak.

Walaupun sampel kajian terhadap kanak-kanak, namun proses yang sama juga boleh berlaku kepada pelajar dewasa apabila otak memproses maklumat kosa kata yang didengar boleh diterjemahkan ke dalam bentuk ujaran. Kepelbagaian teknik dan strategi perlu diperkenalkan kepada pelajar sebagai satu daripada cara untuk memperoleh, mempelajari dan mengukuhkan bahasa Melayu. Selain itu, faktor sosial seperti kekerapan penggunaan bahasa ibunda di dalam kelas juga boleh menjadi penghalang kepada

pencapaian pelajar sekiranya tidak ditangani dengan segera. Kelompangan dalam kajian tersebut adalah dari aspek sampel kajian. Dalam kajian ini, pelajar dewasa yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan juga merupakan pelajar antarabangsa.

Seterusnya Amirul Mukminin Mohamad dan Zamri Mahamod (2019) yang telah menjalankan kajian berkaitan penguasaan kosa kata dan hubungan keyakinan pelajar antarabangsa semasa berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu. Kaedah kajian kuantitatif melibatkan kumpulan data secara pengedaran borang soal selidik telah dilakukan dengan melihat perkaitan pemboleh ubah antara intervensi dan ujian skor pencapaian pelajar. Hasil kajian mendapati pelajar memperoleh keyakinan yang tinggi untuk menjawab segala pertanyaan sama ada daripada guru dan rakan sebaya sekiranya mempunyai kosa kata yang mencukupi. Keyakinan pelajar terbentuk daripada latihan soal jawab yang diamalkan sebagai satu daripada kaedah pembelajaran yang melibatkan perbualan mudah dan aktiviti di dalam kelas. Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan apabila guru menggunakan kaedah bantu mengajar dengan melibatkan pelajar tempatan sebagai rakan perbualan bagi menambah bilangan kosa kata.

Secara ringkasnya, terdapat kaedah yang boleh membantu pelajar menguasai bahasa Melayu, iaitu dengan penglibatan rakan sebaya daripada penutur natif bahasa Melayu. Penglibatan penutur natif boleh memberi pemahaman berkaitan cara bertutur dengan betul dan jelas. Pelajar antarabangsa mempunyai keyakinan yang tinggi untuk terus memperoleh kosa kata sekiranya selalu bertanya sama ada kepada guru atau rakan sekelas. Perubahan corak pengajaran daripada berbentuk konvensional kepada pengajaran interaktif boleh memberi hubungan yang signifikan kepada pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu. Kajian tersebut boleh ditambah baik dengan menambah instrumen kajian, iaitu melakukan ujian penilaian kosa kata bagi

mengetahui tahap penguasaan bahasa Melayu dengan melihat kepada kedalaman dan keluasan kosa kata.

Seterusnya Nurul Ain Ahmad dan Rohaidah Kamarudin (2019) yang menganalisis faktor-faktor ekstra linguistik yang boleh membantu kepada pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di universiti. Kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif telah dilakukan terhadap 150 orang responden melalui borang soal selidik dan temu bual tidak formal dengan menggunakan teori sikap terhadap bahasa. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar kerap menggunakan kaedah hafalan dan menulis kosa kata secara berulang kali untuk mengingati kosa kata yang lebih menjurus kepada strategi memori. Hal ini membuktikan bahawa pelajar antarabangsa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mempelajari bahasa Melayu. Pelajar antarabangsa akan bertanya kepada rakan sekelas sekiranya terdapat kosa kata yang tidak difahami. Selain itu, pelajar memilih untuk terus menggunakan bahasa Melayu pada masa akan datang terutama dalam aspek pergaulan atau bertutur dengan penutur natif.

Dapatan kajian membuktikan bahawa pelajar antarabangsa gemar mempelajari bahasa Melayu dan memberi keseronokan kepada pelajar sekiranya boleh bertutur dengan baik dan lancar. Pergaulan sesama rakan kelas dengan menggunakan bahasa Melayu boleh memberi penambahan kepada saiz kosa kata. Terdapat pelajar yang terus bertanya kepada guru kerana malu untuk bertutur bersama rakan-rakan dan tidak melibatkan aktiviti pembelajaran secara aktif. Kajian tersebut mencadangkan agar kursus bahasa Melayu perlu diajar di setiap universiti awam dan swasta di samping menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang terkini selari dengan peredaran zaman. Dari aspek kelompangan kajian pula, kajian ini akan menggunakan instrumen ujian penilaian kosa kata untuk mengetahui tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Nur Fatin Zulkifli (2017) terhadap pelajar Cina yang mempelajari bahasa Melayu di sebuah Sekolah Persendirian Cina di Klang. Kajian campuran yang menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif yang dijalankan menerusi borang soal selidik, temu bual antara guru dan analisis kesalahan ejaan. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar banyak melakukan kesilapan daripada aspek morfologi seperti penggunaan imbuhan dan kesalahan pemilihan kosa kata. Kesalahan yang sering dilakukan pelajar boleh diubah dengan memberi galakan dan dorongan sekiranya pelajar melakukan kesalahan ejaan yang boleh ditambah baik dari semasa ke semasa. Seterusnya terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah penguasaan bahasa Melayu dengan interaksi bersama guru semasa di dalam kelas. Hubungan yang baik antara guru dengan pelajar memberi keselesaan kepada pelajar untuk hubungan komunikasi dua hala.

Kajian tersebut mencadangkan agar guru hendaklah sentiasa berkomunikasi bersama pelajar supaya proses pembelajaran tersebut menjadi ceria. Guru perlu lebih kreatif dan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan tidak hanya tertumpu kepada aspek leksikal, nahu dan struktur ayat sahaja. Walaupun terdapat beban tugas yang perlu diselesaikan oleh guru, namun tugas-tugas tersebut tidak menjadi bebanan yang besar sekiranya pelajar menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di akhir sesi pembelajaran. Guru merupakan pihak kedua yang sering menjadi rujukan kepada pelajar semasa mempelajari bahasa Melayu. Secara tidak langsung, peranan guru dikaitkan dengan strategi sosial penemuan dan pengukuhan yang diamalkan oleh pelajar sebagai salah satu strategi yang digunakan dalam kajian. Antara kelompangan yang diperoleh dalam kajian tersebut ialah, pengkaji tidak melakukan analisis dari aspek hubungan korelasi dan regresi yang memberi kesan kepada komunikasi pelajar.



Kajian berkaitan penguasaan kosa kata bahasa Melayu terutama kepada pelajar antarabangsa di Malaysia kurang mendapat perhatian daripada penyelidik tempatan. Berdasarkan situasi tersebut, kajian yang empirikal terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu wajar dilaksanakan. Perkara yang diteliti adalah berkaitan saiz kosa kata, strategi pembelajaran dan faktor-faktor yang menjadi penyumbang kepada penguasaan bahasa Melayu. Di samping kecekapan dan penguasaan pelajar antarabangsa menguasai bahasa Melayu, terdapat juga kelemahan dan halangan yang perlu diambil kira seperti pengaruh bahasa ibunda, terjemahan secara langsung, kurang sokongan pembelajaran dan kemudahan pengajaran untuk mendapatkan bahan rujukan.

Kajian penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua yang dipelajari oleh pelajar antarabangsa di Malaysia banyak dilakukan secara sedar, iaitu melalui proses pembelajaran di dalam kelas bersama guru dan rakan sebaya. Sifat bahasa Melayu yang sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman menjadikan proses pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa menjadi cabaran utama kepada pelajar dan guru.

#### **2.4 Strategi Pembelajaran Bahasa**

Istilah strategi pembelajaran bahasa telah didefinisikan oleh ramai sarjana di seluruh pelusok dunia. Williams dan Burden (1997) menyatakan bahawa strategi pembelajaran boleh mempengaruhi psikologi kognitif ketika pelajar mempelajari bahasa kedua. Selain itu Schmitt (1997) pula menyatakan strategi pembelajaran melibatkan tingkah laku dan pemikiran yang digunakan oleh pelajar untuk memudah, memahami dan menambah maklumat baharu. Sementara itu, O'malley et al. (1990) menjelaskan bahawa kaedah tersebut merupakan usaha pelajar sama ada secara sedar atau tidak sedar untuk memproses maklumat yang diperolehi melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas atau di luar kelas.

Close (1993) menyatakan tahap kecekapan berbahasa terbahagi kepada tiga, iaitu pada tahap mahir, sederhana dan lemah. Pelajar yang mahir akan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran, dan sebaliknya pelajar yang lemah hanya fokus kepada strategi pembelajaran yang terbatas. Bahagian ini akan mengupas kajian-kajian lepas berkenaan strategi pembelajaran bahasa sama ada bahasa Melayu atau bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab bagi menguji penguasaan kosa kata pelajar.

#### **2.4.1 Pembelajaran Bahasa Melayu**

Perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mendapat perhatian dan kajian daripada pelbagai pihak. Kaedah penguasaan pelajar menguasai bahasa Melayu berbeza antara satu sama lain. Terdapat pelajar yang melalui proses semula jadi yang melibatkan proses mental, iaitu pembelajaran secara tidak sedar, manakala terdapat juga pelajar menguasai bahasa Melayu secara sedar, iaitu pembelajaran di dalam kelas (Norton, 2012). Setiap pelajar boleh melakukan pendekatan strategi yang berbeza antaranya ialah bertutur dengan penutur natif bahasa Melayu (Rozana Jaafar, 2020). Oleh itu, terdapat kajian yang meneliti strategi pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa.

Li et al. (2022) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti tahap penggunaan strategi pembelajaran semasa mempelajari bahasa Melayu oleh pelajar dari China. Kaedah kajian yang berbentuk kuantitatif dijalankan melalui edaran borang soal selidik terhadap 80 orang responden yang mempelajari bahasa Melayu dari Universiti Etnik-Etnik Yunan, China. Hasil kajian mendapati, responden banyak mengamalkan strategi metakognitif dengan nilai min 3.15 yang membawa kepada tahap sederhana. Seterusnya strategi memori juga berada pada tahap yang sederhana tetapi mempunyai nilai min yang paling rendah, iaitu 2.90. Keseluruhan strategi berada pada tahap sederhana dengan nilai min sebanyak 3.06. Selain itu, kajian tersebut menunjukkan bahawa, pelajar China yang mempelajari bahasa Melayu mempunyai perancangan yang jelas sebelum memulakan

sesi pembelajaran seperti mengulang kaji pelajaran sebelum bermulanya kelas. Pelajar sudah bersedia dari segi mental dan fizikal untuk mempelajari bahasa Melayu.

Secara ringkasnya, pelajar China yang mempelajari bahasa Melayu banyak mengamalkan strategi pembelajaran yang pelbagai untuk memperoleh pengetahuan yang baharu. Pelajar akan menggunakan kosa kata sinonim bagi menggantikan kosa kata yang tidak diketahui. Selain itu, pelajar hanya bertutur menggunakan bahasa Melayu bersama guru dan rakan sekelas sahaja memandangkan bahasa utama masyarakat di tanah air bukanlah bahasa Melayu tetapi bahasa Mandarin. Pelajar perlu lebih kreatif dengan mencari sumber pembelajaran dalam talian dengan menggunakan media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram* untuk berinteraksi menggunakan bahasa Melayu. Cara ini secara tidak langsung boleh menambah bilangan kosa kata pelajar. Kajian ini boleh ditambah baik dengan meneliti korelasi strategi pembelajaran terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

Seterusnya kajian oleh Halimah Ma'alip et al. (2021) telah meneliti tahap motivasi dan halangan yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu secara dalam talian. Kaedah kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik terhadap 227 orang responden yang mengambil kursus bahasa Melayu di Universiti Teknologi Malaysia. Hasil kajian mendapati pelajar antarabangsa masih mempunyai tahap motivasi yang tinggi walaupun kelas pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dilakukan secara dalam talian. Selain itu faktor keyakinan yang ada dalam diri merupakan elemen utama walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa yang baharu dipelajari oleh pelajar. Pelajar berasa sukar mempelajari bahasa Melayu kerana kaedah pengajaran telah bertukar daripada kaedah konvensional kepada pembelajaran dalam talian. Pelajar lebih gemar berjumpa dengan

guru secara bersemuka untuk menjelaskan konsep yang tidak difahami berbanding perjumpaan secara maya.

Kajian tersebut juga mendapati motivasi yang dimiliki oleh pelajar menjadi pemangkin kepada keinginan untuk meneruskan niat dan tindakan mempelajari bahasa Melayu. Dalam kajian tersebut, pelajar bersemangat untuk mempelajari bahasa Melayu memandangkan terdapat rangsangan daripada guru. Walaupun sukar memperoleh keputusan yang cemerlang, namun terdapat dorongan dan sokongan daripada guru untuk meneruskan pengajian. Kaedah pembelajaran yang pelbagai memberi kelebihan kepada pelajar untuk meneruskan pengajian sehingga memperoleh keputusan yang baik. Kajian tersebut boleh ditambah baik dengan meneliti strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar bagi membantu meningkatkan pembelajaran bahasa Melayu.

Kajian oleh Rozana Jaafar (2020) pula berkaitan strategi yang diamalkan oleh pelajar Cina dan India semasa mempelajari bahasa Melayu yang diuji berdasarkan dua kemahiran, iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran menulis. Kaedah kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 234 orang pelajar bukan Melayu. Hasil kajian mendapati strategi pembelajaran pelajar berada pada tahap tinggi untuk pelajar Cina dan India. Faktor penyumbang kepada pencapaian yang tinggi kepada pelajar adalah kerana pelajar sentiasa mendengar dengan tekun ketika komunikasi dua hala dengan orang lain. Tahap pemahaman pelajar akan menjadi baik terhadap bahasa Melayu sekiranya pelajar tersebut menumpukan sepenuh perhatian ketika mendengar. Bantuan guru dan rakan sebaya sangat digalakkan pada awal proses pembelajaran. Sekiranya para pelajar menghadapi masalah kesukaran untuk memahami topik yang diajarkan, pelajar boleh mendapatkan penjelasan daripada guru secara langsung.

Bagi kemahiran menulis pula, hasil kajian mendapati pelajar menulis isi-isi penting dengan membina rangka karangan sebelum memulakan proses penulisan. Semakan hasil penulisan secara berulang kali merupakan satu daripada strategi yang boleh diamalkan sebelum menghantar tugas kepada guru bagi memastikan jawapan yang diberikan adalah betul. Pembelajaran bahasa Melayu boleh juga disebabkan oleh faktor sekeliling seperti guru dan rakan sebaya. Pelajar boleh meminta bantuan dan bimbingan daripada guru sebagai pakar dalam bidang bahasa untuk menyelesaikan segala permasalahan yang timbul semasa mempelajari bahasa Melayu. Hasil daripada dapatan kajian tersebut, kelompangan kajian yang diperolehi ialah dari aspek sampel kajian yang berbeza, iaitu pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu.

Selain itu, Juwairiah Osman et al. (2020) yang menjalankan kajian campuran berbentuk kuantitatif dan kualitatif berkaitan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa dengan menggunakan pendekatan aplikasi (Apps). Kajian yang dilakukan terhadap 30 orang pelajar antarabangsa dengan mengambil kira empat peringkat pembelajaran berdasarkan Model Kolb, iaitu pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, eksperimen efektif dan pengalaman konkrit. Hasil kajian mendapati, penerapan kemahiran mendengar dan membaca yang diamalkan pada awal sesi pembelajaran membolehkan pelajar menterjemah dan membina ayat-ayat mudah. Seterusnya kemahiran penulisan yang menerapkan konseptual secara abstrak mendapati, pelajar boleh menulis ayat atau karangan ringkas berdasarkan situasi harian seperti pasar malam, tempat penginapan dan arah tujuan. Bagi kemahiran pertuturan pula, hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar memahami isi kandungan dan boleh bertutur dengan baik hasil daripada pengalaman secara alami di luar kelas.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses penguasaan bahasa Melayu memerlukan beberapa peringkat yang bermula dengan tahap asas dan diakhiri dengan tahap tinggi. Ketiga-tiga tahap ini memerlukan penelitian dan bimbingan daripada guru serta dibantu dengan penggunaan teknologi atau aplikasi yang boleh menjimatkan masa. Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan inisiatif yang baik bukan hanya kepada pelajar, malah kepada guru dan institusi pengajian tinggi. Pembelajaran yang tidak hanya tertumpu di dalam kelas juga boleh dijadikan ikutan dan panduan kepada tenaga pengajar dalam mempelbagaikan strategi pengajaran. Kelompangan kajian yang diperoleh ialah dengan menggunakan model pembelajaran yang berbeza, iaitu Model Pemerolehan Kosa Kata Ellis (1994) atau Taksonomi Schmitt (1997) bagi mengukur tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar.

Seterusnya kajian oleh Roshidah Hassan (2017) telah menjalankan kajian berkaitan gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Perancis. Kajian yang dilakukan berbentuk kuantitatif melalui borang soal selidik dilakukan terhadap 19 orang pelajar program Sarjana Muda Bahasa Indonesia/Malaysia di Jabatan Asia Tenggara dan Asia Pasifik. Hasil kajian mendapati, petikan teks yang bersifat tersurat mudah difahami oleh pelajar berbanding teks yang mempunyai tersirat. Bagi kemahiran penulisan pula, pelajar didapati menulis kembali idea tanpa menerangkan dengan lebih terperinci maksud yang hendak disampaikan. Perkara ini menyebabkan hasil penulisan tidak berkembang tanpa huraian yang kukuh. Bagi kemahiran mendengar, pelajar lebih suka sekiranya terdapat bahan bantu mengajar sebagai rujukan sokongan semasa menyelesaikan masalah pembelajaran. Pelajar lebih memilih gaya pembelajaran yang bersifat visual kerana boleh membantu, memahami dan menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik.

Namun antara perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam kajian tersebut ialah faktor persekitaran pelajar, iaitu masyarakat setempat yang tidak menuturkan bahasa Melayu. Faktor ini boleh memberi kesan kepada pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu kerana tidak berpeluang menggunakan bahasa Melayu dengan lebih kerap. Penggunaan bahasa Melayu hanya terhad di dalam kelas, iaitu bersama guru dan rakan sekelas sahaja. Secara ringkasnya, kajian yang telah dijalankan hanya bersifat minoriti kerana saiz sampel yang sedikit dan tidak menggambarkan keseluruhan populasi pelajar yang mempelajari bahasa Melayu.

Dapat disimpulkan bahawa, bukan mudah untuk pelajar antarabangsa menguasai bahasa Melayu seperti yang ditawarkan di universiti atau di institusi pengajian tinggi yang lain. Setiap perkembangan bahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar adalah secara berperingkat dari satu tahap ke satu tahap sama ada bermula daripada abjad, suku kata, kosa kata, frasa dan ayat (Haarmann, 2012). Masalah kepada pelajar antarabangsa lebih kepada mengenali dan menyebut abjad, suku kata, kosa kata, frasa, memahami ayat seterusnya kepada makna (Read, 2007). Penggunaan pelbagai strategi, teknik dan kaedah yang sesuai dengan situasi pelajar boleh membantu dalam proses pembelajaran. Pemerolehan dan penguasaan bahasa menjadi titik tolak kepada tahap pemahaman pelajar agar maklumat yang hendak disampaikan difahami dan diterima oleh pendengar. Cabaran utama adalah mencari kaedah, cara dan strategi untuk mengetahui faktor-faktor yang melambatkan dan memudahkan penggunaan bahasa Melayu. Setiap pelajar antarabangsa yang mempunyai akses pendidikan dan pembelajaran perlu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam komunikasi semasa berada di Malaysia.

#### **2.4.2 Pembelajaran Bahasa Kedua**

Penyelidikan bahasa kedua memberi tumpuan kepada penemuan kajian dan proses yang terjadi untuk memperoleh pemahaman berkaitan bahasa yang lebih luas dan terperinci

(Kramsch, 2003). Bidang pembelajaran bahasa kedua merangkumi penyelidikan berkaitan aspek pemerolehan, penggunaan dan penguasaan bahasa. Kajian-kajian yang telah dilakukan bertujuan menangani isu-isu dan permasalahan yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran bahasa kedua di dalam kelas dan persekitaran pelajar.

Dalam kajian yang lepas, fokus yang diutamakan adalah berkaitan saiz kosa kata, kesan dalam pembelajaran bahasa kedua, penggunaan teknologi, faktor kognitif dan sosial pelajar. Terdapat pemboleh ubah yang diuji seperti guru, pelajar dan bahan pengajaran yang mendasari penguasaan bahasa kedua. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan sorotan kajian yang bersangkutan dengan pembelajaran bahasa kedua yang boleh dijadikan panduan dan rujukan sebagai penelitian data kajian.

Kajian oleh M. Al Zahrani dan Chaudhary (2022) yang menganalisis strategi pembelajaran kosa kata bahasa Inggeris terhadap kesan dan pengetahuan pelajar. Kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif dijalankan terhadap 20 orang sampel kajian dengan melakukan temu bual separa struktur, borang soal selidik serta pemerhatian di dalam kelas. Hasil kajian mendapati, sebanyak 42.90 peratus pelajar bersetuju bahawa strategi pembelajaran kosa kata memainkan peranan penting semasa pembelajaran bahasa Inggeris. Pelajar lebih berkeyakinan semasa berkomunikasi kerana mempunyai kefahaman yang lebih jelas berkaitan struktur dan rumus tatabahasa. Selain itu, pelajar mengamalkan strategi meneka makna daripada konteks ayat, bertanya kepada rakan sekelas, mengambil nota dan belajar kosa kata melalui gambar untuk memahami maksud kosa kata. Data ujian pra dan pasca yang dijalankan menunjukkan peningkatan skor markah ujian penilaian dengan terdapat perbezaan yang signifikan antara dua ujian tersebut, iaitu  $p < 0.05$  (0.001). Kesan terhadap strategi pembelajaran tersebut boleh membantu pelajar memahami dengan lebih jelas terhadap bahasa Inggeris yang dipelajari.



Hasil kajian yang dilakukan dapat membuktikan strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar boleh memberi kesan positif terhadap pemahaman bahasa Inggeris. Setiap strategi tersebut boleh dibantu dengan penggunaan teknologi, rakan sekelas dan guru. Guru boleh mempelbagaikan kaedah dan strategi pembelajaran yang bukan hanya digunakan di dalam kelas sahaja, tetapi boleh digunakan di luar kelas semasa pembelajaran sendiri. Kajian tersebut boleh ditambah baik dengan melihat kepada faktor-faktor individu seperti perbezaan jantina semasa mempelajari bahasa Inggeris dan penambahan saiz sampel kajian.

Seterusnya kajian Ali dan Anwar (2021) yang meneliti strategi pembelajaran kosa kata dan pemerolehan bahasa asing di sebuah universiti swasta. Kajian yang bertujuan untuk menganalisis hubungan antara kategori strategi pembelajaran sosial dengan pemerolehan bahasa Inggeris dengan menggunakan Taksonomi Oxford (1990). Kaedah kajian berbentuk kuantitatif ini dijalankan menerusi instrumen borang soal selidik terhadap 115 orang responden yang merangkumi 28 item strategi pembelajaran kosa kata. Hasil kajian mendapati pelajar lebih mengamalkan kategori pembelajaran daripada strategi sosial. Berdasarkan kepada data item yang diperoleh, majoriti pelajar tidak bertutur atau berdiam diri ketika diajukan soalan kerana tidak fasih berbahasa Inggeris disebabkan kekurangan kosa kata. Selain itu, pelajar lebih gemar bertanya kepada rakan sekelas untuk mengetahui makna dan penggunaan kosa kata tersebut.

Secara ringkasnya, strategi sosial merupakan strategi pembelajaran kosa kata yang boleh diamalkan serta memberi kesan kepada keupayaan pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris. Strategi sosial dapat dikaitkan dengan pembelajaran yang melibatkan pihak lain sama ada rakan sebaya, guru, masyarakat atau penutur natif bahasa Inggeris. Dalam kajian tersebut, tidak dinyatakan dengan jelas teori atau pendekatan ketika meneliti strategi pembelajaran kosa kata pelajar. Maka, terdapat kelompangan kajian

yang boleh ditambah baik bagi menentukan hala tuju dan panduan dalam mengkaji strategi pembelajaran kosa kata. Satu daripadanya dengan menggunakan Taksonomi Schmitt (1997).

Kajian oleh Quiroz et al. (2021) telah menganalisis penggunaan aplikasi Kahoot dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Inggeris. Kaedah kajian kuantitatif yang dijalankan terhadap dua kumpulan pelajar, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen yang dikenali sebagai kajian kuasi. Hasil kajian bagi ujian pra mendapati, tidak terdapat perbezaan yang signifikan hasil daripada ujian -t yang dilakukan kerana memperoleh nilai  $p = 0.196 (>0.05)$ . Selepas pelajar melalui proses pembelajaran selama empat minggu, hasil ujian pasca menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan, iaitu nilai  $p = 0.004 (<0.05)$ . Hal ini membuktikan bahawa aplikasi Kahoot boleh membantu pelajar semasa pembelajaran bahasa Inggeris. Penggunaan teknologi merupakan strategi baharu yang boleh diperkenalkan oleh guru dan pihak pentadbiran berbanding kaedah pembelajaran secara tradisional.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa skor markah kumpulan eksperimen menunjukkan peningkatan selepas melalui proses pengajaran dan pembelajaran selepas menggunakan aplikasi Kahoot. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi boleh meningkatkan pemahaman dan penguasaan pelajar berkaitan kosa kata. Dapat diperhatikan juga, satu daripada kategori strategi pembelajaran yang ditanya dalam borang soal selidik ialah item berkaitan strategi kognitif dan metakognitif. Kedua-dua kategori ini juga melibatkan penggunaan teknologi dan multimedia dalam pembelajaran bahasa Melayu. Maka, hasil kajian ini boleh memberi panduan bahawa teknologi maklumat merupakan satu daripada cara dan kaedah yang boleh diamalkan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Melayu. Selain itu, kajian tersebut boleh ditambah baik dengan menggunakan teori atau model pembelajaran bahasa, seperti Model Pemerolehan

Bahasa Kedua Ellis (1994) sebagai panduan untuk menguji peningkatan tahap penguasaan bahasa kedua pelajar.

Kajian oleh Duong et al. (2021) yang menganalisis strategi pembelajaran kosa kata bahasa Inggeris dengan menggunakan teknologi sebagai satu daripada alat pembelajaran bahasa. Kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif dijalankan menerusi borang soal selidik dan temu bual separa berstruktur terhadap 240 orang sampel kajian yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Hasil kajian mendapati pelajar banyak mengamalkan item strategi metakognitif untuk mempelajari bahasa Inggeris, iaitu mempelajari kosa kata daripada permainan dalam talian. Selain itu, pelajar juga mengamalkan pembelajaran dengan mengulang sebutan kosa kata seperti yang terdapat dalam perisian komputer. Penggunaan teknologi pembelajaran kosa kata antara pelajar tahun pertama dan tahun kedua menunjukkan perbezaan yang signifikan, iaitu  $p = 0.0028$ . Kaedah dan strategi pembelajaran yang diamalkan merangkumi pelbagai cara sama ada kategori sosial, penemuan, kognitif dan metakognitif.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa, satu daripada cara yang digunakan oleh pelajar untuk menguasai kosa kata adalah dengan menggunakan teknologi. Kajian juga membuktikan bahawa perkhidmatan akses jalur lebar tanpa wayar (*wifi*) secara percuma boleh memberi kemudahan kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Inggeris. Dapat diperhatikan dalam kajian tersebut, terdapat perbezaan penguasaan kosa kata antara pelajar tahun pertama dan tahun kedua. Perkara ini disebabkan oleh, pelajar tahun kedua telah melalui proses pembelajaran lebih lama berbanding pelajar tahun pertama. Seterusnya guru harus membantu pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris untuk memahami sepenuhnya penggunaan teknologi dan keberkesanan penggunaannya. Hasil daripada kajian tersebut boleh ditambah baik dengan meneliti hubungan korelasi antara

strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dengan tahap pencapaian bahasa Inggeris.

Shofwatul Fu'adah (2021) telah membuat kajian berkaitan penggunaan peta minda sebagai satu daripada strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Kajian kualitatif yang dijalankan menerusi kaedah pemerhatian, temu bual dan penelitian dokumen di sebuah sekolah menengah agama swasta. Hasil kajian mendapati, guru memperkenalkan kaedah hafalan untuk pelajar mempelajari kosa kata. Kaedah ini menyebabkan pelajar tidak faham maksud dan penggunaan kosa kata tersebut. Kaedah pengajaran yang terhad daripada guru menyebabkan pelajar tidak mempunyai pilihan lain semasa mempelajari bahasa Arab. Perkara ini menyebabkan aktiviti pembelajaran menjadi terbatas dan tidak menyeronokkan. Selain itu, guru juga menggunakan kaedah terjemahan langsung daripada bahasa Arab ke bahasa Indonesia. Terdapat beberapa strategi pembelajaran yang boleh diamalkan dalam mempelajari kosa kata seperti penggunaan warna, kata kunci, gambar rajah, memulakan penulisan dari tengah dan garisan melengkung.

Hasil kajian tersebut menjelaskan bahawa strategi pembelajaran bahasa tidak terbatas kepada kaedah konvensional semata-mata. Malah penggunaan kaedah yang moden dan tersusun boleh memberi kefahaman yang lebih kepada pelajar seperti gabungan peta minda dan teknologi. Terdapat kelompangan daripada kajian tersebut, iaitu tiada pendekatan teori atau model pembelajaran kosa kata yang boleh dijadikan pegangan dan panduan kajian. Bilangan sampel kajian dan ujian penilaian juga perlu dijelaskan bagi mengukur dapatan hasil pembelajaran setelah menggunakan strategi pembelajaran kosa kata berkonsepkan peta minda.

Selain itu, Ghalebi et al. (2020) telah menjalankan kajian berkaitan strategi pembelajaran kosa kata dengan melakukan perbandingan antara pelajar ijazah sarjana muda dengan pelajar ijazah sarjana. Kajian yang dilakukan menerusi kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik tertutup dan terbuka. Seramai 218 orang responden terlibat dalam kajian yang terdiri daripada 147 orang pelajar ijazah sarjana muda dan 71 orang pelajar ijazah sarjana. Hasil kajian mendapati, pelajar ijazah sarjana lebih menggunakan strategi metakognitif, strategi kognitif dan strategi sosial. Item strategi yang paling diamalkan oleh pelajar ijazah sarjana ialah menggunakan buku nota kosa kata, menjawab latihan kosa kata dan menggunakan kad imbas. Seterusnya bagi pelajar ijazah sarjana muda pula, kategori strategi yang menjadi pilihan ialah strategi keazaman, strategi afektif dan strategi memori. Bagi ijazah sarjana muda, item strategi yang paling diamalkan ialah penggunaan kamus dwibahasa, mendengar lagu bahasa Inggeris dan menggunakan kosa kata baharu dalam ayat.

Secara ringkasnya, hasil kajian mengesahkan bahawa pelajar daripada dua peringkat pengajian menggunakan strategi pembelajaran kosa kata yang berbeza. Strategi metakognitif menjadi pilihan pelajar ijazah sarjana, manakala strategi keazaman dan memori merupakan strategi pilihan pelajar ijazah sarjana muda. Terdapat banyak strategi yang boleh diamalkan dalam pembelajaran bahasa. Justeru, guru perlu memaklumkan kepada pelajar cara dan kaedah untuk mempelajari bahasa kedua mengikut kepada kesesuaian keadaan. Terdapat kelompangan daripada kajian tersebut dengan melakukan ujian kosa kata untuk melihat penguasaan bahasa kedua selepas pelajar mengamalkan strategi pembelajaran bahasa.

Seterusnya kajian oleh Gorgoz dan Tican (2020) yang meneliti strategi pembelajaran kosa kata dan pembelajaran sendiri bahasa asing di sebuah sekolah menengah. Kaedah penyelidikan yang dijalankan berbentuk kuantitatif dengan

menggunakan instrumen borang soal selidik yang mengandungi 32 item. Terdapat enam subkategori pembelajaran kosa kata, iaitu strategi kognitif, strategi pampasan, strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial. Seramai 990 orang responden terlibat dalam kajian yang melibatkan 498 orang responden perempuan dan 492 orang responden lelaki. Hasil kajian mendapati pelajar banyak menggunakan strategi memori dengan nilai min 23.81 dan diikuti oleh strategi afektif dengan nilai min 21.39. Seterusnya bagi strategi yang paling kurang diamalkan ialah strategi pampasan dengan nilai min 13.30. Bagi sikap ibu bapa dalam membentuk pembelajaran bahasa anak-anak, data kajian menunjukkan bahawa dorongan keluarga ialah faktor persekitaran yang utama semasa pembelajaran bahasa anak-anak di rumah.

Bagi kemahiran pembelajaran sendiri pula, pelajar perempuan lebih menguasai aspek pembelajaran luar kelas berbanding pelajar lelaki. Pelajar perempuan lebih memilih pembelajaran gaya bebas dan santai. Sebaliknya pelajar lelaki lebih memilih pembelajaran di dalam kelas bersama guru dan rakan sebaya. Secara ringkasnya, terdapat strategi pembelajaran yang boleh membantu penguasaan kosa kata pelajar seperti penglibatan dan galakan daripada ahli keluarga. Pelajar berasa lebih selesa dan tidak berasa malu untuk bertutur menggunakan bahasa kedua. Walaupun pembelajaran tersebut bukan bersifat formal, namun komunikasi dan perbincangan bersama ahli keluarga boleh menambah bilangan kosa kata. Kelompangan dalam kajian ini adalah dari aspek sampel kajian kerana menggunakan pelajar sekolah menengah sebagai subjek kajian berbanding kajian yang akan dijalankan nanti dengan menggunakan pelajar antarabangsa di peringkat universiti sebagai sampel kajian.

Secara umumnya, kajian berkaitan penggunaan strategi pembelajaran kosa kata menunjukkan bahawa pelajar lebih berjaya sekiranya strategi pembelajaran digunakan dengan sebaik mungkin. Sebahagian daripada kejayaan pelajar dapat dijelaskan oleh

jumlah strategi yang digunakan dan kualiti penggunaannya, manakala sebahagian lagi menjelaskan kaedah dan cara yang diamalkan oleh pelajar. Dapatan kajian yang lepas memperlihatkan pelbagai strategi yang diamalkan oleh pelajar boleh membantu kepada penguasaan bahasa dan meningkatkan saiz kosa kata. Pemahaman dan penguasaan bahasa boleh melangkaui ke pelbagai kemahiran bahasa sama ada membaca, menulis, bertutur dan mendengar. Selain itu, bantuan daripada guru, ibu bapa dan rakan sekelas juga sangat diperlukan bergantung kepada kesesuaian dan kemampuan pelajar. Justeru, jenis dan kuantiti strategi pembelajaran kosa kata yang digunakan oleh pelajar perlu diberi perhatian.

## **2.5 Perbezaan Pelajar Mempelajari Kosa Kata**

Kajian perbezaan pelajar semasa mempelajari bahasa mula mendapat perhatian sama ada kajian bahasa pertama atau bahasa kedua. Faktor yang diteliti dalam perbezaan ini memberikan dapatan dan hasil kajian yang boleh memastikan proses pembelajaran kosa kata dapat dilakukan dengan lancar. Menurut Loewen dan Sato (2018) terdapat aspek yang diberi perhatian berkaitan perbezaan pelajar semasa mempelajari bahasa kedua terutama bahagian kosa kata, iaitu kognitif, umur, komunikasi, kemahiran berbahasa, memori dan jantina. Kesemua faktor ini boleh menghalang pelajar untuk memproses input dan menghasilkan output bahasa semasa berinteraksi bahasa kedua.

### **2.5.1 Jantina dan Penguasaan Kosa Kata**

Perbezaan jantina dalam pembelajaran dan penguasaan kosa kata telah mendapat perhatian daripada pengkaji sejak tahun 70-an. Isu jantina dalam pemerolehan bahasa kedua telah mencapai penerimaan dan perhatian penting dalam kalangan penyelidik dan ahli bahasa di seluruh dunia (Young & Oxford, 1997). Hasil yang berbeza dicapai melalui pelbagai kajian yang dilakukan terhadap isu tersebut. Beberapa kajian yang telah

dijalankan untuk melihat perbezaan jantina berkaitan dengan pemerolehan, pembelajaran dan penguasaan kosa kata.

Kajian oleh Bhatti dan Mukhtar (2020) yang menganalisis kesan strategi pembelajaran kosa kata terhadap pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris berasaskan jantina. Kaedah kajian kuantitatif yang dijalankan melalui ujian pra n pasca dijawab oleh pelajar dan borang soal selidik untuk guru berkaitan pengalaman mengajar berdasarkan strategi pembelajaran kosa kata. Seramai 100 orang pelajar terlibat dalam kajian yang terdiri daripada 50 pelajar lelaki dan 50 pelajar perempuan. Hasil kajian mendapati, pelajar lelaki lebih menggunakan strategi pembelajaran secara dalam kumpulan berbanding pelajar perempuan yang lebih kepada pendengaran dan visual. Keseluruhan kajian membuktikan bahawa, pelajar lelaki dan pelajar perempuan memilih pembelajaran secara audio dan visual. Hal ini selari dengan perkembangan semasa apabila penggunaan teknologi lebih dominan terhadap hasil pembelajaran pelajar.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan penguasaan kosa kata antara jantina, iaitu dalam kalangan pelajar perempuan lebih baik berbanding pelajar lelaki. Pelajar lelaki lebih memilih pembelajaran berbentuk bebas dan tidak mahu terikat dengan peraturan pembelajaran berbanding pelajar perempuan yang lebih tersusun dan sistematik, iaitu dengan mencatat nota. Dapatan kajian bagi borang soal selidik bagi guru pula menunjukkan bahawa pengajaran yang menggunakan pelbagai teknik dan kaedah boleh memberi kesan positif kepada kosa kata pelajar. Guru juga bersetuju bahawa penerapan strategi pembelajaran kosa kata hendaklah diperkenalkan dari peringkat awal persekolahan yang boleh menambah minat dan pengetahuan pelajar. Namun demikian, sekiranya kajian tersebut menggunakan teori pemerolehan bahasa seperti yang diperkenalkan oleh Ellis (1994), maka kajian tersebut akan memberikan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dalam dapatan dan analisis kajian.



Kajian oleh Siti Hajar Bidin et al. (2019) yang meneliti perkara berkaitan sikap, motivasi dan jantina terhadap pelajar yang mempelajari bahasa Jepun tahap 1. Kaedah kajian kuantitatif dilakukan melalui borang soal selidik terhadap 250 orang responden yang terdiri daripada 102 orang pelajar lelaki dan 148 orang pelajar perempuan. Kajian tersebut lebih menjurus kepada menganalisis faktor jantina yang mendominasi pembelajaran bahasa Jepun dan perbezaan yang mempengaruhi penguasaan bahasa Jepun. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar lelaki lebih baik dalam penguasaan bahasa Jepun kerana seramai 63.70 peratus memperoleh gred A berbanding hanya 61.60 peratus bagi pelajar perempuan. Bagi gred B pula, pelajar perempuan lebih mendominasi dengan 36.50 peratus berada pada tahap ini berbanding pelajar lelaki, iaitu 32.40 peratus yang membawa perbezaan sebanyak 4.10 peratus.

Dapatan kajian tersebut membuktikan juga bahawa pelajar lelaki mempunyai tahap motivasi yang tinggi ketika mempelajari bahasa Jepun. Hal ini disebabkan pelajar lelaki mempunyai keinginan sendiri yang kuat ketika belajar. Selain itu, minat yang mendalam untuk mempelajari bahasa Jepun merupakan sikap yang perlu dipupuk dalam diri setiap pelajar untuk terus bermotivasi mempelajari bahasa kedua. Secara ringkasnya, faktor perbezaan jantina boleh diteliti dengan melihat kepada perbezaan pencapaian markah penilaian bahasa Jepun. Dalam kajian tersebut, keputusan pencapaian bagi membandingkan tahap penguasaan bahasa Jepun adalah dengan menggunakan kelulusan permohonan masuk ke universiti. Oleh itu, satu ujian khas selepas pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran perlu diuji bagi menilai penguasaan sebenar bahasa Jepun. Dalam kajian tersebut, terdapat kelompangan yang boleh ditambah baik dengan menilai hubungan pemboleh ubah, iaitu jantina dan gred yang memberi kesan kepada pembelajaran bahasa Jepun.

Kajian oleh Nadhilah Abdul Pisal dan Kamarul Shukri Mat Teh (2018) yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan jenis strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar yang mempelajari bahasa Arab berdasarkan jantina. Kajian kuantitatif yang dilakukan terhadap 350 orang responden yang terdiri daripada 175 orang pelajar lelaki dan 175 orang pelajar perempuan yang diuji melalui borang soal selidik strategi pembelajaran bahasa Arab. Hasil kajian mendapati bahawa tahap strategi pembelajaran pelajar lelaki dan pelajar perempuan berada pada tahap yang sederhana. Pengkaji turut mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang begitu signifikan antara jantina berdasarkan keseluruhan penggunaan strategi. Pelajar perempuan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran seperti strategi membaca untuk memahami dan mengembangkan bahasa Arab yang dipelajari. Berbanding dengan pelajar lelaki yang hanya menggunakan strategi pembelajaran terhad seperti yang dicadangkan oleh guru sahaja.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan pelajar perempuan kurang menggunakan strategi pembelajaran kosa kata di peringkat yang lebih tinggi ketika berada di sekolah menengah. Kurangnya pendedahan pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi akan memberi kesan jangka panjang, iaitu lupa akan penggunaan kosa kata. Justeru, pendedahan awal dan berterusan sangat penting bermula dari peringkat rendah supaya pelajar boleh menggunakan kosa kata yang dipelajari dengan melakukan komunikasi harian dengan lebih kerap. Seterusnya di peringkat menengah pula ialah proses pematapan dan pengukuhan kosa kata. Secara ringkasnya, terdapat kelompangan kajian tersebut dengan menganalisis hubungan korelasi antara strategi yang diamalkan oleh pelajar dengan jantina.

Seterusnya kajian oleh Mohamad Yazid Mohamad (2017) yang bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara jantina lelaki dan perempuan dalam kalangan pelajar cemerlang kaum Cina yang mempelajari bahasa Melayu. Kajian

dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif edaran borang soal selidik. Terdapat seramai 291 orang responden yang terdiri daripada 119 orang responden lelaki dan 172 orang responden perempuan di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Hasil kajian mendapati bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi hasil pembelajaran pelajar kaum Cina. Terdapat faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi kecemerlangan pelajar seperti latih tubi, bimbingan guru dan faktor individu pelajar. Kesemua empat kemahiran bahasa menunjukkan data yang tidak signifikan, iaitu  $p > 0.05$ , kemahiran mendengar (0.220), kemahiran bertutur (0.62), kemahiran membaca (0.251) dan kemahiran menulis (0.195).

Selain itu, hasil analisis data menunjukkan pelajar lelaki lebih menguasai kemahiran mendengar berbanding pelajar perempuan, manakala bagi pelajar perempuan pula kemahiran menulis ialah kelebihan yang dimiliki semasa mempelajari bahasa Melayu. Kajian tersebut boleh ditambah baik dengan menambah pemboleh ubah bersandar seperti ujian penilaian kosa kata bagi mengukur faktor sebenar yang boleh menyumbang kepada perbezaan jantina dalam mempelajari bahasa Melayu.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa jantina antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar. Selain itu terdapat juga hasil kajian yang menjelaskan bahawa, tidak terdapat perbezaan penguasaan bahasa berdasarkan jantina. Walaupun kajian yang dilakukan lebih kepada bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Jepun, namun dapatan kajian boleh dijadikan rujukan dan panduan sebagai satu daripada kelompangan dalam kajian terhadap bahasa Melayu. Begitu juga terhadap sampel kajian yang lebih kepada pelajar bukan penutur natif bahasa Melayu berbanding pelajar antarabangsa.

Secara umumnya, elemen utama yang muncul dalam kebanyakan kajian terhadap jantina dalam pembelajaran bahasa kedua telah banyak mendefinisikan tentang salah faham kemampuan pelajar sama ada pelajar lelaki atau pelajar perempuan. Malah data yang dikemukakan berbeza bergantung kepada pemboleh ubah yang diuji. Hal ini menunjukkan bahawa perbezaan penguasaan kosa kata bukan hanya bergantung kepada faktor biologi semata-mata. Oleh itu, kajian ini akan membuktikan sejauh mana faktor jantina boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata atau sebaliknya.

### **2.5.2 Umur dan Penguasaan Kosa Kata**

Usia atau umur telah dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan penguasaan bahasa kedua berdasarkan kepada tahap kemahiran (Flege, 2002). Terdapat pengkaji berpendapat bahawa penguasaan bahasa kedua bukan disebabkan oleh umur, tetapi dipengaruhi oleh pengalaman sosial, faktor persekitaran dan pendidikan yang berkorelasi dengan bahasa kedua (DeKeyser, 2017). Sebilangan pengkaji mengatakan bahawa, pembelajaran bahasa kedua semasa kanak-kanak lebih mudah berbanding pelajar yang sudah dewasa (Rahman et al., 2017). Terdapat kajian yang melihat faktor usia boleh mempengaruhi penguasaan bahasa kedua seperti Gomleksiz (2001), Gawi (2012), Huang (2014), Archila-Suerte et al. (2015) serta Deng dan Wang (2019). Oleh itu, bahagian ini akan mengupas kajian faktor umur yang boleh mempengaruhi penguasaan bahasa kedua pelajar sama ada bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa – bahasa lain yang boleh menyumbang kepada kajian ini.

Sinkeviciute et al. (2019) telah meneliti input bahasa yang diperoleh pelajar semasa mempelajari kosa kata berdasarkan perbezaan umur. Kajian kuantitatif dilakukan menerusi kaedah berbentuk permainan bahasa terhadap dua kumpulan, iaitu kanak-kanak dan pelajar dewasa. Subjek kajian dikehendaki menyelesaikan set soalan yang diberikan dengan meneka gambar rajah setelah mendengar audio bahasa Inggeris. Hasil kajian

mendapati bahawa pelajar dewasa memahami dengan jelas arahan yang diberikan berbanding pelajar kanak-kanak. Kebolehan pelajar dewasa untuk menangkap bunyi dan sebutan seperti yang diarahkan menunjukkan bahawa penguasaan pelajar lebih terarah kepada fonetik dan leksikal. Kajian tersebut juga mendapati bahawa pelajar dewasa lebih terdorong kepada rangsangan pembelajaran seperti penggunaan pembesar suara. Selain itu bagi kanak-kanak pula, arahan yang lebih terperinci perlu diberikan untuk menyelesaikan latihan yang diberikan. Pelajar kanak-kanak memerlukan masa tambahan dan sebutan yang lebih jelas serta sedikit perlahan berbanding pelajar dewasa ketika menerima arahan.

Dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa pelajar dewasa lebih berkebolehan ketika mempelajari bahasa Inggeris berbanding kanak-kanak. Pelajar dewasa mempunyai kelebihan dari segi umur ketika mempelajari bahasa Inggeris disebabkan pendedahan awal berkaitan faktor persekitaran bahasa secara formal dan tidak formal. Berbanding pelajar kanak-kanak yang hanya mempelajari bahasa kedua di dalam kelas sahaja. Tambahan pula, alat bantu mengajar seperti penggunaan teknologi pembesar suara boleh menyumbang kepada pemahaman dan penguasaan bahasa kedua pelajar. Dari aspek kelompangan kajian pula, setiap pemboleh ubah boleh dianalisis dengan melihat kepada hubungan korelasi dan regresi antara pemboleh ubah yang memberi kesan kepada pencapaian komunikasi sampel kajian.

Seterusnya Kliesch et al. (2018) yang menganalisis perkara berkaitan pemerolehan bahasa berdasarkan keperluan umur pelajar dewasa. Kaedah kajian kuantitatif yang dijalankan menerusi ujian pra dan pasca setelah melalui tempoh masa pembelajaran selama tiga minggu. Sampel kajian terdiri daripada 10 orang pelajar yang berumur 65 hingga 74 tahun. Kajian tersebut bertujuan bagi mengenal pasti faktor kognitif selepas mempelajari bahasa Inggeris. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat

peningkatan min skor pelajar bagi setiap ujian yang dijalankan, iaitu daripada 16.56 peratus kepada 91.86 peratus. Selain itu bagi aspek kognitif pula, hasil kajian menunjukkan faktor umur boleh memberi kesan kepada pembelajaran bahasa kedua pelajar tetapi tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dari aspek kelancaran pertuturan dan ingatan terhadap kosa kata. Hubungan skor pencapaian berdasarkan faktor umur tidak memberi kesan yang ketara, iaitu  $r = -0.55$ ,  $p = 0.05$  yang berada pada tahap hubungan yang sederhana.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar dewasa yang mempelajari sesuatu bahasa yang baharu memerlukan pendekatan dan kaedah yang berbeza, iaitu dari segi bahan pengajaran dan masa pembelajaran. Hal ini disebabkan korelasi antara faktor memori dan kognitif pelajar semakin berkurangan disebabkan usia yang semakin meningkat. Pelajar yang semakin berumur memerlukan masa yang lama untuk memahami sesuatu pelajaran yang baharu terutama dalam bidang bahasa. Faktor kognitif dan motivasi boleh memainkan peranan terhadap perkembangan bahasa. Faktor usia hanya menyumbang sebahagian kecil pemboleh ubah antara individu dan kosa kata yang dipelajari. Kajian tersebut boleh ditambah baik dengan menilai faktor umur melalui analisis regresi yang memberi kesan kepada penguasaan bahasa kedua, memandangkan sampel kajian terdiri daripada pelajar yang berumur 65 tahun hingga 74 tahun.

Kajian oleh Hartshorne et al. (2018) yang telah menjalankan penyelidikan berkaitan tempoh kritikal yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Inggeris. Kaedah kajian kuantitatif yang dijalankan terhadap 669,498 orang sampel kajian di seluruh dunia dengan menjawab kuiz tatabahasa. Kuiz tersebut hendaklah diselesaikan oleh sampel kajian secara dalam talian bagi mengenal pasti pemerolehan bahasa kedua dan dialek bahasa pertama. Hasil kajian mendapati pelajar dewasa memperoleh bahasa kedua dengan kadar yang perlahan dan memerlukan masa yang lama dalam proses

pembelajaran sebelum mencapai penguasaan bahasa. Umur yang terbaik bagi mempelajari sesuatu bahasa kedua adalah tidak lebih daripada 17 tahun. Pelajar yang berumur dua hingga lapan tahun, tidak mempunyai perbezaan yang ketara ketika mempelajari bahasa kedua. Selain itu, pelajar yang berumur lebih daripada 17 hingga 18 tahun memerlukan bimbingan dan dorongan daripada guru. Pelajar daripada golongan ini memerlukan usaha yang lebih berbanding pelajar kanak-kanak.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sekiranya pelajar dewasa telah melepasi tempoh kritikal ketika hendak mempelajari bahasa kedua, maka pelajar tersebut mempunyai masa yang terhad untuk belajar. Hal ini kerana pelajar dewasa banyak menghabiskan masa untuk memperoleh dan mempelajari kosa kata baharu selain mempunyai masa yang terhad untuk memperkukuh kosa kata. Terdapat juga halangan lain yang boleh menjejaskan pembelajaran kosa kata pelajar dewasa seperti tumpuan terhadap kerjaya dan keluarga. Secara ringkasnya, faktor umur antara pelajar dewasa dan kanak-kanak boleh memberikan kesan pencapaian yang berbeza disebabkan pendedahan bahasa seawal usia muda dan masa pembelajaran yang lebih lama. Secara ringkasnya, bilangan sampel kajian yang terlalu besar akan menghasilkan ralat dalam analisis dan dapatan kajian. Oleh itu, kajian tersebut perlu mengikuti garis panduan dan cadangan dalam menentukan pensampelan.

Selain itu, Asher dan Ben (2018) yang mengkaji strategi pembelajaran yang boleh mempengaruhi tindak balas fizikal pelajar kerana perbezaan umur. Kajian kuantitatif yang dijalankan melalui ujian pemahaman untuk menguji tindak balas pelajar selepas mendengar arahan. Seramai 113 orang sampel yang terlibat terdiri daripada 96 orang kanak-kanak dan 37 orang dewasa. Setiap arahan diulang sebanyak 10 kali dalam urutan yang berbeza seperti duduk, berlari, berhenti, berjalan dan berdiri. Pelajar harus membuat pergerakan berdasarkan arahan yang diberikan. Hasil kajian mendapati, tidak terdapat

perbezaan yang signifikan antara tindak balas pelajar berumur 10 hingga 14 tahun. Sementara itu, pelajar yang berumur lebih daripada 14 tahun bertindak balas dengan lebih baik ketika mendengar arahan. Seterusnya bagi pelajar dewasa pula, keseluruhan hasil tindak balas hampir mencapai tahap maksimum, iaitu 100 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar dewasa dapat memahami dengan jelas setiap arahan yang diberikan dan boleh memberikan tindak balas secara positif.

Hasil kajian membuktikan bahawa pelajar dewasa mempunyai daya ingatan yang lebih baik berbanding kanak-kanak. Selain itu, bagi kanak-kanak pula, urutan arahan yang berbeza boleh memberikan kekeliruan kerana arahan yang diterima tidak konsisten dan teratur. Kaedah latihan secara ulangan atau berturut-turut boleh memberikan memori jangka panjang dalam diri pelajar. Arahan yang lebih ringkas sesuai diberikan kepada kanak-kanak berbanding arahan yang lebih panjang untuk pelajar dewasa. Kajian tersebut boleh ditambah baik dengan melakukan ujian -t dengan menilai skor signifikan yang memberikan perbezaan yang lebih mapan dan empirikal.

Berdasarkan penelitian kajian lepas, penguasaan bahasa kedua dapat dilihat daripada kadar permulaan pembelajaran dan pencapaian akhir pembelajaran. Pelajar yang lebih dewasa memiliki kelebihan ke atas pelajar kanak-kanak. Kajian membuktikan bahawa penguasaan bahasa pelajar dewasa lebih bergantung kepada sistem kognitif dan memori. Pelajar dewasa boleh bertutur seperti penutur natif bahasa kedua jika mempunyai bantuan dan bimbingan daripada guru.

Pelajar dewasa cenderung memperoleh kecekapan tatabahasa kerana masa pembelajaran yang diperuntukkan dan ditambah dengan latihan sebutan serta komunikasi harian. Selain itu, banyak kajian lebih menjurus kepada perbandingan umur antara kanak-kanak dan orang dewasa. Terlalu sedikit kajian yang dikaitkan dengan faktor umur dalam



kalangan pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris. Oleh itu kajian ini akan fokus kepada perbezaan umur pelajar dewasa dalam kalangan pelajar antarabangsa.

### **2.5.3 Bidang Pengajian Pelajar**

Dalam sistem pendidikan, satu daripada faktor yang membolehkan pelajar menguasai sesuatu bahasa baharu yang dipelajari adalah dengan mempunyai latar belakang pendidikan bahasa kedua (Ellis, 2005). Selain itu, Diane August dan Timothy Shanahan (2006) menjelaskan bahawa asas bahasa kedua yang dipelajari sama ada pada peringkat awal usia kanak-kanak, interaksi sosial di rumah dan pengaruh rakan sebaya boleh memberi manfaat ketika pembelajaran di dalam kelas. Hasil pencapaian boleh memberi kesan yang berbeza dan dibuktikan dengan kejayaan pelajar mendapat gred yang baik atau boleh berkomunikasi dengan jelas. Oleh itu, bahagian ini akan meneliti sorotan kajian yang berkaitan faktor latar belakang pendidikan atau bidang pengajian dalam mempelajari bahasa kedua.

Kajian oleh Deygers dan Vanbuel (2022) yang meneliti kesan literasi dan latar belakang pendidikan terhadap ujian pencapaian kosa kata. Terdapat seramai 1,014 orang pelajar terlibat sebagai sampel kajian kuantitatif dan dikehendaki menjawab sebanyak sembilan set ujian kosa kata. Hasil kajian mendapati faktor latar belakang pendidikan boleh memberi perbezaan yang ketara terhadap hasil pencapaian. Sampel kajian yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah memperoleh skor ujian yang sedikit dan sebaliknya kepada sampel kajian yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi. Jenis sekolah yang dihadiri pelajar juga menjadi faktor penentu kepada kejayaan pelajar mempelajari bahasa Belanda sama ada sekolah bandar atau luar bandar. Kemudahan pembelajaran yang lengkap di sekolah berkenaan memudahkan proses pembelajaran bahasa. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor

antara pelajar dalam kelas yang sama jika dibandingkan dengan pelajar dari kelas yang lain.

Berdasarkan kepada dapatan data dalam kajian tersebut, pemboleh ubah faktor pendidikan boleh mempengaruhi hasil dan kesimpulan kajian. Hal ini disebabkan kawalan kepada pemboleh ubah taraf pendidikan boleh menentukan kepada hasil dapatan kajian. Pelajar yang mempunyai pendidikan yang tinggi mempunyai kebolehan mempelajari bahasa Belanda dengan baik berbanding pelajar yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Selain itu, pelajar yang sudah terdedah kepada bahasa Belanda semasa berada di sekolah rendah akan memperoleh skor ujian yang lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak memiliki asas pengetahuan bahasa Belanda. Faktor-faktor lain yang boleh diambil kira bagi meneliti tahap pendidikan seperti jenis sekolah yang pernah dihadiri oleh pelajar, jumlah jam pembelajaran dan persekitaran sosial pelajar. Terdapat kelompangan dalam kajian ini yang boleh dilakukan dengan meneliti faktor bidang pengajian berbanding faktor tahap pendidikan yang telah dilakukan dalam kajian lepas.

Selain itu, Abdul Razif Zaini et al. (2021) telah menjalankan kajian berkaitan saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahun akhir di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kajian tersebut juga bertujuan untuk melihat latar belakang pendidikan yang dimiliki oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Arab. Kaedah kajian kuantitatif yang dijalankan melalui ujian penilaian kosa kata dan borang soal selidik terhadap 31 orang sampel kajian dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab. Hasil kajian mendapati latar belakang pendidikan dan tempoh masa pembelajaran boleh memberi kesan kepada perkembangan kosa kata pelajar. Hal ini dibuktikan dengan jenis sekolah di peringkat menengah dan rendah yang diduduki oleh subjek kajian. Pelajar daripada aliran sekolah jenis agama terdedah lebih awal terhadap

pembelajaran bahasa Arab berbanding pelajar daripada sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan. Selain itu, sekolah agama mempunyai mata pelajaran yang khusus dan tempoh masa pembelajaran yang lebih lama untuk mempelajari bahasa Arab.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa, pelajar yang pernah berada di negara Arab mempunyai kelebihan dari segi komunikasi bahasa Arab akibat pendedahan daripada masyarakat sekeliling. Dapat disimpulkan bahawa, latar belakang pendidikan boleh mempengaruhi saiz kosa kata pelajar kerana terdapat asas bahasa yang kukuh. Selain itu, pengalaman lain dalam bidang pendidikan, iaitu pendidikan sebelum berada pada tahap ijazah sarjana muda seperti memiliki sijil dan diploma bahasa Arab merupakan faktor penyumbang kepada penguasaan kosa kata. Secara ringkasnya, terdapat kelompangan kajian dari aspek bahasa yang dikaji. Dalam kajian tersebut, bahasa Arab bertindak sebagai bahasa kedua, berbanding dalam kajian ini yang mengkaji bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Kajian yang dilakukan oleh Alzouebi et al. (2020) berkaitan latar belakang dan identiti pendidikan yang mempengaruhi wanita Arab mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kaedah kajian yang dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif terhadap 10 orang sampel kajian, iaitu melalui kaedah pemerhatian, borang soal selidik dan perbincangan kumpulan fokus. Hasil kajian mendapati pelajar yang memperoleh ijazah boleh menguasai bahasa Inggeris dengan mudah berbanding pelajar yang memperoleh pendidikan sehingga di peringkat menengah sahaja. Selain itu, faktor menerima pendidikan dan pendedahan awal berkaitan bahasa Inggeris di negara asal memberi keyakinan kepada pelajar untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. Terdapat juga pelajar yang terdiri daripada keluarga yang berpendidikan tinggi dan mempunyai sosio ekonomi yang baik. Hal ini secara tidak langsung boleh memberi bantuan kepada pelajar untuk mempelajari Inggeris.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa latar belakang pendidikan yang diperoleh melalui pendidikan formal di negara asal atau memperoleh kemudahan pendidikan di negara asing boleh memberi kesan kepada penguasaan bahasa Inggeris. Pemerolehan bahasa tidak dapat dipisahkan daripada faktor ekonomi dan sosial yang saling bergantung antara satu sama lain agar tidak menjadi penghalang kepada penguasaan bahasa Inggeris. Tahap pendidikan yang dimiliki oleh pelajar juga boleh menjadi faktor kepada kebolehan pelajar meneruskan pembelajaran bahasa di samping faktor persekitaran seperti masyarakat sekeliling. Hasil daripada dapatan kajian tersebut, bilangan sampel yang sedikit, iaitu 10 orang subjek kajian boleh ditambah bilangan sampel kajian dengan mengambil kira cadangan, panduan dan sorotan kajian-kajian yang lepas.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Agung Setiyawan (2018) berkaitan kepelbagaian latar belakang pendidikan pelajar semasa mempelajari bahasa Arab. Kaedah kajian yang dijalankan secara kualitatif dengan meneliti kajian-kajian lepas terhadap beberapa jurnal berkaitan penguasaan bahasa Arab. Hasil kajian mendapati latar belakang pendidikan menghasilkan pencapaian yang berbeza sama ada memperoleh skor tinggi atau rendah. Perkara yang sama juga dikaji, iaitu pelajar yang berkelulusan aliran agama mempunyai kelebihan dalam mempelajari bahasa Arab kerana mempunyai pendedahan pada peringkat awal berbanding pelajar aliran biasa. Perbezaan aliran ini boleh menentukan faktor tempoh pembelajaran, jumlah jam pembelajaran dan tahun permulaan pembelajaran bahasa Arab. Pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab tidak mengambil masa yang lama untuk memahami struktur dan tatabahasa yang dipelajari berbanding pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab.

Selain itu, pilihan jenis sekolah juga boleh mempengaruhi penguasaan bahasa Arab. Sekolah aliran agama banyak menekankan kemahiran komunikasi, manakala sekolah aliran kebangsaan lebih menekankan bentuk tatabahasa. Jenis sekolah masih lagi

memainkan peranan penting dalam menentukan bentuk penguasaan bahasa sama ada aspek kemahiran bahasa atau aspek rumus tatabahasa. Namun, kedua-dua aspek ini saling melengkapi antara satu sama lain bagi memperoleh keyakinan ketika berkomunikasi. Secara ringkasnya, kelompangan yang diperoleh adalah dari sudut perbezaan kajian bahasa kedua. Dalam kajian tersebut, pengkaji meneliti bahasa Arab untuk menentukan penguasaan bahasa berbanding dalam kajian yang meneliti bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Dapat disimpulkan bahawa, terdapat kajian yang dilakukan adalah dengan meneliti latar belakang pendidikan sama ada di sekolah rendah, universiti, pengalaman berada di negara asing dan tahap pendidikan ibu bapa. Berdasarkan penelitian pengkaji, kesemua aspek ini boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar. Namun, masih kurang yang meneliti faktor bidang pengajian pelajar khususnya yang mempelajari bahasa Melayu di universiti. Bidang pengajian yang dimaksudkan sama ada bidang sains atau sains sosial. Pelajar daripada kedua-dua bidang ini dikehendaki mengambil kursus bahasa Melayu dan diletakkan dalam kelas yang sama tanpa pengasingan bidang pengajian masing-masing. Tambahan pula, pelajar perlu menguasai bahasa Melayu dengan menggunakan buku panduan, guru dan peruntukan masa pembelajaran yang sama di dalam kelas. Maka kajian ini hendak menganalisis kedua-dua bidang ini yang boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

## **2.6 Kesimpulan**

Hasil penelitian ke atas kajian – kajian lepas, ternyata kajian berkaitan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa merupakan kajian yang sangat menarik lebih-lebih lagi para pengkaji telah menggunakan pelbagai kaedah, teori dan data yang empirikal. Banyak kemajuan yang telah dicapai dalam mendapatkan pemahaman berkaitan proses yang melibatkan pemerolehan, pembelajaran, pengajaran dan

penguasaan pelajar berkaitan bahasa Melayu. Masih banyak yang perlu dilakukan sama ada kajian dalam konteks kosa kata, morfologi, sintaksis, semantik dan sebagainya (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

Sorotan kajian ini boleh memberi gambaran berkaitan penguasaan kosa kata terutama kepada pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu. Kosa kata adalah item asas yang penting merangkumi kemahiran membaca, menulis, bertutur dan mendengar. Hasil kajian lepas menunjukkan saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar boleh mempengaruhi penguasaan bahasa yang dipelajari. Selain itu, terdapat faktor-faktor yang menyumbang kepada penguasaan bahasa seperti umur, jantina dan latar belakang pendidikan.

Berdasarkan rumusan kajian yang telah dilakukan, turut diperincikan juga perkara berkaitan strategi pembelajaran yang boleh diamalkan semasa mempelajari bahasa Melayu. Strategi pembelajaran kosa kata bertindak sebagai alat yang digunakan oleh pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu untuk meningkatkan penguasaan kosa kata. Cara ini diamalkan sebagai satu daripada langkah untuk menyelesaikan masalah komunikasi yang dihadapi pelajar.

Pilihan strategi pembelajaran dikaitkan dengan banyak pemboleh ubah yang dikaitkan dengan pelajar itu sendiri seperti umur, jantina dan latar belakang bidang pengajian. Strategi yang diamalkan boleh berkorelasi dengan jumlah saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Setiap pemboleh ubah akan diuji, iaitu skor ujian kosa kata, strategi pembelajaran dan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penguasaan pelajar untuk mendapatkan jawapan berdasarkan persoalan dan objektif yang telah ditetapkan.

Selain itu, berdasarkan analisis yang dilakukan berkaitan sorotan kajian lepas, banyak kajian yang dilakukan hanya memfokuskan kepada strategi pembelajaran semata-mata tanpa membuat perbandingan dengan ujian pencapaian pelajar. Walaupun terdapat kajian yang membuat perbandingan antara ujian pra dan pasca serta strategi yang diamalkan oleh pelajar, namun kajian tersebut tidak membuat regresi terhadap faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar. Oleh itu, penting dalam kajian ini bagi merungkai tiga perkara utama tersebut dalam menjawab persoalan dan objektif kajian.

Dalam bab yang berikutnya akan menjelaskan perkara berkaitan teori yang digunakan untuk memandu kajian ini bagi mendapatkan jawapan bagi hasil persoalan dan objektif yang telah ditetapkan. Seterusnya data yang diperoleh nanti akan dianalisis dengan menggunakan kaedah, prosedur dan instrumen yang sesuai.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menerangkan perkara berkaitan kajian yang akan dijalankan merangkumi metodologi dan kerangka teori. Kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif yang meneliti dan menganalisis berdasarkan instrumen yang telah dipilih. Menurut Mohd Majid (2009) setiap instrumen akan memberikan ketepatan maklumat dan ketekalan penemuan sama ada berkaitan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian. Selain itu, data dikumpul dalam situasi pembelajaran yang berbeza, masa yang berbeza, dan kaedah yang berbeza, maka kajian tersebut akan meningkatkan kebolehpercayaan penemuan (Mohd Majid, 2009). Seterusnya data-data bersifat deskriptif dan sistematik yang merangkumi saiz kosa kata, strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu dan faktor perbezaan pelajar akan dianalisis secara terperinci.

Sementara itu, Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994) dijadikan panduan dan rujukan dengan menggabungkan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Schmitt (1997). Perkara yang diterangkan adalah berkaitan reka bentuk kajian, maklumat berkaitan populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, analisis data, kajian rintis, kajian pra-pasca, borang soal selidik, ujian penilaian kosa kata dan kerangka konseptual.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini adalah bersifat kuantitatif yang dilakukan bagi mendapatkan saiz kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang sering menjadi pilihan subjek kajian dijadikan pemboleh ubah – pemboleh



ubah bebas. Metodologi kajian deskriptif dan statistik inferensi telah dipilih untuk kajian ini kerana dapat memberikan ciri-ciri yang sistematik dan tepat daripada ujian penilaian, borang soal selidik dan perbezaan pelajar yang merangkumi penguasaan kosa kata terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua yang dimiliki oleh pelajar antarabangsa.

Setiap ketetapan maklumat yang merangkumi kesahan data kajian dan kebolehpercayaan kajian perlu menggunakan data deskriptif yang memerlukan pengumpulan data. Dalam kajian ini, data kuantitatif dikumpul dan direkodkan serta dihuraikan dengan teliti.

### **3.2.1 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan. Kaedah kepustakaan atau dikenali sebagai rujukan sumber sekunder merupakan kajian yang dilakukan oleh penyelidik yang lepas. Kajian-kajian yang menerangkan, menganalisis dan menilai segala maklumat kajian yang diperlukan terdapat pada sumber utama diambil kira sebagai panduan dan rujukan. Kajian kepustakaan melibatkan proses demi proses yang digunakan untuk mengumpul maklumat dalam penulisan kajian berkaitan penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat dan dapatan yang relevan berkaitan tajuk dan objektif kajian yang telah ditetapkan. Blaxter (2010) berpendapat, pengkaji boleh menyemak, menambah atau mengubah bahagian-bahagian yang perlu supaya maklumat berkaitan kajian yang dihasilkan lengkap dan sempurna mengikut peredaran zaman.

Perpustakaan merupakan tempat terbaik untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan penguasaan bahasa Melayu terutama jika maklumat tersebut tidak diperolehi secara dalam talian. Maka rujukan ke perpustakaan perlu dilakukan. Oleh yang demikian,

bagi mendapatkan sumber-sumber yang lebih banyak sebagai bukti dan sokongan dapatan kajian, kajian ini memberi sepenuhnya perhatian terhadap sumber rujukan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan beberapa buah perpustakaan lain seperti Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam dan Perpustakaan Bahasa dan Linguistik.

Semua perpustakaan ini banyak memberi maklumat yang boleh dijadikan rujukan dan panduan. Bahan-bahan yang diperolehi dijadikan sumber bacaan dan batasan kajian untuk membantu dalam penghasilan penulisan yang terbaik.


### **3.2.2 Kaedah Kajian Lapangan**

Kajian ini akan memanfaatkan kaedah kajian lapangan dalam situasi sosial, iaitu pengkaji mengambil bahagian dalam kajian tersebut (Robert, 2016). Dalam kajian ini, terdapat perkara yang diambil kira sebelum turun ke lapangan untuk mendapatkan data kajian seperti masa yang sesuai untuk menjalankan ujian pencapaian serta pengedaran borang soal selidik untuk dijawab oleh subjek kajian. Selain itu, lokasi untuk melaksanakan kajian juga perlu diambil kira sesuai dengan jumlah subjek kajian yang mewakili populasi, iaitu dengan mengambil kira bilangan sampel kajian. Perkara yang terakhir adalah berkaitan instrumen yang akan digunakan bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian. Perkara yang sama juga perlu diteliti untuk menjalankan kajian rintis. Aspek kajian lapangan ini sangat penting sepanjang proses kajian dan akan menjadi perkara pertimbangan dalam bab ini.

Kajian lapangan yang dilakukan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu kajian rintis dan kajian sebenar. Kajian rintis dilakukan untuk melihat dan memastikan kesesuaian bahan ujian dan mengesahkan kemungkinan kajian dengan menilai kepada kriteria yang perlu untuk melakukan penambahbaikan. Menurut Nalini Jairath et al. (2000) kajian rintis

ialah ujian metodologi berskala kecil. Perkara ini dilakukan untuk mempersiapkan kajian utama untuk memastikan bahawa kaedah atau idea akan berfungsi semasa kajian sebenar dijalankan. Selain itu, tujuan kajian rintis untuk mengenal pasti sama ada instrumen yang hendak digunakan berkesan atau sebaliknya agar dapat mengatasi masalah luar jangka yang bakal dihadapi dan memudahkan kajian sebenar. Selepas melaksanakan kajian rintis, pengkaji akan melaksanakan kajian sebenar.

Kajian sebenar boleh dijalankan terhadap subjek kajian setelah selesai kajian rintis dan pembetulan terhadap instrumen berdasarkan pandangan pakar dalam bidang yang dikaji. Laporan kajian rintis mestilah berkualiti tinggi untuk membolehkan kajian tersebut mentafsir keputusan dan implikasi dengan betul dan tepat.



**Rajah 3.1: Reka bentuk kajian**

### **3.3 Teori Kajian**

Setiap kajian bahasa kedua boleh berfungsi secara serentak dengan pelbagai jenis dan tahap teori bahasa. Teori-teori bahasa ini mempunyai kandungan yang dipertimbangkan dengan mendalam oleh pengkaji bahasa kedua atau bahasa asing. Terdapat faktor umum yang diteliti sebelum membuat kajian seperti subjek kajian, latar belakang subjek kajian, sifat pengajaran dan pembelajaran serta kemahiran bahasa. Teori ini bergandingan dengan metodologi yang memperincikan jenis pengumpulan dan analisis data yang perlu mengikut objektif kajian.

Walaupun pendekatan kuantitatif cenderung menekankan penjaanaan teori manakala pendekatan eksperimen cenderung menekankan pengesahan teori yang ada, namun secara praktikalnya, kedua-duanya menggunakan teori yang ada sebagai titik permulaan. Proses menambah dan mengubah teori berlaku semasa proses kajian dijalankan (Saunders et al., 2015)

#### **3.3.1 Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994)**

Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994) ialah model yang sering menjadi panduan dan rujukan oleh ramai pengkaji sama ada dalam atau luar negara. Terdapat skop kajian dalam meneliti pemerolehan bahasa pelajar dari pelbagai aspek seperti umur, pengajian, sosial dan subjek kajian. Pengkaji-pengkaji seperti Rahman et al. (2017), Kartal dan Sarigul (2017), S. Zhang et al. (2021), Mohd Zaki Ismail et al. (2016), Abdul Razif Zaini (2015) dan Suhaidah Abdul Samat et al. (2014).

Kajian – kajian yang dilakukan adalah usaha untuk menyelesaikan masalah yang ditemui dan mencari punca permasalahan serta memahami tingkah laku pelajar. Model ini memberi gambaran kajian akademik yang menyeluruh berkaitan bahasa kedua

daripada pelbagai sumber disiplin seperti sumber taksonomi, psikolinguistik dan sosiolinguistik.

### **3.3.1.1 Perbezaan Individu (Pelajar)**

Perbezaan individu mempengaruhi pembelajaran dan pemerolehan pelajar bahasa kedua. Sifat ini berbeza antara setiap pelajar. Bagi mengenal pasti perbezaan individu dan mengklasifikasikan adalah perkara yang kompleks kerana perbezaan atau ciri adalah satu fenomena abstrak (Ellis, 2006). Terdapat beberapa istilah yang berbeza telah digunakan oleh pakar untuk menentukan fenomena ini. Terdapat dua perbezaan individu yang menjadi ukuran utama, iaitu faktor peribadi dan faktor sosial. Faktor peribadi ialah sifat yang terdapat pada individu seperti umur, jantina dan latar belakang pendidikan. Seterusnya faktor sosial pula seperti pergaulan sesama rakan sebaya, persekitaran dan pendedahan bahasa yang secara tidak langsung membantu kepada pemerolehan bahasa kedua.

Terdapat hubungan yang jelas antara keperibadian dengan pemerolehan bahasa kedua kerana keperibadian dan pembelajaran bahasa telah menjadi kajian sarjana seperti Skehan (2002), Robinson (2002), Dörnyei dan Kormos (2000) dan Ehrman et al. (2003). Ellis (2006) berpendapat bahawa perbezaan individu boleh mempengaruhi proses pembelajaran di dalam kelas kerana pelaksanaan arahan yang diberikan mempunyai proses pemahaman yang berbeza sama ada cepat atau lambat dalam menangani semua keperluan pembelajaran pelajar. Perbezaan ini boleh terjadi disebabkan umur, jantina, motivasi dan sebagainya. Hal ini memberi kesan kepada pengetahuan dan penguasaan bahasa pelajar.

### 3.3.1.2 Strategi Pembelajaran Kosakata

Strategi pembelajaran merupakan satu daripada elemen yang cuba menjelaskan perbezaan pencapaian pelajar. Menurut Ellis (2005) terdapat ciri utama pelajar menguasai bahasa dengan baik, iaitu mempunyai keprihatinan terhadap bentuk, keprihatinan semasa komunikasi dan mempunyai pendekatan yang aktif semasa melakukan tugas. Ellis (2005) menjelaskan bahawa terdapat kesedaran dan berkemampuan untuk menggunakan strategi pembelajaran secara fleksibel bergantung kepada situasi dan suasana. Pemboleh ubah yang digunakan boleh menunjukkan korelasi yang signifikan antara penggunaan strategi dan pembelajaran bahasa.


Variasi kognitif dalam mempelajari bahasa kedua juga boleh dirujuk sebagai strategi pembelajaran. Hal ini berkaitan cara pemprosesan pilihan seseorang untuk memahami, mengatur dan mengingat kembali maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa. Menurut Ellis (1994) strategi pembelajaran ialah corak keseluruhan yang memberi arahan umum terhadap tingkah laku pembelajaran. Pelajar yang mempunyai strategi pembelajaran yang konkrit menggunakan kaedah aktif dan langsung untuk memproses maklumat. Pelajar sanggup mengambil risiko dengan mempelbagaikan cara dan corak pembelajaran berbanding pembelajaran secara rutin seperti mengambil nota, menulis dan mendengar untuk bertindak secara positif.

Pelajar mempunyai pilihan untuk memilih strategi pembelajaran agar bahasa kedua yang dipelajari dikuasai dengan mahir dan cepat. Pemilihan ini sangat dipengaruhi oleh sifat motivasi, gaya kognitif dan keperibadian pelajar. Terdapat kajian dalam pemerolehan bahasa kedua untuk mengenal pasti strategi yang diguna oleh pelajar dengan harapan strategi tersebut dapat diterap untuk melancarkan cara berkomunikasi (Alhaysony, 2017).

### 3.3.1.3 Hasil Pembelajaran Bahasa

Penguasaan bahasa berlaku setelah pelajar sudah mencapai tahap kemahiran berbahasa sehingga boleh bertutur, mendengar, memahami dan menulis dengan baik. Hal ini menunjukkan otak yang mentafsir dan memproses input bertindak dengan berkesan dan menghasilkan output bahasa. Menurut Ellis (1994) output bahasa adalah maklumat yang dihasilkan oleh pelajar dan boleh difahami oleh pendengar. Output secara konsepnya ialah cara untuk menghasilkan item yang dipelajari dan menjadi sebahagian daripada mekanisme pembelajaran. Keupayaan pelajar untuk menguasai bahasa kedua bermaksud kemampuan untuk mengekspresikan pemikiran dengan mudah sama ada penguasaan fonetik, penguasaan kosa kata, sintaksis dan seterusnya kepada penguasaan semantik (Y. Zhang et al., 2018).

Oleh itu, kajian ini meneliti perbezaan beberapa faktor perbezaan individu dan perbezaan strategi pembelajaran dengan memberikan penjelasan, huraian dan data yang deskriptif serta statistik inferensi. Kajian ini memilih faktor tertentu sahaja yang disesuaikan dengan tujuan dan objektif kajian untuk mendapatkan kesimpulan yang lebih baik dalam memahami hubungan antara setiap pemboleh ubah.




**Rajah 3.2: Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994)**

### **3.3.2 Strategi Pembelajaran Kosakata Schmitt (1997)**

Strategi Pembelajaran Kosakata atau Taksonomi Schmitt (1997) ialah strategi pembelajaran kosakata yang komprehensif. Schmitt (1997) telah memperkenalkan strategi sosial, ingatan, kognitif dan metakognitif yang telah dilakukan oleh Oxford (1990) sebelum ini. Walau bagaimanapun, Schmitt (1997) mengkritik taksonomi Oxford kerana tidak mempunyai kategori yang cukup untuk menerangkan jenis strategi yang mungkin diguna oleh pelajar untuk mencari makna kosakata baharu tanpa meminta bantuan orang lain. Schmitt (1997) menyatakan bahawa taksonomi Oxford merangkumi beberapa strategi seperti berinteraksi dengan penutur natif yang dapat diklasifikasikan lebih daripada satu kategori bergantung kepada pelbagai tujuan dan strategi tersebut dapat digunakan dalam situasi yang berbeza.

Schmitt (1997) telah mencipta kategori baharu yang dikenali sebagai strategi penemuan. Pelajar menggunakan kategori ini untuk mengetahui makna kosakata baharu tanpa melibatkan bantuan dan pertolongan daripada orang lain. Pelajar berusaha untuk mencari makna kosakata baharu dengan menggunakan konteks, pengetahuan struktur bahasa dan bahan rujukan yang digunakan. Seterusnya Schmitt (1997) telah membahagikan pembelajaran kosakata kepada dua kumpulan, iaitu strategi yang diguna untuk menentukan makna kosakata baharu, dan strategi yang diguna untuk menggabungkan makna kosakata baharu. Oleh sebab strategi sosial dapat digunakan untuk kedua-dua tujuan pembelajaran kosakata, maka Schmitt (1997) memasukkan strategi ini di kategori penemuan dan kategori pengukuhan. Model taksonomi pembelajaran kosakata Schmitt dapat dijelaskan seperti dalam rajah 3.3.





**Rajah 3.3: Strategi Pembelajaran Kosa Kata Schmitt (1997)**

Strategi pembelajaran kosa kata yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kuantitatif berdasarkan kepada strategi pembelajaran yang berkaitan dengan kosa kata bahasa Melayu. Selain itu, menurut Catalan (2003) terdapat kelebihan yang telah digariskan oleh Schmitt sebagai seorang pengkaji untuk meneliti dan mendalami keupayaan pelajar semasa mempelajari bahasa kedua. Antara kelebihan taksonomi tersebut ialah:

- i. Boleh membuat penyesuaian semasa membuat ujian atau penilaian.
- ii. Mudah untuk mendapat dan mengumpulkan jawapan yang dilakukan oleh pelajar.
- iii. Kajian berdasarkan kepada teori strategi pembelajaran bahasa.
- iv. Senang dan mudah semasa proses pengkodan, pengurusan maklumat serta penganalisan data ke dalam sistem teknologi komputer.
- v. Bersifat efektif terhadap pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang sosial, ekonomi dan bidang pendidikan.
- vi. Memudahkan untuk membuat perbandingan antara kajian-kajian yang bersifat pemerolehan, pembelajaran dan penguasaan bahasa kedua.

Strategi yang diperkenalkan telah dikategorikan mengikut klasifikasi yang sesuai dan mudah difahami. Manuel (2017) menyatakan bahawa taksonomi kosa kata Schmitt lebih lengkap dan tepat serta diterima secara meluas oleh ramai pengkaji bahasa. Strategi ini yang dibahagikan kepada enam kategori, iaitu strategi penentuan, strategi sosial (penemuan dan pengukuhan), strategi memori, strategi kognitif dan strategi metakognitif.

### **3.3.2.1 Strategi Penentuan**

Strategi Penentuan atau dikenali sebagai *Determination Strategies*, adalah strategi yang digunakan pelajar tanpa meminta pertolongan orang lain atau pihak ketiga untuk mengetahui makna sesuatu kosa kata (Panduangkaew, 2018). Strategi ini lebih kepada penggunaan untuk mengetahui kelas kata, analisis bahagian kata, membuat penekanan berasaskan kata dengan menggunakan kamus sebagai bahan rujukan. Letchumanan et al. (2016) menjelaskan pelajar akan menganalisis kosa kata yang tidak diketahui dan diletakkan di bawah satu kelompok untuk mengetahui makna kosa kata serta membuat kesimpulan atau anggapan. Selain itu, Al-Khresheh dan Al-Ruwaili (2020) menjelaskan, penggunaan kamus boleh membantu dalam proses pencarian makna dan boleh meningkatkan kemampuan pelajar untuk membuat frasa.

Selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Pratami dan Margana (2020) berkaitan penggunaan kamus dwibahasa yang membolehkan pelajar menemui kosa kata baharu tanpa bantuan daripada rakan sebaya. Hal ini sangat berguna kepada pelajar untuk mengetahui makna kosa kata yang tidak diketahui oleh pelajar itu sendiri. Keinginan untuk mempelajari kosa kata baharu tanpa menggunakan pengalaman dan pertolongan orang lain menjadi penentu kepada penguasaan bahasa untuk mengetahui struktur ayat (Baskin et al., 2017). Oleh itu, pembelajaran kosa kata boleh dipelbagaikan mengikut kehendak dan kemahuan pelajar semasa mempelajari bahasa kedua.

### 3.3.2.2 Strategi Sosial

Strategi Sosial atau *Social Strategies* merupakan strategi yang terdapat dalam kategori penemuan dan pengukuhan yang melibatkan pihak lain untuk mengetahui kosa kata bahasa kedua yang tidak diketahui. Strategi jenis ini dibahagikan kepada dua kategori yang berbeza bergantung pada konsep kosa kata tersebut. Pertanyaan ini boleh dilakukan dengan penglibatan guru yang mengajar bahasa kedua (Panduangkaew, 2018). Pelajar boleh menggunakan strategi ini untuk mengetahui kosa kata seperti sinonim, frasa dan terjemahan bahasa pertama daripada kosa kata yang tidak diketahui (Pratami & Margana, 2020). Terdapat dua perkara yang dijelaskan oleh Schmitt (2007) dalam strategi ini, iaitu kerjasama antara pihak lain dan bantuan penjelasan untuk soalan kosa kata. Kerjasama yang dimaksudkan ialah hubungan sesama rakan di dalam kelas untuk mendapatkan maklum balas, pandangan, pendapat serta buah fikiran semasa menjalankan aktiviti-aktiviti di dalam kelas. Penjelasan berbentuk soalan pula bertujuan untuk mendapatkan huraian, pengulangan, parafrasa daripada guru.

Selain itu Ellis (1996) juga menjelaskan pembelajaran di luar kelas melalui fungsi sosial antara masyarakat dengan melibatkan aktiviti silang budaya boleh memperoleh kosa kata baharu. Aktiviti – aktiviti yang dijalankan melibatkan kerjasama dua hala dan secara tidak langsung boleh meningkatkan keyakinan ketika berkomunikasi. Menurut Hardan (2013) faktor sosial memainkan peranan penting mempelajari bahasa seperti komunikasi dengan memberi peluang dan pendedahan secara langsung terhadap persekitaran. Strategi ini yang melibatkan orang lain adalah satu daripada bentuk tingkah laku sosial seperti bekerjasama dengan rakan sebaya atau penutur natif untuk mendapatkan maklumat. Perkara ini sekali gus boleh meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar.

### 3.3.2.3 Strategi Memori

Strategi yang seterusnya ialah Strategi Memori atau *Memory Strategies*. Strategi ini diperlukan untuk mengingat dan memindahkan maklumat seperti makna kosa kata dan struktur ayat bagi penggunaan bahasa pada masa akan datang (Hardan, 2013). Schmitt (1997) menyatakan bahawa strategi memori ialah fungsi mental yang bertindak memproses maklumat berbahasa terutamanya penggunaan kosa kata yang boleh digunakan pada jangka masa panjang. Terdapat beberapa kata kunci yang disenaraikan antaranya ialah pemetaan semantik, mengeja kosa kata, menggambarkan bunyi dan tindak balas gerakan fizikal (Schmitt, 1997).

Begitu juga pendapat yang dijelaskan oleh Oxford (1989) berkaitan strategi memori, iaitu maklumat baharu yang terdapat dalam minda dan digunakan semula apabila diperlukan untuk menerangkan situasi dan keadaan semasa. Sekiranya maklumat diperlukan untuk kegunaan menyampaikan hasrat, keinginan dan idea, maka kosa kata tersebut akan digunakan kembali. Seterusnya Noorhidayah Abu Hasim et al. (2020) mendapati faktor persekitaran memberi kesan dalam proses pelajar untuk mengingati kosa kata yang diajarkan. Yudintseva (2015) menjelaskan bahawa keupayaan pelajar untuk menyambungkan imej visual dengan pengalaman peribadi antara faktor penyumbang kepada penggunaan bahasa semasa bertutur.

### 3.3.2.4 Strategi Kognitif

Strategi yang berikutnya dikenali sebagai Strategi Kognitif atau *Cognitive Strategies*. Schmitt (1997) menjelaskan bahawa strategi kognitif hampir sama dengan strategi memori, tetapi strategi ini melibatkan aspek mental seperti membuat rakaman dan mendengar kembali rakaman tersebut untuk tujuan mengingat kosa kata. Pelajar tidak terlibat dalam proses mental sebaliknya terlibat dalam pemrosesan yang lebih mekanikal (Kafipour & Naveh, 2011). Strategi yang boleh dilakukan adalah dengan membuat nota

dalam buku serta menyimpannya untuk kegunaan pada masa panjang. Hal ini membolehkan pelajar menerapkan strategi kognitif untuk mengeratkan hubungan antara penggunaan strategi dan pencapaian pembelajaran kosa kata (Gu, 2012).

Olson dan Land (2007) menjelaskan bahawa strategi kognitif adalah menjalinkan kosa kata baharu dengan padanan maklumat sedia ada dalam minda untuk mengklasifikasikan setiap kosa kata. Abbas (2007) menyatakan strategi kognitif ialah aktiviti mental yang berterusan bagi menyelesaikan masalah komunikasi. Terdapat pelbagai jenis strategi kognitif yang menjelaskan penggunaan seperti membuat ramalan, meringkaskan, menterjemah, meneka makna daripada konteks dan penggunaan peraturan tatabahasa.

#### **3.3.2.5 Strategi Metakognitif**

Strategi yang terakhir dikenali sebagai Strategi Metakognitif atau *Metacognitive Strategies*. Strategi ini bertujuan untuk merancang, memerhati dan menilai hasil pembelajaran (Schmitt, 1997). Menurut Panduangkaew (2018) pelajar menggunakan strategi metakognitif bertujuan untuk menilai sendiri perkembangan proses pembelajaran yang dialami. Selain itu, penilaian terhadap kosa kata boleh dilakukan untuk melihat kepada kemajuan pembelajaran yang telah dialami. Strategi metakognitif yang diguna oleh pelajar juga bertujuan untuk memperluas pengetahuan kosa kata baharu (Tinutda & Waraporn, 2011). Pelbagai kaedah boleh dilakukan seperti membaca surat khabar, majalah, iklan bercetak dan mendengar bait-bait kosa kata daripada lagu. Pendedahan terhadap bahasa sasaran harus dilakukan sebanyak mungkin agar pelajar memahami fungsi bahasa tersebut (Schmitt, 1997).


Rabadi (2016) menjelaskan bahawa pelajar jarang menggunakan strategi metakognitif kerana pelajar lebih bergantung kepada guru semasa berada di dalam kelas. Hal ini menjadikan proses pembelajaran lebih bertumpu kepada guru dan bukan pelajar dan melambatkan penguasaan bahasa pelajar. Seterusnya Abdullah Ibrahim (2004) yang menyatakan bahawa proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar boleh membina kemahiran sosial dan membantu pelajar selepas tamat pengajian. Jadual 3.1 menunjukkan strategi pembelajaran kosa kata yang dicadangkan oleh Schmitt (1997).

**Jadual 3.1: Ringkasan strategi pembelajaran kosa kata Schmitt (1997)**

<b>Kategori</b>	<b>Sub kategori</b>	<b>Penerangan</b>
Penemuan	Penentuan	Strategi yang digunakan pelajar tanpa meminta pertolongan orang lain atau pihak ketiga untuk mengetahui makna sesuatu kosa kata.
	Sosial	Strategi menerangkan penemuan kosa kata yang melibatkan pihak lain sama ada rakan sebaya dan masyarakat sekeliling.
Penguakuan	Memori	Strategi yang diperlukan untuk mengingat dan memindahkan maklumat seperti makna kosa kata, struktur ayat bagi penggunaan bahasa pada masa akan datang.
	Sosial	Strategi penguakuan yang melibatkan pihak lain untuk mengetahui makna bahasa sasaran yang tidak diketahui. Strategi ini boleh dilakukan dengan penglibatan guru yang mengajar bahasa sasaran tersebut.
	Kognitif	Strategi kognitif hampir sama dengan strategi memori, tetapi strategi ini melibatkan aspek mental seperti membuat rakaman dan mendengar kembali rakaman tersebut untuk tujuan mengingat kosa kata.
	Metakognitif	Strategi ini bertujuan untuk merancang, memerhati dan menilai hasil pembelajaran serta untuk melihat kepada kemajuan pembelajaran.

### 3.4 Kerangka Teori

Kajian ini akan menggabungkan dua model untuk membina kerangka teori kajian yang bersesuaian dengan objektif yang telah ditetapkan pada awal kajian. Model yang digunakan dalam rajah 3.2 adalah model pemerolehan bahasa kedua yang diperkenalkan oleh Ellis (1994) dan digabungkan bersama strategi pembelajaran kosa kata Schmitt (1997) seperti dalam rajah 3.3. Terdapat tiga perkara utama yang diperkenalkan oleh Ellis (1994), iaitu perbezaan individu yang menerangkan berkaitan hubungan antara faktor-faktor umum pelajar, strategi pembelajaran dan hasil pencapaian yang diperoleh setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Schmitt (1997) telah memperkenalkan enam strategi pembelajaran seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Kerangka teori yang digabungkan dapat diperhatikan dalam rajah 3.4.



**Rajah 3.4: Kerangka teori digabungkan daripada Ellis (1994) dan Schmitt (1997)**

### **3.5 Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian**

Setiap masalah yang hendak dikaji perlu wujud atau berada dalam populasi (Mohd Majid, 2009). Perkara ini sesuatu yang penting terutamanya kajian yang melibatkan kaedah kuantitatif. Masalah yang hendak dikaji sama ada melibatkan populasi yang besar atau kecil, susah atau mudah memerlukan penelitian dan perlu mengenal pasti populasi yang jelas dan tepat. Penyelidikan dilakukan kepada sampel kajian dan bukan kepada keseluruhan populasi (Mohd Majid, 2009) .

Menurut Buchstaller dan Khattab (2018) terdapat beberapa perkara perlu diambil kira semasa membentuk populasi dan sampel kajian terutama dalam bidang kajian bahasa dan linguistik. Pelbagai faktor seperti usia, jantina, etnik, negara dan tahap pendidikan perlu diteliti dan diperhalusi supaya dapatan data tidak mengelirukan dan bias. Subjek kajian tidak boleh memihak kepada beberapa faktor terpilih, dikecualikan, kurang atau terlebih banyak.

#### **3.5.1 Lokasi Kajian**

Lokasi kajian untuk menjalankan kajian ini ialah di Universiti Malaya (UM). Universiti Malaya menjadi pilihan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat ijazah dasar atau pun ijazah tinggi berdasarkan kedudukan dan pencapaian Fakulti Bahasa dan Linguistik (FBL) mengikut ranking universiti. Kedudukan *Quacquarelli Symonds (QS)* universiti dunia mengikut Subjek 2021 meletakkan FBL berada pada kedudukan 150 terbaik dunia dari aspek subjek linguistik. Seterusnya daripada subjek bahasa moden, kedudukan FBL di tangga ke-74 terbaik dunia. Pencapaian yang memberangsangkan ini menjadi pilihan untuk menjalankan kajian berdasarkan kepada kedudukan FBL yang mengajar program bahasa dan linguistik berbanding universiti awam lain yang menawarkan program yang sama. Lokasi Universiti Malaya dapat diperhatikan seperti dalam lampiran (Lampiran 3).



Fakulti Bahasa dan Linguistik (FBL) ialah fakulti yang dipilih untuk menjalankan kajian memandangkan hanya fakulti ini yang menawarkan kursus Bahasa Malaysia Asas kepada pelajar antarabangsa sama ada di peringkat ijazah dasar atau ijazah tinggi. Terdapat empat jabatan di FBL, iaitu Jabatan Bahasa-bahasa Malaysia dan Linguistik Terapan, Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah, Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah dan yang terakhir ialah Jabatan Bahasa Inggeris.

Daripada empat jabatan yang terdapat di FBL, hanya jabatan Bahasa-bahasa Malaysia dan Linguistik Terapan yang menawarkan kursus Bahasa Malaysia Asas untuk pelajar ijazah tinggi. Selain itu, terdapat juga kursus Bahasa Melayu peringkat pertengahan yang ditawarkan bergantung kepada permohonan daripada universiti luar seperti Universiti Konstanz, Jerman. Lokasi FBL boleh dirujuk berdasarkan kepada peta Universiti Malaya (Lampiran 4).

Kelas bahasa Melayu dijalankan di FBL pada semester satu sesi 2021/2022. Terdapat tiga kelas pengajaran yang telah ditetapkan oleh penyelaras kursus kerana terdapat tiga orang guru yang berbeza pada masa yang sama. Sebelum pandemik *Coronavirus disease* (Covid-19) bermula, dewan kuliah yang digunakan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran kursus ini ialah Dewan Kuliah Beringin, Dewan Kuliah Angsana dan Ruang Belajar Asmah Hj. Omar (*The Asmah Haji Omar Learning Space*). Tempat-tempat tersebut dapat diperhatikan di peta bangunan FBL (Lampiran 5).

Namun terdapat kekangan pembelajaran secara bersemuka. Maka semua sesi pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan secara dalam talian. Hal ini termasuklah semua ujian penilaian sama ada latihan, kuiz, pembentangan akademik dan peperiksaan akhir. Di Universiti Malaya, semua proses pembelajaran ini dijalankan secara dalam

talian melalui platform Spectrum yang dipertanggungjawabkan bawah kendalian Pusat Teknologi Maklumat (PTM).

### **3.5.2 Populasi Kajian**

Bilangan pelajar antarabangsa yang mendaftar untuk mengambil kursus Bahasa Malaysia Asas meningkat setiap tahun. Kemasukan pelajar antarabangsa pada sesi 2020/2021 menunjukkan peningkatan walaupun pandemik Covid-19 melanda seluruh dunia. Hal ini tidak menjejaskan proses pendaftaran dan pembelajaran pelajar kerana proses tersebut dilakukan secara dalam talian. Selain itu, terdapat pelajar yang mendaftar kursus Bahasa Malaysia Asas pada semester tersebut merupakan pelajar aktif yang sudah mendaftar pengajian pada tahun-tahun sebelumnya dan masih berada di Malaysia.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2021, seramai 30,494 orang pelajar antarabangsa telah mendaftar untuk melanjutkan pelajaran pada tahun 2021 berbanding 26,135 orang pada tahun 2020 dan 24,901 orang pula pada tahun 2019. Di Universiti Malaya, terdapat seramai 5,013 orang pelajar antarabangsa direkodkan mendaftar pada tahun 2021 dengan peningkatan seramai 900 orang berbanding 4,113 orang pelajar pada tahun 2020. Perbandingan bilangan enrolmen pelajar antarabangsa tujuh buah universiti dapat diperhatikan dalam jadual 3.2.

**Jadual 3.2: Bilangan pelajar antarabangsa di 7 buah Universiti Awam di Malaysia**

Bil.	Universiti Awam	Tahun		
		2019	2020	2021
1.	Universiti Malaya	3,551	4,113	5,013
2.	Universiti Sains Malaysia	2,417	3,051	5,287
3.	Universiti Kebangsaan Malaysia	2,175	2,042	2,873
4.	Universiti Putra Malaysia	4,039	4,884	5,761
5.	Universiti Teknologi Malaysia	4,873	4,658	4,967
6.	Universiti Utara Malaysia	2,262	2,227	2,410
7.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	5,584	5,160	4,183
<b>Jumlah</b>		<b>24,901</b>	<b>26,135</b>	<b>30,494</b>

Seterusnya data yang ditunjukkan di atas merupakan tujuh daripada 20 buah universiti awam yang menerima kemasukan lebih daripada 2,000 orang pelajar antarabangsa pada tahun 2019, 2020 dan 2021. Baki 13 universiti awam yang lain menerima kemasukan kurang daripada 2,000 orang pelajar antarabangsa (Kementerian Pengajian Tinggi, 2020).

Selain itu, daripada data yang diperolehi daripada Laporan Tahunan Universiti Malaya (Universiti Malaya, 2020) kemasukan pelajar antarabangsa menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Bilangan kemasukan pelajar ijazah tinggi masih kekal tinggi berbanding pelajar ijazah dasar, iaitu seramai 2,666 orang pelajar pada tahun 2019 dan 2,776 orang pelajar pada tahun 2020. Sementara itu, pelajar ijazah dasar pula seramai 898 orang pelajar pada tahun 2019 dan 1,052 orang pelajar pada tahun 2020. Jumlah keseluruhan enrolmen pelajar antarabangsa bagi ijazah dasar dan ijazah tinggi dapat diperhatikan dalam jadual 3.3.

**Jadual 3.3: Perbandingan jumlah enrolmen pelajar antarabangsa bagi tahun 2019 dan 2020**

Kategori	Tahun 2019		Tahun 2020	
	Enrolmen	Peratus (%)	Enrolmen	Peratus (%)
Ijazah Dasar	898	5.46%	1,052	5.49%
Ijazah Tinggi	2,666	26.1%	2,776	29.50%
<b>Jumlah</b>	<b>3,564</b>		<b>3,828</b>	

Pemilihan populasi kajian juga mengambil kira jumlah pelajar yang mendaftar kursus Bahasa Malaysia Asas untuk lima tahun terakhir di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Pada semester satu sesi 2017/2018, seramai 204 orang pelajar telah mendaftar dan pada semester dua ialah seramai 234 orang pelajar, manakala tiada pelajar mendaftar pada semester khas sesi tersebut. Seterusnya, pada semester satu sesi 2018/2019, seramai 261 orang pelajar telah mendaftar berbanding pada semester dua, iaitu seramai 260 orang pelajar. Pada semester khas pula, hanya 28 orang pelajar sahaja.

Pada sesi 2019/2020, jumlah pelajar yang mendaftar kursus Bahasa Malaysia Asas ialah seramai 306 orang pelajar pada semester satu, 319 orang pelajar pada semester dua dan hanya lima orang pelajar pada semester khas. Pada sesi 2020/2021, jumlah pelajar antarabangsa yang mendaftar ialah seramai 995 orang pelajar yang mewakili 438 orang pelajar pada semester satu dan 557 orang pelajar pada semester dua. Seterusnya pada sesi 2021/2022, seramai 1,414 orang pelajar telah mendaftar, iaitu 588 orang pelajar pada semester satu, 787 orang pelajar pada semester dua dan 39 orang pelajar pada semester tiga. Jumlah pelajar yang mendaftar bagi mengikuti kursus Bahasa Malaysia Asas dapat diperhatikan daripada jadual 3.4.

**Jadual 3.4: Jumlah pelajar ijazah tinggi**

<b>Sesi Pengajian</b>	<b>Semester</b>	<b>Bilangan Mendaftar</b>	<b>Jumlah</b>
<b>2017/2018</b>	1	204	438
	2	234	
	Khas	0	
<b>2018/2019</b>	1	261	589
	2	260	
	Khas	28	
<b>2019/2020</b>	1	306	630
	2	319	
	Khas	5	
<b>2020/2021</b>	1	438	995
	2	557	
	Khas	0	
<b>2021/2022</b>	1	588	1,414
	2	787	
	Khas	39	

Bagi menangani jumlah populasi yang mewakili ciri-ciri populasi, kajian ini mengguna pakai cadangan yang dikemukakan oleh Ary et al. (dalam Mohd Majid, 2009) iaitu terdapat dua ciri populasi yang kenali sebagai populasi sasaran dan populasi yang digunakan. Populasi sasaran merupakan populasi yang mengandungi ciri atau faktor yang hendak dikaji, iaitu pelajar antarabangsa ijazah tinggi di Universiti Malaya. Sementara itu, populasi digunakan merujuk kepada ciri-ciri populasi sasaran. Populasi digunakan dalam kajian ini ialah pelajar antarabangsa ijazah tinggi yang mendaftar kursus Bahasa Malaysia Asas pada semester satu sesi 2021/2022.

Pensampelan terhadap populasi digunakan adalah penting kerana secara langsung sampel-sampel yang diambil akan mewakili populasi kajian dan boleh mengurangkan ralat pensampelan. Selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Mohd Majid (2009) bagi menguji sampel yang terdapat dalam populasi, memadai dengan jumlah subjek

kajian, iaitu seramai 30 orang sahaja. Maka, kajian ini akan menguji seramai 30 orang subjek kajian sebagai pensampelan bertujuan.

Sampel kajian terdiri daripada pelajar antarabangsa pada peringkat ijazah tinggi sama ada ijazah sarjana atau ijazah sarjana kedoktoran. Tiada penetapan bidang yang khusus terhadap populasi pelajar memandangkan semua pelajar antarabangsa sama ada bidang sains atau sains sosial dikehendaki mengambil kursus Bahasa Malaysia sebagai syarat pengijazahan. Hal ini selaras dengan pendapat Mohd Majid (2009) yang mengatakan bahawa populasi bagi kajian perlu melibatkan keseluruhan individu yang berada dalam populasi. Menurut Mohd Majid (2009) populasi yang lebih besar dan luas adalah sukar atau mustahil untuk mengumpulkan data daripada setiap individu.

Dari segi negara yang terlibat, tiada penetapan negara yang khusus dalam kajian ini memandangkan pelajar yang mengambil kursus Bahasa Malaysia Asas terdiri dari pelbagai negara sama ada dari Asia, Eropah, Timur Tengah, Australia dan sebagainya. Setiap pelajar yang mendaftar secara sah dan aktif pada tahun tersebut berkemungkinan terpilih sebagai sampel kajian. Pelajar-pelajar ini perlu lulus kursus Bahasa Malaysia sebagai syarat pengijazahan seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti Malaya (Lampiran 6).

Daripada data yang diperoleh berdasarkan unjuran penyelarasan kursus, terdapat seramai 625 orang pelajar antarabangsa yang mendaftar untuk mengikuti kursus TXGZ6102 Bahasa Malaysia Asas pada semester satu sesi 2021/2022. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar program secara kursus secara sepenuh masa dan mod campuran. Terdapat 25 kumpulan yang dipecahkan kepada lima siri, iaitu lima kumpulan pada setiap siri. Penerangan berkaitan kumpulan tersebut dapat diperhatikan seperti jadual 3.5.

**Jadual 3.5: Jumlah pelajar antarabangsa ijazah tinggi semester 1 sesi 2021/2022**

<b>Siri</b>	<b>Kumpulan</b>	<b>Bilangan pelajar</b>	<b>Jumlah</b>
1	1 – 5	25 hingga 30	125
2	6 – 10	25 hingga 30	125
3	11 – 15	25 hingga 30	125
4	16 – 20	25 hingga 30	125
5	21 – 25	25 hingga 30	125
<b>Jumlah keseluruhan</b>			<b>625</b>

### 3.5.3 Sampel Kajian

Teknik pensampelan bertujuan untuk mengkaji kumpulan tertentu yang dirancang secara khusus terhadap subjek kajian. Teknik ini untuk meneliti data kuantitatif terhadap sampel kajian (Buchstaller & Khattab, 2018). Apabila jumlah subjek kajian terlalu besar, luas dan sukar untuk dihubungi, maka kajian perlu dilakukan dengan menggunakan sampel. Dengan analisis secara statistik, data daripada sampel digunakan untuk membuat anggaran atau menguji hipotesis berkaitan data populasi (Mohd Majid, 2009).

Menurut Mohd Majid (2009) pensampelan bertujuan merupakan proses mengambil sampel yang mempunyai ciri yang sama dan seragam serta mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Ciri yang sama bagi kajian ini ialah pelajar antarabangsa ijazah tinggi. Campbell dan Stanley (2015) pula mencadangkan sampel kajian diguna berdasarkan kumpulan pelajar sedia ada agar tidak mengganggu proses pembelajaran dan pentadbiran. Kaedah ini sesuai dengan kajian yang dilakukan memandangkan setiap pelajar yang mendaftar kursus Bahasa Malaysia Asas telah berada dalam kumpulan masing-masing. Maka melalui kaedah pensampelan ini, subjek kajian diambil berasaskan kepada kumpulan-kumpulan yang terlibat semasa mendaftar kursus

Bahasa Malaysia Asas dan menggambarkan kepada saiz populasi yang lebih mudah diurus dan menjimatkan kos.

Selaras juga dengan pendapat yang dikemukakan oleh Neuman (2002) bahawa kaedah pensampelan ini boleh mengurangkan kos bagi mendapat sampel kajian yang baik. Hal ini dapat membantu kepada kesahan dalaman yang tinggi. Berdasarkan kepada populasi hasil daripada jumlah pelajar yang mendaftar kursus Bahasa Malaysia Asas, seramai 30 (N=30) orang sampel kajian, iaitu mewakili 5.10 peratus populasi yang diperlukan sebagai saiz sampel daripada 588 bilangan pelajar. Sampel kajian seramai 588 orang pelajar diambil kira setelah mengeluarkan pelajar yang berstatus mengulang kursus Bahasa Malaysia Asas dan sampel daripada kajian rintis, iaitu seramai 37 orang. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Alpino Susanto (2017) terhadap 30 orang pelajar sebagai sampel kajian yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua bagi meneliti hubungan antara tahap kosa kata dan kefahaman membaca pelajar. Selain itu, Creswell dan Creswell (2018) juga menyatakan bahawa jumlah saiz sampel perlu mengikut kepada perancangan kajian.

Pemilihan kumpulan sampel kajian yang terlibat juga melibatkan guru yang bersedia dan bertanggungjawab untuk memberikan kerjasama semasa kutipan data dilaksanakan. Berdasarkan kepada jadual kelas yang diberikan oleh penyelaras kursus, terdapat kumpulan yang mempunyai kelas pada waktu pagi dan petang. Terdapat tiga orang guru bagi kursus Bahasa Malaysia Asas yang merangkumi 25 kumpulan. Maka pemilihan kumpulan adalah berdasarkan cabutan rawak mudah. Pemilihan rawak mudah dilakukan bagi memastikan setiap kumpulan mempunyai peluang yang sama dan tidak bias untuk diambil sebagai sampel kajian (Mohd Majid, 2009). Nombor kumpulan ditulis di atas sekeping kertas dan dicabut hanya sekali sahaja. Nombor kumpulan pelajar yang tertulis di atas kertas tersebut akan dijadikan sebagai sampel kajian.



Selain daripada sampel kajian yang diuji berdasarkan kumpulan kajian sebenar, terdapat satu lagi kumpulan dipilih yang dikenali sebagai kumpulan kajian rintis. Subjek kajian dalam kumpulan ini dipilih secara rawak terhadap baki kumpulan yang mengambil kursus Bahasa Malaysia Asas dan tidak terlibat dalam kumpulan kajian semasa ujian sebenar dijalankan.

### **3.6 Instrumen Kajian**

Instrumen yang diguna untuk mengumpul data dalam kajian ini adalah dengan melakukan ujian kosa kata bahasa Melayu dan yang kedua adalah edaran borang soal selidik berkaitan strategi pembelajaran bahasa Melayu. Maka, bahagian ini akan memperincikan kedua-dua perkara tersebut.

#### **3.6.1 Ujian Kosa Kata Bahasa Melayu**

Ujian kosa kata merupakan ujian yang dilakukan untuk mengetahui saiz kosa kata bahasa Melayu seperti yang dinyatakan dalam objektif kajian. Ujian yang dijalankan adalah terhadap sampel kajian, iaitu pelajar antarabangsa ijazah tinggi yang telah melalui proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan bahasa Melayu.

Menurut Hassan Basri (2002) ujian pencapaian boleh dilakukan berdasarkan kepada sukatan yang telah dirancang dengan melaksanakan penilaian pembelajaran yang telah dilalui oleh subjek kajian secara formal di dalam kelas. Tujuan penilaian ini untuk melihat tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar setelah melalui tempoh pembelajaran. Selain itu ujian kosa kata bertujuan untuk mendapatkan maklum balas yang boleh diguna semasa sesi pembelajaran pada masa akan datang. Bagi ujian ini, penyediaan soalan dilakukan berdasarkan Ujian Tahap Kosa Kata Nation (1990) atau *Vocabulary Levels Test* (VLT). VLT merupakan ujian yang mengukur pengetahuan, pemahaman dan penguasaan berkaitan jalur frekuensi kosa kata dan yang paling kerap digunakan oleh

penyelidik berkaitan bahasa kedua (McLean & Kramer, 2015). Kajian ini tidak meneliti perkara berkaitan pedagogi, kurikulum, pengurusan kelas dan pelajar terhadap kursus Bahasa Malaysia Asas.

Dari segi kandungan soalan pula, kertas ujian kosa kata dalam kajian ini mempunyai tiga tahap. Setiap tahap mempunyai enam bahagian dan setiap bahagian mempunyai tiga soalan. Bahagian-bahagian tersebut juga mempunyai enam pilihan jawapan. Subjek kajian perlu memilih kosa kata yang paling sesuai bagi setiap ayat yang diberikan. Kemudian, pelajar perlu menulis nombor kosa kata itu di tempat yang telah disediakan. Binaan soalan ujian berdasarkan kandungan pelajaran yang terdapat dalam buku Efektif Bahasa Melayu Asas (Lampiran 7).

### **3.6.2 Borang Soal Selidik**

Instrumen yang kedua ialah borang soal selidik. Borang yang digunakan adalah berdasarkan kepada soal selidik Strategi Pembelajaran Kosa Kata oleh Schmitt (1997) kerana sesuai dengan tujuan dan objektif yang kedua dan ketiga. Strategi Pembelajaran Kosa Kata atau Taksonomi Schmitt (1997) bertujuan mendedahkan jenis strategi pembelajaran kosa kata yang diguna oleh pelajar. Selain itu borang ini juga untuk mengetahui frekuensi strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar selain mengungkap keseluruhan penggunaan strategi pembelajaran kosa kata subjek kajian. Borang soal selidik yang disediakan dalam kajian adalah set soalan yang diubah suai daripada Schmitt (1997) bergantung kepada tahap pemahaman agar relevan dengan persekitaran pembelajaran dan tahap kompetensi subjek kajian yang mempelajari bahasa Melayu.

Borang soal selidik terdiri daripada dua bahagian yang utama. Bahagian A ialah maklumat berkaitan demografi subjek kajian. Sementara itu, Bahagian B pula merupakan

strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu yang diubah suai daripada taksonomi pembelajaran kosa kata oleh Schmitt (1997). Borang soal selidik disediakan dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bagi memudahkan subjek kajian menjawab item yang dikemukakan (Lampiran 8).

### **3.6.2.1 Maklumat Demografi**

Maklumat berkaitan latar belakang pelajar diperlukan untuk menentukan sama ada pelajar dalam kajian ini ialah sampel yang mewakili populasi sasaran untuk tujuan generalisasi. Maklumat demografi berfungsi sebagai pemboleh ubah bebas kerana tidak boleh di manipulasi. Dalam kajian ini, pemboleh ubah demografi boleh menerangkan sampel kajian dan mempunyai kesan terhadap pemboleh ubah bersandar (Lee & Schuele, 2021). Menurut Padraig (2002) demografi linguistik boleh dirujuk sebagai demo linguistik untuk menangani isu dan permasalahan serta mengkaji hubungan antara pemboleh ubah. Pemboleh ubah ini boleh meliputi fenomena linguistik seperti trend, taburan sampel, kesedaran, sosial penutur, dwibahasa dan multibahasa.

Pada bahagian A, maklumat demografi yang perlu dilengkapkan oleh subjek kajian seperti negara asal, umur semasa mengikuti kursus Bahasa Malaysia, jantina, bidang pengajian, semester pengajian, pembiayaan pengajian, jumlah jam belajar bahasa Melayu semasa di rumah, tempoh masa berada di Malaysia, tempoh menetap di Malaysia dan sejarah mempelajari bahasa Melayu. Sementara itu bahagian B pula adalah berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu.

### **3.6.2.2 Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Melayu**

Bahagian B dalam borang soal selidik mengandungi 54 item yang perlu ditanda berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Item-item yang terdapat dalam bahagian ini terdiri daripada dua strategi utama dan empat subkategori, iaitu strategi penentuan,

strategi sosial (penemuan), strategi kognitif, strategi sosial (pengukuhan), strategi memori dan yang terakhir strategi metakognitif. Setiap kumpulan strategi pembelajaran dipecahkan kepada sembilan item seperti dalam jadual 3.6.


**Jadual 3.6: Pecahan bilangan item strategi pembelajaran kosa kata**

<b>Strategi</b>	<b>Bilangan item</b>
Penentuan	9
Sosial (penemuan)	9
Memori	9
Sosial (pengukuhan)	9
Kognitif	9
Metakognitif	9
<b>Jumlah</b>	<b>54</b>

Subjek kajian perlu menilai dan menanda frekuensi penggunaan strategi pembelajaran kosa kata berdasarkan kepada lima skala pilihan dengan menggunakan penilaian skala likert. Penggunaan soal selidik berskala likert boleh memberi keputusan yang mapan dalam kajian bahasa kedua dan boleh dipercayai mempunyai kesahan yang tinggi dan data yang dihasilkan tepat (Quarterly, 1993). Ukuran skala likert yang akan digunakan dalam kajian ini dapat diperhatikan seperti jadual 3.7.

**Jadual 3.7: Skala likert borang soal selidik**

<b>Skala</b>	<b>Pilihan</b>
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Tidak pasti
4	Setuju
5	Sangat setuju



**Rajah 3.5: Instrumen kajian**

### 3.6.3 Kesahan Instrumen Kajian

Kesahan instrumen yang berkesan bukan sahaja memerlukan pelbagai sumber dan bukti, tetapi juga perlu dilakukan secara terus - menerus dari semasa ke semasa. Kajian yang dilakukan mesti meliputi sampel yang berbeza dan pengumpulan data meliputi bidang yang telah ditentukan. Konsep kesahan haruslah berdasarkan kepada konteks kesahan

kandungan, kesahan konstruk, kesahan kriteria dan kesahan akibat (Lakshmi, 2013). Ketidakkakuran kesahan instrumen boleh mempengaruhi fungsi dan penilaian serta ketetapan memperoleh data (Richey et al., 2005). Kajian ini akan meneliti, menilai kesahan kandungan dan item dengan menguji perancangan, prosedur, kaedah penilaian, pengumpulan sehinggalah kepada proses untuk mendapatkan data-data berdasarkan instrumen yang telah ditetapkan.

Instrumen berkaitan ujian kosa kata bahasa Melayu dan borang soal selidik melibatkan perbincangan bersama pakar dalam bidang bahasa Melayu seperti pensyarah, guru bahasa, pembuat dan penggubal dasar. Seramai tiga orang pakar daripada pelbagai institusi yang terlibat dalam proses ini, iaitu dari Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kolej Yayasan Pahang. Kesahan pakar rujuk instrumen dapat diperhatikan dalam jadual 3.8.

**Jadual 3.8: Kesahan instrumen kajian**

<b>Bil</b>	<b>Instrumen</b>	<b>Pakar Rujuk</b>
1.	Ujian Kosa Kata Bahasa Melayu	i. Profesor Madya Dr. Roshidah binti Hassan, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. ii. Dr. Rozita binti Che Omar, Guru Bahasa Kanan, Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. iii. Puan Nur Aimie Nabila binti Fauzi, Guru Bahasa Melayu, Bahagian Kemahiran Bahasa Melayu dan Bahasa Global, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa, Universiti Putra Malaysia.

<b>Bil</b>	<b>Instrumen</b>	<b>Pakar Rujuk</b>
2.	Borang Soal Selidik i. Demografi ii. Strategi pembelajaran	<p>i. Dr. Rozita binti Che Omar, Guru Bahasa Kanan, Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.</p> <p>ii. Profesor Madya Dr. Roshidah binti Hassan, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.</p> <p>iii. Encik Dedi Sanjaya, Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Kolej Yayasan Pahang.</p>

Terdapat cadangan dan penambahbaikan yang diambil kira berdasarkan kepada justifikasi dan kesesuaian item iaitu, selepas pakar rujuk meneliti instrumen setiap item pada bahagian ujian kosa kata dan borang soal selidik. Penambahbaikan ini perlu dilakukan supaya instrumen yang digunakan boleh mengukur ketepatan data di akhir kajian (Yesilbursa & Ipek, 2013). Ulasan dan cadangan dapat diperhatikan dalam jadual 3.9.

**Jadual 3.9: Kesahan dan cadangan pakar rujuk instrumen**

<b>Bil</b>	<b>Instrumen</b>	<b>Ulasan dan Cadangan Pakar Rujuk</b>
1.	Ujian Kosa Kata Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan bahagian ejaan.</li> <li>• Terdapat pilihan jawapan yang hampir sama.</li> <li>• Pemilihan jawapan kosa kata perlu lebih jelas.</li> <li>• Terdapat item yang jelas berdasarkan jawapan.</li> </ul>
2.	Borang Soal Selidik i. Demografi i. Strategi pembelajaran kosa kata	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Item sesuai dengan data yang diperlukan.</li> <li>• Terdapat beberapa item yang perlu diperbaiki.</li> <li>• Semakan bahagian ejaan.</li> </ul>

### 3.6.4 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan instrumen adalah ukuran bebas yang boleh mengelak daripada berlakunya kesilapan dengan memberi hasil yang konsisten. Instrumen kajian boleh dipercayai sekiranya mendapat keputusan yang konsisten walaupun diuji kepada objek atau individu dengan kaedah dan nilai yang sama (Lakshmi, 2013). Kebolehpercayaan juga melibatkan ketekalan atau kebolehulangan skor ujian individu dengan menjangkakan skor sisihan yang agak tetap dan tepat pada instrumen yang sama atau selari (Drost, 2004).

Menurut Drost (2004) terdapat beberapa cara untuk menguji kebolehpercayaan instrumen, iaitu kebolehpercayaan antara penilai, kebolehpercayaan antara kaedah, kebolehpercayaan ketekalan dalaman dan kebolehpercayaan ujian semula. Dalam kajian ini, kaedah kebolehpercayaan ketekalan dalaman adalah dengan menggunakan Alpha Cronbach untuk menilai instrumen kajian. Klasifikasi indeks kebolehpercayaan dalam kajian ini dapat diperhatikan seperti dalam jadual 3.10.

**Jadual 3.10: Klasifikasi indeks kebolehpercayaan instrumen**

<b>Nilai kebolehpercayaan</b>	<b>Indikator Alpha Cronbach</b>
Item perlu digugurkan	0.00-0.49
Rendah dan perlu diperbaiki	0.50-0.59
Sederhana dan boleh diterima	0.60-0.69
Tinggi dan boleh diterima	0.70-0.89
Sangat tinggi dan boleh diterima	0.90-1.00




Kaedah pengujian kebolehpercayaan yang selalu digunakan dalam kajian bersifat sains sosial adalah pekali alpha. Pekali alpha diperkenalkan oleh Cronbach (1951) untuk mengukur ciri-ciri tertentu dalam ujian agar konsisten secara dalaman. Nilai pekali alpha meningkat secara konsisten apabila jumlah item yang diuji meningkat ke tahap tertentu. Nilai kebolehpercayaan yang terbaik adalah nilai yang semakin hampir dengan 1.00 (Nunnally, 1978). Menurut Bond dan Fox (2007) nilai Alpha Cronbach yang boleh diterima adalah antara 0.71 hingga 0.99, iaitu berada pada tahap 71.00 peratus hingga 99.00 peratus.

### **3.7 Prosedur Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat prosedur yang sistematik dan berstruktur untuk memastikan hasil kajian sah dan boleh dipercayai. Langkah awal adalah penting dengan meletakkan asas untuk keseluruhan kajian. Oleh itu, sorotan kajian yang komprehensif untuk memahami pengetahuan sedia ada berdasarkan kajian lepas berkaitan topik, mengenal pasti kelompangan untuk menentukan objektif kajian. Penentuan kepada teori yang jelas boleh membantu dan membimbing ke peringkat yang seterusnya dengan melibatkan data dan analisis kajian.

Fasa berikutnya adalah melibatkan metodologi kajian seperti pembangunan instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Hal ini termasuklah kebenaran menjalankan kajian, kajian rintis dan seterusnya kepada kajian sebenar. Selepas selesai mengumpul dan menganalisis data, laporan akhir yang dibentangkan perlu menjawab kepada objektif dan persoalan kajian. Metodologi yang direka dengan baik meningkatkan kesahihan dalaman dan luaran kajian, yang membolehkan penemuan yang bermakna dan umum seperti dalam rajah 3.6



**Rajah 3.6: Prosedur kajian**

### 3.7.1 Kebenaran Menjalankan Kajian

Kajian ini perlu mematuhi prosedur kajian dengan perlu mendapat surat kebenaran untuk menjalankan kajian lapangan daripada Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti

Malaya. Setelah mendapat kebenaran, surat permohonan kepada Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik untuk mengumpul dan mendapatkan data kajian seperti yang dinyatakan dalam instrumen. Surat kelulusan perlu diperoleh daripada Dekan FBL kerana lokasi kajian dan kursus Bahasa Malaysia Asas dilaksanakan di FBL (Lampiran 9).

Selepas mendapat kebenaran daripada Dekan FBL, perkara untuk menjalankan kajian dirujuk kepada Penyelaras kursus Bahasa Malaysia Asas untuk tindakan susulan. Terdapat beberapa perkara yang dibincangkan termasuklah persetujuan menjalankan kajian, tarikh menjalankan ujian kosa kata, tarikh pendedaran borang soal selidik, bilangan subjek kajian, cara untuk mengumpul data kajian, penelitian bahan pengajaran dan topik pembelajaran.

### **3.7.2 Kutipan Data - Platform SPeCTRUM V3**

Bagi mendapatkan data kajian yang telus, maka kajian ini akan menggunakan platform Spectrum yang dilaksanakan secara dalam talian oleh Universiti Malaya. Spectrum merupakan platform yang dikawal sepenuhnya secara teknikal oleh pihak yang bertanggungjawab, iaitu Pusat Teknologi Maklumat. Platform ini disediakan bagi memudahkan guru dan pelajar untuk berhubung antara satu sama lain. Selain itu, Spectrum merupakan platform yang diguna untuk menjalankan penilaian berkaitan kuiz, laporan pembentangan, ujian lisan, ujian berkala dan penilaian akhir (Lampiran 10).

Bagi memenuhi dapatan kajian, soalan ujian kosa kata dan borang soal selidik telah disediakan terlebih dahulu di Spectrum seperti soalan ujian sebenar. Tetapan (*setting*) kedua-dua instrumen kajian dibuat bersama penyelaras kursus bagi mengelak kesalahan (*error*) ketika subjek kajian menjawab soalan. Selepas tetapan dilakukan, setiap soalan diuji secara pratonton (*preview*) bagi mendapatkan gambaran sebenar semasa ujian pra dan pasca dilaksanakan. Setiap subjek kajian diberikan masa yang sama untuk menjawab

soalan, iaitu selama satu jam 30 minit. Sekiranya terdapat masalah teknikal semasa menjawab soalan, maka skor subjek kajian akan dikeluarkan daripada data kajian. Penyelaras dan guru diletakkan dalam keadaan siap sedia (*standby*) ketika ujian pra dan pasca dilaksanakan.

Setiap subjek kajian yang hendak menjawab ujian kosa kata bahasa Melayu perlu daftar masuk (*login*) dengan menggunakan akaun pelajar masing-masing. Tarikh dan masa untuk menjawab telah ditetapkan terlebih dahulu dan dimaklumkan kepada pelajar pada awal kelas pembelajaran. Hanya subjek kajian dan kumpulan kajian yang terlibat sahaja dibenarkan untuk akses di platform berkenaan. Cara dan kaedah yang sama akan dilaksanakan bagi ujian pra, ujian pasca dan borang soal selidik (Lampiran 11).

Selepas tamat tempoh menjawab semua soalan ujian kosa kata dan borang soal selidik, jawapan subjek kajian akan dimuat turun untuk ditanda secara manual. Kajian ini tidak menjalankan penandaan jawapan secara automatik bagi mengelak kekeliruan jawapan seperti penggunaan tanda baca dan menulis jawapan secara penuh. Skor jawapan kosa kata akan direkodkan kembali secara manual di dalam *Microsoft Excel* (Lampiran 12).

### **3.7.3 Kajian Rintis**

Sebelum menjalankan kajian yang sebenar, terdapat kriteria yang perlu diambil perhatian, iaitu kajian terhadap kumpulan rintis seperti kumpulan yang dibezakan dengan perlakuan atau tindakan (Mohd Majid, 2009). Larsen et al. (2014) menjelaskan dua kumpulan kajian yang diuji dikenali sebagai kumpulan kajian rintis dan satu kumpulan lain dikenali sebagai kumpulan kajian sebenar. Segala penambahbaikan dan cadangan daripada kajian rintis akan dilakukan berdasarkan kepada hasil penilaian dan pengujian yang telah dilakukan.

Reka bentuk kajian rintis ini boleh memberikan hasil yang memadai berkaitan penguasaan bahasa Melayu. Kumpulan kajian sebenar kemudiannya boleh diuji dengan menggunakan prosedur yang lebih ketat. Terdapat perkara yang perlu diberi perhatian semasa menjalankan kajian rintis seperti faktor yang tidak sistematik. Menurut Mohd Majid (2009) seorang pengkaji perlu menghalang perubahan-perubahan yang boleh mengganggu dapatan data seperti emosi, sikap, minat dan kecerdasan fizikal. Perubahan-perubahan ini akan memberi data yang tidak tepat dan berat sebelah.

Bilangan subjek kajian bagi kajian rintis adalah seramai 25 sampel, iaitu bilangan subjek kajian yang terdapat dalam satu kumpulan yang telah mendaftar kursus Bahasa Malaysia Asas. Terdapat juga pendapat seperti yang dicadangkan oleh Hill (1998) berkaitan sampel kajian rintis, iaitu seramai 10 hingga 30 sampel. Maka kajian ini akan mengekalkan bilangan sampel kajian bagi kajian rintis, iaitu seramai 25 orang.

Ujian kosa kata bahasa Melayu dan pengedaran borang soal selidik akan dijalankan di Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kajian rintis dijalankan secara dalam talian mempertimbangkan terdapat kekangan dari segi mendapatkan data secara bersemuka. Hal ini disebabkan semua pengajaran, pembelajaran dan penilaian dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan platform Spectrum. Kajian ini akan memastikan bahawa, subjek kajian yang telah terlibat dalam kajian rintis tidak akan terlibat semasa kajian sebenar dilakukan. Setelah kajian rintis dijalankan, data dan maklumat akan dianalisis menggunakan SPSS. Data tersebut akan diteliti terutama berkaitan penambahbaikan berkaitan instrumen dan prosedur kajian. Kajian ini juga mengambil pandangan sekiranya terdapat maklum balas yang diberikan oleh subjek kajian dan guru semasa ujian rintis. Pandangan tersebut dicatat untuk tujuan penambahbaikan semasa kajian sebenar dilaksanakan kelak.

### 3.7.3.1 Kesahan Kajian

Dalam kajian ini, kesahan berkaitan kajian rintis perlu dilakukan supaya terdapat bukti yang empirikal bahawa item yang diukur boleh memberikan kesimpulan dan keputusan yang tepat (Richey et al., 2005). Bagi menentukan kualiti kajian, indeks kesukaran item atau nilai  $p$  ( $p$  value) digunakan bersama nilai indeks diskriminasi item (Mohd Yusri Ibrahim, 2010).

Item atau ujian penilaian yang baik mestilah mempunyai indeks kesukaran dan indeks diskriminasi yang baik (Ayu Siti Aminah, 2020). Hal ini perlu bagi mendapatkan tahap kesukaran item ujian tersebut tidak berada pada tahap sangat mudah atau tahap sangat sukar ketika dijawab oleh subjek kajian. Item yang berbentuk soalan subjektif seperti mengisi tempat kosong dikira berdasarkan kepada nisbah bilangan subjek kajian yang menjawab soalan dengan betul, kemudian dibahagi kepada jumlah subjek kajian yang menjawab soalan tersebut. Rumus indeks dapat diperhatikan seperti di bawah.

$$p = \frac{\text{Bilangan subjek kajian yang menjawab betul}}{\text{Jumlah subjek kajian yang menjawab soalan}}$$

Setelah data dianalisis, tahap kesukaran indeks bagi ujian rintis kosa kata bahasa Melayu dapat diperhatikan dalam jadual 3.11.

**Jadual 3.11: Indeks tahap kesukaran dan pengkelasan item**

<b>Indeks kesukaran</b>	<b>Pengkelasan item</b>
0.01 – 0.20	Sangat sukar
0.21 – 0.40	Sukar
0.41 – 0.60	Sederhana sukar
0.61 – 0.80	Mudah
0.81 – 1.00	Sangat mudah

Hasil daripada analisis yang dilakukan terhadap kumpulan kajian rintis bagi menentukan tahap kesukaran item, nilai yang diperoleh ialah  $p = 0.783$ . Hal ini menunjukkan bahawa item bagi ujian penilaian kosa kata berada pada tahap mudah dan sesuai untuk diuji semasa kajian sebenar. Perkara ini bertepatan berdasarkan kepada subjek kajian merupakan pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu pada peringkat asas.

### **3.7.3.2 Kebolehpercayaan Kajian**

Pengukuran yang berulang dilakukan terhadap individu lain bagi mengukur untuk mendapatkan kebolehpercayaan kajian (Mohd Majid, 2009). Ujian yang digunakan adalah ukuran secara konsisten bagi membezakan individu pada satu masa atau dalam jangka masa yang tertentu (Hanna & Dettmer, 2004). Bagi mencapai tujuan ini, pekali alpha Cronbach diguna pakai bagi mendapatkan indeks ketekalan dalaman yang betul dan tepat. Setiap item yang diuji dikenal pasti dan dibetulkan sebagai tindakan penambahbaikan sebelum kajian yang sebenar dilaksanakan.

Berdasarkan kepada kajian rintis yang dijalankan ( $N=25$ ), nilai  $p$  bagi item ujian kosa kata berada pada tahap 83.50 peratus dan data yang diperoleh menunjukkan bahawa item boleh dijawab oleh subjek kajian dengan baik dan boleh diterima, iaitu tidak terlalu sukar dan tidak terlalu mudah. Hasil nilai indeks kebolehpercayaan alpha Cronbach ialah 0.835 dengan menunjukkan bahawa ujian kosa kata ini mempunyai nilai ketekalan yang baik dan boleh diterima (Bond & Fox, 2015)

Sementara itu bagi borang soal selidik pula, indeks kebolehpercayaan berdasarkan alpha Cronbach berada pada tahap sangat tinggi dan baik dengan nilai 0.974 atau 97.40 peratus. Setelah melakukan kajian rintis, hasil daripada kedua-dua nilai tersebut boleh dipercayai dan mempunyai tahap kesahan serta kebolehpercayaan yang tinggi untuk diteruskan pada kajian sebenar.

**Jadual 3.12: Kebolehpercayaan kajian rintis**

Item	Nilai Alpha Cronbach	Bilangan Item
Ujian Kosa Kata bahasa Melayu	0.835	54
Borang soal selidik strategi pembelajaran	0.974	54

#### 3.7.4 Kajian Sebenar

Kajian dimulakan setelah mendapat kebenaran daripada pihak-pihak berkepentingan seperti Dekan FBL, Penyelaras kursus TXGZ6102 dan guru kursus Bahasa Malaysia Asas. Segala urusan seperti permohonan menjalankan kajian dimohon secara dalam talian (*email*) bagi mengurangkan pergerakan dan perjumpaan secara bersemuka. Permohonan untuk melaksanakan kajian dibuat pada bulan Oktober 2021. Seterusnya, perbincangan



bersama penyelaras kursus dilakukan bagi menetapkan tarikh yang sesuai bagi menjalankan ujian pra dan ujian pasca.

Pendaftaran pelajar antarabangsa bagi peringkat ijazah tinggi adalah selama satu minggu bermula pada 11 Oktober 2021 hingga 15 Oktober 2021 dan pembelajaran bermula pada 18 Oktober 2021 (Lampiran 13). Selepas proses pendaftaran kursus TXGZ6102 Bahasa Malaysia Asas selesai, subjek kajian akan melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi jumlah sampel kajian pula, seramai 30 subjek kajian akan mengambil bahagian dalam ujian ini. Tarikh dan masa untuk mendapatkan data adalah seperti jadual 3.13.

**Jadual 3.13: Tempoh masa menjalankan ujian**

<b>Kumpulan</b>	<b>Ujian</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>
Sampel kajian	Ujian Pra	17 Januari 2022	11.30 pagi – 1.00 tengah hari
	Ujian Pasca	26 Januari 2022	11.30 pagi – 1.00 tengah hari

Objektif kajian diterangkan juga kepada guru kumpulan kajian supaya faham berkaitan tugas dan tanggungjawab demi menjayakan hasil kajian yang akan diperolehi nanti. Kajian ini turut dibantu oleh penyelaras kursus dari segi penerangan berkaitan prosedur ujian yang akan dilaksanakan. Seterusnya proses pengekodan dilakukan selepas setiap kertas soalan dan borang soal selidik dimuat turun dari platform Spectrum.

#### **3.7.4.1 Ujian Pra**

Bagi melaksanakan ujian pra, soalan ujian kosa kata bahasa Melayu dijawab pada hari pertama sesi pengajaran. Sebelum ujian dilaksanakan, penerangan berkaitan ujian ini

diterangkan kepada subjek kajian oleh guru kelas. Subjek kajian boleh bertanya sekiranya terdapat soalan yang tidak difahami. Cara menjawab soalan diterangkan mengikut bahagian soalan supaya subjek kajian dapat menjawab semua soalan dan tidak dibiarkan kosong agar proses analisis data tidak terganggu. Terdapat contoh soalan dan jawapan diberikan sebagai panduan kepada subjek kajian.

Had masa untuk menyelesaikan ujian ditetapkan selama satu jam 30 minit sahaja. Tetap, penerangan dan arahan telah dipaparkan pada bahagian halaman hadapan (*cover page*) sebagai panduan kepada subjek kajian untuk menjawab soalan ujian. Subjek kajian diingatkan untuk tidak menggunakan kamus atau menggunakan aplikasi terjemahan secara dalam talian. Pemantauan dilakukan dengan rapi dan dibantu oleh guru kelas sekiranya terdapat masalah teknikal. Sekiranya terdapat persoalan dan pertanyaan, subjek kajian dibenarkan untuk bertanya terus kepada pengkaji dan guru.

Langkah seterusnya adalah dengan proses pengekodan. Setiap kertas ujian yang sudah dimuat turun ditandakan "S1" merujuk kepada subjek kajian (S) dan nombor satu (1) mewakili bilangan subjek kajian yang menjawab ujian tersebut. Seterusnya data akan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0.

#### **3.7.4.2 Ujian Pasca**

Ujian pasca dilaksanakan setelah subjek kajian selesai melalui tempoh masa pembelajaran seperti yang telah ditetapkan oleh penyelaras kursus. Sekali lagi, subjek kajian diberi ujian kosa kata untuk menguji tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Peraturan dan kaedah yang sama dipraktikkan, iaitu tidak dibenarkan menggunakan kamus atau menggunakan aplikasi terjemahan. Penerangan berkaitan prosedur menjalankan ujian dilakukan sebelum subjek kajian menjawab soalan yang diberikan.

Masa untuk menjawab ujian kosa kata juga adalah selama satu jam 30 minit. Ujian pasca dilaksanakan pada hari terakhir sesi pembelajaran.

Kajian ini akan memastikan subjek kajian yang telah menjawab ujian pra akan menduduki juga ujian pasca. Hal ini penting supaya jumlah data yang diperoleh sejajar dengan subjek kajian ialah pelajar yang sama. Proses pengekodan setiap kertas jawapan akan dilakukan sama seperti semasa uji pra.

#### **3.7.4.3 Pengedaran Borang Soal Selidik**

Prosedur berikutnya diikuti dengan mengisi borang soal selidik secara individu kepada semua subjek kajian yang terlibat. Borang soal selidik diberikan kepada subjek kajian setelah selesai menjawab ujian kosa kata. Semasa menjawab borang soal selidik, kajian ini akan memastikan sesi tersebut tidak mengganggu proses pembelajaran dengan mengambil kira waktu yang dipilih adalah hari terakhir pembelajaran setelah guru menghabiskan sukatan pengajaran yang telah diatur dan ditetapkan pada awal semester.

Subjek kajian juga dikehendaki mengisi borang soal selidik di platform Spectrum sama seperti ujian kosa kata. Kaedah yang sama dilakukan, iaitu subjek kajian perlu mendaftar masuk ke akaun masing-masing dengan menggunakan pengenalan atau *identification* (ID) pelajar. Kemudian subjek kajian boleh mengisi borang soal selidik berdasarkan saluran kumpulan kursus Bahasa Malaysia Asas.

Semua subjek kajian diberi penerangan secara lisan dan dibantu dengan penjelasan arahan di halaman hadapan platform Spectrum. Subjek kajian ditunjukkan contoh borang soal selidik di Spectrum supaya mendapat gambaran yang jelas berkaitan item yang diajukan. Penerangan berkaitan borang ini dijelaskan dengan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris supaya proses komunikasi dua hala dapat dilakukan dengan cepat dan berkesan. Subjek kajian dimaklumkan bahawa masa untuk menjawab

selama satu jam 30 minit sahaja. Subjek kajian juga dimaklumkan bahawa hasil kajian ini tidak akan mempengaruhi markah dan penilaian kursus Bahasa Malaysia Asas.

Subjek kajian diminta untuk membaca borang soal selidik dengan teliti dan memilih strategi pembelajaran yang pada pendapat pelajar sering digunakan semasa mempelajari bahasa Melayu. Subjek kajian yang mempunyai pertanyaan dan persoalan boleh bertanya kepada guru. Penerangan akan dilakukan dengan berhati-hati sekiranya terdapat persoalan dan pertanyaan memandangkan borang soal selidik disediakan dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Penggunaan dwibahasa dipilih kerana tempoh masa untuk menjawab borang tersebut terhadap dan kajian ini mahu mendapat maklum balas yang tepat terutamanya berkaitan pemahaman pelajar terhadap bahasa Melayu.

Langkah yang sama akan dilakukan untuk proses pengekodan setiap borang soal selidik seperti ujian pra dan pasca. Seterusnya data akan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 26.0.

### **3.8 Pemerolehan Data**

Data yang diperolehi dimuat turun dari platform Spectrum dan dikumpulkan setelah semua subjek kajian selesai menjawab ujian kosa kata dan borang soal selidik. Semakan dilakukan bagi memastikan jumlah sampel yang diperlukan mencukupi seperti yang telah ditetapkan pada awal kajian. Selain itu juga, semakan terhadap kertas jawapan ujian kosa kata dilakukan terutamanya dari segi pemarkahan. Jawapan yang betul diberi markah berdasarkan kepada skema jawapan yang telah dipersetujui oleh pakar-pakar rujuk semasa proses pengesahan instrumen. Kaedah pemberian markah adalah berdasarkan kepada kaedah konvensional, iaitu satu markah untuk jawapan yang betul dan tiada markah untuk jawapan yang salah.

Seterusnya data bersifat statistik deskriptif dan statistik inferensi dianalisis. Statistik deskriptif digunakan bagi menghuraikan perkara-perkara seperti peratusan, frekuensi, sisihan piawai dan min. Data yang terdapat dalam kertas jawapan subjek kajian seperti yang terdapat dalam item instrumen perlu dikodkan ke dalam bentuk yang sesuai dan difahami oleh perisian komputer (Mohd Majid, 2009). Kedua-dua instrumen kajian akan dianalisis dengan menggunakan kaedah ini. Data ini akan diterjemahkan ke dalam bentuk jadual dan graf.

Seterusnya data statistik inferensi pula untuk membentuk kesimpulan berkaitan data dan penemuan daripada subjek kajian kepada keseluruhan sampel yang dikaji (Trafimow & MacDonald, 2017). Berdasarkan kepada kajian ini, satu kesimpulan akan dihasilkan antara hubungan hasil ujian pencapaian, strategi pembelajaran kosa kata dan faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Melayu dengan segala pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar.

### **3.9 Penganalisan Data**

Analisis data kuantitatif melibatkan proses pemboleh ubah bernombor atau angka. Dua kaedah utama untuk analisis data ialah teknik analisis data kualitatif dan teknik analisis data kuantitatif. Dalam kajian ini, teknik analisis data kuantitatif digunakan tanpa melibatkan analisis data kualitatif. Richey et al. (2005) menjelaskan penganalisan data ialah teknik yang melibatkan pelbagai aktiviti seperti mengumpul, menilai dan mengatur data yang membolehkan pengkaji membuat kesimpulan di akhir kajian. Proses ini biasanya termasuklah penggunaan perisian analisis data yang diperlukan untuk menyediakan data untuk menjawab objektif, hipotesis dan persoalan kajian

### 3.9.1 Ujian -T

Ujian -t digunakan untuk menjawab objektif dan persoalan kajian yang pertama. Ujian -t bertujuan menguji sampel bebas bagi membandingkan min antara dua ujian atau dua kumpulan yang tidak berkaitan antara pemboleh ubah bersandar bagi membuktikan statistik adalah berbeza atau signifikan (Mohd Majid, 2009). Selain itu, ujian -t membolehkan data diuji untuk memahami sama ada terdapat perbezaan atau sebaliknya berdasarkan kepada skor ujian kosa kata bahasa Melayu.

Proses analisis data dilakukan dengan mengisi data kuantitatif dengan menggunakan perisian SPSS. Data skor markah yang diperoleh daripada ujian kosa kata akan diproses, dianalisis dan ditentukan menggunakan peratusan menerusi tahap-tahap, bahagian-bahagian yang terdapat dalam kertas soalan. Kemudian, peratusan tersebut dibandingkan antara ujian pra dan pasca bagi memperoleh keputusan penguasaan subjek kajian berkaitan bahasa Melayu. Data tersebut juga ditunjukkan dalam bentuk carta atau rajah mengikut kesesuaian item. Peratusan keseluruhan digunakan bagi untuk mendapatkan jumlah kosa kata yang dimiliki oleh subjek kajian.

Menurut Read et al. (2000) bagi mencapai tahap penguasaan sesuatu kosa kata, subjek kajian perlu menguasai 16/18 atau 89 peratus daripada skor kriteria item yang mewakili 890 daripada 1000 kosa kata. Selain itu terdapat juga pendapat yang dikemukakan oleh Meara (1980), sekiranya skor yang diperoleh ialah 14/18 atau 78 peratus bagi setiap 1000 tahap kosa kata, maka pelajar berkenaan sudah menguasai 780 kosa kata daripada tahap tersebut. Dalam hal ini, subjek kajian yang mendapat skor pada tahap yang ditetapkan dianggap telah menguasai bahasa Melayu dengan baik. Kajian ini akan mengguna pakai skor kriteria yang telah ditetapkan oleh Read et al. (2000), iaitu subjek kajian perlu betul 16 soalan daripada 18 soalan pada satu-satu tahap ujian kosa kata.

Skor markah dalam setiap tahap ditukarkan kepada bentuk peratusan dengan mengambil kira jawapan yang betul berbanding jumlah keseluruhan item bagi tahap tersebut. Jumlah skor jawapan betul yang dijawab oleh subjek kajian dibahagikan kepada jumlah keseluruhan item ujian, iaitu 18 item dan didarabkan dengan 100 untuk memperoleh peratusan. Setiap tahap mewakili 1000 kosa kata. Bagi mendapatkan peratus, formula pengiraan jumlah kosa kata dapat diperhatikan seperti di bawah.

$$\text{Peratus skor satu tahap} : \frac{\text{Skor jawapan yang betul}}{\text{Jumlah tahap soalan}} \times 100$$

$$\text{Contoh} : \frac{16}{18} \times 100$$

$$: 88.89\%$$

Seterusnya, untuk mendapatkan peratusan penguasaan kosa kata 3000 tahap bagi subjek kajian atau satu kumpulan kajian, jumlah skor jawapan yang betul dibahagikan kepada jumlah keseluruhan soalan, iaitu 54 item.

$$\text{Peratus skor keseluruhan} : \frac{\text{Skor jawapan yang betul}}{\text{Jumlah keseluruhan soalan}} \times 100$$

$$\text{Contoh} : \frac{48}{54} \times 100$$

$$: 88.89\%$$

Selepas memperoleh skor ujian pra dan pasca, kedua-dua skor tersebut akan dianalisis menggunakan ujian -t bagi mendapatkan perbezaan min, peratusan, perbezaan dua min dan nilai signifikan bagi mendapatkan perbezaan antara dua skor kosa kata. Selain itu, skor ujian pasca juga akan ditanda sebagai output penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

### 3.9.2 Interpretasi skor min

Seterusnya bagi menjawab objektif dan persoalan kajian yang kedua berkaitan strategi pembelajaran kosa kata adalah dengan menentukan nilai min (M), sisihan piawai (SP) dan interpretasi. Nilai skor min bagi kekerapan penggunaan strategi pembelajaran kosa kata oleh subjek kajian akan dikategorikan sebagai interpretasi penggunaan tinggi, sederhana dan rendah.

Min kekerapan penggunaan strategi bagi setiap kategori atau item ditentukan dengan nilai daripada 1.00 hingga 2.33 dianggap interpretasi penggunaan rendah, daripada 2.34 hingga 3.66 dianggap interpretasi penggunaan sederhana, dan daripada 3.67 hingga 5.00 dianggap interpretasi penggunaan tinggi (Mohamad Yazid Mohamad, 2017). Oleh itu, nilai skor min kekerapan penggunaan strategi boleh dinilai berdasarkan jadual 3.14 berikut.

**Jadual 3.14: Interpretasi skor min soal selidik**

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi Skor Min</b>
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

### 3.9.3 Korelasi Pearson

Seterusnya, selepas memperoleh data berkaitan tahap penggunaan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu bagi setiap kategori, data daripada ujian kosa kata pula diuji untuk meneliti hubungan korelasi tahap penguasaan bahasa Melayu. Kaedah ini juga digunakan untuk menjawab objektif yang kedua dan ketiga berkaitan hubungan korelasi antara saiz kosa kata dan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Ujian korelasi



Pearson digunakan kerana taburan data sampel kajian adalah berkadar normal. Korelasi Pearson dengan nilai ( $r$ ) adalah untuk melihat hubungan linear antara dua pemboleh ubah atau lebih (Mohd Majid, 2009). Pemboleh ubah yang berkadar terus dengan satu pemboleh ubah yang lain menunjukkan bahawa pekali korelasi tersebut bersifat positif dan sebaliknya berkadar songsang sekiranya tiada hubungan yang selari (Gogtay & Thatte, 2017). Kajian ini mengguna pakai jadual yang dikemukakan oleh Mohd Yusri Ibrahim (2010) berkaitan hubungan antara pekali korelasi dengan pemboleh ubah.

**Jadual 3.15: Hubungan korelasi antara pemboleh ubah**

<b>Pekali korelasi (<math>r</math>)</b>	<b>Interpretasi hubungan</b>
0.00 – 0.20	Sangat lemah
0.21 – 0.40	Lemah
0.41 – 0.70	Sederhana
0.71 – 0.90	Kuat
0.91 – 1.00	Sangat kuat

Walau bagaimanapun, setiap ujian korelasi yang menentukan hubungan antara pemboleh ubah bebas masih belum boleh menyumbang kepada pemboleh ubah bersandar. Selain itu, ujian korelasi hanya menganalisis perkaitan hubungan sama ada berkadar positif atau negatif. Maka ujian regresi diperlukan bagi membuktikan pengaruh antara kedua-dua pemboleh ubah.

### **3.9.4 Analisis Regresi (regresi berganda)**

Analisis regresi berganda bertujuan untuk mengkaji kesan tiga faktor terhadap perbezaan individu yang melibatkan output bahasa dan keseluruhan penguasaan kosa kata. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis data apabila terdapat satu atau lebih pemboleh ubah

yang saling bergantung antara satu sama lain (Mohd Majid, 2009). Oleh yang demikian, bagi menjawab objektif dan persoalan kajian yang ketiga adalah dengan menggabungkan data daripada objektif yang pertama dan kedua bagi menganalisis regresi berganda terhadap pemboleh ubah.

Analisis inferensi dalam kajian ini bertujuan untuk menghuraikan kolerasi dan regresi berganda antara pemboleh ubah bebas yang berpaksi pada ( $x$ ), iaitu strategi pembelajaran kosa kata ( $x^1$ ) dan perbezaan pelajar ( $x^2$ ), iaitu jantina, umur dan bidang pengajian. Sementara itu pemboleh ubah berada pada paksi ( $y$ ) ialah skor ujian kosa kata bahasa Melayu. Kaedah analisis regresi ini boleh memberi petunjuk kepada kelebihan pemboleh ubah bebas terhadap output bahasa Melayu melalui pekali ( $R^2$ ) atau ( $R$  kuasa dua). Formula model regresi berganda dapat diperhatikan seperti berikut:

$$y = b_0 + b_1 * X^1 + b_2 * X^2 + b_3 * X^3 + e$$

Petunjuk:


$y$	=	pemboleh ubah bersandar
$0$	=	konstan
$b_1, b_2, b_n$	=	pekali regresi
$x_1, x_2, x_n$	=	pemboleh ubah bebas
$e$	=	ralat atau residual

Hasil daripada kutipan data dan penganalisan daripada SPSS akan memberikan dapatan dan statistik yang lebih sistematik dengan pembuktian daripada ujian dan inferensi. Jadual 3.16 merupakan ujian statistik yang akan digunakan bagi menghuraikan objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

**Jadual 3.16: Analisis data**

<b>Persoalan Kajian</b>	<b>Objektif Kajian</b>	<b>Instrumen Kajian</b>	<b>Analisis Data</b>
1. Bagaimanakah saiz kosa kata bahasa Melayu boleh mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar antarabangsa?	Menganalisis saiz kosa kata pelajar terhadap tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar antarabangsa.	Ujian kosa kata bahasa Melayu	Statistik deskriptif, frekuensi, peratusan, perbezaan min, ujian -t dan inferensi
2. Apakah hubungan korelasi strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa?	Menghuraikan hubungan korelasi strategi pembelajaran kosa kata oleh pelajar antarabangsa.	Strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu dan ujian kosa kata bahasa Melayu	Min, sisihan piawai, interpretasi, kolerasi Pearson, nilai signifikan, inferensi.
3. Adakah faktor-faktor yang mempunyai hubungan signifikan dengan penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa?	Menilai faktor-faktor yang mempunyai hubungan signifikan dengan penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa.	Ujian kosa kata dan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu	Statistik deskriptif, ujian -t sampel bebas, kolerasi Pearson, regresi berganda, anova dua hala dan inferensi.

### 3.10 Kerangka Konseptual



### **3.11 Kesimpulan**

Secara umumnya, bab ini telah menerangkan metodologi kajian berkaitan kaedah pelaksanaan kajian untuk ujian kosa kata dan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa. Bab ini juga memberi deskripsi instrumen penelitian, penyediaan instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, cara penganalisan data dan seterusnya kepada kerangka konseptual. Bagi mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian, cara analisis data diterangkan dengan terperinci supaya data yang diperoleh nanti tepat dan boleh diterima. Kerangka konsep ditunjukkan supaya memudahkan kajian untuk memahami tindak balas yang berlaku dan faktor penguasaan kosa kata ke atas subjek kajian.

Dalam bab yang berikutnya, akan diterangkan berkaitan dapatan dan analisis data hasil daripada kajian sebenar berkaitan ujian kosa kata bahasa Melayu dan edaran borang soal selidik strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu.

## BAB 4

### SAIZ KOSA KATA BAHASA MELAYU

#### 4.1 Pendahuluan

Bab ini akan menganalisis data yang diperoleh melalui instrumen ujian penilaian kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa. Bahagian ini turut menganalisis berkenaan objektif kajian yang pertama, iaitu berkaitan saiz kosa kata melalui ujian pra, ujian pasca dan perbezaan skor hasil ujian pra dan ujian pasca. Analisis pada bahagian ini akan melibatkan perincian statistik deskriptif, iaitu meneliti skor, peratus, nilai min (M), nilai sisihan piawai (SP) dan perbezaan pencapaian kosa kata bahasa Melayu. Setiap nilai skor yang menyatakan min, peratusan dan sisihan piawai akan dibundarkan kepada dua titik perpuluhan yang hampir. Selain itu, bagi nilai signifikan dan hubungan korelasi akan dikekalkan kepada tiga titik perpuluhan atau janaan akhir data SPSS. Data kajian dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0 dan *Microsoft Excel* 2019. Dapatan data juga ditukarkan kepada bentuk graf untuk memaparkan keputusan ujian penilaian kosa kata dengan lebih jelas. Selanjutnya, analisis data dilakukan dengan menggunakan ujian -t sampel berpasangan untuk menganalisis perbezaan skor ujian kosa kata bahasa Melayu. Berikut dijelaskan berkenaan saiz kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa di Universiti Malaya.

#### 4.2 Ujian Pra Subjek Kajian

Ujian pra dilakukan kepada subjek kajian bagi menilai pengetahuan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa sebelum bermulanya pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Tujuan ujian pra adalah untuk mendapatkan data mengenai pemboleh ubah dan dibandingkan dengan data ujian pasca. Dengan menilai pengetahuan pelajar sebelum pengajaran dan pembelajaran bermula, kajian ini dapat menentukan sama ada

pembelajaran mempunyai kesan ke atas penguasaan kosa kata bahasa Melayu atau sebaliknya.


Jadual 4.1 merupakan skor bagi subjek kajian yang telah selesai menjalani ujian pra kosa kata bahasa Melayu di Universiti Malaya. Data dalam jadual 4.1 memaparkan tiga tahap kosa kata, iaitu tahap 1000, tahap 2000 dan tahap 3000. Pada tahap 1000 kosa kata, skor yang paling rendah atau nilai minimum yang diperoleh ialah satu (5.56%) dan paling tinggi atau maksimum ialah 13 (72.22%). Pada tahap 2000 kosa kata pula, nilai minimum ialah dua (11.11%) dan nilai skor maksimum ialah 12 (66.67%). Skor untuk ujian pra pada tahap 3000 kosa kata menunjukkan bahawa subjek kajian memperoleh dua (11.11%) untuk skor minimum dan 13 (72.22%) untuk skor maksimum.

Seterusnya untuk tahap 1000 kosa kata, nilai purata atau min (M) kosa kata yang diperoleh ialah  $M = 6.13$  dan nilai sisihan piawai (SP) = 3.34. Nilai pada tahap 2000 kosa kata ialah  $M = 7.00$  dan  $SP = 3.23$ . Pada tahap 3000 kosa kata, nilai purata pada tahap ini ialah  $M = 7.70$  dan  $SP = 3.05$ . Dapat diperhatikan juga dalam jadual 4.1, tidak terdapat subjek kajian yang menguasai kosa kata bahasa Melayu pada ujian pra kerana tidak mencapai nilai minimum yang diperlukan, iaitu 16 markah (88.89%) daripada 18 markah (100%) pada setiap tahap. Keputusan kajian membuktikan bahawa subjek kajian mempunyai skor yang rendah pada ketiga-tiga tahap kerana tidak mempunyai pengetahuan berkaitan kosa kata bahasa Melayu serta belum mengikuti kursus Bahasa Malaysia Asas.

**Jadual 4.1: Skor ujian pra subjek kajian**

Saiz Kosa Kata	Skor Tahap	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Ujian Pra	1000	30	1 (5.56%)	13 (72.22%)	6.13	3.34
	2000	30	2 (11.11%)	12 (66.67%)	7.00	3.23
	3000	30	2 (11.11%)	13 (72.22%)	7.70	3.05

Petunjuk : N = Jumlah subjek kajian



**Rajah 4.1: Skor min ujian pra subjek kajian**

### 4.3 Ujian Pasca Subjek Kajian

Ujian pasca ialah penilaian kosa kata yang digunakan untuk menilai keberkesanan selepas pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan membandingkan skor ujian pra dan ujian pasca, pengkaji dapat menentukan sama ada pembelajaran bahasa Melayu mempunyai kesan yang signifikan terhadap hasil pembelajaran.




Jadual 4.2 merujuk kepada jumlah skor yang dimiliki oleh subjek kajian pada setiap tahap, iaitu tahap 1000, tahap 2000 dan tahap 3000. Skor yang ditunjukkan adalah skor yang diperoleh selepas pelajar selesai menjalani kelas pembelajaran bahasa Melayu selama dua minggu atau dua puluh jam pembelajaran melalui pertemuan bersemuka di dalam kelas. Dapat diperhatikan bahawa pada tahap 1000 kosa kata, skor minimum ialah tiga (16.67%) dan skor maksimum ialah 18 (100%) dengan membawa kepada nilai  $M = 13.73$  dan  $SP = 4.14$ . Seterusnya pada tahap 2000 kosa kata, nilai skor minimum yang diperoleh ialah tiga (16.67%) dan skor maksimum pula ialah 18 (100%), manakala nilai  $M = 11.73$  dan nilai  $SP = 4.53$ .

Pada tahap 3000 kosa kata, nilai minimum yang diperoleh ialah kosong, manakala skor 18 (100%) merujuk kepada skor maksimum. Nilai min dan sisihan piawai pada tahap 3000 kosa kata pula ialah  $M = 11.57$  dan  $SP = 5.60$ . Hal ini menjelaskan bahawa terdapat subjek kajian memperoleh skor penuh 18 markah daripada 18 item yang diberikan. Berdasarkan kepada skor maksimum yang diperoleh oleh subjek kajian, dapat disimpulkan bahawa terdapat seramai tujuh orang subjek kajian telah berjaya menguasai kosa kata bahasa Melayu apabila skor melebihi 16 markah daripada 18 item kosa kata.

**Jadual 4.2: Skor ujian pasca subjek kajian**

Saiz Kosa Kata	Skor Tahap	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Ujian Pasca	1000	30	3 (16.67%)	18 (100%)	13.73	4.14
	2000	30	3 (16.67%)	18 (100%)	11.73	4.53
	3000	30	0 (0%)	18 (100%)	11.57	5.60

Petunjuk : N = Jumlah subjek kajian



**Rajah 4.2: Skor min ujian pasca subjek kajian**

Berdasarkan analisis skor ujian pasca, masih terdapat subjek kajian yang tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik walaupun selepas sesi pengajaran dan pembelajaran kerana memperoleh skor kosong (0%) untuk ujian kosa kata. Menurut Bhasah Abu Bakar (2007) terdapat beberapa kemungkinan skor data kajian memperoleh nilai bawah daripada paras normal selepas semua kaedah dan ciri-ciri kajian dipenuhi. Menurut Bhasah Abu Bakar (2007) juga, antara perkara yang disengajakan atau berlaku secara kebetulan seperti subjek kajian tidak menjawab soalan ujian dan dibiarkan kosong. Selain itu juga, terdapat juga skor tiga (16.67%) daripada ujian pasca yang menunjukkan bahawa perlunya perhatian yang tinggi daripada guru. Alpino Susanto (2017) pula menjelaskan bahawa guru perlu meneliti perkara yang melibatkan bahan pengajaran yang digunakan, medium pengajaran dan masa yang diperuntukkan semasa sesi pembelajaran secara formal di dalam kelas. Selain itu, Tse (2000) menyatakan penelitian daripada aspek pelajar seperti motivasi, ketekunan pelajar, interaksi sosial bersama rakan sekelas semasa di dalam kelas dan strategi yang digunakan semasa mempelajari bahasa kedua.

#### 4.4 Perbezaan Skor Subjek Kajian

Menganalisis perbezaan skor antara ujian pra dan ujian pasca adalah penting untuk menentukan sama ada terdapat perubahan hasil pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Sekiranya skor ujian pasca lebih tinggi daripada skor ujian pra, maka ini menunjukkan bahawa pemerolehan kosa kata bahasa Melayu itu berlaku dan memberi kesan positif kepada pelajar.

Jadual 4.3 menunjukkan perbezaan skor pencapaian selepas subjek kajian menjawab kedua – dua ujian kosa kata, iaitu ujian pra dan ujian pasca. Dapat diperhatikan daripada data yang diperoleh, nilai min bagi ujian pra ialah 20.83 dan bagi ujian pasca, nilai min ialah 37.03 yang membawa kepada nilai sisihan piawai, iaitu 9.18 dan 12.53. Perbezaan min sebanyak 16.20 ini menunjukkan bahawa nilai min ujian pasca adalah lebih besar daripada nilai min ujian pra. Maklumat dalam jadual 4.3 juga merujuk kepada perbezaan antara kedua-dua ujian kosa kata, iaitu nilai  $t(29) = -9.56$  dan nilai signifikan  $p = 0.000 (<0.05)$ . Hasil keputusan ujian kosa kata ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara hasil pembelajaran bahasa Melayu pelajar antara ujian pra dan ujian pasca.


Hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran membuktikan bahawa subjek kajian memahami dan mencapai penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Pelajar dapat menjawab soalan ujian kosa kata yang diberikan dengan tepat mengikut tahap-tahap yang diuji, iaitu tahap 1000 kosa kata, tahap 2000 kosa kata dan tahap 3000 kosa kata. Penguasaan kosa kata ialah aspek penting dalam pemerolehan dan pembelajaran bahasa Melayu, kerana membolehkan pelajar memahami dan seterusnya menguasai bahasa Melayu. Sekiranya pelajar telah mencapai penguasaan kosa kata, pelajar dapat menggunakannya dalam komunikasi harian.

Ada kemungkinan bahawa perbezaan skor ujian pra dan ujian pasca dapat menunjukkan peningkatan dalam pemahaman subjek kajian dan penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk mempertimbangkan faktor-faktor lain yang boleh menyumbang kepada penguasaan kosa kata seperti strategi pembelajaran yang diamalkan dan faktor perbezaan pelajar.

**Jadual 4.3: Perbezaan skor min kosa kata subjek kajian**

Skor	N	Min	Sisihan Piawai	Perbezaan Min	t	dk	Signifikan
Ujian Pra	30	20.83	9.18	16.20	-9.56	29	0.000
Ujian Pasca	30	37.03	12.53				

Nota:  $p = < 0.05$



**Rajah 4.3: Skor min kosa kata subjek kajian**

#### 4.5 Saiz Kosa Kata Subjek Kajian

Selepas subjek kajian menjawab ujian pasca, data dianalisis bagi mendapatkan jumlah saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar dan jumlah subjek kajian yang berjaya menguasai kosa kata bahasa Melayu. Saiz kosa kata diperlukan untuk menentukan penguasaan teks yang dibaca.

Jadual 4.4 merupakan jumlah subjek kajian yang berjaya menguasai kosa kata bahasa Melayu berdasarkan tahap dan saiz kosa kata dalam ujian penilaian kosa kata yang dilakukan terhadap pelajar antarabangsa di Universiti Malaya. Dapat diperhatikan dalam jadual 4.4 ialah, seramai tiga (10.00%) orang subjek kajian daripada 30 subjek kajian memperoleh skor kosong hingga 15 yang menunjukkan bahawa subjek kajian tidak mencapai tahap 1000 kosa kata. Berbanding lima (9.26%) orang subjek kajian yang hanya menguasai tahap 1000 kosa kata dengan memperoleh skor sebanyak 16 hingga 31. Pada tahap 2000 kosa kata pula, seramai 15 (50.00%) orang subjek kajian memperoleh skor antara 32 hingga 47. Data statistik juga menunjukkan bahawa terdapat seramai tujuh orang (23.33%) daripada keseluruhan 30 orang subjek kajian melepasi tahap 3000 kosa kata kerana memperoleh skor sebanyak 48 hingga 54.

Seterusnya dari segi saiz kosa kata yang dimiliki oleh subjek kajian pula, terdapat seramai tiga (10.00%) orang subjek kajian yang berada pada tahap kurang 1000 kosa kata, iaitu memiliki kosong hingga 277 kosa kata sahaja. Pada tahap 1000 kosa kata, seramai lima (16.67%) orang subjek kajian yang memiliki sebanyak 296 hingga 574 kosa kata. Pada tahap 2000 kosa kata pula seramai 15 (50.00%) orang subjek kajian yang mempunyai jumlah antara 595 hingga 874 kosa kata. Baki tujuh (23.33%) orang subjek kajian lagi mempunyai jumlah 889 hingga 1000 kosa kata, iaitu berada pada tahap 3000 kosa kata.


Rumusannya, daripada 30 orang subjek kajian yang mempelajari bahasa Melayu selepas mengikuti kelas pembelajaran, hanya tujuh (23.33%) orang pelajar sahaja yang berjaya menguasai bahasa Melayu kerana telah melepasi skor tahap penguasaan kosa kata dengan memperoleh lebih daripada skor 48. Baki 23 (76.67%) orang pelajar pula gagal mencapai tahap yang diperlukan untuk penguasaan kosa kata seperti yang dicadangkan oleh Read et al. (2000), iaitu pelajar perlu menguasai 16 daripada 18 skor kosa kata yang

diuji pada setiap tahap. Dalam kajian ini pelajar perlu melepasi skor 48 daripada 54 item yang diuji dalam ujian penilaian kosa kata bahasa Melayu.

Jumlah saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar antarabangsa membolehkan pelajar memahami dan menguasai bahasa Melayu yang dipelajari. Pelajar harus memberi tumpuan kepada pemerolehan dan pembelajaran kosa kata. Saiz kosa kata menentukan keupayaan pelajar untuk berkomunikasi dengan berkesan dalam bahasa Melayu selain memahami teks bertulis dan boleh mengambil bahagian dalam konteks perbualan harian. Dengan menambah bilangan kosa kata dalam bahasa Melayu, pelajar dapat meningkatkan kemahiran bahasa dan mencapai kefasihan dan kemahiran berbahasa yang lebih baik.

**Jadual 4.4: Saiz kosa kata subjek kajian**

Tahap	Skor	N	Peratus (%)	Saiz Kosa Kata
< 1000	0 – 15	3	10.00	< ± 0 – 277
1000	16 – 31	5	16.67	± 296 – 574
2000	32 – 47	15	50.00	± 595 – 874
3000	48 – 54	7	23.33	± 889 – 1000
<b>Jumlah</b>	<b>54</b>	<b>30</b>	<b>100</b>	<b>1000</b>



**Rajah 4.4: Saiz kosa kata subjek kajian**

#### 4.6 Penguasaan Kosa Kata Subjek Kajian

Jadual 4.5 menjelaskan jumlah bilangan subjek kajian yang berjaya menguasai kosa kata bahasa Melayu mengikut kategori pemboleh ubah bebas yang telah ditetapkan, iaitu jantina, umur dan bidang pengajian. Tahap penguasaan yang ditentukan adalah dengan memperoleh skor ujian kosa kata melebihi 48 markah, iaitu pada tahap 3000 kosa kata. Dapat diteliti daripada jadual tersebut, pelajar yang berjaya menguasai kosa kata adalah tidak setara. Bilangan pelajar lelaki yang menguasai kosa kata bahasa Melayu ialah dua (6.67%) orang, manakala baki 10 (33.33%) orang lagi gagal menguasai kosa kata bahasa Melayu. Begitu juga dengan pelajar perempuan, iaitu seramai lima (60.00%) orang pelajar sahaja berjaya menguasai kosa kata bahasa Melayu, manakala 13 (43.33%) orang pelajar gagal mencapai tahap minimum untuk menguasai kosa kata.

Sementara itu, bagi pemboleh ubah umur pula, pelajar berumur 21 tahun hingga 30 tahun paling ramai menguasai kosa kata bahasa Melayu dengan lima (16.67%) orang pelajar, manakala 15 (50.00%) orang pelajar lagi gagal menguasai bahasa Melayu. Sementara itu, pelajar berumur 31 tahun hingga 40 tahun dan 51 tahun hingga 60 hanya mewakili seorang pelajar sahaja, iaitu 3.33 peratus. Tidak ada pelajar yang berumur 41 tahun hingga 50 tahun yang berjaya menguasai kosa kata bahasa Melayu. Seramai lima (16.67%) orang pelajar berumur 31 tahun hingga 40 tahun gagal menguasai kosa kata bahasa Melayu. Begitu juga bagi pelajar yang berumur 51 tahun hingga 60 tahun kerana terdapat hanya seorang (3.33%) pelajar gagal menguasai kosa kata bahasa Melayu.

Bagi pemboleh ubah bidang pengajian pula, seramai tujuh (23.33%) orang pelajar dalam bidang sains sosial berjaya menguasai kosa kata bahasa Melayu. Terdapat baki 13 (43.33%) orang pelajar gagal menguasai kosa kata bahasa Melayu. Selain itu, tidak ada seorang pelajar daripada bidang sains yang berjaya menguasai kosa kata bahasa Melayu.

**Jadual 4.5: Bilangan subjek kajian yang menguasai kosa kata mengikut item**

Item		N = 30	Subjek Kajian	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	12	2	6.67
	Perempuan	18	5	60.00
	<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>7</b>	<b>23.33</b>
Umur	21 – 30	20	5	16.67
	31 – 40	6	1	3.33
	41 – 50	2	0	0
	51 – 60	2	1	3.33
	<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>7</b>	<b>23.33</b>
Bidang pengajian	Sains	8	0	0
	Sains Sosial	20	7	23.33
	<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>7</b>	<b>23.33</b>

#### 4.7 Hubungan Korelasi Tahap Kosa Kata

Hubungan korelasi tahap kosa kata merujuk kepada sejauh mana pemerolehan kosa kata antara pelajar yang mempelajari bahasa Melayu. Dalam konteks ini, korelasi kosa kata bahasa Melayu yang dipelajari oleh pelajar antarabangsa merujuk kepada pemerolehan kosa kata setiap tahap dengan tahap yang lain. Seterusnya pekali korelasi digunakan untuk menilai kekuatan dan arah hubungan linear. Nilai korelasi yang digunakan adalah untuk mengukur magnitud korelasi antara dua atau lebih pemboleh ubah (Mohamad Adam Bujang & Nurakmal Baharum, 2016).

Berdasarkan jadual 4.6, data yang diperoleh menunjukkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu pada tahap 1000 kosa kata yang memperoleh nilai korelasi ialah  $r = 0.810$ , iaitu berada pada tahap kuat dan nilai signifikan ialah  $p = 0.000 (<0.01)$ . Pada tahap 2000 kosa kata pula, nilai  $r = 0.921$  yang menunjukkan hubungan kosa kata yang sangat kuat dan nilai signifikan juga ialah  $p = 0.000 (<0.01)$ . Seterusnya pada tahap 3000



kosa kata pula, hubungan korelasi berada pada hubungan yang kuat, iaitu  $r = 0.893$  dan nilai signifikan juga ialah  $p(0.000) < 0.01$ . Dapat diperhatikan juga pada ketiga-tiga tahap kosa kata subjek kajian mempunyai nilai yang signifikan, iaitu  $p = 0.000 (< 0.01)$ . Pada tahap 3000 kosa kata, terdapat sedikit penurunan nilai korelasi berbanding tahap 2000 kosa kata, namun kedua-dua korelasi ini masih mempunyai hubungan yang kuat antara satu sama lain.

**Jadual 4.6: Hubungan korelasi kosa kata subjek kajian**

Subjek Kajian		Tahap 1000	Tahap 2000	Tahap 3000	Penguasaan Kosa Kata
Tahap 1000	Korelasi Pearson	1	0.675**	0.527**	0.810**
	Signifikan		0.000	0.003	0.000
	N	30	30	30	30
Tahap 2000	Korelasi Pearson	0.675**	1	0.752**	0.921**
	Signifikan	0.000		0.000	0.000
	N	30	30	30	30
Tahap 3000	Korelasi Pearson	0.527**	0.752**	1	0.893**
	Signifikan	0.003	0.000		0.000
	N	30	30	30	30
Penguasaan Kosa Kata	Korelasi Pearson	.810**	.921**	.893**	1
	Signifikan	.000	.000	.000	
	N	30	30	30	30

Nota: \*\* = Korelasi signifikan pada tahap 0.01.

Setelah analisis korelasi dilakukan terhadap tahap kosa kata, dapat disimpulkan bahawa subjek kajian memperoleh kadar korelasi yang bersifat positif, iaitu hampir kepada nilai 1.00, iaitu 0.71 hingga 0.90 dengan mempunyai hubungan yang kuat. Sementara itu nilai 0.91 hingga 1.00 pula ialah interpretasi hubungan yang sangat kuat.

Hasil skor ujian penilaian yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa, saiz kosa kata boleh dianggap sebagai faktor yang menyumbang kepada seseorang pelajar memahami sesuatu petikan atau teks yang dibaca. Malah secara tepatnya dengan melihat kepada hasil korelasi yang tinggi, saiz kosa kata yang melebihi 3000 adalah perkara yang sangat mempengaruhi pemahaman bahasa Melayu. Saiz kosa kata pada tahap 3000 ialah saiz yang memberikan pemahaman sehingga 84 peratus petikan atau teks daripada keseluruhan teks yang dibaca.

Kesan terhadap hubungan korelasi dan saiz kosa kata boleh diteliti dengan lebih lanjut dalam ujian lanjutan penggunaan bahasa Melayu selepas selesai sesi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Qian (2002) kosa kata yang dimiliki oleh pelajar boleh ditambah melalui pembelajaran secara berterusan dan diuji untuk tahap penguasaan kosa kata yang lebih tinggi, iaitu tahap 5000 kosa kata sehingga ke tahap 10,000 kosa kata. Selain itu, ingatan jangka panjang terhadap kosa kata yang dipelajari di dalam kelas boleh memberikan kelebihan dan kebaikan kepada pelajar kerana boleh menggunakannya semasa berkomunikasi.

Secara umumnya, saiz kosa kata ialah aspek penting dalam penguasaan kosa kata bahasa Melayu kerana berkait rapat dengan pemahaman membaca, keupayaan menulis dan kecekapan bertutur. Kajian ini berjaya menganalisis jumlah kosa kata yang dimiliki oleh pelajar antarabangsa di Universiti Malaya. Saiz kosa kata yang berbeza dalam kalangan pelajar antarabangsa dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti umur, jantina, bidang pengajian dan strategi yang diamalkan semasa mempelajari bahasa Melayu. Pemboleh ubah bebas ini akan dianalisis pada bab yang berikutnya.

Mempelajari bahasa Melayu boleh memberi kesan yang signifikan terhadap saiz kosa kata pelajar dan penguasaan bahasa Melayu secara keseluruhan. Kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat pelajar antarabangsa yang telah mempelajari bahasa Melayu mempunyai jumlah kosa kata yang besar. Namun begitu, terdapat juga pelajar antarabangsa yang masih mempunyai jumlah kosa kata yang kecil. Pemerolehan kosa kata sering menjadi satu daripada cabaran kepada pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, dengan pendedahan dan strategi yang diamalkan, pelajar antarabangsa secara langsung dan tidak langsung dapat mengembangkan kosa kata dan seterusnya dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu.

#### **4.8 Kesimpulan**

Rumusannya, bahagian ini telah menganalisis dan menghuraikan dapatan data berkaitan saiz kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa dengan menerapkan satu daripada proses Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994), iaitu pada bahagian hasil pembelajaran (output bahasa). Perkara ini menjelaskan bahawa bilangan pelajar antarabangsa yang memiliki saiz kosa kata bahasa yang mencukupi, iaitu pada tahap 3000 kosa kata ialah seramai tujuh (23.33%) orang. Hal ini menunjukkan tidak sampai separuh daripada sampel kajian memperoleh tahap penguasaan berkaitan kosa kata bahasa Melayu. Berdasarkan kepada sampel ujian -t berpasangan yang dijalankan, terdapat hubungan yang signifikan kerana nilai  $p = 0.000 (<0.05)$ . Perkara ini membuktikan penguasaan kosa kata berlaku selepas pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil analisis mendapati, pelajar yang berjaya menguasai kosa kata bahasa Melayu kerana memperoleh skor 48 daripada 54 item ujian penilaian.

Sementara itu, terdapat juga pelajar yang masih lemah menguasai bahasa Melayu kerana tidak mencapai tahap minimum penguasaan kosa kata, iaitu memperoleh skor kurang daripada 48 daripada 54 item. Baki 23 (76.67%) orang pelajar lagi tidak mencapai tahap minimum dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh guru serta pihak pentadbiran fakulti sama ada berkaitan bahan pengajaran, masa pembelajaran bersemuka atau medium pengajaran. Hal ini memerlukan pengajaran dan perhatian yang berterusan daripada guru sekiranya pelajar berkenaan masih ingin terus mempelajari bahasa Melayu. Mempelajari kosa kata baharu bahasa Melayu merupakan satu tugas pembelajaran yang sukar tetapi untuk memahami lebih 3000 kosa kata baharu memerlukan usaha, motivasi, rujukan dan bantuan daripada pihak lain.

## **BAB 5**

### **STRATEGI PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA MELAYU**

#### **5.1 Pendahuluan**

Seterusnya bagi menjawab persoalan kajian yang kedua, bahagian ini akan menghuraikan data berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu dengan menganalisis kategori strategi yang paling tinggi diamalkan dan yang paling kurang diamalkan oleh pelajar antarabangsa di Universiti Malaya. Bahagian ini juga akan memperincikan dapatan kajian berkaitan latar belakang subjek kajian yang menjawab borang soal selidik, diikuti analisis hubungan korelasi antara setiap strategi pembelajaran dengan lebih terperinci. Analisis tersebut akan melibatkan statistik deskriptif, frekuensi penggunaan strategi, peratusan, nilai min (M) dan nilai sisihan piawai (SP). Seterusnya bahagian ini akan membincangkan penggunaan strategi subjek kajian dan perkaitan hubungannya dengan tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Berikut dihuraikan analisis borang soal selidik berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa.

#### **5.2 Demografi Subjek Kajian**

Demografi dalam instrumen kajian merujuk kepada item bagi mengumpulkan maklumat berkaitan ciri-ciri subjek kajian seperti jantina, umur, latar belakang pendidikan dan banyak lagi. Setiap item yang dikemukakan adalah untuk mengklasifikasikan subjek kajian ke dalam kumpulan yang berbeza. Data yang diperoleh kemudian dianalisis untuk melihat corak atau perbezaan dalam jawapan yang diberikan oleh subjek kajian. Item berkaitan demografi juga relevan dengan penyelidikan berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa dan tidak terlalu peribadi.

Bahagian demografi dalam kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat berkaitan ciri-ciri sampel kajian yang mewakili populasi. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang subjek kajian yang terdiri daripada pelajar antarabangsa ijazah tinggi yang mengambil kursus Bahasa Malaysia Asas TXGZ6102. Berdasarkan kepada jadual 5.1, data menunjukkan bahawa subjek kajian yang berasal dari negara China merupakan pelajar yang paling ramai mengambil kursus Bahasa Malaysia Asas, iaitu seramai 24 (80.00%) orang. Baki daripada 30 subjek kajian terdiri pelajar yang berasal dari negara Nigeria dan Myanmar dengan dua (6.67%) orang subjek kajian. Kemudian diikuti oleh pelajar dari negara Bangladesh, India, Palestin dan Iran dengan masing-masing mewakili seorang subjek kajian atau 3.37 peratus. Hal ini selari dengan data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi yang menunjukkan bahawa pelajar dari negara China paling ramai melanjutkan pengajian di Malaysia (Kementerian Pengajian Tinggi, 2020).

Jadual 5.1 juga berkaitan demografi umur subjek kajian yang menduduki ujian kosa kata dan yang menjawab borang soal selidik berkaitan strategi pembelajaran kosa kata. Hasil analisis borang soal selidik menunjukkan bahawa subjek kajian yang berumur antara 21 tahun hingga 30 tahun mendominasi subjek kajian dengan jumlah 20 (66.67%) orang subjek kajian. Diikuti dengan subjek kajian yang berumur 31 tahun hingga 40 tahun, iaitu seramai 6 (20.00%) orang subjek kajian. Selain itu, seramai dua (6.67%) orang subjek kajian adalah berumur 41 tahun hingga 50 tahun. Jadual 5.1 tersebut juga mendapati pelajar berumur 51 tahun hingga 60 tahun dengan dua orang subjek kajian, iaitu 6.67 peratus. Dari segi jantina pula, pelajar perempuan lebih ramai terlibat dalam kajian ini, iaitu seramai 18 (60.00%) dan baki daripada jumlah subjek kajian ialah seramai 12 (40.00%) orang subjek kajian yang mewakili pelajar lelaki.

Jadual 5.1 juga merujuk kepada bidang pengajian semasa melanjutkan pengajian di Universiti Malaya. Subjek kajian daripada bidang sains sosial paling ramai menjawab borang soal selidik dengan jumlah 22 (73.33%) orang subjek kajian. Seterusnya lapan (26.67%) orang subjek kajian mewakili pelajar dalam bidang sains. Selain daripada bidang pengajian, terdapat juga latar belakang subjek kajian dari semester pengajian semasa mempelajari bahasa Melayu. Berdasarkan data yang diperoleh, didapati lebih ramai subjek kajian berada pada semester satu, iaitu 21 (70.00%) orang, dan diikuti dengan subjek kajian dari semester dua, iaitu enam (20.00%) orang. Pada semester tiga pula, terdapat seramai dua orang subjek kajian, iaitu 6.67 peratus, manakala subjek kajian pada semester ke-7 dan ke atas hanya seorang, iaitu 3.33 peratus.

Selain itu, data berkaitan pembiayaan pengajian untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya menunjukkan bahawa seramai tiga (10.00%) orang subjek kajian menerima bantuan biasiswa. Hasil analisis borang soal selidik mendapati lebih daripada separuh subjek kajian membiayai sendiri pengajian atau mendapat bantuan daripada ahli keluarga masing-masing, iaitu seramai 27 (90.00%) orang subjek kajian. Berdasarkan masa pembelajaran di rumah, data yang diperoleh menunjukkan bahawa seramai 21 (70.00%) orang subjek kajian memperuntukkan satu hingga dua jam sehari bagi menelaah bahasa Melayu di rumah. Selain itu, seramai enam (20.00%) orang subjek kajian memperuntukkan tiga hingga lima jam sehari. Dapat diperhatikan daripada jadual tersebut, hanya tiga (10.00%) orang subjek kajian sahaja yang meluangkan masa lebih daripada enam jam sehari untuk mempelajari bahasa Melayu secara sendiri di rumah. Kebanyakan subjek kajian meluangkan masa selama satu hingga dua jam sehari untuk mempelajari bahasa Melayu.

Dari aspek tempoh masa tinggal di Malaysia pula, majoriti daripada subjek kajian menjawab kurang daripada satu tahun, iaitu 22 (73.33%) orang subjek kajian. Hal ini disebabkan proses pembelajaran secara dalam talian menyebabkan pelajar memilih untuk terus menetap di negara masing-masing, ditambah pula dengan larangan rentas sempadan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia. Baki tiga (10.00%) orang subjek kajian menetap satu hingga dua tahun dan dua hingga tiga tahun. Terdapat dua (6.67%) orang subjek kajian telah menetap di Malaysia lebih daripada tiga tahun.

Seterusnya maklumat berkaitan analisis demografi yang terakhir ialah berkaitan sejarah mempelajari bahasa Melayu sebelum mengambil kursus Bahasa Malaysia Asas di Universiti Malaya. Berdasarkan data yang diperolehi menunjukkan bahawa majoriti subjek kajian tidak pernah mempelajari bahasa Melayu dengan 22 (73.33%) orang. Baki daripada keseluruhan subjek kajian, iaitu lapan (26.67%) orang subjek kajian pernah mempelajari bahasa Melayu. Walaupun terdapat subjek kajian yang menjawab pernah mempelajari bahasa Melayu, namun daripada analisis jawapan yang diberikan, tidak ada seorang daripada subjek kajian yang mempelajari bahasa Melayu secara formal. Ada antara pelajar yang mempelajari bahasa Melayu secara tidak formal seperti daripada laman sesawang *Youtube*, melancong ke Indonesia, aplikasi dalam talian dan mendengar siaran radio.

**Jadual 5.1: Maklumat item demografi**

Latar Belakang		Subjek Kajian, (N=30)	
		Jumlah	Peratus (%)
Negara	China	24	80.00
	Bangladesh	1	3.33
	India	1	3.33
	Nigeria	2	6.67
	Palestin	1	3.33
	Iran	1	3.33
Umur	21-30	20	66.67
	31-40	6	20.00



Latar Belakang		Subjek Kajian, (N=30)	
		Jumlah	Peratus (%)
	41-50	2	6.67
	51-60	2	6.67
Jantina	Lelaki	12	40.00
	Perempuan	18	60.00
Bidang pengajian	Sains	8	26.67
	Sains sosial	22	73.33
Semester pengajian	Semester 1	21	70.00
	Semester 2	6	20.00
	Semester 3	2	6.67
	Semester 7 dan ke atas	1	3.33
Pembiayaan pengajian	Biasiswa	3	10.00
	Sendiri/Keluarga	27	90.00
Jumlah jam bahasa Melayu di rumah	1 - 2 jam sehari	21	70.00
	3 - 5 jam sehari	6	20.00
	Lebih daripada 6 jam sehari	3	10.00
Tempoh masa tinggal di Malaysia	Kurang daripada 1 tahun	22	73.33
	1 - 2 tahun	3	10.00
	2 - 3 tahun	3	10.00
	Lebih daripada 3 tahun	2	6.67
Pernah mempelajari bahasa Melayu	Ya	8	26.67
	Tidak	22	73.33

Secara keseluruhannya, berdasarkan maklumat demografi kajian ini menunjukkan bahawa lebih separuh subjek kajian terdiri daripada pelajar yang berasal dari negara China. Dari segi penguasaan kosa kata boleh memberikan dapatan data yang menarik kerana pelajar dari negara ini menggunakan sistem tulisan dan sebutan yang berbeza daripada sistem tulisan roman yang digunakan dalam bahasa Melayu. Selain itu dari aspek umur pula, majoriti daripada subjek kajian terdiri daripada golongan yang berumur antara 21 tahun hingga 30 tahun. Golongan muda boleh dikatakan sebagai pelajar yang mempunyai tahap ingatan yang tinggi (Huang, 2014). Namun kajian tersebut disangkal

oleh Hu (2016) dengan menyatakan bahawa faktor umur bukan penentu kepada kelebihan atau keistimewaan dalam pembelajaran bahasa kedua.

Berdasarkan faktor jantina subjek kajian pula, jumlah subjek kajian antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan boleh dikatakan tidak seimbang dengan 40 peratus ialah pelajar lelaki dan 60 peratus daripadanya pelajar perempuan. Disusuli dengan bidang kajian, lebih ramai subjek kajian mengikuti program dalam bidang sains sosial berbanding bidang sains. Data yang diperoleh menunjukkan bahawa ramai subjek kajian berada pada semester satu, iaitu pelajar baharu yang memulakan pengajian di Universiti Malaya dan mendaftar kursus Bahasa Malaysia Asas. Hal ini boleh memberi analisis yang menarik kerana subjek kajian belum terdedah secara langsung dengan pembelajaran bahasa Melayu secara formal.

Seterusnya dari aspek jumlah jam mempelajari bahasa Melayu di rumah, data menunjukkan bahawa seramai 21 orang subjek kajian memperuntukkan satu hingga dua jam sehari untuk mempelajari bahasa Melayu. Selain itu, bagi item tempoh masa menetap di Malaysia pula, lebih daripada separuh subjek kajian, iaitu 22 orang menetap kurang daripada satu tahun. Hal ini ditambah dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara dalam talian akibat daripada sekatan perjalanan rentas sempadan negara.

Dalam kajian ini, maklumat demografi seperti jantina, umur dan latar belakang pendidikan boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Hal ini seterusnya boleh menyumbang penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Selain itu, maklumat demografi boleh membantu pengkaji mengenal pasti batasan dalam sampel kajian. Pelajar yang tidak mempunyai kaitan dalam kajian ini akan dikeluarkan sebagai sampel kajian. Maklumat yang diperoleh memberikan pemahaman yang lebih baik untuk

menghuraikan strategi pembelajaran kosa kata yang diamalkan oleh subjek kajian. Secara umumnya, maklumat demografi dalam kajian ini berkaitan penguasaan kosa kata bahasa Melayu boleh memberi isi penting mengenai faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada penguasaan kosa kata bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa.

### **5.3 Analisis Strategi Penemuan**

Data analisis berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu adalah berdasarkan statistik deskriptif melibatkan min bagi setiap penggunaan item strategi bagi subjek kajian. Setiap item strategi akan diterangkan juga nilai sisihan piawai dan tahap interpretasi penggunaan. Bagi melaporkan tahap penggunaan item tersebut, maka interpretasi daripada Mohamad Yazid (2017) digunakan bagi meletakkan tahap sesuatu item. Skor min yang berada antara 1.00 hingga 2.33 berada pada tahap rendah, min 2.34 hingga 3.66 berada pada tahap sederhana dan min 3.67 hingga 5.00 berada pada tahap tinggi. Setiap item yang dijelaskan mengikut susunan tahap interpretasi item strategi yang paling tinggi kepada item strategi yang paling rendah.

#### **5.3.1 Strategi Penentuan**

Strategi penentuan merujuk kepada penentuan untuk mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan kosa kata baharu yang dipelajari. Setiap penemuan atau pemerolehan kosa kata baharu boleh diperoleh melalui pelbagai kaedah seperti penggunaan kamus atau kad imbas. Pelajar perlu menetapkan sasaran pembelajaran sama ada secara mingguan atau harian. Sasaran yang ditetapkan pada awal pembelajaran boleh menentukan pengejalan kosa kata dalam minda sama ada pengejalan jangka pendek atau jangka panjang. Berikut dijelaskan analisis borang soal selidik berkaitan strategi penentuan yang dijawab oleh sampel kajian, iaitu pelajar antarabangsa di Universiti Malaya.

Jadual 5.2 menunjukkan nilai min, nilai sisihan piawai dan tahap interpretasi penggunaan strategi pembelajaran kosa kata subjek kajian bagi strategi penentuan. Berdasarkan jadual tersebut, terdapat empat daripada sembilan item memperoleh interpretasi pada tahap tinggi. Item tersebut ialah '*menggunakan kamus bahasa Inggeris – bahasa Melayu untuk mencari makna kosa kata baharu*' yang memperoleh nilai  $M = 4.00$  dan  $SP = 1.15$ , item '*menggunakan kamus bahasa Melayu – bahasa Inggeris*' dengan nilai  $M = 3.73$  dan  $SP = 1.14$ , item '*meneka makna dari konteks untuk mencari makna kosa kata baharu*' dengan nilai  $M = 3.70$  dan  $SP = 1.12$ , serta item '*menggunakan gambar dalam buku teks untuk mencari kosa kata baharu*' dengan memperoleh nilai  $M = 3.67$  dan  $SP = 0.99$ .

Selain itu, dalam jadual 5.2 memaparkan analisis bagi penggunaan item strategi pada tahap sederhana, iaitu item '*meneka makna dari golongan kata seperti kata nama, kata kerja, kata sifat untuk mencari makna kosa kata baharu*' dengan nilai  $M = 3.47$  dan  $SP = 1.01$ , item '*meneka makna dengan menganalisis struktur kata imbuhan awalan dan akhiran untuk mengetahui makna kosa kata*' dengan nilai  $M = 3.33$  dan nilai  $SP = 1.06$ , item '*menggunakan kamus bahasa ibunda – bahasa Melayu untuk mencari makna kosa kata baharu*' dengan nilai  $M = 3.30$  dan nilai sisihan piawai = 1.39. Item '*meneka makna kosa kata dari ciri seperti tekanan, intonasi, pengucapan untuk mengetahui makna kosa kata baharu*' dengan nilai  $M = 3.20$  dan  $SP = 1.19$  dan yang terakhir ialah item '*meneka makna kosa kata dari struktur tatabahasa ayat untuk mencari makna kosa kata baharu*' dengan nilai  $M = 3.13$  dan  $SP = 1.04$ ,

Rumusannya, hasil analisis daripada data menunjukkan bahawa subjek kajian cenderung menggunakan kamus untuk mempelajari bahasa Melayu dengan memperoleh tahap interpretasi yang tinggi. Penggunaan kamus berbentuk dwibahasa sama ada bahasa Melayu – bahasa Inggeris dan bahasa Inggeris – bahasa Melayu tidak diabaikan oleh

pelajar antarabangsa. Namun begitu, penggunaan kamus bahasa ibunda – bahasa Melayu tidak menjadi pilihan pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu. Kajian ini berpendapat, kamus dalam bahasa ibunda pelajar seperti dari negara India, Nigeria dan Bangladesh terhad di pasaran tempatan terutamanya di kedai-kedai buku. Hilary Nesi (2000) menjelaskan bahawa kesukaran pelajar untuk memperoleh kamus di pasaran terutamanya di kedai buku kerana kekurangan permintaan daripada penutur. Oleh itu, mempelajari kosa kata baharu dengan menggunakan kamus boleh menjadi cara yang terbaik untuk mengembangkan pengetahuan tentang kosa kata dan meningkatkan kemahiran bahasa.

Pelajar yang cekap dan mahir menggunakan kamus, mudah untuk mencari dan memahami maksud kosa kata bahasa Melayu memandangkan kamus mempunyai susunan kosa kata yang banyak. Selain itu, pelajar digalakkan membaca definisi kosa kata dengan teliti dan memahami contoh ayat yang diberikan. Kebanyakan kamus memberikan contoh ayat yang menunjukkan cara kosa kata digunakan dalam konteks makna. Perkara ini boleh memberi pemahaman yang lebih baik tentang cara menggunakan kosa kata itu sendiri. Menurut S. Zhang et al. (2021) satu daripada faktor yang menentukan keberkesanan penggunaan kamus adalah dengan mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi serta tahu penggunaan kamus.

Di samping itu, terdapat item strategi dengan menghubungkan antara kosa kata dan pengetahuan sedia ada, seperti mengaitkan kosa kata baharu dengan imej. Dengan menggunakan teknik yang berbeza, pelajar dapat meningkatkan pengetahuan untuk mengekalkan kosa kata dan mengingatinya semula. Menggunakan alat bantu mengajar berbentuk visual bergambar adalah satu daripada strategi yang berkesan untuk mempelajari kosa kata bahasa Melayu. Hal ini melibatkan lukisan atau mencari gambar

yang mewakili kosa kata baharu dengan mewujudkan hubungan visual antara kosa kata dan makna.

Alat bantu pembelajaran seperti kamus, gambar dan ilustrasi boleh menjadi strategi yang berfaedah untuk mempelajari kosa kata bahasa Melayu. Perkara ini dapat membantu pelajar membuat hubungan visual antara kosa kata dan makna. Pelajar lebih memahami ungkapan kosa kata dan meningkatkan pemahaman berkaitan kosa kata dan frasa bahasa Melayu.

**Jadual 5.2: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi penentuan**

Bil.	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Menggunakan kamus bahasa Inggeris - bahasa Melayu untuk mencari makna kosa kata baharu.	4.00	1.15	Tinggi
2	Menggunakan kamus bahasa Melayu – bahasa Inggeris untuk mengetahui makna kosa kata baharu.	3.73	1.14	Tinggi
3	Meneka makna dari konteks untuk mencari makna kosa kata baharu.	3.70	1.12	Tinggi
4	Menggunakan gambar dalam buku teks untuk mencari makna kosa kata baharu.	3.67	0.99	Tinggi
5	Meneka makna dari golongan kata seperti kata nama, kata kerja dan kata sifat untuk mencari makna kosa kata baharu.	3.47	1.01	Sederhana
6	Meneka makna dengan menganalisis struktur kata (awalan dan akhiran) untuk mengetahui makna kosa kata baharu.	3.33	1.06	Sederhana
7	Menggunakan kamus bahasa ibunda - bahasa Melayu untuk mencari makna kosa kata baharu.	3.30	1.39	Sederhana
8	Meneka makna dari ciri seperti tekanan, intonasi, pengucapan, untuk mengetahui makna kosa kata baharu.	3.20	1.19	Sederhana

Bil.	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
9	Meneka makna dari struktur tatabahasa ayat untuk mencari makna kosa kata baharu.	3.13	1.04	Sederhana
	<b>Min</b>	<b>3.50</b>	<b>1.12</b>	<b>Sederhana</b>

### 5.3.2 Strategi Sosial (penemuan)

Strategi sosial (penemuan) merujuk kepada strategi yang diamalkan oleh pelajar dengan melibatkan interaksi sosial dan komunikasi sama ada bersama guru, rakan sekelas dan penutur natif bahasa Melayu. Strategi ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik berkaitan bahasa Melayu dengan melibatkan pihak lain. Pelajar boleh mengambil bahagian secara aktif dalam perbualan dan seterusnya dapat mengembangkan kemahiran bahasa Melayu. Berikut merupakan hasil analisis borang soal selidik strategi sosial (penemuan) pembelajaran kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa.

Jadual 5.3 merujuk kepada penggunaan item strategi sosial (penemuan) yang berada di bawah kategori penemuan. Dapat diperhatikan bahawa terdapat empat daripada sembilan item memperoleh tahap interpretasi yang tinggi dengan nilai min antara 3.70 hingga 3.87. Bagi strategi sosial ini, item '*berinteraksi dengan penutur asli*' memperoleh nilai  $M = 3.87$  dan  $SP = 1.17$ , item '*mengkaji dan menggunakan kosa kata baharu semasa mengulang kaji bersama rakan*' dengan nilai  $M = 3.80$  dan  $SP = 1.13$ , item '*meminta guru menterjemahkan kosa kata baharu ke dalam bahasa Inggeris*' dengan nilai  $M = 3.73$  dan  $SP = 0.98$ , serta item strategi yang terakhir ialah item '*meminta guru memberikan contoh ayat berkaitan kosa kata baharu*' dengan memperoleh nilai  $M = 3.70$  dan  $SP = 0.92$ .

Selain itu, terdapat lima daripada sembilan item strategi pembelajaran kosa kata yang memperoleh tahap interpretasi yang sederhana, iaitu nilai min antara 2.34 hingga 3.66. Dapat dijelaskan bahawa item strategi dengan item '*memahami kosa kata baharu ketika belajar dalam kumpulan bersama rakan-rakan*' memperoleh nilai  $M = 3.63$  dan nilai  $SP = 1.07$ , item '*meminta guru menjelaskan kosa kata baharu dalam bentuk gambar atau gambar rajah*' dengan nilai  $M = 3.60$  dan nilai  $SP = 0.89$ , item '*meminta rakan menterjemah makna kosa kata baharu*' memperoleh nilai  $M = 3.53$  dan nilai  $SP = 1.14$ , item '*meminta guru untuk parafrasa kosa kata baharu*' dengan nilai  $M = 3.50$  dan  $SP = 1.23$ , dan yang terakhir ialah item '*mempelajari kosa kata baharu dengan menggunakan kad imbas bersama rakan*' dengan memperoleh nilai  $M = 3.10$  dan  $SP = 1.24$ ,

Rumusannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat item strategi yang memperoleh interpretasi yang tinggi, iaitu meminta guru menterjemah kosa kata bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris. Selain itu pelajar juga meminta guru untuk memberikan contoh ayat dengan menggunakan kosa kata yang telah dipelajari. Dalam kajian ini, guru merupakan sumber rujukan paling dekat dengan pelajar untuk membantu menterjemah kosa kata yang dipelajari selain menggunakan aplikasi terjemahan secara dalam talian. Guru juga boleh memberikan penjelasan dan contoh yang dapat membantu menjelaskan penggunaan kosa kata dan makna dalam ayat. Menurut Kramsch (2020) terjemahan bahasa merupakan satu daripada strategi pembelajaran di dalam kelas untuk menambah pengetahuan kosa kata.

Analisis data juga menunjukkan bahawa subjek kajian kurang menggunakan kad imbas bersama rakan untuk mempelajari bahasa Melayu. Hal ini disebabkan kekangan keadaan semasa proses pengajaran bahasa Melayu yang dipelajari secara dalam talian serta menghadkan pembelajaran pelajar secara bersemuka. Kajian ini tidak selari dengan



kajian Elsy Matruy dan Stella Rose Que (2021) dengan menjelaskan bahawa penggunaan kad imbas boleh meningkatkan bilangan kosa kata pelajar.

Selain itu, item strategi berinteraksi dengan penutur asli ialah cara terbaik untuk meningkatkan kosa kata yang mempelajari bahasa Melayu. Penutur asli boleh memberikan input bahasa yang tulen kepada pelajar antarabangsa, termasuk ungkapan harian seperti kata sapaan dan kosa kata yang tidak terdapat dalam buku teks atau bahan pembelajaran. Menurut Yu et al. (2019) penutur asli boleh membantu pelajar memahami bahasa, seperti nada, intonasi dan tekanan kosa kata yang boleh memberi kesan ketara kepada makna ayat.

Terdapat satu daripada cara paling berkesan untuk berinteraksi dengan penutur asli ialah melalui perbualan. Perbualan membolehkan pelajar mempraktikkan kemahiran bertutur dan mendengar. Selain itu, perbualan dengan penutur asli boleh membantu pelajar melatih cara sebutan dan tatabahasa kerana pelajar akan menerima maklum balas secara terus tentang kesilapan yang dilakukan. Oleh itu pelajar memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang bahasa Melayu dan menjadi lebih yakin untuk berkomunikasi.

**Jadual 5.3: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi sosial (penemuan)**

Bil.	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
10	Berinteraksi dengan penutur asli.	3.87	1.17	Tinggi
11	Mengkaji dan menggunakan kosa kata baharu semasa mengulang kaji bersama rakan.	3.80	1.13	Tinggi
12	Meminta guru menterjemah kosa kata baharu ke dalam bahasa Inggeris.	3.73	0.98	Tinggi
13	Meminta guru memberikan contoh ayat berkaitan kosa kata baharu.	3.70	0.92	Tinggi

Bil.	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
14	Memahami kosa kata baharu ketika belajar dalam kumpulan bersama rakan-rakan.	3.63	1.07	Sederhana
15	Meminta guru menjelaskan kosa kata baharu dalam bentuk gambar / gambar rajah.	3.60	0.89	Sederhana
16	Meminta rakan menterjemah makna kosa kata baharu.	3.53	1.14	Sederhana
17	Meminta guru untuk parafrasa kosa kata baharu.	3.50	1.23	Sederhana
18	Mempelajari kosa kata baharu dengan menggunakan kad imbas bersama rakan.	3.10	1.24	Sederhana
<b>Min</b>		<b>3.61</b>	<b>1.08</b>	<b>Sederhana</b>

#### 5.4 Analisis Strategi Pengukuhan

Dalam strategi pengukuhan bagi mempelajari bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa, terdapat empat subkategori, iaitu strategi memori, strategi sosial (pengukuhan), strategi kognitif dan strategi metakognitif. Pengukuran yang sama dilakukan seperti kategori penemuan bagi menentukan tahap interpretasi penggunaan strategi pengukuhan pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Bahagian ini akan memperincikan dapatan kajian daripada data borang soal selidik.

##### 5.4.1 Strategi Memori

Strategi memori merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh pelajar antarabangsa untuk mengingat kosa kata baharu semasa pembelajaran bahasa Melayu. Penggunaan strategi memori membawa kepada pengekalan dan ingatan kosa kata baharu yang membolehkan pelajar menggunakan kembali kosa kata yang telah dipelajari. Berikut merupakan hasil

analisis borang soal selidik strategi memori pembelajaran kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa.

Jadual 5.4 memaparkan taburan min, sisihan piawai dan interpretasi untuk strategi memori. Data menunjukkan bahawa terdapat enam daripada sembilan item strategi memperoleh interpretasi yang tinggi. Baki tiga item yang lain memperoleh interpretasi tahap sederhana. Hal ini membuktikan bahawa subjek kajian memilih menggunakan item daripada strategi ini untuk mempelajari bahasa Melayu.

Hasil analisis mendapati, terdapat enam daripada sembilan item strategi memori memperoleh interpretasi yang tinggi. Item tersebut seperti '*menghubung kait gambar dengan makna kosa kata baharu*' dengan memperoleh nilai  $M = 4.00$  dan  $SP = 0.95$ , item '*menyebut kosa kata baharu dengan kuat ketika belajar*' dengan nilai  $M = 3.93$  dan  $SP = 0.98$ , item '*mengelompok kosa kata baharu berkaitan dengan sebutan dan ejaan yang serupa*' dengan nilai  $M = 3.87$  dan  $SP = 0.90$ , '*menggunakan kosa kata baharu dalam ayat berulang kali*' yang memperoleh nilai  $M = 3.87$  dan  $SP = 0.94$  serta item '*menulis kosa kata baharu dalam ayat supaya mudah diingat*' memperoleh nilai  $M = 3.77$  dan  $SP = 0.90$ , dan yang terakhir item '*menggunakan pergerakan fizikal (gerakan badan) semasa mempelajari kosa kata baharu*' dengan memperoleh nilai  $M = 3.67$  dan nilai  $SP = 1.09$ .

Sementara itu, terdapat tiga item daripada strategi memori yang memperoleh interpretasi tahap sederhana. Item tersebut ialah '*memerhatikan cara pertuturan kosa kata baharu*' dengan nilai  $M = 3.60$  dan sisihan piawai = 1.00, '*mengkategorikan kosa kata baharu mengikut sinonim dan antonim*' yang memperoleh nilai  $M = 3.57$  dan  $SP = 1.07$  dan item yang terakhir ialah '*menggunakan peta semantik untuk mempelajari kosa kata baharu*' dengan nilai  $M = 3.53$  dan  $SP = 1.07$ .

Secara ringkasnya, pelajar cenderung menggunakan strategi dengan menghubungkan gambar atau visual dengan kosa kata baharu untuk lebih memahami dan mengingat makna kosa kata bahasa Melayu. Dengan menggunakan strategi ini, pelajar boleh mewujudkan daya memori yang lebih kuat untuk mengingat kosa kata yang akan digunakan semasa komunikasi. Di samping itu, penggunaan gambar berupaya membantu pelajar mempelajari bahasa Melayu kerana terdapat pelajar yang menggunakan sistem penulisan yang berbeza seperti daripada negara China. Chung (2003) menjelaskan bahawa pelajar dari negara China mempunyai peraturan tulisan dan bacaan yang kompleks. Oleh itu penggunaan visual dapat membantu menjelaskan makna kosa kata. Chung (2003) juga menjelaskan bahawa gabungan faktor antara gambar dan kosa kata bahasa kedua memberi kesan pemahaman yang baik terhadap penguasaan kosa kata pelajar.

Kosa kata baharu perlu digunakan secara kerap dalam konteks komunikasi agar pelajar menguasai kosa kata dengan baik. Hasil analisis dapatan kajian ini menunjukkan bahawa subjek kajian cenderung menggunakan kaedah secara ulangan untuk mempelajari kosa kata baharu dengan memberikan interpretasi yang tinggi. Kaedah ini selari dengan pendapat Loewen dan Sato (2018) yang menjelaskan aspek pengukuhan kosa kata secara ulangan dapat menghubungkan kosa kata yang sedia ada dengan yang baharu serta boleh mengekalkan ingatan kosa kata dalam jangka masa yang panjang.

Mempelajari bahasa Melayu memerlukan banyak usaha dan masa. Oleh itu, terdapat item daripada strategi memori yang boleh membantu pelajar menghafal kosa kata baharu dengan lebih berkesan. Item strategi memori dengan menggunakan kosa kata baharu dalam ayat antara yang menjadi pilihan pelajar semasa mempelajari bahasa Melayu. Mempelajari kosa kata dalam ayat atau perbualan boleh membantu pelajar memahami makna kosa kata yang dilakukan secara ulangan dalam perbualan harian.

Perkara ini membantu pelajar mengembangkan kemahiran tatabahasa dan sintaksis sambil belajar menggunakan kosa kata dengan betul dalam konteks yang berbeza. Tiranant et al. (2022) menjelaskan bahawa kaedah pengulangan dalam perbualan membolehkan pelajar menyemak kosa kata yang sama berulang kali untuk mengukuhkan daya ingatan.

Tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan strategi memori secara teratur, sistematik dan kerap boleh memberi kesan yang baik terhadap penguasaan bahasa Melayu pelajar. Dengan mengamalkan strategi ini secara konsisten, pelajar boleh meningkatkan pengekalan dan ingatan yang boleh membantu pelajar menjadi lebih berkeyakinan semasa berkomunikasi.

**Jadual 5.4: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi memori**

Bil.	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
19	Menghubung kait gambar dengan makna kosa kata baharu.	4.00	0.95	Tinggi
20	Menyebut kosa kata baharu dengan kuat ketika belajar.	3.93	0.98	Tinggi
21	Mengelompok kosa kata baharu berkaitan dengan sebutan dan ejaan yang serupa.	3.87	0.90	Tinggi
22	Mengguna kosa kata baharu dalam ayat berulang kali.	3.87	0.94	Tinggi
23	Menulis kosa kata baharu dalam ayat supaya mudah diingat.	3.77	0.90	Tinggi
24	Mengguna pergerakan fizikal (gerakan badan) semasa belajar kosa kata baharu.	3.67	1.09	Tinggi
25	Memerhati cara pertuturan (sebutan) kosa kata baharu.	3.60	1.00	Sederhana

Bil.	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
26	Mengkategori kosa kata baharu mengikut sinonim dan antonim.	3.57	1.07	Sederhana
27	Mengguna peta semantik untuk mempelajari kosa kata baharu.	3.53	1.07	Sederhana
<b>Min</b>		<b>3.76</b>	<b>0.99</b>	<b>Tinggi</b>

#### 5.4.2 Strategi Sosial (pengukuhan)

Strategi sosial (pengukuhan) ialah pendekatan pembelajaran kosa kata yang melibatkan interaksi dengan orang lain untuk mempelajari dan mengukuhkan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa. Strategi ini boleh diamalkan oleh pelajar dengan melibatkan pihak lain seperti rakan sebaya, guru dan penutur natif bahasa Melayu. Interaksi sosial yang berlaku memberi peluang kepada pelajar untuk berlatih menggunakan kosa kata bahasa Melayu dengan pihak lain. Pelajar boleh belajar daripada kesilapan dan menerima pembetulan sebagai satu daripada cara meningkatkan kemahiran bahasa. Berikut merupakan analisis strategi sosial (pengukuhan) strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa.

Analisis jadual 5.5 merupakan analisis borang soal selidik daripada strategi sosial (pengukuhan). Terdapat empat daripada sembilan item strategi sosial (pengukuhan) yang memperoleh interpretasi yang tinggi. Empat item tersebut ialah '*mencari maklumat tambahan bahasa Melayu bersama rakan di Internet untuk tujuan mempelajari kosa kata baharu*' dengan nilai  $M = 4.13$  dan  $SP = 1.04$ , item '*berkomunikasi dengan guru dalam bahasa Melayu dengan menggunakan kosa kata baharu*' yang memperoleh nilai  $M = 3.77$  dan  $SP = 0.97$ , item '*berbincang bersama rakan dalam bahasa Melayu untuk mengetahui maksud kosa kata baharu*' dengan nilai  $M = 3.70$  dan  $SP = 1.02$  serta item

yang keempat ialah '*meminta guru untuk menterjemah kosa kata baharu ke dalam bahasa Melayu*' dengan nilai  $M = 3.70$  dan  $SP = 1.09$ .

Selain itu, terdapat lima item strategi pembelajaran kosa kata berada pada tahap interpretasi sederhana. Item tersebut ialah '*berlatih menggunakan kosa kata baharu bahasa Melayu semasa aktiviti berkumpulan*' yang memperoleh nilai  $M = 3.57$  dan  $SP = 1.14$ , item '*mempraktikkan makna kosa kata baharu di dalam kelas untuk memperluaskan pengetahuan*' dengan nilai  $M = 3.50$  dan  $SP = 1.11$ , item '*berkomunikasi dengan penutur natif dalam bahasa Melayu melalui pelbagai media*' dengan memperoleh nilai  $M = 3.50$  dan  $SP = 1.23$ , item '*meminta guru untuk memberi sinonim kosa kata yang baharu*' dengan nilai  $M = 3.47$  dan  $SP = 1.17$  dan yang terakhir ialah item '*bermain permainan kosa kata seperti skrabel (susun kata) atau teka silang kata untuk mengukuhkan kosa kata baharu*' dengan memperoleh nilai  $M = 3.27$  dan  $SP = 1.17$ .

Rumusannya, dapatan data daripada jadual 5.5 menunjukkan bahawa pelajar meminta dan menerima bantuan daripada orang lain sama ada guru atau rakan sekelas untuk mempelajari bahasa Melayu. Hal ini kerana strategi sosial adalah melibatkan interaksi dengan orang lain dalam bahasa Melayu sama ada secara bersemuka atau secara dalam talian. Mempelajari kosa kata bahasa Melayu boleh menjadi tugas yang mencabar kepada pelajar antarabangsa tetapi dengan menggunakan strategi sosial, kaedah ini boleh menjadi cara yang berkesan terutamanya untuk mengukuhkan kosa kata baharu. Tinutda dan Waraporn (2011) menjelaskan bahawa dengan melibatkan diri dengan penutur asli atau orang di sekeliling, pelajar dapat meningkatkan pemerolehan dan penggunaan kosa kata.

Selain itu, terdapat pilihan item strategi yang diamalkan oleh pelajar dengan berkomunikasi dengan guru dan rakan untuk mempelajari kosa kata baharu. Perkara ini

boleh melibatkan rakan sekelas atau penutur natif bahasa Melayu untuk melancarkan aspek perbualan. Oleh itu, pelajar boleh bertanya soalan, berlatih menggunakan kosa kata baharu dan menerima maklum balas mengenai penggunaan bahasa Melayu. Hal ini dapat membantu pelajar bukan sahaja memperoleh kosa kata malah membina keyakinan untuk menggunakan bahasa Melayu dalam suasana yang sebenar.

Strategi sosial (pengukuhan) berperanan untuk membantu pelajar mengembangkan kosa kata, menambah jumlah kosa kata dan memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang kosa kata bahasa Melayu. Selari dengan pendapat yang dinyatakan oleh Zambri Mahamod dan Mohamed Amin Embi (2005) dengan menjelaskan bahawa pelajar perlu lebih kerap melibatkan pihak lain semasa mempelajari bahasa Melayu seperti menggunakan media sosial sebagai medium komunikasi. Media sosial ini merupakan sumber terbaik mempelajari bahasa Melayu selain guru. Cara sebutan yang lebih jelas dan tepat dapat diperoleh sekiranya kaedah ini diamalkan oleh pelajar. Oyinloye dan Adeleye (2010) menjelaskan bahawa pelajar digalakkan untuk belajar kosa kata melalui sumber yang terdapat di sekeliling termasuklah media cetak dan media elektronik.

**Jadual 5.5: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi sosial (pengukuhan)**

Bil.	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
28	Mencari maklumat tambahan bahasa Melayu bersama rakan di Internet untuk tujuan mempelajari kosa kata baharu.	4.13	1.04	Tinggi
29	Berkomunikasi dengan guru dalam bahasa Melayu dengan menggunakan kosa kata baharu.	3.77	0.97	Tinggi



Bil.	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
30	Berbincang bersama rakan dalam bahasa Melayu untuk mengetahui maksud kosa kata baharu.	3.70	1.02	Tinggi
31	Meminta guru untuk terjemahkan kosa kata baharu ke bahasa Melayu.	3.70	1.09	Tinggi
32	Berlatih menggunakan kosa kata baharu bahasa Melayu semasa aktiviti berkumpul.	3.57	1.14	Sederhana
33	Mempraktik makna kosa kata baharu dalam kelas untuk memperluas pengetahuan.	3.50	1.11	Sederhana
34	Berkomunikasi dengan penutur natif dalam bahasa Melayu melalui pelbagai media.	3.50	1.23	Sederhana
35	Meminta guru untuk memberi sinonim kosa kata yang baharu.	3.47	1.17	Sederhana
36	Bermain permainan kosa kata seperti skrabel (susun kata) atau teka silang kata untuk mengukuhkan kosa kata baharu.	3.27	1.17	Sederhana
<b>Min</b>		<b>3.62</b>	<b>1.10</b>	<b>Sederhana</b>

### 5.4.3 Strategi Kognitif

Strategi kognitif merujuk kepada pendekatan pembelajaran kosa kata yang menggunakan teknik pengukuhan yang membantu kepada pemerolehan kosa kata bahasa Melayu. Strategi ini melibatkan aktiviti seperti menyimpan dan menyalin semula kosa kata untuk memahami maksud kosa kata yang telah dipelajari. Berikut merupakan analisis item strategi kognitif yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa.

Jadual 5.6 menunjukkan taburan min, sisihan piawai dan interpretasi terhadap strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu bagi strategi kognitif. Pada kategori ini, terdapat enam daripada sembilan item yang memperoleh tahap interpretasi yang tinggi.

Dapatan menunjukkan item strategi dengan *'mengulang kaji pelajaran Bahasa Melayu sebelum bermulanya kelas'* memperoleh nilai  $M = 4.00$  dan  $SP = 0.83$ , item *'menyimpan buku nota untuk menyenaraikan kosa kata baharu dan contoh yang sesuai'* dengan nilai  $M = 3.97$  dan  $SP = 0.85$ , item *'mengulangi secara lisan kosa kata baharu untuk mempelajarinya semula'* dengan nilai  $M = 3.97$  dan  $SP = 0.89$ , item *'mengaitkan kosa kata baharu dengan objek fizikal'* memperoleh nilai  $M = 3.73$  dan nilai  $SP = 0.94$ , item *'melatih kosa kata baharu secara lisan dengan senarai kosa kata'* dengan nilai  $M = 3.73$  dan  $SP = 0.94$ , serta item strategi terakhir yang memperoleh interpretasi yang tinggi ialah item *'mengguna kosa kata baharu dengan menulis berulang kali dalam ayat'* dengan memperoleh nilai  $M = 3.73$  dan nilai  $SP = 1.02$ .

Seterusnya terdapat tiga item strategi yang memperoleh tahap interpretasi tahap sederhana, iaitu *'menulis kosa kata baharu dengan makna pada kad imbas untuk mempelajarinya'* memperoleh nilai  $M = 3.27$  dan  $SP = 1.05$ , item *'merakam bunyi kosa kata baharu dari filem atau drama yang menggunakan bahasa Melayu'* dengan nilai  $M = 3.23$  dan  $SP = 1.28$ , dan item yang terakhir ialah *'mendengar lagu bahasa Melayu untuk mempelajari kosa kata baharu bahasa Melayu'* memperoleh nilai  $M = 3.00$  dan  $SP = 1.11$ .

Rumusannya, hasil dapatan menunjukkan bahawa strategi kognitif digunakan sebaik mungkin oleh subjek kajian untuk mempelajari kosa kata bahasa Melayu. Satu daripada item strategi yang mendapat pilihan pelajar adalah dengan mengulang kaji pelajaran sebelum bermulanya kelas bahasa Melayu. Kaedah mengulang kaji boleh mengukuhkan pemahaman bahasa dan mengekalkan maklumat untuk jangka masa panjang. Terdapat pelbagai cara untuk menerapkan strategi kognitif dalam proses pembelajaran kosa kata seperti menyemak cara sebutan kosa kata agar menjadi lancar, melakukan perbualan bersama rakan sekelas dengan menyebut kembali kosa kata yang

telah dipelajari dan menjawab kuiz atau latihan bahasa Melayu. Membuat ulang kaji dan menyemak semula pelajaran yang lepas adalah proses penting untuk pembelajaran bahasa Melayu yang berkesan. Menurut Kerras dan Essayahi (2022) dengan membuat ulang kaji dan latihan percakapan, pelajar dapat mengekalkan maklumat dengan lebih baik dan membina daya ingatan yang kukuh.

Selain itu, menggunakan buku nota semasa proses mempelajari kosa kata baharu merupakan teknik yang menjadi pilihan pelajar. Dengan menulis kosa kata tersebut, pelajar dengan mudah menyemak dan mengamalkannya dari semasa ke semasa. Pelajar boleh mencatat contoh ayat di dalam buku dan menggunakan kosa kata bagi membantu pemahaman. Tambahan pula, mempunyai buku nota boleh berfungsi sebagai alat bantu pembelajaran dan menggalakkan pelajar untuk terus bermotivasi semasa mempelajari bahasa Melayu. Selari dengan pendapat Schmitt dan Schmitt (1995) yang menjelaskan bahawa menulis di buku nota kosa kata boleh memberi panduan kepada pelajar berkaitan bahasa kedua yang dipelajari. Hal ini boleh membantu pelajar membuat hubungan antara kata-kata dan mengingatnya dengan lebih mudah.

Sementara itu, terdapat data yang tidak selari dengan kajian oleh Phaosan Jehwae (2016) yang menyarankan agar pelajar melakukan aktiviti mendengar lagu dan menggunakan teknologi seperti menonton filem untuk meningkatkan penguasaan bahasa. Aktiviti ini kurang mendapat perhatian daripada pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa item strategi mendengar lagu bahasa Melayu merupakan pilihan terakhir pelajar dalam strategi kognitif aspek pengukuhan kosa kata.

Dengan menggunakan strategi kognitif, pelajar boleh meningkatkan keupayaan untuk belajar, mengingat dan menggunakan kosa kata serta menyelesaikan masalah komunikasi. Nur Fadilah Abdul Basit et al. (2017) menjelaskan bahawa strategi kognitif boleh dianggap sebagai satu set alat yang digunakan untuk memahami maksud kosa kata dalam persekitaran pelajar. Oleh itu, penggunaan strategi kognitif boleh membawa kepada hasil yang lebih baik dalam penguasaan bahasa Melayu.

**Jadual 5.6: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi kognitif**

Bil.	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
37	Mengulang kaji semula pelajaran Bahasa Melayu sebelum bermulanya kelas.	4.00	0.83	Tinggi
38	Menyimpan buku nota untuk menyenaraikan kosa kata baharu dan contoh yang sesuai.	3.97	0.85	Tinggi
39	Mengulangi secara lisan kosa kata baharu untuk mempelajarinya semula.	3.97	0.89	Tinggi
40	Mengaitkan kosa kata baharu dengan objek fizikal.	3.73	0.94	Tinggi
41	Melatih kosa kata baharu secara lisan dengan senarai kosa kata.	3.73	0.94	Tinggi
42	Mengguna kosa kata baharu dengan menulisnya berulang kali dalam ayat.	3.73	1.02	Tinggi
43	Menulis kosa kata baharu dengan makna pada kad imbas untuk mempelajarinya.	3.27	1.05	Sederhana
44	Merakam bunyi kosa kata baharu dari filem atau drama yang menggunakan bahasa Melayu.	3.23	1.28	Sederhana
45	Mendengar lagu bahasa Melayu untuk mempelajari kosa kata baharu bahasa Melayu.	3.00	1.11	Sederhana
<b>Min</b>		<b>3.63</b>	<b>0.99</b>	<b>Sederhana</b>

#### 5.4.4 Strategi Metakognitif

Strategi metakognitif merupakan strategi yang digunakan oleh pelajar antarabangsa untuk memantau secara sendiri proses pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Strategi metakognitif ialah kemampuan pelajar untuk merancang, memantau dan menilai strategi pembelajaran agar menjadi lebih berkesan selain mengenal pasti kekuatan dan kelemahan hasil pembelajaran yang diamalkan. Berikut merupakan analisis strategi pembelajaran kosa kata bagi kategori metakognitif.

Data dalam jadual 5.7 memaparkan item strategi metakognitif yang merangkumi nilai min, nilai sisihan piawai dan tahap interpretasi penggunaan strategi oleh pelajar antarabangsa. Dapat diperhatikan bahawa terdapat hanya satu daripada sembilan item yang memperoleh tahap interpretasi yang tinggi, iaitu *'mempelajari kosa kata baharu dengan menghubungkan kosa kata yang telah dipelajari'* dengan nilai  $M = 3.80$  dan  $SP = 0.85$ .

Seterusnya baki lapan item lagi merupakan penggunaan tahap interpretasi sederhana. Antara item yang mempunyai nilai min yang sederhana ialah item *'mengkaji kosa kata baharu daripada iklan, papan tanda dan notis bertulis'* dengan nilai  $M = 3.63$  dan  $SP = 1.03$ , item *'meluaskan pengetahuan kosa kata dengan melakukan latihan tambahan daripada pelbagai sumber seperti artikel, teks, Internet dan sebagainya'* dengan nilai  $M = 3.57$  dan  $SP = 0.90$ , item *'mempelajari kosa kata baharu dengan menonton filem atau drama dengan sari kata bahasa Melayu'* yang memperoleh nilai  $M = 3.43$  dan  $SP = 0.94$ , item *'membuat latihan dalam talian untuk menguji pengetahuan kosa kata baharu yang telah dipelajari'* dengan nilai  $M = 3.43$  dan  $SP = 1.07$ .

Selain itu, item *'menguji pengetahuan kosa kata baharu dengan senarai kad imbas sebelum memulakan pelajaran seterusnya'* yang memperoleh nilai  $M = 3.33$  dan

SP = 0.99, item '*mempelajari kosa kata baharu dengan membaca artikel daripada beberapa sumber seperti majalah, surat khabar, iklan bercetak dan sebagainya*' memperoleh nilai M = 3.33 dan nilai SP = 1.12, dan item '*mempelajari kosa kata baharu dengan mendengar program radio bahasa Melayu*' yang memperoleh nilai M = 3.23 dan SP = 1.04 dan yang terakhir ialah '*meluaskan pengetahuan kosa kata baharu dengan mendengar lagu bahasa Melayu*' yang memperoleh nilai M = 3.03 dan nilai SP = 1.10.

Rumusannya, dapatan analisis dalam jadual 5.7 menunjukkan bahawa, subjek kajian berusaha untuk menghubungkan setiap kosa kata yang baru dipelajari dengan pengetahuan kosa kata sedia ada hasil daripada pembelajaran. Pelajar mempelajari kosa kata dan membuat perkaitan dengan kosa kata yang telah dimiliki. Teknik ini boleh dikenali sebagai pemetaan semantik dengan melibatkan visual kosa kata antara satu sama lain (Udaya, 2022). Dengan menghubungkan kosa kata, pelajar mudah mengekalkan dan mengingat kosa kata sama ada berbentuk sinonim atau antonim. Hal ini penting bagi menggabungkan proses pemikiran yang boleh meningkatkan refleksi pembelajaran pelajar (Anderson, 1992).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa proses pengukuhan strategi pembelajaran kosa kata yang diamalkan adalah dengan membaca iklan, papan tanda dan notis yang terdapat di sekeliling pelajar. Dengan memberi perhatian secara langsung kepada teks iklan, pelajar mempelajari kosa kata daripada sumber yang asli. Selain itu, notis, iklan dan papan tanda ialah contoh penggunaan kosa kata secara langsung yang membolehkan pelajar memberi perhatian dengan melibatkan pembacaan secara aktif. Tindakan susulan dengan menulis kembali kosa kata boleh membantu pelajar mengingat kembali hasil pembacaan daripada iklan dan papan tanda. Selain itu, dengan menyusun kosa kata mengikut topik dan konteks, pelajar boleh membina senarai kosa kata dengan cara yang lebih sistematik dan teratur. Sebagai contoh senarai kosa kata yang berkaitan

pengangkutan, makanan, kesihatan, telekomunikasi dan sebagainya adalah kosa kata yang sering dituturkan dalam perbualan harian. Dapatan ini selari dengan pendapat Cenoz dan Gorter (2008) yang menyatakan bahawa hasil pengalaman langsung seperti mempelajari kosa kata daripada item yang berada di sekeliling penutur boleh memberi pemahaman yang lebih tepat tentang cara penggunaan kosa kata.

Penggunaan lebih daripada satu proses metakognitif boleh berlaku pada satu – satu masa semasa proses pembelajaran. Pelbagai strategi merupakan komponen penting yang boleh memberikan peluang kepada pelajar untuk berfikir dengan menggabungkan item – item yang lain. Kesedaran pelajar tentang proses pembelajaran bahasa Melayu membantu mengatur, menghafal dan memahami kosa kata dengan lebih berkesan. Bantuan memori, penetapan matlamat, perancangan, pemantauan dan penilaian ialah strategi metakognitif yang boleh digunakan oleh pelajar antarabangsa untuk meningkatkan pembelajaran kosa kata bahasa Melayu.

**Jadual 5.7: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi strategi metakognitif**

Bil.	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
46	Mempelajari kosa kata baharu dengan menghubungkan kosa kata yang telah dipelajari.	3.80	0.85	Tinggi
47	Mengkaji kosa kata baharu daripada iklan, papan tanda dan notis bertulis.	3.63	1.03	Sederhana
48	Meluaskan pengetahuan kosa kata baharu dengan melakukan latihan tambahan dari pelbagai sumber seperti artikel, teks, Internet dan sebagainya.	3.57	0.90	Sederhana
49	Mempelajari kosa kata baharu dengan menonton filem atau drama dengan sari kata bahasa Melayu.	3.43	0.94	Sederhana

Bil.	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
50	Membuat latihan dalam talian untuk menguji pengetahuan kosa kata baharu yang telah dipelajari.	3.43	1.07	Sederhana
51	Menguji pengetahuan kosa kata baharu dengan senarai kad imbas sebelum memulakan pelajaran seterusnya.	3.33	0.99	Sederhana
52	Mempelajari kosa kata baharu dengan membaca artikel daripada beberapa sumber seperti majalah, surat khabar, iklan bercetak dan sebagainya.	3.33	1.12	Sederhana
53	Mempelajari kosa kata baharu dengan mendengar program radio berbahasa Melayu.	3.23	1.04	Sederhana
54	Meluaskan pengetahuan kosa kata baharu dengan mendengar lagu bahasa Melayu.	3.03	1.10	Sederhana
<b>Min</b>		<b>3.42</b>	<b>1.00</b>	<b>Sederhana</b>

#### 5.4.5 Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata

Penggunaan strategi pembelajaran kosa kata dapat membantu pelajar antarabangsa memperoleh dan mengukuhkan kosa kata selain meningkatkan kecekapan bahasa Melayu secara keseluruhan. Dalam kajian ini terdapat enam kategori strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu yang merangkumi 54 item. Strategi tersebut ialah strategi penentuan, strategi sosial (penemuan), strategi memori, strategi sosial (pengukuhan), strategi kognitif dan yang terakhir ialah strategi metakognitif.

Jadual 5.8 menunjukkan analisis frekuensi skor min secara keseluruhan bagi penggunaan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Seperti yang dapat dilihat daripada jadual, keseluruhan skor min strategi pembelajaran ialah  $M = 3.59$  dan  $SP = 1.05$ . Hal ini bermaksud, tahap penggunaan strategi pembelajaran kosa kata pelajar antarabangsa berada pada tahap sederhana.



Dapatan analisis mendapati bahawa strategi memori menunjukkan tahap penggunaan yang tinggi dengan memperoleh nilai  $M = 3.76$  dan  $SP = 0.99$ . Selain itu, lima lagi strategi yang lain berada pada tahap penggunaan yang sederhana. Lima strategi yang memperoleh tahap penggunaan sederhana selepas strategi memori ialah strategi kognitif dengan nilai  $M = 3.63$  dan  $SP = 0.99$ , diikuti oleh strategi sosial (pengukuhan) dengan nilai  $M = 3.62$  dan  $SP = 1.10$ . Seterusnya diikuti oleh strategi sosial (penemuan) dengan memperoleh nilai  $M = 3.61$  dan  $SP = 1.08$ . Strategi penentuan menunjukkan nilai  $M = 3.50$  dan  $SP = 1.12$ . Strategi yang terakhir berdasarkan nilai min yang paling rendah ialah strategi metakognitif yang memperoleh nilai  $M = 3.42$  dan  $SP = 1.00$ . Tidak ada strategi yang berada pada tahap penggunaan yang rendah, iaitu antara nilai min 1.00 hingga 2.33.

**Jadual 5.8: Statistik penggunaan strategi pembelajaran kosa kata**

Bil.	Strategi	Subjek Kajian, (N=30)		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Memori	3.76	0.99	Tinggi
2	Kognitif	3.63	0.99	Sederhana
3	Sosial (pengukuhan)	3.62	1.10	Sederhana
4	Sosial (penemuan)	3.61	1.08	Sederhana
5	Penentuan	3.50	1.12	Sederhana
6	Metakognitif	3.42	1.00	Sederhana
<b>Jumlah</b>		<b>3.59</b>	<b>1.05</b>	<b>Sederhana</b>

Strategi pembelajaran kosa kata adalah tumpuan utama dalam pemerolehan bahasa yang membawa kepada pembelajaran bahasa Melayu. Strategi ini melibatkan teknik yang digunakan oleh pelajar untuk memperoleh dan mengekalkan kosa kata baharu. Kosa kata adalah aspek penting dalam pembelajaran bahasa kedua termasuklah bahasa Melayu. Penggunaan strategi pembelajaran kosa kata telah terbukti berkesan

dalam meningkatkan saiz kosa kata bahasa Melayu seperti senarai kosa kata, penggunaan kamus dan mengulang kaji pelajaran. Pelajar yang menggunakan strategi ini mempunyai kosa kata yang lebih besar dan pemahaman yang lebih baik mengenai tatabahasa dan sintaksis. Di samping itu, pelajar boleh berkomunikasi dengan lebih berkesan dan mempunyai kemahiran membaca dan menulis yang lebih baik. Menurut Asgari Ghazali (2012) terdapat banyak strategi yang diamalkan oleh pelajar kerana setiap strategi boleh memberi kesan kepada hasil pembelajaran dan pengetahuan untuk berkomunikasi sama ada jangka masa pendek atau jangka masa panjang.

Berdasarkan kepada hasil kajian yang dijalankan, dapat diperhatikan bahawa pembelajaran kosa kata boleh dipelbagaikan bergantung kepada keadaan dan situasi pelajar. Setiap pelajar mempunyai kesedaran tentang kepentingan strategi pembelajaran kosa kata untuk menguasai bahasa Melayu yang baik. Dapat dianalisis juga, daripada kategori penemuan dan kategori pengukuhan strategi pembelajaran kosa kata, tahap penggunaan strategi penemuan hanya berada pada tahap sederhana sahaja. Berbanding kategori pengukuhan yang memperoleh tahap interpretasi yang tinggi, iaitu pada strategi memori. Hal ini menunjukkan bahawa, pelajar banyak menggunakan strategi daripada kategori pengukuhan untuk memantapkan kosa kata bahasa Melayu yang dipelajari. Strategi pembelajaran memberi kesan yang signifikan terhadap penguasaan bahasa secara keseluruhan. Oleh itu, strategi pembelajaran kosa kata memainkan peranan penting dalam membangunkan kemahiran dan penguasaan bahasa Melayu.

#### **5.4.6 Penggunaan Strategi yang Tinggi Diamalkan**

Penggunaan strategi pembelajaran kosa kata yang tinggi boleh memberi kesan positif kepada pengetahuan kosa kata pelajar dan seterusnya penguasaan bahasa Melayu. Dengan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran kosa kata, pelajar dapat mengembangkan pendekatan yang lebih aktif dan reflektif terhadap pembelajaran bahasa

Melayu yang membawa kepada kemahiran bahasa yang lebih baik. Hasil analisis borang soal selidik dalam jadual 5.9 mendapati, terdapat empat item strategi pembelajaran kosa kata memperoleh skor min paling tinggi, iaitu strategi sosial, strategi kognitif, strategi penentuan dan strategi memori. Kesemua item tersebut memperoleh skor min antara 4.00 hingga 4.13 dan nilai sisihan piawai antara 0.95 hingga 1.15.

Dapatan kajian menjelaskan penggunaan item strategi pembelajaran kosa kata yang paling tinggi diamalkan oleh pelajar antarabangsa. Item strategi yang pertama ialah dengan '*mencari maklumat tambahan berkaitan bahasa Melayu di Internet untuk mempelajari bahasa Melayu*' dengan memperoleh skor  $M = 4.13$  dan  $SP = 1.04$ . Item ini berada di bawah strategi sosial (pengukuhan). Hal ini menjelaskan bahawa Internet menyediakan banyak sumber untuk pelajar antarabangsa mempelajari bahasa Melayu, di samping mengembangkan bahasa yang dipelajari seperti penggunaan kad imbas secara dalam talian. Selain itu, pembelajaran secara dalam talian menyediakan ruang untuk pelajar berhubung secara langsung dengan penutur natif yang membolehkan perbualan dan komunikasi dalam persekitaran yang lebih cepat. Terdapat laman sesawang yang menyediakan aktiviti dan latihan interaktif yang membantu pelajar membina kemahiran kosa kata, tatabahasa dan kefahaman seperti *Duolingo*. Laman sesawang ini boleh diakses secara percuma dengan menggunakan telefon pintar atau komputer riba.

Internet menawarkan banyak sumber untuk membantu pelajar membina kosa kata bahasa Melayu. Daripada aplikasi kad imbas ke program pertukaran bahasa, terdapat banyak cara yang boleh diamalkan untuk menambah bilangan kosa kata. Hema Rosheny Mustafa et al. (2012) menjelaskan bahawa penggunaan komputer atau Internet semasa pembelajaran bahasa akan memberi kesan yang mendalam terhadap pemahaman kerana kaedah pembelajaran yang berbeza. Juwairiah Osman et al. (2020) pula mengatakan bahawa pengguna aplikasi boleh memberi kesan potensi perkembangan kemahiran

berbahasa kepada pelajar terhadap bahasa Melayu. Maka kajian ini selaras dengan hasil kajian-kajian yang lepas dengan mengatakan bahawa penggunaan Internet dengan sebaik mungkin boleh membantu penguasaan kosa kata pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu.

Berdasarkan penggunaan strategi pembelajaran yang tinggi oleh pelajar antarabangsa, strategi kognitif menyumbang item strategi yang kedua, iaitu dengan *'mengulang kaji pelajaran sebelum bermulanya kelas bahasa Melayu'*. Nilai min bagi strategi ini ialah  $M = 4.00$  dan  $SP = 0.83$ . Sebagai seorang pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, adalah penting untuk mengkaji semula pelajaran sebelum bermulanya kelas. Hal ini kerana, ulang kaji yang dilakukan dapat membantu pelajar memahami konteks kosa kata dan memudahkan komunikasi dengan lebih baik bersama rakan sekelas dan guru. Selain itu, kelebihan mengulang kaji pelajaran dapat membantu pelajar mengenal pasti kosa kata yang tidak diketahui. Dengan mengenal pasti kosa kata ini, pelajar boleh bersedia dan meningkatkan pemahaman tentang pelajaran bahasa Melayu dan bertanya kepada guru untuk kelas yang berikutnya.

Sementara itu, dengan mengulang kaji pelajaran sebelum bermulanya kelas, strategi ini dapat membantu pelajar untuk menjadi lebih yakin. Pelajar boleh mengambil bahagian dengan lebih aktif di dalam kelas, bertanya soalan dan menyatakan idea dengan lebih jelas. Pelajar boleh mengingat kembali kosa kata yang telah dipelajari dan menggunakannya kembali untuk sesi pengajaran yang akan datang. Menurut Komachali dan Khodareza (2012) faktor mengingat kembali pembelajaran yang lepas boleh mengukuhkan daya ingatan pelajar. Terdapat cara yang boleh diamalkan semasa mengulang kaji pelajaran, iaitu dengan menggunakan kad imbas atau membaca senarai kosa kata sebelum bermulanya kelas bahasa Melayu. Kad imbas bukan sahaja boleh

berfungsi sebagai pendedahan awal pembelajaran kosa kata tetapi, boleh juga bertindak sebagai bahan ulang kaji pelajaran sebelum memulakan pelajaran yang berikutnya.

Kaedah menulis kosa kata secara berulang kali dapat menyumbang kepada pemahaman pelajar hasil daripada strategi yang diamalkan oleh pelajar untuk lebih memahami topik yang telah dipelajari di dalam kelas. Strategi ini menepati pendapat yang dikemukakan oleh Han dan Chen (2010) yang menyatakan bahawa pelajar lebih mengenali kosa kata yang dipelajari berdasarkan ulangan latihan cara sebutan dan latihan penulisan sama ada dilakukan sebelum atau selepas kelas pembelajaran.

Selain itu, di bawah strategi memori, terdapat item '*mengaitkan gambar untuk mendapatkan makna*' dengan memperoleh nilai min  $M = 4.00$  dan  $SP = 0.95$ . Item ini menyumbang satu daripada item yang tinggi diamalkan oleh pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu. Analisis menjelaskan bahawa, menggunakan gambar untuk menyampaikan makna pembelajaran kosa kata baharu boleh menjadi cara yang berkesan untuk meningkatkan pemahaman dan pengekalan maklumat. Rangsangan daripada minda untuk memproses maklumat secara visual akan menjadi lebih mudah berbanding teks. Gambar dapat menyampaikan idea dengan cepat dan berkesan. Di samping itu, gambar boleh digunakan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif serta dapat membantu meningkatkan motivasi dan minat dalam pembelajaran bahasa. Dengan menggunakan gambar yang relevan, boleh menarik minat dan pengalaman visual pelajar. Guru boleh mencipta kaedah pengajaran yang lebih holistik dengan menggalakkan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran.

Selain itu, permainan bergambar boleh dilakukan bersama rakan sekelas untuk menguji kosa kata yang telah dipelajari seperti perbandingan saiz besar dan kecil serta panjang atau pendek. Pelajar boleh melihat gambar yang boleh meneka makna kosa kata.

Maritha dan Dakhi (2017) menjelaskan bahawa pemahaman pelajar akan semakin meningkat kerana terdapat bantuan visual dan gambar yang digunakan semasa pembelajaran di dalam kelas. Perkara ini juga dijelaskan oleh M. Syaeful Rizki et al. (2013) yang menyatakan bahawa penggunaan gambar semasa mempelajari bahasa kedua boleh meningkatkan pencapaian, motivasi dan keyakinan pelajar. Penggunaan gambar memberi gambaran yang jelas berkaitan bentuk, warna dan saiz serta boleh menyelesaikan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar. Proses pembelajaran menjadi menarik, kreatif dan mudah difahami.

Strategi pembelajaran diteruskan lagi dengan pilihan item yang keempat daripada strategi penentuan, iaitu '*penggunaan kamus dwibahasa bahasa Inggeris – bahasa Melayu untuk mencari kosa kata baharu*' dengan nilai min  $M = 4.00$  dan  $SP = 1.15$ . Menggunakan kamus adalah strategi yang biasa dilakukan oleh pelajar yang mempelajari bahasa kedua. Kamus ialah bahan yang menyediakan definisi, sebutan dan maklumat lain yang berkaitan dengan kosa kata. Kamus boleh didapati secara meluas dalam format cetakan dan digital. Pelajar menemui kosa kata yang tidak diketahui semasa membaca atau mendengar, oleh itu pelajar boleh mencari definisi di dalam kamus untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang kosa kata tersebut. Hal ini membolehkan pelajar memahami teks atau perbualan dengan lebih baik.

Kamus boleh membantu pelajar mempelajari kosa kata baharu dengan cara yang sistematik. Kebanyakan kamus telah menyusun kosa kata mengikut abjad dan memudahkan pelajar mencari kosa kata yang diperlukan. Tambahan pula, terdapat kamus yang memberikan kosa kata dalam bentuk sinonim dan antonim yang membantu pelajar mengembangkan kosa kata. Kamus boleh membantu pelajar meningkatkan sebutan. Banyak kamus menyediakan cara sebutan kosa kata dengan menggunakan kaedah fonik yang boleh membantu pelajar cara menyebut kosa kata dengan betul. Ini amat penting

bagi pelajar yang belajar bahasa Melayu kerana sebutan adalah aspek penting dalam pembelajaran bahasa.

Selain itu, dengan menggunakan kamus, pelajar boleh belajar kosa kata baharu dengan sendiri tanpa bantuan langsung daripada guru. Hal ini dapat membantu pelajar membina keyakinan terhadap kebolehan pembelajaran bahasa dan menjadikan pelajar lebih bermotivasi dan berdikari. Menurut Takahashi (2012) keberkesanan penggunaan kamus bergantung kepada tujuan penggunaan yang diamalkan oleh pelajar sama ada untuk mencari maksud bahasa kedua atau mencari maksud penggunaan kosa kata tersebut. Hadar dan Laufer (1997) menyatakan bahawa penggunaan kamus dwibahasa merupakan pilihan yang paling sesuai kepada semua pelajar sama ada kamus berbentuk dwibahasa. Oleh yang demikian, penggunaan kamus yang konsisten boleh memberi pemahaman makna kosa kata yang tidak diketahui oleh pelajar.

Rumusannya, penggunaan strategi seperti mencari maklumat daripada Internet, mengulang kaji pelajaran, menggunakan gambar dan penggunaan kamus merupakan strategi pembelajaran yang menjadi pilihan pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu. Item-item ini bermanfaat untuk pelajar antarabangsa yang belajar kosa kata bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dengan meluangkan masa melakukan aktiviti-aktiviti seperti yang diterangkan, pelajar dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran dan mencapai kejayaan dalam penguasaan bahasa Melayu.

**Jadual 5.9: Item strategi yang tinggi diamalkan**

Bil.	Strategi	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
			Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Sosial (pengukuhan)	Mencari maklumat tambahan bahasa Melayu di Internet untuk tujuan mempelajari kosa kata baharu.	4.13	1.04	Tinggi
2	Kognitif	Mengulang kaji pelajaran sebelum bermulanya kelas bahasa Melayu.	4.00	0.83	Tinggi
3	Memori	Menghubung kait gambar dengan makna kosa kata baharu.	4.00	0.95	Tinggi
4	Penentuan	Menggunakan kamus bahasa Inggeris - bahasa Melayu untuk mencari makna kosa kata baharu.	4.00	1.15	Tinggi

#### **5.4.7 Penggunaan Strategi yang Kurang Diamalkan**

Pembelajaran kosa kata ialah komponen penting dalam pemerolehan bahasa dan penggunaan strategi pembelajaran kosa kata dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar antarabangsa menunjukkan penggunaan strategi pembelajaran kosa kata yang kurang diamalkan. Perkara ini menghalang keupayaan pelajar untuk memperoleh kosa kata baharu dan menghalang kemajuan pembelajaran bahasa Melayu.

Jadual 5.10 memaparkan item strategi yang kurang diamalkan oleh pelajar antarabangsa untuk mempelajari kosa kata bahasa Melayu. Berdasarkan keseluruhan strategi yang kurang diamalkan, tidak ada kategori yang berada pada tahap interpretasi rendah, iaitu nilai min antara 1.00 hingga 2.33. Kesemua tujuh item menunjukkan tahap interpretasi antara 3.00 hingga 3.40, iaitu berada pada tahap sederhana. Dari segi analisis



strategi pula, strategi penentuan, strategi metakognitif dan strategi kognitif merupakan antara strategi yang paling kurang diamalkan dengan mewakili dua item dan diikuti oleh strategi sosial (penemuan) dengan mewakili satu item. Empat jenis strategi ini kurang diamalkan kerana memperoleh nilai min yang rendah dan kurang mendapat pilihan item semasa mempelajari bahasa Melayu.

Dapat diperhatikan bahawa, subjek kajian kurang mengamalkan item '*mendengar lagu bahasa Melayu untuk mempelajari kosa kata baharu*' dan ini dibuktikan kerana memperoleh nilai  $M = 3.00$  dan  $SP = 1.11$ . Item ini berada dalam kategori strategi kognitif. Seterusnya item strategi yang kedua rendah ialah dengan '*meluaskan pengetahuan kosa kata dengan mendengar lagu bahasa Melayu*'. Item strategi ini memperoleh nilai  $M = 3.03$  dan  $SP = 1.10$ . Item strategi ini merujuk kepada satu daripada item strategi metakognitif. Walaupun kedua-dua item strategi ini merupakan item skor min yang paling rendah, namun berdasarkan kepada tahap interpretasi, item ini berada pada tahap yang sederhana.

Dapat dijelaskan bahawa mendengar lagu boleh menjadi alat strategi yang membantu pelajar mengingat kosa kata baharu. Pelajar boleh belajar kosa kata dengan mendengar lirik dan memahami makna kosa kata. Tumpuan yang kerap terhadap lirik lagu dengan menyanyikannya secara berulang kali akan menyebabkan pelajar mudah mengingat kosa kata dan boleh menggunakannya dalam perbualan harian. Lagu menawarkan cara yang menyeronokkan dan menarik untuk mempelajari kosa kata dan ungkapan baharu.

Selain itu, mendengar lagu juga boleh membantu pelajar meningkatkan kemahiran mendengar dan pemahaman kerana pelajar cuba memahami lirik lagu. Batluk (2015) menjelaskan bahawa terdapat manfaat daripada aktiviti mendengar lagu kerana

boleh meningkatkan kemahiran mendengar pelajar terutama berkaitan kosa kata yang jarang didengari. Walaupun kajian tersebut ada kebenarannya, namun begitu dalam kajian ini, pelajar antarabangsa di Universiti Malaya kurang mengamalkan aktiviti ini untuk menguasai bahasa Melayu kerana memperoleh skor min yang rendah. Secara umumnya, menggunakan lagu sebagai alat untuk pembelajaran kosa kata boleh menjadi cara yang menyeronokkan dan berkesan untuk pelajar mengembangkan kemahiran bahasa Melayu.

Selain daripada kurang mendengar lagu, subjek kajian juga kurang mengamalkan item pembelajaran seperti '*mempelajari kosa kata baharu dengan menggunakan kad imbas bersama rakan*'. Item strategi sosial (penemuan) tersebut berada pada tahap penggunaan yang sederhana dengan memperoleh nilai  $M = 3.10$  dan  $SP = 1.24$ . Pelajar antarabangsa boleh menggunakan kad imbas bersama rakan sekelas atau dengan penutur natif bahasa Melayu untuk mempelajari bahasa Melayu. Kad imbas boleh dilakukan dengan menggunakan aplikasi atau membuatnya dengan cara konvensional, iaitu menulis di atas kertas. Pelajar boleh bergilir-gilir membaca kosa kata yang ditulis di atas kad imbas. Selain itu, pelajar boleh membuat kategori atau tema berdasarkan kosa kata yang dipelajari seperti kategori makanan, minuman, sukan, kata sapaan dan sebagainya. Penggunaan kad imbas memerlukan penglibatan aktif pelajar tanpa mengira masa dan tempat. Hal ini boleh membantu penemuan dan pengekalan kosa kata. Dengan menggunakan strategi ini, pelajar dapat meningkatkan kosa kata dan kemahiran bahasa secara interaktif. Komachali dan Khodareza (2012) menjelaskan bahawa pengguna kad imbas menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam pelajaran dan menambah bilangan kosa kata.

Seterusnya, item daripada strategi penentuan ialah dengan *'meneka makna daripada struktur tatabahasa ayat untuk mencari makna kosa kata baharu'* yang memperoleh nilai  $M = 3.13$  dan  $SP = 1.04$  dan item *'meneka makna dari ciri seperti tekanan, intonasi, pengucapan untuk mengetahui makna kosa kata baharu'* pula memperoleh nilai  $M = 3.20$  dan  $SP = 1.19$ . Kedua-dua item ini menjelaskan bahawa pelajar boleh mempelajari kosa kata baharu daripada bentuk tatabahasa.

Dengan menganalisis konteks bahagian ucapan dan ayat yang diujarkan, pelajar boleh membuat tekaan maksud yang hendak disampaikan. Walaupun pelajar tidak memahami keseluruhan kosa kata yang terdapat dalam ayat, namun dengan meneka beberapa kosa kata, pelajar boleh meneka maksud ayat tersebut. Walau bagaimanapun, strategi ini mempunyai risiko kerana boleh berlakunya salah tafsir dan salah faham kerana hanya mengambil sebahagian kosa kata daripada keseluruhan konteks ayat yang didengari.

Tekanan atau intonasi dalam nada yang digunakan dalam ucapan boleh menyampaikan emosi, sikap dan jenis ayat. Corak intonasi boleh berbeza untuk pernyataan, soalan, arahan atau seruan dan boleh menunjukkan penekanan makna semasa bertutur (Shumin, 2002). Sebagai contoh, intonasi yang semakin meningkat pada akhir ayat sering menunjukkan soalan. Oleh itu, pelajar bahasa antarabangsa boleh menggunakan intonasi untuk meneka makna kosa kata baharu. Naeem Afzal (2019) menjelaskan bahawa, terdapat bahasa yang mempunyai corak intonasi dan sebutan yang sama dengan bahasa pertama pelajar. Perkara ini boleh membantu pelajar membezakan antara kosa kata yang sama dan memahami makna kosa kata yang baharu.

Terdapat item yang dianalisis berkait rapat dengan penggunaan media, elektronik dan teknologi sebagai medium pembelajaran bahasa Melayu. Namun dua item strategi tersebut kurang diamalkan oleh pelajar antarabangsa. Item tersebut ialah '*mempelajari kosa kata baharu dengan mendengar radio berbahasa Melayu*' yang memperoleh nilai  $M = 3.23$  dan  $SP = 1.04$  serta mempelajari kosa kata baharu dengan '*merakam bunyi kosa kata baharu daripada filem atau drama yang menggunakan bahasa Melayu*' yang memperoleh nilai  $M = 3.23$  dan  $SP = 1.28$ . Kedua-dua item ini merujuk kepada item daripada strategi metakognitif dan strategi kognitif.

Pelajar boleh mengakses pelbagai sumber multimedia termasuk video dan aplikasi pembelajaran bahasa interaktif yang mendedahkan bahasa Melayu dalam situasi kehidupan sebenar. Sumber-sumber ini juga boleh menyediakan pelajar dengan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik serta dapat membantu pelajar untuk terus memberi tumpuan kepada matlamat pembelajaran. Teknologi juga boleh memberi pelajar maklum balas mengenai kemahiran bahasa, membolehkan pelajar memantau kemajuan dan mengenal pasti bidang yang perlu diperbaiki. Media dan teknologi mempunyai potensi untuk merevolusikan pembelajaran bahasa asing, menjadikannya lebih mudah diakses, menarik, dan berkesan untuk pelajar di seluruh dunia.

Menurut Oyinloye dan Adeleye (2010) penggunaan media sebagai medium dalam proses pembelajaran bahasa boleh menjadi pelengkap kepada penguasaan bahasa. Media mempunyai ciri-ciri tertentu seperti visual, audio dan penjimatan masa yang membolehkan pelajar berinteraksi dari segi keupayaan kognitif yang mempengaruhi cara individu menyampaikan maklumat. Selain itu Londe (2009) menyarankan pengajaran menggunakan video boleh dilaksanakan dan digunakan secara meluas kerana pelajar akan lebih selesa terhadap bahan pengajaran berbentuk visual dan audio. Guru boleh memainkan peranan dengan melakukan perbincangan dan aktiviti bersama pelajar

dengan menggunakan teknologi dan multimedia sebagai medium semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam atau di luar waktu kelas.

Dapat disimpulkan bahawa, aktiviti mendengar lagu bahasa Melayu untuk mempelajari bahasa Melayu tidak mendapat perhatian daripada pelajar antarabangsa. Perkara yang sama juga berlaku dengan pembelajaran berasaskan teknologi sama ada mendengar radio dan menonton filem atau drama berbahasa Melayu. Seseorang pelajar mungkin lebih suka input visual atau pendengaran, sementara yang lain mungkin lebih suka pengalaman pembelajaran interaktif yang tidak menggunakan teknologi.

Perkara ini tidak selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Patahuddin et al. (2017) yang berpendapat bahawa mendengar lagu, menonton filem bahasa sasaran, membaca dan mendengar iklan di televisyen boleh meningkatkan pemerolehan kosa kata pelajar. Hal ini berlaku sebaliknya dalam kajian ini untuk pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu kerana item-item tersebut tidak diamalkan dengan sebaik mungkin. Justeru, guru boleh memainkan peranan dengan memberikan cadangan dan bimbingan kepada para pelajar untuk menggunakan strategi ini sebagai satu daripada cara mempelajari bahasa Melayu.

Satu daripada sebab utama penggunaan strategi pembelajaran kosa kata yang rendah adalah kurangnya kesedaran dalam diri pelajar. Ramai pelajar tidak menyedari pelbagai strategi pembelajaran kosa kata yang boleh digunakan untuk memperoleh kosa kata baharu. Akibatnya, pelajar bergantung kepada strategi yang selalu digunakan semasa mempelajari bahasa Melayu. Antara sebab lain yang menyebabkan strategi pembelajaran kosa kata kurang diamalkan oleh pelajar antarabangsa ialah pelajar tidak mempunyai pemahaman yang jelas tentang bagaimana strategi ini dapat memberi manfaat kepada pembelajaran bahasa Melayu. Pelajar antarabangsa perlu diberi peluang untuk berlatih

dan menggunakan kosa kata baharu. Oleh itu, guru perlu memainkan peranan dengan memberi panduan dan galakkan kepada pelajar terhadap strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu.

**Jadual 5.10: Item strategi yang kurang diamalkan**

Bil.	Strategi	Item	Subjek Kajian, (N=30)		
			Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Kognitif	Mendengar lagu bahasa Melayu untuk mempelajari kosa kata baharu	3.00	1.11	Sederhana
2	Metakognitif	Meluaskan pengetahuan kosa kata baharu dengan mendengar lagu bahasa Melayu.	3.03	1.10	Sederhana
3	Sosial (Penemuan)	Mempelajari kosa kata baharu dengan menggunakan kad imbas bersama rakan.	3.10	1.24	Sederhana
4	Penentuan	Meneka makna dari struktur tatabahasa ayat untuk mencari makna kosa kata baharu.	3.13	1.04	Sederhana
5	Penentuan	Meneka makna dari ciri seperti tekanan, intonasi, pengucapan, untuk mengetahui makna kosa kata baharu.	3.20	1.19	Sederhana
6	Metakognitif	Mempelajari kosa kata baharu dengan mendengar program radio berbahasa Melayu.	3.23	1.04	Sederhana
7	Kognitif	Merakam bunyi kosa kata baharu daripada filem atau drama yang menggunakan bahasa Melayu.	3.23	1.28	Sederhana

## 5.5 Frekuensi Tahap Penggunaan Strategi Subjek Kajian

Analisis berikutnya berkaitan frekuensi penggunaan strategi pembelajaran kosa kata subjek kajian semasa mempelajari bahasa Melayu di Universiti Malaya. Subjek kajian dikehendaki menanda skala yang terdapat dalam borang soal selidik dengan menandakan satu pilihan daripada skala sangat tidak setuju (1) hingga sangat setuju (5). Dengan menganalisis tahap frekuensi penggunaan strategi pembelajaran kosa kata yang berbeza, kajian ini dapat memahami strategi yang menjadi pilihan pelajar bagi memenuhi keperluan pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Berikut dinyatakan analisis penggunaan enam strategi pembelajaran kosa kata, iaitu strategi penentuan, strategi sosial (penemuan), strategi memori, strategi sosial (pengukuhan), strategi kognitif dan strategi metakognitif.

Jadual 5.11 merupakan data dan analisis bagi tahap penggunaan strategi berdasarkan kepada peratus dan frekuensi subjek kajian. Dapat diperhatikan bagi strategi penentuan, paling ramai penggunaan strategi yang berada pada tahap sederhana, iaitu 14 (46.67%) orang subjek kajian, dan yang paling sedikit ialah tiga (10.00%) orang subjek kajian berada pada tahap rendah. Seramai 13 (43.33%) orang subjek kajian berada pada tahap tinggi.

Seterusnya bagi strategi sosial (penemuan) pula, tiada subjek kajian berada pada tahap penggunaan yang rendah, iaitu kosong (0%) dan pada tahap sederhana dan tinggi menunjukkan frekuensi yang sama, iaitu seramai 15 (50.00%) orang subjek kajian. Bagi strategi memori, tahap penggunaan strategi yang tinggi mendominasi frekuensi dengan 21 (70.00%) orang subjek kajian daripada 30 orang subjek kajian. Baki sembilan daripadanya berada pada tahap sederhana, iaitu tujuh (23.33%) orang subjek kajian dan tahap rendah seramai dua (6.67%) orang subjek kajian.

Dapatan data untuk strategi sosial (pengukuhan) menunjukkan bahawa frekuensi bagi tahap penggunaan yang sederhana ialah seramai 13 (43.33%) orang subjek kajian. Tahap penggunaan strategi yang tinggi pula ialah seramai 11 (36.67%) orang subjek kajian dan tahap penggunaan yang rendah ialah enam (20.00%) orang subjek kajian. Selain itu bagi strategi kognitif, jumlah frekuensi yang sama bagi tahap penggunaan yang sederhana dan tinggi dengan seramai 14 (46.67%) orang subjek kajian dan baki dua (6.67%) orang subjek kajian untuk tahap penggunaan yang rendah.

Tahap penggunaan strategi pembelajaran kosa kata yang terakhir ialah strategi metakognitif. Data dalam jadual menunjukkan bahawa seramai 18 (60.00%) orang subjek kajian berada pada tahap sederhana. Hanya dua (6.67%) orang subjek kajian dan 10 (33.33%) orang subjek kajian berada pada tahap penggunaan yang rendah dan tinggi.

Analisis secara keseluruhan bagi frekuensi subjek kajian berdasarkan tahap penggunaan yang tinggi mengikut kategori strategi mendapati, ramai subjek kajian memilih strategi memori untuk mempelajari bahasa Melayu dengan keseluruhan frekuensi ialah 21 (70.00%) orang subjek kajian. Diikuti oleh strategi metakognitif seramai 18 (60.00%) orang subjek kajian, strategi sosial (penemuan) seramai 15 (50.00%) orang subjek kajian, strategi kognitif dan strategi penentuan dengan 14 (46.67%) orang subjek kajian dan yang terakhir ialah strategi sosial (pengukuhan) seramai 13 (43.33%) orang subjek kajian.

**Jadual 5.11: Frekuensi tahap penggunaan strategi**

Strategi	Tahap Penggunaan	Subjek Kajian	
		N=30	Peratus (%)
Penentuan	Rendah	3	10.00
	Sederhana	14	46.67
	Tinggi	13	43.33
	<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>



Strategi	Tahap Penggunaan	Subjek Kajian	
		N=30	Peratus (%)
Sosial (penemuan)	Rendah	0	0
	Sederhana	15	50.00
	Tinggi	15	50.00
	<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>
Memori	Rendah	2	6.67
	Sederhana	7	23.33
	Tinggi	21	70.00
	<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>
Sosial (pengukuhan)	Rendah	6	20.00
	Sederhana	13	43.33
	Tinggi	11	36.67
	<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>
Kognitif	Rendah	2	6.67
	Sederhana	14	46.67
	Tinggi	14	46.67
	<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>
Metakognitif	Rendah	2	6.67
	Sederhana	18	60.00
	Tinggi	10	33.33
	<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

## 5.6 Hubungan Korelasi Strategi Pembelajaran

Bahagian ini membincangkan hubungan korelasi berkaitan strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar yang membawa kepada penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Selain itu, data yang diperoleh menghuraikan sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan strategi pembelajaran kosa kata dengan penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

Jadual 5.12 menjelaskan data korelasi strategi penentuan dan strategi sosial yang berada dalam kategori penemuan. Dapat diperhatikan bahawa, strategi penentuan mempunyai tahap hubungan yang sederhana, iaitu nilai  $r = 0.601$  berbanding strategi sosial (penemuan), iaitu nilai  $r = 0.490$  yang berada pada hubungan yang lemah. Hal ini

menunjukkan bahawa, pemilihan dan penggunaan item strategi penentuan boleh memberikan pemahaman dan pencapaian yang lebih baik berbanding strategi sosial pada peringkat penemuan kosa kata bahasa Melayu.

Seterusnya dari segi nilai signifikan antara penguasaan kosa kata dengan strategi pembelajaran yang diamalkan menunjukkan bahawa, kedua-dua strategi ini mempunyai hubungan yang signifikan pada aras keertian 99.00 peratus apabila nilai  $p < 0.01$ . Data yang diperoleh menunjukkan nilai  $p = 0.000 (<0.01)$  yang merujuk kepada strategi penentuan, dan nilai  $p = 0.006 (<0.01)$  bagi strategi sosial (penemuan). Maka terdapat hubungan yang signifikan untuk kedua-dua strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu dengan penguasaan kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Perkara ini membuktikan bahawa semakin tinggi penggunaan strategi penentuan, semakin kuat hubungan penguasaan kosa kata pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu.

**Jadual 5.12: Hubungan antara strategi penemuan dengan penguasaan kosa kata**

Strategi Penemuan		Penguasaan Kosa Kata
Penentuan	Korelasi Pearson	0.601**
	Signifikan	0.000
	N	30
Sosial (penemuan)	Korelasi Pearson	0.490**
	Signifikan	0.006
	N	30

Nota: \*\* = Nilai korelasi signifikan pada tahap 0.01

Selain dua strategi pembelajaran kosa kata pada kategori penemuan, terdapat empat strategi pembelajaran kosa kata pada kategori pengukuhan. Strategi pembelajaran kosa kata bagi kategori pengukuhan ialah strategi memori, strategi sosial (pengukuhan), strategi kognitif dan strategi metakognitif. Berdasarkan empat strategi tersebut, strategi

sosial (pengukuhan) memperoleh nilai korelasi yang paling tinggi, iaitu nilai  $r = 0.669$  dan diikuti dengan strategi kognitif, iaitu nilai  $r = 0.659$ . Dua lagi strategi, iaitu strategi memori dan strategi metakognitif masing-masing dengan nilai korelasi  $r = 0.641$  dan nilai  $r = 0.542$ . Kesemua korelasi ini berada pada tahap sederhana terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

Selain itu, bagi menganalisis nilai signifikan pula, terdapat tiga strategi menunjukkan nilai  $p < 0.01$ , iaitu strategi memori, strategi sosial (pengukuhan) dan strategi kognitif dengan nilai  $p = 0.000$  ( $<0.01$ ). Strategi metakognitif memperoleh nilai  $p = 0.002$  ( $<0.01$ ). Kesemua strategi pembelajaran tersebut mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

**Jadual 5.13: Hubungan antara strategi pengukuhan dengan penguasaan kosa kata**

Strategi Pengukuhan		Penguasaan Kosa Kata
Memori	Korelasi Pearson	0.641**
	Signifikan	0.000
	N	30
Sosial (pengukuhan)	Korelasi Pearson	0.669**
	Signifikan	0.000
	N	30
Kognitif	Korelasi Pearson	0.659**
	Signifikan	0.000
	N	30
Metakognitif	Korelasi Pearson	0.542**
	Signifikan	0.002
	N	30

Nota: \*\* = Nilai korelasi signifikan pada tahap 0.01

Dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi penggunaan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu, maka semakin kuat hubungan penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar terutamanya strategi sosial (pengukuhan). Strategi sosial (pengukuhan) memperoleh nilai  $r = 0.669$ , lebih tinggi berbanding korelasi strategi pembelajaran kosa kata yang lain. Hal ini membuktikan bahawa semasa pelajar antarabangsa mempelajari bahasa Melayu, terdapat bantuan daripada pihak lain seperti rakan sekelas, guru atau penutur natif yang membantu pelajar mengukuhkan pemahaman kosa kata bahasa Melayu. Perkara ini berkaitan hubungan korelasi strategi sosial yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu.

Strategi sosial merujuk kepada cara-cara pelajar berinteraksi dengan orang lain untuk memudahkan pembelajaran bahasa Melayu. Dengan melibatkan diri dalam strategi sosial seperti bertanya soalan, mencari penjelasan dan makna, pelajar dapat meningkatkan pemahaman dan penggunaan kosa kata dalam konteks kehidupan sebenar. Di samping itu, strategi sosial juga membantu pelajar mengembangkan kemahiran komunikasi termasuk keupayaan untuk memulakan dan mengakhiri perbualan, menyatakan pendapat dan seterusnya menyesuaikan penggunaan bahasa Melayu kepada situasi sosial di sekeliling pelajar. Selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Dayang Sulfilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad (2017) dengan menyatakan bahawa faktor sosial seperti masyarakat setempat dapat membantu kepada hasil pencapaian pelajar semasa mempelajari bahasa kedua.

Selain strategi sosial, terdapat satu lagi strategi pembelajaran kosa kata yang memperoleh hubungan korelasi yang tinggi, iaitu strategi penentuan yang memperoleh nilai korelasi  $r = 0.601$ . Strategi penentuan dapat membantu pelajar terhadap penemuan kosa kata. Dengan menetapkan matlamat yang boleh dicapai untuk pemerolehan kosa kata bahasa Melayu, pelajar dapat membaca dan memahami kosa kata dan seterusnya

meningkatkan penguasaan bahasa Melayu. Strategi penentuan dapat membantu pelajar mengatasi cabaran dengan menggabungkan pelbagai strategi seperti penggunaan kad imbas, sumber rujukan dalam talian dan program pembelajaran bahasa untuk mengukuhkan dan mengamalkan kosa kata baharu.

Menurut Schmitt (1997) strategi penentuan adalah faktor penting dalam pemerolehan kosa kata yang membawa kepada kejayaan pelajar mempelajari kosa kata baharu yang memerlukan aktiviti pengulangan, ketekunan dan usaha. Terdapat halangan yang perlu dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari kosa kata baharu seperti kekurangan motivasi atau persekitaran pelajar. Pelajar perlu terus bertekad untuk mengikuti proses pembelajaran dan menyelesaikan permasalahan yang timbul.

Penggunaan item strategi pembelajaran kosa kata boleh memberikan kesan kepada pelajar antarabangsa untuk memproses maklumat yang dipelajari. Seterusnya maklumat tersebut boleh bertindak dalam masa jangka panjang. Selain itu, strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar boleh memberi kesan kepada hasil pembelajaran dan seterusnya meningkatkan penguasaan kosa kata ke tahap yang lebih tinggi. Justeru, semakin tinggi penggunaan strategi pembelajaran kosa kata pelajar antarabangsa, maka semakin baik penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Oleh itu, dengan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran kosa kata, pelajar boleh memperoleh kosa kata baharu dalam konteks yang berbeza dan seterusnya menguasai bahasa Melayu.

### **5.7 Hubungan Korelasi Strategi Pembelajaran dengan Penguasaan Kosa Kata**

Bahagian ini akan menerangkan hubungan korelasi antara strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu terhadap penguasaan kosa kata sama ada terdapat hubungan korelasi bersifat positif atau korelasi bersifat negatif antara pemboleh ubah. Terdapat dua pemboleh ubah, iaitu strategi pembelajaran dan penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

Sekiranya terdapat korelasi yang kuat atau bersifat positif, ini bermakna penggunaan strategi pembelajaran yang berkesan membawa kepada tahap penguasaan kosa kata yang lebih tinggi. Sebaliknya, korelasi yang lemah atau bersifat negatif menunjukkan bahawa strategi pembelajaran tidak berkesan dan menyebabkan penguasaan kosa kata yang rendah.

Jadual 5.14 menjelaskan perkara berkaitan hubungan pemboleh ubah antara penguasaan kosa kata dan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Hasil analisis mendapati strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar mempunyai hubungan korelasi yang kuat, iaitu berada pada nilai  $r = 0.889$  dan bersignifikan  $p = 0.000$  ( $<0.01$ ). Perkara ini membuktikan bahawa nilai kebarangkalian yang diperoleh kurang daripada nilai alfa yang ditentukan, iaitu  $0.05$ . Maka terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu terhadap kosa kata yang dimiliki oleh subjek kajian.

**Jadual 5.14: Korelasi keseluruhan strategi pembelajaran dengan penguasaan kosa kata**

Hubungan antara pemboleh ubah	N	r	Signifikan
Keseluruhan strategi pembelajaran kosa kata – Penguasaan kosa kata	30	0.889**	0.000

Nota: \*\* = Nilai korelasi signifikan pada tahap 0.01

Seterusnya ujian analisis varian berkaitan strategi pembelajaran kosa kata dilakukan bagi menghasilkan peramal bagi menguji signifikan pemboleh ubah berkaitan saiz kosa kata bahasa Melayu. Hasil analisis dalam jadual 5.15 menunjukkan bahawa, nilai  $F = 105.248$  dan nilai signifikan  $p = 0.000$ . Oleh kerana nilai yang diperoleh ialah  $p = 0.000$  ( $<0.05$ ), maka peramal berjaya menjelaskan bahawa strategi pembelajaran boleh memainkan peranan kepada penambahan saiz kosa kata pelajar.

**Jadual 5.15: Analisis varian strategi pembelajaran**

<b>Model</b>	<b>Jumlah Kuasa Dua</b>	<b>dk</b>	<b>Min Kuasa Dua</b>	<b>F</b>	<b>Signifikan</b>
Regresi	239.066	1	239.066	105.248	0.000 <sup>b</sup>
Residual	63.601	28	2.271		
Jumlah	302.667	29			

a. Pemboleh ubah bersandar: Saiz kosa kata

b. Peramal: (Konstant): Strategi pembelajaran

Rumusannya, penemuan kajian ini boleh memberi implikasi yang signifikan terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Dengan mengenal pasti strategi pembelajaran kosa kata yang berkesan, pelajar bahasa boleh menyesuaikan strategi pembelajaran untuk memenuhi keperluan pelajar meningkatkan kecekapan bahasa Melayu. Di samping itu, dengan memahami hubungan antara strategi pembelajaran dan penguasaan kosa kata, guru dapat mengembangkan pendekatan pengajaran yang lebih berkesan, seterusnya dapat menghasilkan pengajaran yang lebih baik untuk pelajar. Akhirnya, kajian ini dapat menyumbang kepada peningkatan pendidikan bahasa Melayu dan penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaya.

## **5.8 Kesimpulan**

Secara ringkasnya, pada bahagian ini telah menjelaskan dan menghuraikan satu daripada proses Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994), iaitu strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar. Proses pada bahagian telah menggunakan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Schmitt (1997) dengan memperlihatkan hubungan antara setiap strategi dengan penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Setiap item strategi yang diamalkan oleh pelajar boleh memberi kesan kepada peningkatan saiz kosa kata dan seterusnya mampu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu pelajar.

Dapat disimpulkan juga, pelajar lebih menggunakan strategi memori semasa mempelajari bahasa Melayu. Walaupun strategi memori merupakan pilihan utama pelajar, namun berdasarkan hubungan korelasi yang diuji, terdapat juga strategi lain yang membantu kepada penguasaan kosa kata bahasa Melayu seperti strategi sosial. Item-item strategi pembelajaran tersebut sebenarnya boleh meningkatkan lagi tahap penguasaan kosa kata sekiranya digunakan dengan sebaik mungkin. Selain itu, analisis berkaitan hubungan antara strategi pembelajaran dengan penguasaan kosa kata membolehkan kajian ini mengenal pasti penggunaan strategi yang berjaya meningkatkan kefahaman berkaitan aspek kosa kata.



## **BAB 6**

### **FAKTOR PERBEZAAN PENGUASAAN KOSA KATA**

#### **BAHASA MELAYU**

##### **6.1 Pendahuluan**

Bahagian ini, membincangkan persoalan dan objektif kajian yang ketiga, iaitu menilai faktor-faktor yang mempunyai hubungan signifikan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa. Analisis ini melibatkan statistik deskriptif dengan menentukan nilai min (M) dan nilai sisihan piawai (SP) antara pemboleh ubah jantina, umur dan bidang pengajian. Selain itu, analisis regresi juga dilakukan bagi menunjukkan kesan sumbangan faktor-faktor dalam jumlah peratus bagi memberi gambaran yang jelas antara setiap pemboleh ubah yang diuji. Selepas itu, data statistik deskriptif akan menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu, iaitu perbezaan jantina, umur dan bidang pengajian.

##### **6.2 Perbezaan Penguasaan Kosa Kata Berdasarkan Jantina Pelajar**

Dalam usaha mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, faktor jantina turut memainkan peranan penting. Begitu juga dengan penguasaan kosa kata pelajar antarabangsa. Faktor jantina turut diambil kira yang boleh memberi kesan kepada keupayaan pelajar untuk mempelajari bahasa kedua (Daif, 2012). Oleh itu, kajian ini akan menilai sejauh mana faktor jantina menyumbang kepada perbezaan penguasaan kosa kata bahasa Melayu antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Jadual 6.1 memaparkan data tentang perbezaan pencapaian skor ujian kosa kata antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar lelaki memperoleh nilai  $M = 62.25$  dan nilai  $SP = 3.05$ , manakala pelajar perempuan pula memperoleh nilai  $M = 60.72$  dan nilai  $SP = 3.29$ . Perbezaan skor antara kedua-dua jantina tersebut ialah 1.53 yang menunjukkan bahawa pelajar lelaki memperoleh skor markah yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Namun, hasil ujian -t sampel bebas yang dilakukan, nilai  $t(28) = 1.283$  dan nilai signifikan yang diperoleh ialah  $p = 0.210 (>0.05)$ . Oleh yang demikian, keputusan ujian penilaian kosa kata bahasa Melayu menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu kerana memperoleh nilai signifikan yang lebih besar daripada 0.05 ( $>0.05$ ).

**Jadual 6.1: Perbezaan skor mengikut jantina pelajar**

Skor Markah		N	Min	Sisihan Piawai	Perbezaan Min	t	dk	Signifikan
Subjek	Lelaki	12	62.25	3.05	1.53	1.283	28	0.210
Kajian	Perempuan	18	60.72	3.29				

Nota:  $p < 0.05$

Jadual 6.2 memaparkan hubungan antara penguasaan kosa kata bahasa Melayu dengan jantina, turut dapat diperhatikan bahawa wujudnya hubungan korelasi yang lemah, iaitu dengan memperoleh nilai  $r = 0.236$ , iaitu antara 0.21 hingga 0.40, manakala nilai  $F(1,28) = 1.646$  serta nilai signifikan  $p = 0.210 (>0.05)$ . Sementara itu, dari aspek hubungan regresi antara jantina pula, nilai yang diperoleh ialah  $R^2 = 0.056$ . Hal ini memberi interpretasi bahawa faktor jantina menyumbang sebanyak 5.60 peratus sahaja terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa,

manakala 94.40 peratus lagi merupakan faktor-faktor lain yang berkemungkinan tidak terdapat dalam skop kajian ini. Harun Baharudin (2007) menjelaskan bahawa terdapat kebarangkalian faktor-faktor lain yang boleh memberi kesan dan sumbangan kepada penguasaan kosa kata pelajar seperti umur, motivasi dan latar belakang pendidikan subjek kajian semasa mempelajari bahasa kedua.

**Jadual 6.2: Pengaruh jantina terhadap penguasaan kosa kata**

<b>Pengaruh jantina terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa</b>					
	<b>B</b>	<b>Std. Error</b>	<b>Beta</b>	<b>t</b>	<b>Signifikan</b>
Penguasaan kosa kata dan jantina pelajar	63.778	1.993		32.008	
	-1.528	1.191	-0.236	-1.283	0.210

Nota:  $r = 0.236$ ,  $R^2 = 0.056$ , Adjusted  $R^2 = 0.022$ ,  $F(1,28) = 1.646$ ,  $p = 0.210 (>0.05)$

Hasil analisis telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min hasil ujian penilaian kosa kata bahasa Melayu antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan kerana memperoleh perbezaan  $M = 1.53$  seperti dalam jadual 6.1. Namun, hasil analisis nilai signifikan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan penguasaan kosa kata bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan kerana memperoleh nilai  $p = 0.210 (>0.05)$  seperti dalam jadual 6.2. Oleh itu, kajian ini didapati tidak selari dengan dapatan kajian oleh Huseyin Oz et al. (2015), iaitu pelajar perempuan secara konsisten mendapat markah yang lebih tinggi dalam ujian pembelajaran bahasa kedua berbanding pelajar lelaki. Hal ini disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk perbezaan dalam strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dan faktor motivasi.

Selain itu, faktor yang boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Melayu antara jantina pelajar ialah penggunaan strategi pembelajaran ketika mempelajari bahasa

Melayu. Jadual 6.3 memaparkan data perbezaan skor min berdasarkan borang soal selidik antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Berdasarkan analisis dalam jadual 6.3, dapat dijelaskan bahawa penggunaan strategi penentuan bagi pelajar lelaki ialah  $M = 33.42$  dan nilai  $SP = 5.49$ , manakala pelajar perempuan pula memperoleh nilai  $M = 30.28$  dan nilai  $SP = 7.20$ . Seterusnya bagi strategi sosial (penemuan), pelajar lelaki memperoleh skor  $M = 33.92$  dan nilai  $SP = 6.46$ , manakala pelajar perempuan memperoleh nilai  $M = 31.50$  dan nilai  $SP = 6.07$ . Diikuti oleh strategi sosial (penguhan) yang memperoleh nilai  $M = 34.42$  dan nilai  $SP = 7.15$  untuk pelajar lelaki, dan pelajar perempuan pula memperoleh nilai  $M = 31.39$  serta nilai  $SP = 8.75$ . Dalam pada itu, bagi strategi kognitif, pelajar lelaki memperoleh nilai  $M = 34.17$  dan nilai  $SP = 6.01$ , manakala pelajar perempuan memperoleh nilai  $M = 31.61$  dan nilai  $SP = 6.68$ . Strategi yang terakhir ialah strategi metakognitif hanya memperoleh nilai min yang paling sedikit, iaitu  $M = 31.75$  dan nilai  $SP = 7.64$  yang merujuk kepada pelajar lelaki dan nilai  $M = 30.17$  dan nilai  $SP = 5.53$  yang merujuk kepada pelajar perempuan.

Berdasarkan analisis, kajian ini mendapati bahawa kedua-dua jantina, iaitu pelajar lelaki dan pelajar perempuan cenderung mengamalkan strategi memori kerana memperoleh skor nilai min yang paling tinggi berbanding lima strategi pembelajaran yang lain. Strategi memori merujuk kepada penggunaan daya ingatan semasa mempelajari bahasa Melayu. Atay dan Ozbulgan (2007) pula menjelaskan bahawa strategi memori didapati boleh meningkatkan ingatan melalui hubungan pengetahuan kosa kata baharu dengan kosa kata yang telah dipelajari. Data yang dianalisis membuktikan bahawa pelajar lelaki memperoleh nilai  $M = 35.83$  dan nilai  $SP = 5.15$ , manakala pelajar perempuan pula memperoleh nilai  $M = 32.44$  dan nilai  $SP = 7.53$ . Hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan nilai min skor borang soal selidik strategi memori sebanyak 3.39. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati tiada perbezaan yang

signifikan dalam penggunaan strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa gemar menggunakan daya ingatan untuk mempelajari bahasa Melayu. Dengan menggunakan strategi memori untuk mempelajari bahasa Melayu, pelajar dapat mengekalkan kosa kata baharu dan memahami rumus tatabahasa dengan lebih baik. Pelajar dengan mudah mengingat kosa kata yang telah dipelajari dan boleh menerapkannya dalam penggunaan perbualan harian, penulisan dan bacaan. Hal ini juga dapat merangsang minda untuk mengingat dan memproses maklumat dengan lebih berkesan. Selari dengan pendapat Mahgoub (2016) yang menjelaskan bahawa, dengan menggunakan strategi memori, pelajar boleh mengamalkan kemahiran bahasa seperti berkomunikasi tanpa mengira masa dan tempat sama ada di dalam kelas pembelajaran atau di luar waktu pembelajaran.

**Jadual 6.3: Strategi pembelajaran mengikut jantina pelajar**

Strategi Pembelajaran	Lelaki		Perempuan	
	Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
Penentuan	33.42	5.49	30.28	7.20
Sosial (penemuan)	33.92	6.46	31.50	6.07
Memori	35.83	5.15	32.44	7.53
Sosial (Pengukuhan)	34.42	7.15	31.39	8.75
Kognitif	34.17	6.01	31.61	6.68
Metakognitif	31.75	7.64	30.17	5.53

Dapat dijelaskan bahawa penggunaan strategi pembelajaran antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan tidak begitu ketara kerana hasil analisis mendapati subjek kajian masih berada dalam kategori yang sama, iaitu strategi memori. Dalam kajian ini, pelajar lelaki dan pelajar perempuan lebih cenderung menggunakan alat bantu visual seperti penggunaan gambar. Hal ini dibuktikan dengan nilai  $M = 4.08$  untuk pelajar lelaki dan  $M = 3.89$  untuk pelajar perempuan. Selain itu, kajian ini mendapati daripada item strategi memori, pelajar lelaki kerap menggunakan kosa kata baharu dalam ayat secara berulang kali kerana memperoleh nilai  $M = 4.25$ . Sebaliknya pelajar perempuan didapati lebih memilih mencari maklumat tambahan bersama rakan di Internet untuk mempelajari kosa kata baharu dan memperoleh nilai  $M = 4.13$  yang berada dalam strategi sosial (pengukuhan).


Walau bagaimanapun, hasil daripada analisis strategi pembelajaran kosa kata berdasarkan jantina pelajar, terdapat item yang memperoleh skor min yang tinggi tetapi bukan daripada item strategi memori. Hal ini menjelaskan bahawa, item tersebut terdiri daripada item strategi pembelajaran yang lain, iaitu item strategi kognitif dan item strategi penentuan. Analisis tersebut menjelaskan bahawa, pelajar lelaki lebih mengamalkan item penggunaan buku nota untuk menyenaraikan kosa kata baharu kerana memperoleh nilai  $M = 4.25$ . Sedangkan pelajar perempuan pula lebih cenderung mengulang kaji semula pelajaran sebelum bermulanya kelas bahasa Melayu yang memperoleh nilai  $M = 3.89$ . Kedua-dua item strategi pembelajaran tersebut terletak di bawah strategi kognitif. Selain itu, pelajar lelaki dan pelajar perempuan memilih menggunakan kamus dwibahasa (bahasa Inggeris – bahasa Melayu) untuk mencari makna kosa kata baharu bahasa Melayu dan ini dapat dilihat menerusi nilai  $M = 4.42$  untuk pelajar lelaki dan  $M = 3.89$  untuk pelajar perempuan. Item penggunaan kamus untuk mempelajari bahasa Melayu terletak di bawah strategi penentuan.

Secara keseluruhannya, pelajar lelaki lebih cenderung untuk menggunakan strategi memori berbentuk visual semasa mempelajari kosa kata bahasa Melayu seperti mencipta imej untuk mengukuhkan daya ingatan. Dengan kata lain, pelajar perempuan lebih gemar menggunakan strategi memori berbentuk tulisan, seperti membuat senarai kosa kata bahasa Melayu. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Kocaman et al. (2018), iaitu tidak terdapat perbezaan penggunaan strategi pembelajaran kosa kata antara jantina, iaitu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan kerana kedua-duanya memilih strategi pampasan. Namun begitu, Kocaman et al. (2018) mendapati pelajar lelaki lebih memilih item strategi pembelajaran berasaskan teknologi seperti penggunaan video, audio dan Internet berbanding pelajar perempuan yang lebih memilih item strategi berbentuk lisan. Hal ini menjelaskan bahawa, dari segi item strategi pembelajaran, terdapat perbezaan pemilihan item antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan, namun dari aspek kategori strategi, pelajar lelaki dengan perempuan tidak menunjukkan sebarang perbezaan kategori strategi pembelajaran.

Cara pelajar lelaki dan pelajar perempuan menguasai kosa kata juga boleh mempengaruhi pemilihan dan penggunaan item strategi memori. Kajian ini telah menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan pelajar perempuan lebih bergantung pada item strategi yang pelbagai untuk memastikan pemerolehan dan pembelajaran kosa kata yang berkesan. Hal ini membawa kepada perbezaan dalam penggunaan strategi memori dan digabung dengan item daripada strategi yang lain seperti strategi kognitif dan strategi penentuan. Pada keseluruhannya, kajian ini mendapati subjek kajian iaitu, pelajar antarabangsa lebih memilih strategi memori untuk mempelajari kosa kata bahasa Melayu.

Terdapat beberapa faktor yang menentukan tahap keupayaan subjek kajian menguasai kosa kata bahasa Melayu terutamanya faktor jantina yang boleh memainkan peranan dalam penguasaan bahasa Melayu. Walaupun jantina merupakan satu daripada

faktor yang mempengaruhi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu, namun terdapat faktor - faktor lain yang boleh dipertimbangkan. Faktor-faktor seperti umur dan bidang pengajian boleh memainkan peranan dalam penguasaan kosa kata dalam bahasa Melayu. Oleh itu, rajah 6.1 memaparkan item strategi pembelajaran kosa kata yang sering diamalkan oleh pelajar antarabangsa untuk menguasai kosa kata bahasa Melayu.



**Rajah 6.1: Penggunaan item strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu mengikut jantina pelajar**

### 6.3 Perbezaan Penguasaan Kosa Kata Berdasarkan Umur Pelajar

Penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaya turut dipengaruhi oleh faktor umur. Analisis yang berikutnya adalah berkaitan perbezaan umur pelajar yang boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Melayu. J. H. Lee dan Macaro (2013) menjelaskan bahawa terdapat hubungan antara umur dengan keupayaan pelajar untuk memperoleh dan mempelajari kosa kata. Berdasarkan data yang dianalisis, jelas membuktikan bahawa wujud hubungan antara umur subjek kajian dengan



penguasaan kosa kata. Keadaan ini dapat dibuktikan melalui nilai signifikan antara setiap kategori umur pelajar antarabangsa yang menjadi sampel kajian.

Jadual 6.4 memaparkan statistik deskriptif skor ujian penilaian kosa kata berkaitan kategori umur subjek kajian. Dapat diperhatikan bahawa, seramai 20 orang subjek kajian berumur antara 21 tahun hingga 30 tahun memperoleh nilai skor min kosa kata ialah  $M = 60.60$  dan  $SP = 2.85$ . Kategori subjek kajian berumur antara 31 tahun hingga 40 tahun memperoleh nilai  $M = 62.17$  dan  $SP = 3.19$  yang diwakili oleh enam orang subjek kajian. Seterusnya kategori subjek kajian berumur 41 tahun hingga 50 tahun yang memperoleh nilai  $M = 63.50$  dan  $SP = 6.36$  terdiri daripada dua orang subjek kajian. Kategori umur yang terakhir, iaitu antara 51 tahun hingga 60 tahun yang diwakili oleh dua orang subjek kajian pula memperoleh nilai  $M = 64.00$  dan  $SP = 4.24$ .

**Jadual 6.4: Skor ujian penilaian kosa kata mengikut kategori umur subjek kajian**

Kategori Umur	Min	Sisihan Piawai	N	Peratus (%)
21 – 30	60.60	2.85	20	66.67
31 – 40	62.17	3.19	6	20.00
41 – 50	63.50	6.36	2	6.67
51 – 60	64.00	4.24	2	6.67
<b>Jumlah</b>	<b>61.33</b>	<b>3.23</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

Jadual 6.5 pula memaparkan nilai min perbezaan skor ujian kosa kata bahasa Melayu dan nilai signifikan mengikut kategori umur subjek kajian pelajar antarabangsa. Analisis perbezaan skor min ujian kosa kata subjek kajian berumur antara 21 tahun hingga 30 tahun dengan 31 tahun hingga 40 tahun adalah sebanyak  $M = -1.57$ ,  $SP = 1.48$  dan nilai signifikan  $p = 0.774 (>0.05)$ . Seterusnya kategori subjek kajian yang berumur antara 41 tahun hingga 50 tahun, perbezaan skor ujian kosa kata pula ialah  $M = -2.90$ ,  $SP = 2.36$

dan nilai signifikan  $p = 0.684 (>0.05)$ . Begitu juga dengan kategori subjek kajian berumur antara 51 tahun hingga 60 tahun yang mempunyai perbezaan skor min ujian kosa kata ialah  $M = -3.40$ ,  $SP = 2.36$  dan nilai signifikan  $p = 0.567 (>0.05)$ .

Seterusnya, kategori umur antara 31 tahun hingga 40 tahun dengan umur 41 tahun hingga 50 tahun pula, data menunjukkan perbezaan min skor kosa kata sebanyak  $M = -1.33$ ,  $SP = 2.60$  dan nilai signifikan  $p = 0.966 (>0.05)$ . Kategori subjek kajian berumur 51 tahun hingga 60 tahun pula ialah  $M = -1.83$ ,  $SP = 2.60$  dan nilai signifikan  $p = 0.919 (>0.05)$ . Perbandingan yang terakhir ialah kategori subjek kajian berumur antara 41 tahun hingga 50 tahun dengan 51 tahun dan 60 tahun yang memperoleh nilai perbezaan min  $M = -0.50$ ,  $SP = 3.19$  dan nilai signifikan  $p = 0.999 (>0.05)$ .

Berdasarkan kepada hasil keputusan ujian *post hoc* dalam jadual 6.5, data menunjukkan bahawa tiada kategori umur subjek kajian yang memperoleh nilai signifikan lebih kecil daripada 0.05 ( $<0.05$ ) terhadap saiz kosa kata bahasa Melayu. Perkara ini menjelaskan bahawa faktor umur tidak bersignifikan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Hal ini kerana kesemua kategori umur melebihi nilai yang ditetapkan, iaitu  $> 0.05$ .

**Jadual 6.5: Perbandingan berganda kategori umur pelajar**

Kategori Umur		Perbezaan Min (a – b)	Sisihan Piawai	Signifikan
a	b			
21-30	31-40	-1.57	1.48	0.774
	41-50	-2.90	2.36	0.684
	51-60	-3.40	2.36	0.567
31-40	21-30	1.57	1.48	0.774
	41-50	-1.33	2.60	0.966
	51-60	-1.83	2.60	0.919
41-50	21-30	2.90	2.36	0.684

Kategori Umur		Perbezaan Min (a – b)	Sisihan Piawai	Signifikan
a	b			
	31-40	1.33	2.60	0.966
	51-60	-0.50	3.19	0.999
51-60	21-30	3.40	2.36	0.567
	31-40	1.83	2.60	0.919
	41-50	0.50	3.19	0.999

Seterusnya analisis data berkaitan faktor umur terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam jadual 6.6 menunjukkan bahawa nilai  $r = 0.352$ , iaitu berada pada tahap yang lemah antara 0.21 hingga 0.40, manakala nilai  $F(1,28) = 3.960$  dan nilai signifikan  $p = 0.56 (>0.05)$ . Hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor umur dengan penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Bagi menilai faktor umur yang boleh mempengaruhi kosa kata, nilai  $R^2$  yang diperoleh ialah 0.124. Perkara ini menjelaskan bahawa faktor umur yang dimiliki oleh pelajar hanya menyumbang 12.40 peratus kepada penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

**Jadual 6.6: Pengaruh umur terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu**

Pengaruh umur terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa					
	B	Std. Error	Beta	t	Signifikan
Penguasaan kosa kata dan umur pelajar	59.395	1.124		52.820	0.000
	1.264	0.635	0.352	1.990	0.056

Nota:  $r = 0.352$ ,  $R^2 = 0.124$ , Adjusted  $R^2 = 0.093$ ,  $F(1,28) = 3.960$ ,  $p = 0.56 (>0.05)$

Jadual 6.7 memaparkan data berkaitan perbezaan skor min borang soal selidik kategori umur pelajar. Pelajar dalam kategori umur antara 21 tahun hingga 30 tahun cenderung menggunakan strategi memori berbanding dengan lima kategori strategi pembelajaran kosa kata yang lain. Hal ini terbukti berdasarkan nilai min yang paling tinggi, iaitu  $M = 32.30$  dan nilai  $SP = 7.34$ . Hasil analisis menunjukkan bahawa strategi penentuan memperoleh nilai  $M = 29.85$  dan nilai  $SP = 6.90$ , manakala strategi sosial (penemuan) memperoleh nilai  $M = 31.60$  dan nilai  $SP = 5.90$ . Dalam pada itu, bagi strategi sosial (pengukuhan) pula, nilai min yang diperoleh ialah  $M = 31.20$  dan nilai  $SP = 8.29$ , diikuti oleh strategi kognitif yang memperoleh nilai  $M = 31.10$  dan nilai  $SP = 6.27$ . Strategi pembelajaran kosa kata yang terakhir, iaitu strategi metakognitif hanya memperoleh nilai  $M = 30.05$  dan nilai  $SP = 31.00$ .

**Jadual 6.7: Strategi pembelajaran kategori umur 21 tahun hingga 30 tahun**

Kategori Umur	Strategi Pembelajaran	Min	Sisihan Piawai
21 tahun – 30 tahun	Penentuan	29.85	6.90
	Sosial (penemuan)	31.60	5.90
	Memori	32.30	7.34
	Sosial (pengukuhan)	31.20	8.29
	Kognitif	31.10	6.27
	Metakognitif	30.05	31.00

Dapat dijelaskan bahawa pelajar kategori umur 21 tahun hingga 30 tahun lebih mengamalkan item strategi memori. Walau bagaimanapun, terdapat juga item pembelajaran daripada strategi kognitif yang menjadi pilihan pelajar seperti mengulangi secara lisan kosa kata baharu untuk mempelajarinya semula kerana memperoleh nilai  $M = 3.90$  dan item mengulang kaji pelajaran sebelum bermulanya kelas bahasa Melayu yang

memperoleh nilai  $M = 3.85$ . Bagi menjelaskan data di atas, dapat diuraikan bahawa pelajar berumur 21 tahun hingga 30 tahun banyak menggunakan kaedah pengulangan bagi mempelajari bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah pengulangan begitu efektif dalam konteks pembelajaran dalam kalangan subjek kajian. Pengulangan yang dilakukan secara lisan membantu aspek komunikasi dengan menyebut kembali kosa kata baharu yang telah dipelajari. Perkara ini sekali gus menjadikan kosa kata tersebut mudah disebut dengan lancar (Godfroid et al., 2017). Dalam pembelajaran bahasa Melayu, komunikasi yang berkesan melibatkan penggunaan bahasa untuk menyampaikan idea dan berhubung dengan orang lain. Pelajar yang terlibat dalam komunikasi, akan terdedah kepada pelbagai kosa kata baharu. Pelajar juga mempunyai peluang untuk berlatih dan menggunakan kosa kata tersebut semasa berkomunikasi.

Selain itu, satu daripada penggunaan item strategi sosial (pengukuhan) yang diamalkan, iaitu mencari maklumat tambahan bahasa Melayu bersama rakan daripada Internet memperoleh nilai  $M = 3.90$ . Menerusi pendekatan ini, pelajar antarabangsa menggunakan pelbagai sumber dalam talian untuk memperoleh dan mempelajari kosa kata baharu bahasa Melayu. Menurut Mega Lestari dan Achmad Yudi Wahyudin (2020), kaedah mencari maklumat daripada Internet boleh dilakukan bersama rakan yang melibatkan perbincangan dua hala serta mendapat maklum balas daripada pihak lain. Dapat disimpulkan bahawa, terdapat item daripada strategi pembelajaran kosa kata yang lain seperti strategi kognitif dan strategi sosial (pengukuhan) turut diamalkan oleh pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu, namun strategi memori tetap menjadi dominan kepada pelajar daripada kategori berumur 21 tahun hingga 30 tahun.

Seterusnya data dalam jadual 6.8 merujuk kepada pelajar yang berumur antara 31 tahun hingga 40 tahun. Bagi pelajar dalam kategori umur ini, nilai skor min borang soal selidik strategi pembelajaran yang paling tinggi ialah sebanyak  $M = 38.00$  dan nilai  $SP = 5.37$ . Kategori umur ini cenderung mengamalkan strategi memori. Terdapat lima lagi kategori strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar, iaitu strategi penentuan yang memperoleh nilai  $M = 35.83$  dan nilai  $SP = 5.38$ , manakala strategi sosial (penemuan) pula memperoleh nilai  $M = 35.83$  dan nilai  $SP = 8.09$ . Begitu juga dengan strategi sosial (penguhan) yang memperoleh nilai  $M = 35.17$  dan nilai  $SP = 7.78$ . Data dalam jadual 6.8 juga memaparkan nilai min bagi strategi kognitif, iaitu  $M = 36.17$  dan nilai  $SP = 5.19$ . Strategi pembelajaran kosa kata yang terakhir merujuk kepada strategi metakognitif yang memperoleh nilai  $M = 35.17$  dan nilai  $SP = 5.88$ .

Hal ini bermakna, pelajar dalam kategori umur 31 tahun hingga 40 tahun mempunyai keupayaan yang lebih baik untuk mempelajari kosa kata baharu dan mengekalkannya dalam ingatan untuk jangka masa panjang yang merujuk kepada strategi memori. Strategi memori merujuk kepada teknik yang boleh membantu pelajar menyimpan, memproses dan mendapatkan maklumat (A Nemati, 2010). Justeru, minda pelajar dapat menyesuaikan diri dengan maklumat kosa kata baharu dengan lebih mudah dan cepat. Oleh itu, terdapat item yang diamalkan oleh pelajar daripada kategori umur 31 tahun hingga 40 tahun bagi membantu mempelajari dan seterusnya menguasai kosa kata bahasa Melayu.

Berdasarkan kepada analisis borang soal selidik, terdapat perbezaan penggunaan item strategi yang diamalkan oleh pelajar berumur 31 tahun hingga 40 tahun. Item yang dimaksudkan ialah berinteraksi dengan penutur natif yang memperoleh nilai  $M = 4.50$ . Item ini merupakan satu daripada item strategi sosial (penemuan). Hal ini menjelaskan bahawa pelajar berumur 31 tahun hingga 40 tahun menerapkan aktiviti sosial untuk

mempelajari bahasa Melayu. Pelajar gemar berinteraksi bersama pihak lain secara lisan dan tulisan untuk menguasai kosa kata bahasa Melayu. Kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Yu et al. (2019) yang menyatakan bahawa pendedahan secara langsung yang melibatkan aktiviti sosial bersama masyarakat atau penutur natif membantu pelajar memahami dengan lebih jelas cara sebutan dan tatabahasa.

Selain itu, terdapat item daripada strategi kognitif yang diamalkan seperti menyimpan buku nota untuk menyenaraikan kosa kata baharu yang dipelajari dengan memperoleh nilai  $M = 4.50$ . Buku nota yang digunakan boleh bertindak sebagai alat bantu pembelajaran yang berfungsi untuk menulis kosa kata baharu, frasa dan ungkapan yang baharu. Norbert Schmitt dan Schmitt (1995) menjelaskan bahawa semakin banyak isi kandungan yang terdapat pada buku nota kosa kata, maka semakin banyak maklumat dan penggunaan kosa kata yang boleh diamalkan oleh pelajar dalam perbualan harian. Rujukan dan panduan kosa kata menjadi semakin mudah dan cepat.

Dengan penggunaan buku nota untuk menulis kosa kata baharu, pelajar boleh meningkatkan pengalaman pembelajaran bahasa Melayu dan mempercepatkan penguasaan kosa kata sebagai kaedah hafalan yang boleh juga bertindak sebagai kad imbas kosa kata. Selain itu, dengan menulis kosa kata baharu dalam buku nota, pelajar boleh memiliki buku panduan sendiri untuk rujukan peribadi yang boleh digunakan pada bila-bila masa. Perkara ini juga dijelaskan oleh Fowle (2002) dengan mengatakan bahawa buku nota boleh membantu pelajar membuat rujukan sekiranya lupa akan maksud dan penggunaan kosa kata yang telah dipelajari.

**Jadual 6.8: Strategi pembelajaran kategori umur 31 tahun hingga 40 tahun**

Kategori Umur	Strategi Pembelajaran	Min	Sisihan Piawai
31 tahun – 40 tahun	Penentuan	35.83	5.38
	Sosial (penemuan)	35.83	8.09
	Memori	38.00	5.37
	Sosial (pengukuhan)	35.17	7.78
	Kognitif	36.17	5.19
	Metakognitif	35.17	5.88

Di samping itu, jadual 6.9 bagi menjelaskan penggunaan item strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaya. Hasil analisis membuktikan bahawa pelajar yang berumur antara 41 tahun hingga 50 tahun banyak mengamalkan strategi kognitif, dan ini dapat dilihat menerusi nilai  $M = 36.50$  dan nilai  $SP = 12.02$ . Selain itu, bagi strategi penentuan, nilai min yang diperolehi ialah  $M = 33.00$  dan nilai  $SP = 4.24$ , manakala strategi sosial (penemuan) adalah strategi yang paling kurang diamalkan oleh subjek kajian kerana memperoleh nilai  $M = 28.50$  dan nilai  $SP = 3.54$ . Seterusnya hasil analisis daripada borang soal selidik mendapati, strategi memori memperoleh nilai  $M = 34.00$  dan nilai  $SP = 1.41$ , diikuti oleh strategi sosial (pengukuhan) yang memperoleh nilai  $M = 32.50$  dan nilai  $SP = 12.02$ . Penggunaan strategi metakognitif pula memperoleh nilai  $M = 29.50$  dan nilai  $SP = 10.60$ .

Dengan kata lain, pelajar daripada kategori umur 41 tahun hingga 50 tahun didapati, banyak mengamalkan item daripada strategi kognitif seperti kaedah ulangan. Kaedah ulangan membolehkan pelajar mengingati kembali kosa kata, selain dibantu dengan alat bantuan pembelajaran yang lain seperti penggunaan buku nota, kad imbas dan kuiz latihan tubi. Pengulangan kosa kata yang dilakukan boleh meningkatkan ingatan



untuk jangka masa panjang di samping pengekalan kosa kata dalam minda. Pelajar perlu menyemak senarai kosa kata dan mengulangi proses hafalan sehingga kosa kata yang dipelajari disebut dengan betul dan tepat. Kaedah ulangan ini boleh dilakukan bersama rakan atau ahli keluarga. Menurut Han dan Chen (2010) kaedah pengulangan membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran bahasa dengan cara mengingat kosa kata baharu dari semasa ke semasa.

Berdasarkan analisis daripada borang soal selidik yang telah dilakukan, terdapat dua item strategi kognitif memperoleh nilai min yang tinggi seperti yang diamalkan oleh pelajar berumur 41 tahun hingga 50 tahun. Item tersebut adalah dengan mengulang kaji semula pelajaran bahasa Melayu yang memperoleh nilai  $M = 4.50$ . Selain itu, pelajar juga menyimpan buku nota untuk menyenaraikan kosa kata baharu yang memperoleh nilai  $M = 4.50$ . Hal ini menjelaskan bahawa, pelajar daripada kategori umur 41 tahun hingga 50 tahun menggunakan alat bantu pembelajaran dengan sebaik mungkin, iaitu buku nota untuk mengulang kaji pelajaran.

Daripada dua item pembelajaran kosa kata di atas, iaitu mengulang kaji semula pelajaran dan menyimpan buku nota, terdapat juga item pembelajaran kosa kata yang lain yang digunakan oleh subjek kajian kerana memperoleh nilai min yang tinggi, iaitu satu daripada item strategi penentuan dan satu daripada item strategi sosial (pengukuhan). Item daripada strategi penentuan adalah dengan menggunakan kamus bahasa Inggeris – bahasa Melayu untuk mencari makna kosa kata baharu, iaitu yang memperoleh nilai  $M = 4.50$ . Dalam pada itu, item daripada strategi sosial (pengukuhan) adalah dengan mencari maklumat tambahan bahasa Melayu di Internet bersama rakan untuk mempelajari kosa kata baharu yang memperoleh nilai  $M = 4.50$ .

Hal ini menjelaskan bahawa, pelajar berumur 41 tahun hingga 50 tahun juga memilih faktor sosial untuk mempelajari bahasa Melayu dengan meminta bantuan daripada rakan atau guru. Selain itu, pelajar juga memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi seperti Internet untuk mencari maklumat berkaitan kosa kata yang dipelajari. Perkara ini selari dengan pendapat oleh Govindasamy et al. (2019) yang menjelaskan bahawa penggunaan Internet dan teknologi boleh menjimatkan masa carian maklumat berkaitan kosa kata yang dipelajari.

**Jadual 6.9: Strategi pembelajaran kategori umur 41 tahun hingga 50 tahun**

Kategori Umur	Strategi Pembelajaran	Min	Sisihan Piawai
41 tahun – 50 tahun	Penentuan	33.00	4.24
	Sosial (penemuan)	28.50	3.54
	Memori	34.00	1.41
	Sosial (pengukuhan)	32.50	12.02
	Kognitif	36.50	12.02
	Metakognitif	29.50	10.60

Selain itu, bagi menjelaskan perbezaan penggunaan strategi dan item pembelajaran mengikut kategori umur pelajar antarabangsa yang berikutnya, hasil analisis borang soal selidik dalam jadual 6.10 mendapati, pelajar berumur antara 51 tahun hingga 60 tahun banyak mengamalkan strategi sosial (pengukuhan) kerana memperoleh nilai  $M = 39.00$  dan nilai  $SP = 4.24$ . Diikuti oleh strategi memori yang memperoleh nilai  $M = 36.00$  dan nilai  $SP = 2.83$ , manakala strategi sosial (penemuan) pula memperoleh nilai  $M = 35.00$  dan nilai  $SP = 0.00$ . Dalam pada itu, strategi penentuan memperoleh nilai  $M = 34.00$  dan nilai  $SP = 5.66$ , diikuti oleh strategi kognitif yang memperoleh nilai  $M = 33.50$  dan nilai  $SP = 4.95$ . Strategi yang paling kurang diamalkan oleh subjek kajian ialah strategi metakognitif kerana memperoleh nilai  $M = 26.50$  dan nilai  $SP = 10.60$ .

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, strategi sosial (pengukuhan) memperoleh nilai min yang paling tinggi jika hendak dibandingkan dengan lima strategi pembelajaran yang lain. Hal ini menjelaskan bahawa pelajar dalam kategori umur 51 tahun hingga 60 tahun menggunakan pengalaman hidup yang merujuk kepada faktor sosial bermasyarakat yang membantu memahami dan mengingati kosa kata dengan lebih baik (Deng & Wang, 2019). Bantuan pengajaran yang diterima daripada pihak lain seperti guru, rakan sekelas dan penutur natif bahasa Melayu menjadikan strategi yang diamalkan oleh pelajar diguna dengan sebaik mungkin untuk menguasai bahasa Melayu.

Dari aspek penggunaan item strategi pembelajaran kosa kata pula, item yang memperoleh nilai min yang paling tinggi terdiri daripada tiga item strategi sosial dan satu item daripada strategi penentuan. Item strategi sosial (pengukuhan) ialah berkomunikasi dengan penutur natif bahasa Melayu melalui pelbagai media yang memperoleh nilai  $M = 4.50$ , item mencari maklumat tambahan bahasa Melayu di Internet bersama rakan untuk mempelajari kosa kata baharu yang memperoleh nilai  $M = 4.50$ , dan item daripada strategi sosial (penemuan) ialah meminta guru untuk menterjemahkan kosa kata baharu bahasa Melayu yang memperoleh nilai  $M = 4.50$ . Hal ini menjelaskan bahawa pelajar yang berumur 51 tahun hingga 60 tahun mencari peluang untuk berinteraksi dengan orang lain untuk mempelajari bahasa Melayu. Kendal et al. (2018) menjelaskan bahawa pelajar boleh melibatkan diri dalam pelbagai jenis aktiviti sosial seperti program interaksi bahasa untuk memperoleh sokongan dan rangkaian sosial untuk mempelajari bahasa kedua. Selain itu, berinteraksi dengan orang lain boleh memberi peluang untuk bekerjasama dari aspek pembelajaran dengan memberi maklum balas mengenai cara sebutan dan penggunaan kosa kata dalam ayat.

Sebagai tambahan, satu daripada item strategi yang memperoleh nilai min yang tinggi bagi pelajar berumur 51 tahun hingga 60 tahun ialah dengan menggunakan kamus bahasa Inggeris – bahasa Melayu untuk mencari makna kosa kata baharu, iaitu dengan memperoleh nilai  $M = 5.00$ . Perkara ini menjelaskan bahawa pelajar yang tidak memahami sesuatu maksud kosa kata baharu yang dipelajari akan merujuk kamus untuk mencari definisi kosa kata dan cara-cara penggunaannya dalam ayat. Dengan menggunakan kamus dwibahasa, pelajar dengan cepat dan mudah dapat menterjemahkan makna kosa kata ke dalam bahasa Melayu yang dapat membantu dalam pemahaman dan penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

**Jadual 6.10: Strategi pembelajaran kategori umur 51 tahun hingga 60 tahun**

Kategori Umur	Strategi Pembelajaran	M	Sisihan Piawai
51 tahun – 60 tahun	Penentuan	34.00	5.66
	Sosial (penemuan)	35.00	0.00
	Memori	36.00	2.83
	Sosial (pengukuhan)	39.00	4.24
	Kognitif	33.50	4.95
	Metakognitif	26.50	10.60

Rumusannya, pelajar antarabangsa perlu lebih konsisten dalam pemilihan strategi pembelajaran yang sesuai mengikut tahap umur untuk mempelajari bahasa Melayu. Sebagai contoh, pelajar yang lebih muda, iaitu berumur antara 21 tahun hingga 40 tahun perlu memberi tumpuan lebih kepada penggunaan item strategi memori seperti hafalan yang membawa pengekalan kosa kata dalam minda. Kosa kata yang telah dipelajari akan digunakan semula dan digabungkan dengan kosa kata yang lain. Dengan mengamalkan item strategi pembelajaran kosa kata daripada strategi memori, pelajar mempunyai

kelebihan untuk menguasai kosa kata bahasa Melayu kerana mempunyai minda dan daya ingatan yang kuat. Hasil kajian ini selari dengan kajian oleh Stakanova dan Tolstikhina (2014) dengan menjelaskan bahawa pelajar yang masih muda mempunyai daya ingatan dan minda yang cerdas untuk mempelajari kosa kata baharu bahasa sasaran yang dipelajari berbanding dengan pelajar yang lebih berusia.

Sebaliknya, pelajar yang lebih berusia, iaitu berumur antara 41 tahun hingga 60 tahun perlu memberi tumpuan lebih kepada penggunaan item daripada strategi kognitif dan strategi sosial (pengukuhan). Hal ini kerana, strategi kognitif melibatkan proses mental yang digunakan oleh pelajar antarabangsa untuk mencapai matlamat pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Dalam pada itu, strategi sosial (pengukuhan) merujuk kepada mencari input bahasa melalui interaksi dengan penutur asli bahasa Melayu untuk meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Vermunt dan Vermetten (2004) yang menjelaskan bahawa pelajar yang lebih berusia cenderung menggunakan item strategi pembelajaran yang lebih kepada mental dan sosial kerana mempunyai pendedahan kepada kosa kata baharu. Oleh yang demikian, pelajar lebih memilih strategi kognitif melalui kaedah pengulangan yang dapat membantu pelajar menghafal kosa kata bahasa Melayu. Selain itu, kaedah visual pula dapat membantu mencipta imej untuk pelajar memahami dengan lebih jelas kosa kata baharu yang dipelajari seperti bentuk dan saiz.

Selain strategi kognitif, strategi sosial (pengukuhan) juga boleh memberi kesan dalam mempelajari kosa kata baharu bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa yang lebih berusia. Strategi sosial melibatkan berinteraksi dengan orang lain dalam bahasa Melayu, sama ada melalui bertutur, mendengar, membaca, atau menulis. Secara keseluruhan, dengan menggabungkan strategi kognitif dan strategi sosial pelajar yang

lebih berusia dapat belajar dan mengingat kosa kata baharu dalam bahasa Melayu dengan berkesan.


**Jadual 6.11: Analisis keseluruhan strategi pembelajaran kosa kata mengikut kategori umur pelajar**

Kategori Umur	Strategi Pembelajaran	Min	Sisihan Piawai
21 – 30	Memori	32.30	7.34
31 – 40	Memori	38.00	5.37
41 – 50	Kognitif	36.50	12.02
51 – 60	Sosial (pengukuhan)	39.00	4.24

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, dapat dijelaskan bahawa kajian ini tidak menemui perbezaan yang signifikan antara kategori umur pelajar dalam penguasaan kosa kata bahasa Melayu kerana memperoleh nilai  $p = 0.199 (>0.05)$  pada setiap kategori umur pelajar. Maka, dapat dirumuskan bahawa pelajar daripada semua peringkat umur tidak mempunyai masalah untuk mempelajari bahasa Melayu tanpa mengira usia. Umur bukanlah penentu kepada penguasaan kosa kata untuk mempelajari bahasa Melayu. Sesetengah pelajar lebih suka menggunakan alat bantu visual, sementara pelajar yang lain lebih suka aktiviti perbincangan kumpulan. Tran dan Duong (2018) juga menjelaskan setiap pelajar mempunyai strategi pembelajaran sendiri yang boleh dipengaruhi oleh latar belakang bahasa ibunda, budaya, pendidikan dan pengalaman peribadi.

Walaupun dalam kajian ini menunjukkan bahawa faktor umur tidak memberi kesan kepada penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa, namun terdapat kepentingan dan kesedaran bahawa setiap pelajar mempunyai strategi pembelajaran yang berbeza antara satu sama lain. Tanpa mengira faktor umur, cara yang

paling berkesan untuk mempelajari kosa kata bahasa Melayu adalah melalui amalan penggunaan strategi pembelajaran dan pendedahan kepada bahasa Melayu. Oleh itu, rajah 6.2 memaparkan item strategi pembelajaran kosa kata yang sering diamalkan oleh pelajar antarabangsa untuk menguasai kosa kata bahasa Melayu mengikut umur pelajar.



**Rajah 6.2: Penggunaan item strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu mengikut umur pelajar**

#### 6.4 Perbezaan Penguasaan Kosa Kata Berdasarkan Bidang Pengajian Pelajar

Bahagian ini membincangkan perkara berkaitan latar belakang pendidikan pelajar semasa mempelajari kosa kata bahasa Melayu di Universiti Malaya. Latar belakang ini merujuk kepada bidang pengajian semasa melanjutkan pengajian di Universiti Malaya, iaitu bidang sains dan bidang sains sosial. Semasa mempelajari bahasa Melayu, terdapat perbezaan dalam penguasaan kosa kata bergantung pada bidang pengajian. Oleh itu, kajian ini akan mendedahkan dapatan kajian penguasaan kosa kata bahasa Melayu

terhadap pelajar antarabangsa yang merangkumi dua bidang pengajian, iaitu bidang sains atau bidang sains sosial.

Data dalam jadual 6.12 telah dianalisis bagi menjelaskan perbezaan skor ujian penilaian kosa kata yang menunjukkan bahawa bidang sains memperoleh nilai  $M = 62.13$  dan nilai  $SP = 4.51$ , manakala bidang sains sosial pula memperoleh nilai  $M = 61.05$  dan nilai  $SP = 2.70$ . Perbezaan skor antara dua bidang tersebut ialah 1.08. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar dalam bidang sains memperoleh skor min markah yang lebih tinggi berbanding pelajar dalam bidang sains sosial. Walau bagaimanapun, hasil ujian -t sampel bebas yang telah dilakukan, nilai signifikan yang diperoleh ialah  $p = 0.428$  ( $>0.05$ ). Perkara ini menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam bidang pengajian sama ada bidang sains atau bidang sains sosial terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

Bidang sains dan sains sosial adalah dua bidang pengajian yang berbeza dan pendekatan yang berbeza dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu. Kosa kata yang digunakan dalam bidang ini mencerminkan perbezaan kosa kata yang diperlukan untuk berkomunikasi dengan berkesan dalam setiap bidang terutamanya dalam penggunaan istilah. Sebagai contoh, bidang sains menekankan penggunaan istilah kosa kata berbentuk empirikal untuk membuktikan fakta, manakala bidang sains sosial bergantung kepada analisis data kualitatif dan kuantitatif untuk menjelaskan tingkah laku manusia. Selaras dengan pendapat Akins dan Akerson (2002) yang menyatakan bahawa pelajar bidang sains melibatkan istilah teknikal yang memerlukan daya ingatan yang tinggi untuk dipelajari dan diingati. Kosa kata saintifik ini termasuklah struktur kosa kata yang memerlukan tahap kognitif yang lebih tinggi.



**Jadual 6.12: Perbezaan skor mengikut bidang pengajian pelajar**

Skor Markah		N	Min	Sisihan Piawai	Perbezaan M	t	dk	Signifikan
Subjek	Sains	8	62.13	4.51	1.08	0.804	28	0.428
Kajian	Sains Sosial	22	61.05	2.70				

Nota:  $p (< 0.05)$

Selain itu, bagi meneliti hubungan faktor bidang pengajian terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu, data menunjukkan bahawa nilai  $r = 0.150$  berada pada tahap sangat lemah, iaitu 0.00 hingga 0.20, manakala nilai  $F (1,28) = 0.647$  dan nilai signifikan  $p = 0.428 (>0.05)$ . Hal ini menjelaskan bahawa pelajar dalam bidang sains atau bidang sains sosial tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dalam mempelajari dan menguasai kosa kata bahasa Melayu kerana memperoleh nilai  $p = 0.428$ , lebih besar daripada nilai alfa yang ditentukan, iaitu  $<0.05$ . Bagi menguji faktor yang boleh mempengaruhi kosa kata bahasa Melayu, nilai  $R^2$  yang diperoleh ialah 0.023. Perkara ini menjelaskan bahawa pengaruh bidang pengajian menyumbang 2.30 peratus sahaja kepada penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa semasa melanjutkan pengajian di Universiti Malaya.

**Jadual 6.13: Pengaruh bidang pengajian terhadap penguasaan kosa kata**

Pengaruh bidang pengajian terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa					
	B	Std. Error	Beta	t	Signifikan
Penguasaan kosa kata dan bidang pengajian pelajar	63.205	2.401		26.329	
	-1.080	1.342	-0.150	-0.804	0.428

Nota:  $r = 0.150$ ,  $R^2 = 0.023$ , Adjusted  $R^2 = -0.012$ ,  $F (1,28) = 0.64$ ,  $p = 0.428 (>0.05)$

Selain daripada dua faktor perbezaan penguasaan kosa kata pelajar, iaitu faktor jantina dan faktor umur, terdapat faktor lain yang boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Melayu, iaitu faktor bidang pengajian pelajar semasa berada di Universiti Malaya. Oleh itu, pelajar antarabangsa dalam dua bidang pengajian ini hendaklah menyedari perbezaan tersebut dan menyesuaikan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu dengan sewajarnya untuk memaksimumkan kecekapan penggunaan kosa kata.

Berdasarkan analisis dalam jadual 6.14, data memaparkan perbezaan skor min borang soal selidik strategi pembelajaran antara bidang sains dan bidang sains sosial. Dalam kajian ini, pelajar dalam bidang sains cenderung menggunakan strategi penentuan kerana memperoleh nilai  $M = 33.25$  dan nilai  $SP = 8.33$ , berbanding pelajar dalam bidang sains sosial yang hanya memperoleh nilai  $M = 30.91$  dan nilai  $SP = 6.04$ . Selain itu, bagi strategi sosial (penemuan), pelajar dalam bidang sains memperoleh nilai  $M = 32.38$  dan nilai  $SP = 7.63$ , manakala pelajar dalam bidang sains sosial pula memperoleh nilai  $M = 32.50$  dan nilai  $SP = 5.85$ . Dapat dijelaskan juga, pelajar dalam bidang sains kurang mengamalkan strategi memori, ini dapat dilihat menerusi nilai  $M = 32.75$  dan nilai  $SP = 9.15$ , berbanding pelajar dalam bidang sains sosial yang memperoleh nilai  $M = 34.18$  dan nilai  $SP = 5.94$ , iaitu penggunaan strategi memori yang paling tinggi ialah pelajar dalam bidang sains sosial.

Seterusnya bagi strategi sosial (pengukuhan), pelajar dalam bidang sains memperoleh nilai  $M = 31.88$  dan nilai  $SP = 10.13$ , manakala pelajar dalam bidang sains sosial pula memperoleh nilai  $M = 32.86$  dan nilai  $SP = 7.57$ . Terdapat satu lagi strategi pembelajaran kosa kata yang menjadi pilihan pelajar dalam bidang sains, iaitu strategi kognitif yang memperoleh nilai  $M = 33.25$  dan nilai  $SP = 10.17$ , berbanding pelajar dalam bidang sains sosial yang hanya memperoleh nilai  $M = 32.41$  dan nilai  $SP = 4.76$ . Strategi pembelajaran yang terakhir ialah strategi metakognitif. Strategi metakognitif ini

memperoleh nilai min yang paling rendah untuk kedua-dua kumpulan subjek kajian kerana pelajar dalam bidang sains hanya memperoleh nilai  $M = 31.75$  dan nilai  $SP = 9.19$ , manakala pelajar dalam bidang sains sosial pula memperoleh nilai  $M = 30.45$  dan nilai  $SP = 5.24$ . Hal ini menjelaskan bahawa, pelajar dalam dua bidang pengajian yang berbeza kurang mengamalkan item strategi pembelajaran kosa kata dalam strategi metakognitif.

**Jadual 6.14: Strategi pembelajaran mengikut bidang pengajian pelajar**

Strategi Pembelajaran	Sains		Sains Sosial	
	Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
Penentuan	33.25	8.33	30.91	6.04
Sosial (penemuan)	32.38	7.63	32.50	5.85
Memori	32.75	9.15	34.18	5.94
Sosial (Penguhan)	31.88	10.13	32.86	7.57
Kognitif	33.25	10.17	32.41	4.76
Metakognitif	31.75	9.19	30.45	5.24

Berdasarkan hasil analisis, dapat dijelaskan bahawa pelajar antarabangsa di Universiti Malaya dalam bidang sains banyak mengamalkan item strategi penentuan dan strategi kognitif. Kedua – dua strategi ini dilihat begitu dominan dalam pemilihan item strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Keadaan ini selari dengan kajian Akins dan Akerson (2002) yang menjelaskan bahawa pelajar bidang sains banyak menggunakan strategi kognitif, iaitu melibatkan proses mental seperti perhatian, ingatan, persepsi dan pemikiran yang membantu pelajar memahami dan menggunakan kosa kata baharu.

Antara pilihan item strategi pembelajaran pelajar dalam bidang sains ialah item menggunakan kamus dwibahasa (bahasa Inggeris – bahasa Melayu) untuk mencari makna kosa kata baharu. Item ini memperoleh nilai  $M = 4.25$ . Selain itu, terdapat dua item daripada strategi kognitif yang menjadi pilihan pelajar dalam bidang sains kerana memperoleh nilai min yang paling tinggi, iaitu item mengulang kaji semula pelajaran bahasa Melayu sebelum bermulanya kelas yang memperoleh nilai  $M = 4.00$  dan menyimpan buku nota untuk menyenaraikan kosa kata baharu yang dipelajari dengan memperoleh nilai  $M = 4.00$ . Terdapat juga satu item strategi pembelajaran kosa kata daripada strategi memori yang diamalkan oleh pelajar dalam bidang sains, iaitu menggunakan kosa kata baharu dalam ayat secara berulang kali kerana memperoleh nilai  $M = 4.00$ .

Dapat dijelaskan bahawa pelajar dalam bidang sains menggunakan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu daripada kategori strategi penentuan, strategi kognitif dan strategi memori. Namun begitu item daripada strategi penentuan dan strategi kognitif menjadi item dominan yang dipilih oleh pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu. Oleh itu, gabungan daripada strategi kognitif dan strategi penentuan diamalkan oleh pelajar antarabangsa untuk mempelajari bahasa Melayu. Penggunaan strategi kognitif bertujuan untuk mengetahui makna kosa kata dan penggunaan kosa kata dalam konteks membantu pelajar dalam bidang sains memperoleh dan mengekalkan kosa kata baharu, manakala strategi penentuan seperti penetapan matlamat pembelajaran bertujuan untuk mengetahui kosa kata bagi memastikan pelajar bermotivasi sepanjang proses pembelajaran. Dengan menggunakan strategi ini, pelajar dapat memperoleh kosa kata baharu dengan berkesan dan mampu menguasai kosa kata bahasa Melayu dengan baik.

Sementara itu, bagi pelajar dalam bidang sains sosial pula, pelajar mengamalkan item daripada strategi memori, iaitu item menghubungkan kait gambar dengan makna kosa kata baharu yang memperoleh nilai  $M = 4.14$ . Hal ini menjelaskan bahawa pelajar dalam bidang sains sosial juga menerapkan penggunaan bentuk visual untuk mendapat gambaran yang lebih jelas semasa mempelajari bahasa Melayu. Penggunaan gambar boleh membantu pelajar mewujudkan pemahaman makna dalam minda dan menjadikan kosa kata lebih mudah diingati. Bentuk visual juga boleh dilakukan dengan gabungan daripada kosa kata dan gambar dalam bentuk kad imbas (Elsya Matrutty & Stella Rose Que, 2021).

Selain itu, dalam bidang sains sosial juga, terdapat dua item daripada strategi kognitif yang memperoleh nilai min yang tinggi. Item tersebut ialah mengulang kaji pelajaran sebelum bermulanya kelas dengan memperoleh nilai  $M = 4.00$  dan item mengulangi secara lisan kosa kata baharu yang memperoleh nilai  $M = 4.00$ . Kaedah pengulangan yang diterapkan oleh pelajar dalam bidang sains sosial merupakan item strategi yang memperoleh nilai min yang paling tinggi. Kaedah pengulangan adalah satu daripada komponen penting dalam mempelajari kosa kata bahasa Melayu. Pelajar perlu berlatih dan mengulangi kosa kata baharu untuk menyimpannya dalam ingatan untuk jangka masa panjang selain menjadikan sebutan kosa kata menjadi lancar. H. Li et al. (2019) menjelaskan bahawa kaedah ulangan membantu mengekalkan kosa kata dan pelajar dapat menggunakannya dalam perbualan harian. Selain itu, kaedah ini dapat meningkatkan kefasihan berkomunikasi dan kemahiran bahasa pelajar.

Dapat dijelaskan bahawa pelajar dalam bidang sains sosial lebih gemar mempelajari kosa kata bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah ulangan dan menyimpan kosa kata tersebut di dalam minda untuk membantu pelajar ketika berkomunikasi. Selari dengan kajian Baddeley (2015) yang menyatakan bahawa pelajar

daripada bidang sains sosial menggunakan strategi memori untuk mempelajari bahasa kedua dan menggabungkannya dengan strategi lain seperti strategi kognitif agar memberi kesan ingatan yang lebih baik.

Rumusannya, berdasarkan analisis yang telah dilakukan bagi menguji bidang pengajian pelajar semasa mempelajari bahasa Melayu, ternyata bahawa faktor bidang pengajian sama ada bidang sains atau sains sosial tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dalam penguasaan kosa kata bahasa Melayu kerana memperoleh nilai  $p = 0.428$  ( $>0.05$ ). Maka dapat dijelaskan bahawa pelajar yang mempunyai latar belakang pengajian yang berbeza tidak mempunyai masalah untuk menguasai kosa kata bahasa Melayu. Hal ini kerana penggunaan kosa kata yang digunakan dalam sesuatu bidang mencerminkan konsep yang menjadi asas kepada disiplin tersebut.

Dengan mempelajari kosa kata bahasa Melayu melalui penggunaan strategi yang sesuai, pelajar dapat memahami dan menggunakan kosa kata dengan lebih baik. Penting bagi pelajar antarabangsa untuk mempunyai asas yang kukuh dalam kosa kata bahasa Melayu tanpa mengira bidang pengajian yang dimiliki. Pelajar dalam pelbagai bidang pengajian boleh terdedah kepada jenis teks yang boleh memberi kesan kepada penggunaan dan penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Oleh itu, rajah 6.3 memaparkan item strategi pembelajaran kosa kata yang sering diamalkan oleh pelajar antarabangsa berdasarkan bidang pengajian untuk menguasai kosa kata bahasa Melayu.



**Rajah 6.3: Penggunaan item strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu mengikut bidang pengajian pelajar**

### 6.5 Gabungan Pemboleh Ubah Faktor Perbezaan Pelajar

Bahagian ini membincangkan gabungan ketiga-tiga faktor perbezaan penguasaan kosa kata bahasa Melayu, iaitu faktor jantina, umur dan bidang pengajian semasa mempelajari bahasa Melayu. Setiap faktor ini boleh memberi kesan kepada pembelajaran bahasa Melayu khususnya berkaitan kosa kata kerana gabungan ini menghasilkan output pembelajaran bahasa Melayu. Dengan menggabungkan kesemua pemboleh ubah bebas, kajian ini akan menerangkan sekiranya terdapat hubungan yang signifikan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa di Universiti Malaya.

Jadual 6.15 merupakan analisis varian faktor-faktor perbezaan pelajar yang boleh mempengaruhi keputusan skor penilaian ujian kosa kata bahasa Melayu. Dapat diperhatikan bahawa, faktor peramal yang terdiri daripada jantina pelajar, umur yang dimiliki dan bidang pengajian semasa mempelajari bahasa Melayu tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan kerana memperoleh nilai  $F = 1.398$  dan nilai  $p = 0.266 (>0.05)$ .

Hal ini membuktikan bahawa, faktor individu yang dimiliki oleh pelajar tidak mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa.

**Jadual 6.15: Analisis varian faktor perbezaan pelajar**

	Model	Jumlah Kuasa Sua	dk	Min Kuasa Dua	F	Signifikan
1	Regresi	42.036	3	14.012	1.398	0.266 <sup>b</sup>
	Residual	260.630	26	10.024		
	Jumlah	302.667	29			

a. Pemboleh ubah bersandar: Saiz kosa kata

b. Peramal: Jantina, umur dan bidang pengajian

Seterusnya, analisis ujian regresi berganda antara faktor perbezaan pelajar seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6.16 mendapati, tidak ada faktor yang memberikan nilai signifikan  $p = < 0.05$  kerana kesemua pemboleh ubah berada pada nilai  $p = > 0.05$ . Dapat diperhatikan bahawa faktor umur pelajar memberikan nilai Beta = 1.094,  $t = 1.510$  dan nilai signifikan  $p = 0.143$ . Diikuti oleh faktor bidang pengajian yang memperoleh nilai Beta -0.594,  $t = -0.437$  dan nilai  $p = 0.666$ . Sementara itu bagi faktor jantina pelajar pula, nilai Beta = -0.528,  $t = -0.392$  dan nilai  $p = 0.698$ . Perkara ini menjelaskan tiada faktor individu pelajar yang boleh memberi kesan hubungan yang signifikan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

Selain itu, daripada data dalam jadual 6.16 juga, dapat dinyatakan bahawa faktor perbezaan pelajar ini mempunyai hubungan korelasi yang lemah kerana nilai yang diperoleh ialah  $r = 0.373$ , iaitu berada pada tahap 0.21 hingga 0.40. Sementara itu, bagi meneliti kesan sumbangan pula, nilai yang diperoleh ialah  $R^2 = 0.139$ . Perkara ini menjelaskan bahawa faktor perbezaan pelajar menyumbang sebanyak 13.90 peratus terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu.



**Jadual 6.16: Analisis regresi berganda faktor perbezaan pelajar**

<b>Peramal</b>	<b>B</b>	<b>Std. Error</b>	<b>Beta</b>	<b>t</b>	<b>Signifikan</b>
Jantina	-0.528	1.347	-0.081	-0.392	0.698
Umur	1.094	0.725	0.305	1.510	0.143
Bidang Pengajian	-0.594	1.361	-0.083	-0.437	0.666
Konstant	61.530	3.389		18.158	0.000

Nota:  $r = 0.373$ ,  $R^2 = 0.139$ , Adjusted  $R^2 = 0.040$

### **6.6 Analisis Faktor Perbezaan Pelajar dan Strategi Pembelajaran Kosakata**

Pengujian regresi bertujuan bagi mengenal pasti pengaruh kesemua pemboleh ubah bebas, iaitu strategi pembelajaran kosakata yang terdiri daripada strategi penentuan, strategi sosial (penemuan), strategi memori, strategi sosial (pengukuhan), strategi kognitif dan strategi metakognitif. Selain itu, ujian regresi juga dijalankan terhadap faktor perbezaan pelajar, iaitu jantina, umur dan bidang pengajian sebagai peramal kepada penguasaan saiz kosakata. Analisis varian dijalankan bagi menguji model yang dibina boleh menghasilkan peramalan yang baik tentang kepentingan pemboleh ubah bebas yang ditetapkan.

Hasil analisis varian dalam jadual 6.17 menunjukkan bahawa nilai  $F = 28.497$  dan nilai signifikan ialah  $p = 0.000$ . Oleh kerana nilai signifikan ialah  $0.000$  kurang daripada nilai alfa yang ditentukan, iaitu  $< 0.05$ , maka terdapat hubungan yang signifikan antara setiap peramal yang diuji.

**Jadual 6.17: Analisis Varian pemboleh ubah bebas**

	<b>Model</b>	<b>Jumlah Kuasa Sua</b>	<b>dk</b>	<b>Min Kuasa Dua</b>	<b>F</b>	<b>Signifikan</b>
1	Regresi	248.226	4	62.057	28.497	0.000 <sup>b</sup>
	Residual	54.441	25	2.178		
	Jumlah	302.667	29			

a. Pemboleh ubah bersandar: Saiz kosa kata

b. Peramal: (Konstant), strategi, bidang pengajian, umur, jantina

Seterusnya hasil analisis regresi berganda antara pemboleh ubah yang ditunjukkan dalam jadual 6.18 mendapati, terdapat satu pemboleh ubah yang menyumbang kepada nilai signifikan  $p = 0.000 (<0.05)$ , iaitu strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Hal ini membuktikan bahawa saiz kosa kata dan strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa. Selain itu, pemboleh ubah yang lain memperoleh nilai signifikan lebih besar daripada nilai alfa, iaitu  $p = > 0.05$ . Data menunjukkan bahawa, faktor jantina memperoleh nilai  $p = 0.941$ , faktor umur memperoleh nilai  $p = 0.088$  dan faktor bidang pengajian ialah  $p = 0.760$ .

Peramal tertinggi bagi penguasaan kosa kata bahasa Melayu ialah penggunaan strategi pembelajaran dengan nilai Beta = 0.843,  $t = 9.731$  dan  $p = 0.000$ . Hal ini menjelaskan bahawa apabila skor strategi pembelajaran kosa kata bertambah sebanyak satu unit, maka saiz kosa kata bahasa Melayu akan bertambah sebanyak 0.834 unit yang hampir kepada satu kosa kata. Sekiranya item penggunaan strategi pembelajaran kosa kata meningkat, maka saiz kosa kata juga akan turut meningkat ke tahap yang lebih tinggi.

Peramal berikutnya yang boleh menyumbang kepada peningkatan saiz kosa kata pelajar ialah umur, iaitu Beta = 0.606, t = 1.775 dan p = 0.088. Seterusnya diikuti oleh jantina, Beta = -0.047, t = -0.075 dan p = 0.941 dan yang terakhir ialah bidang pengajian, Beta = -0.196, t = -0.309 dan p = 0.760. Menurut Wong dan Nunan (2011), terdapat faktor-faktor lain yang boleh diambil kira sebagai pengaruh dan sumbangan berkaitan penguasaan kosa kata bahasa seperti jumlah jam pembelajaran dan bahan pengajaran

Hasil analisis bagi meneliti hubungan kesemua pemboleh ubah bebas terhadap subjek kajian mendapati, nilai  $r = 0.906$  berada pada tahap interpretasi yang sangat kuat. Mohd Yusri Ibrahim (2010) menyatakan bahawa kekuatan hubungan yang mempunyai korelasi yang sangat kuat berada pada nilai 0.91 hingga 1.00. Selain itu, nilai  $R^2 = 0.820$  merujuk kepada jumlah sumbangan peratusan gabungan bagi keempat-empat pemboleh ubah yang memberi kepada penguasaan kosa kata sebanyak 82.00 peratus. Lebih 18.00 peratus lagi disumbangkan oleh pemboleh ubah lain yang tidak terdapat dalam skop kajian ini.

**Jadual 6.18: Analisis berganda pengaruh pemboleh ubah**

Peramal	B	Std. Error	Beta	t	Signifikan
Jantina	-0.047	0.630	-0.007	-0.075	0.941
Umur	0.606	0.341	0.169	1.775	0.088
Bidang Pengajian	-0.196	0.636	-0.027	-0.309	0.760
Strategi Pembelajaran	0.843	0.087	0.849	9.731	0.000
Konstant	24.228	4.146		5.844	0.000

Nota:  $r = 0.906$  ;  $R^2 = 0.820$ ; Adjusted  $R^2 = 0.791$

Secara umumnya, bahagian ini telah menganalisis dan melengkapkan proses pelajar semasa mempelajari bahasa Melayu seperti dalam Model Pemerolehan Bahasa Kedua yang dicadangkan oleh Ellis (1994), iaitu hasil pembelajaran kosa kata (output bahasa), strategi pembelajaran kosa kata dan faktor perbezaan pelajar. Selain itu, dua pemboleh ubah bebas utama telah dianalisis, iaitu strategi pembelajaran kosa kata dan faktor perbezaan penguasaan kosa kata oleh pelajar antarabangsa yang boleh mempengaruhi saiz kosa kata bahasa Melayu. Faktor-faktor ini berbeza antara setiap pelajar dengan mengambil kira faktor peribadi pelajar seperti jantina, umur dan bidang pengajian.

## **6.7 Kesimpulan**

Rumusannya, bahagian ini telah menghuraikan satu daripada proses Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994), iaitu faktor-faktor perbezaan penguasaan kosa kata pelajar yang mempelajari bahasa kedua. Selain itu, bab ini telah menghuraikan secara terperinci statistik deskriptif, iaitu nilai min, sisihan piawai, hubungan korelasi dan regresi antara faktor perbezaan penguasaan kosa kata pelajar yang mempengaruhi saiz kosa kata bahasa Melayu. Bagi analisis regresi pula, dapat diperhatikan bahawa faktor jantina, umur dan bidang pengajian tidak memberikan kesan yang signifikan kerana memperoleh nilai  $p = > 0.05$ .

Dari segi kesan pengaruh pula, faktor-faktor seperti jantina, umur dan bidang pengajian boleh menyumbang kepada penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Nilai ini dibuktikan apabila faktor jantina menyumbang 5.60 peratus, faktor umur 12.40 peratus dan 2.30 peratus untuk faktor bidang pengajian pelajar. Dalam pada itu, penggunaan strategi pembelajaran bagi setiap faktor juga berbeza mengikut kategori umur pelajar. Pelajar berumur antara 21 tahun hingga 30 tahun dan 31 tahun hingga 40 tahun banyak mengamalkan item strategi memori. Di samping itu, pelajar berumur 41 tahun hingga 50

tahun cenderung memilih item strategi kognitif dan diikuti oleh pelajar berumur 51 tahun hingga 60 tahun yang lebih menggunakan item strategi sosial (pengukuhan). Berdasarkan kepada dapatan tersebut, beberapa panduan dapat dicadangkan bagi memperkasakan bahasa Melayu berkaitan kosa kata terhadap pelajar antarabangsa lebih menguasai bahasa Melayu pada masa akan datang. Perkara-perkara ini akan dibincangkan dalam bab yang berikutnya.

Universiti Malaya

## **BAB 7**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **7.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menyimpulkan kajian yang telah dilakukan hasil daripada analisis data kuantitatif yang dikemukakan dalam bab empat, lima dan enam, iaitu ujian kosa kata, strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu dan faktor perbezaan pelajar antarabangsa dalam penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Rumusan dan cadangan merangkumi penemuan untuk setiap persoalan dan objektif kajian dengan memberikan penerangan serta penjelasan berkaitan kajian kosa kata bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Bab ini juga akan memberikan cadangan untuk kajian lanjutan bagi meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa dan peranan pihak-pihak berkepentingan serta kesimpulan akhir kajian.

#### **7.2 Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu**

Penguasaan kosa kata bahasa Melayu bermakna pelajar mempunyai pemahaman tentang pelbagai kosa kata dan memahami teks yang dibaca serta mampu untuk berkomunikasi dengan berkesan sama ada bersama rakan atau dengan penutur asli. Penguasaan kosa kata melibatkan pembelajaran kosa kata baharu, sebutan dan makna dalam pelbagai konteks. Pelajar boleh menggunakan kosa kata dan ungkapan dengan betul bagi mengelakkan kekeliruan atau salah faham ketika berkomunikasi secara lisan dan tulisan. Kajian ini telah menjelaskan hubungan yang berkaitan dengan proses aliran antara setiap satu pemboleh ubah, iaitu saiz kosa kata, strategi pembelajaran kosa kata dan faktor perbezaan pelajar. Aliran proses pelajar ini selari dan menepati dengan model Pemerolehan Bahasa Kedua oleh Ellis (1994), iaitu pada bahagian hasil pembelajaran (output bahasa) dan faktor perbezaan pelajar. Jenis dan kuantiti strategi pembelajaran kosa kata yang

diamalkan oleh pelajar pula bersesuaian seperti yang dinyatakan oleh Schmitt (1997), iaitu strategi penentuan, strategi sosial (penemuan), strategi memori, strategi sosial (pengukuhan), strategi kognitif dan strategi metakognitif.

Kedua-dua model, iaitu Model Pemerolehan Bahasa Kedua oleh Ellis (1994) dan Taksonomi Schmitt (1997) yang digabung jalin telah merungkai persoalan dan mencapai objektif kajian yang ditetapkan pada awal kajian. Dalam model tersebut jelas menyatakan setiap pemboleh ubah saling berkait antara satu sama lain untuk menghasilkan output bahasa, iaitu penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

Kajian ini telah mencapai objektif kajian yang pertama bahawa saiz kosa kata boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Dalam Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994) dinyatakan bahawa hasil ujian penilaian kosa kata merupakan output bahasa sebagai bukti penguasaan bahasa Melayu pelajar. Oleh itu saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar boleh dikatakan sebagai output bahasa atau hasil pembelajaran.

### **7.2.1 Saiz Kosa Kata Bahasa Melayu**

Kajian berkaitan saiz kosa kata bahasa Melayu telah dimulakan pada peringkat awal pembelajaran, iaitu satu ujian pra telah dijalankan bagi menguji saiz kosa kata bahasa Melayu yang dimiliki oleh pelajar. Hasil kajian mendapati tidak ada seorang daripada subjek kajian melepasi tahap penguasaan kosa kata, iaitu memperoleh skor 16/18, iaitu kurang daripada jumlah 889 kosa kata atau 88.89 peratus. Skor minimum yang diperoleh ialah satu dan skor maksimum pula ialah 13. Namun, setelah dua minggu proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, satu ujian pasca dilakukan bagi mengetahui saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Analisis data mendapati, skor minimum yang dimiliki ialah tiga dan skor maksimum pula ialah 18 atau memperoleh markah penuh 100

peratus pada tahap tersebut. Terdapat seramai tujuh (23.33%) orang pelajar telah melepasi tahap 3000 kosa kata dengan memperoleh jumlah antara 889 kosa kata hingga 1000 kosa kata. Baki 23 (76.67%) daripada jumlah tersebut masih lagi tidak memiliki jumlah kosa kata yang mencukupi sebagai syarat penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

Bagi membuktikan perbezaan skor markah ujian pra dan ujian pasca, ujian -t berpasangan diuji bagi mengetahui hubungan yang signifikan antara kedua-dua ujian tersebut. Hasil kajian mendapati nilai p yang diperoleh ialah 0.000 ( $<0.05$ ). Perkara ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan terhadap saiz kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa. Hal ini menjelaskan bahawa, berlaku pemerolehan dan penguasaan kosa kata bahasa Melayu kerana terdapat hubungan yang signifikan ( $p = 0.000$ ) yang membuktikan perbezaan skor ujian pra dan ujian pasca. Seterusnya bagi hubungan korelasi pula, ketiga-tiga tahap menunjukkan hubungan yang sangat kuat pada tahap 2000 serta hubungan yang kuat pada tahap 1000 dan tahap 3000.

Maka dalam hal ini, pelajar ijazah tinggi berupaya menguasai bahasa Melayu setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat pelajar yang gagal mencapai tahap 3000 kosa kata, dengan peratus yang ditunjukkan, iaitu 76.67 peratus sahaja berbanding 23.33 peratus pelajar yang berjaya. Selari dengan kajian yang dilakukan oleh Hui (2004) mempunyai saiz kosa kata yang rendah, iaitu bawah 80 peratus akan memberi kesan langsung yang mempengaruhi pemahaman pelajar terhadap teks bacaan pelajar. Dalam kajian ini, kadar saiz kosa kata yang rendah menunjukkan tahap penguasaan pelajar antarabangsa berkaitan bahasa Melayu masih rendah.

Pengetahuan tentang kosa kata dilihat dari segi ukuran atau jumlah kosa kata yang diketahui oleh pelajar antarabangsa. Mempunyai saiz kosa kata yang rendah boleh menjadi penghalang untuk mencapai penguasaan bahasa Melayu. Saiz kosa kata



berkorelasi positif dengan penguasaan bahasa Melayu kerana mempunyai kaitan antara tiga pemboleh ubah, iaitu saiz kosa kata, strategi pembelajaran dan faktor pelajar. Krashen (2003) menjelaskan bahawa pemboleh ubah yang merujuk kepada saiz kosa kata dan kaedah pembelajaran sering memainkan peranan yang penting berkaitan penguasaan kosa kata. Pelajar perlu mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dalam pelbagai kemahiran berbahasa untuk menguasai kosa kata bahasa Melayu. Ketidakupayaan untuk menguasai sejumlah kosa kata akan memberi kesan yang negatif dalam penguasaan bahasa (Abdul Razif Zaini, 2015). Setiap proses pengajaran dan pembelajaran perlu diberi perhatian terutamanya perkara berkaitan kosa kata. Latihan dan amalan pelajar dapat mengembangkan perbendaharaan kosa kata dan meningkatkan keupayaan untuk berkomunikasi dan memahami bahasa Melayu. X. Zhang dan Lu (2014) menyatakan bahawa saiz kosa kata boleh meningkat dan terus bertambah sepanjang hayat jika digunakan dalam pertuturan seharian.

Tahap kosa kata ialah ukuran yang digunakan untuk memahami saiz kosa kata pelajar. Walau bagaimanapun, saiz kosa kata ialah pengukuran pengetahuan yang lebih khusus berkaitan pemahaman makna sebenar kosa kata. Nation dan Webb (2011) menegaskan bahawa pelajar harus diuji dan dinilai pada setiap tahap, iaitu tahap 1000, tahap 2000, tahap 3000 dan seterusnya sehingga tahap 10,000. Menurut Nation dan Waring (1997) pelajar bahasa kedua memerlukan lebih kurang 3000 kosa kata untuk mencapai tahap minimum berbahasa. Selain itu, Coady Huckin (1997) menjelaskan bahawa pelajar mesti didorong untuk memperoleh 3000 kosa kata daripada kata dasar untuk mencapai kejayaan dalam penguasaan bahasa dan sebagai syarat minimum untuk memahami teks. Oleh itu, skor atau keputusan ujian yang disahkan adalah petunjuk yang betul berkaitan pengukuran tahap dan saiz kosa kata pelajar. Pengujian berkaitan pengetahuan kosa kata pelajar boleh menjadi alat yang berguna untuk mengukur tahap penguasaan bahasa Melayu.

### 7.2.2 Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Melayu

Objektif kedua kajian ini, iaitu berkaitan strategi pembelajaran kosakata yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa dalam usaha meningkatkan penguasaan kosakata bahasa Melayu. Kesemua data dan analisis strategi pembelajaran kosakata yang dinyatakan adalah penerapan daripada Taksonomi Schmitt (1997) yang merupakan satu daripada proses dalam Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994).

Hasil analisis menunjukkan bahawa strategi memori merupakan strategi paling diamalkan dengan memperoleh nilai  $\text{min} = 3.76$  dan sisihan piawai = 0.99. Secara keseluruhannya, interpretasi penggunaan strategi berada pada tahap sederhana dan tinggi. Bagi hubungan korelasi pula, data menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa tidak berada pada tahap interpretasi yang sangat lemah dan sangat kuat. Oleh yang demikian penguasaan kosakata bahasa Melayu pelajar antarabangsa berhubung secara positif antara setiap strategi pembelajaran kerana setiap strategi pembelajaran memperoleh nilai signifikan  $< 0.05$ . Pilihan strategi yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa berbeza-beza mengikut kategori yang telah dijelaskan dalam Taksonomi Schmitt (1997). Hal ini mempunyai kesan signifikan data secara statistik terhadap penggunaan strategi pembelajaran dan penguasaan kosakata bahasa Melayu.

Bagi item strategi pembelajaran kosakata pula, hasil kajian membuktikan pelajar mengaplikasikan pelbagai item strategi seperti menggunakan Internet untuk menambah pengetahuan berkaitan bahasa Melayu. Selain itu, pelajar boleh mengulang kaji pelajaran, menggunakan kamus dwibahasa dan menggunakan gambar untuk memahami makna dengan lebih jelas. Kajian ini percaya bahawa setiap pelajar mempunyai kaedah dan cara yang tersendiri semasa mempelajari bahasa Melayu. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Roshidah Hassan (2017) yang mengatakan bahawa satu daripada strategi pembelajaran pelajar adalah dengan memilih item strategi yang lebih berkesan daripada yang lain.

Strategi pembelajaran boleh mempengaruhi tahap pemahaman dan kemampuan pelajar untuk berkomunikasi. Implikasi kajian ini pasti memberi kelebihan kepada pelajar untuk terus mengamalkan strategi pembelajaran bahasa Melayu pada masa akan datang walaupun pelajar sudah tamat kelas bahasa Melayu.

Seterusnya bagi hubungan korelasi strategi pembelajaran dengan tahap penguasaan kosa kata pelajar, data menunjukkan bahawa strategi sosial (pengukuhan) mempunyai hubungan yang paling tinggi, iaitu dengan memperoleh nilai  $r = 0.669$  dan nilai  $p = 0.000 (<0.05)$ . Perkara ini menjelaskan bahawa semakin tinggi penggunaan strategi sosial (pengukuhan), semakin tinggi tahap pemahaman pelajar berkaitan kosa kata bahasa Melayu. Walaupun strategi sosial memberi hubungan yang paling tinggi berbanding lima strategi yang lain, namun kesemua strategi tersebut tidak menunjukkan perbezaan yang begitu ketara kerana masih mempunyai hubungan pada tahap yang sederhana, iaitu antara 0.41 hingga 0.70.

Oleh itu, kajian ini selari dengan pendapat Schmitt (1997), iaitu menekankan pentingnya strategi pembelajaran yang melibatkan kategori penemuan dan pengukuhan. Pemerolehan kosa kata ialah satu proses dan pelajar perlu sentiasa meningkatkan pengetahuan untuk menambah saiz dan mengekalkannya. Selain itu, strategi pembelajaran kosa kata menekankan kepentingan penentuan, penetapan matlamat, memantau kemajuan, menggunakan pelbagai strategi dan mengulang kaji semula kosa kata yang telah dipelajari. Strategi-strategi ini dapat membantu pelajar kekal bermotivasi dan memberi tumpuan kepada objektif pembelajaran kosa kata dan akhirnya membawa kepada kejayaan dalam pembelajaran bahasa Melayu.

### **7.2.3 Faktor Perbezaan Pelajar**

Faktor perbezaan pelajar seperti jantina, umur dan bidang pengajian memainkan peranan penting dalam penguasaan bahasa Melayu pelajar antarabangsa di Universiti Malaya. Ellis (1994) telah menjelaskan bahawa terdapat faktor individu yang dimiliki oleh pelajar yang boleh menyumbang kepada pencapaian bahasa kedua yang dipelajari. Faktor-faktor ini dilihat positif walaupun memberi pengaruh yang kecil kepada penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar. Oleh itu, bagi menyimpulkan objektif kajian yang ketiga berkaitan perbezaan pelajar semasa mempelajari kosa kata bahasa Melayu, hasil kajian mendapati ketiga - tiga faktor berkenaan tidak memberi kesan pengaruh yang begitu besar. Berdasarkan ujian regresi yang telah dijalankan, faktor jantina menyumbang 5.60 peratus, faktor umur menyumbang 5.50 peratus dan faktor bidang pengajian pula hanya menyumbang 2.30 peratus terhadap pengaruh penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan subjek kajian. Hal ini membuktikan bahawa, faktor perbezaan individu ini tidak memberi kesan yang begitu besar kepada pencapaian bahasa Melayu pelajar dengan jumlah 19.00 peratus. Dari aspek hubungan korelasi pula, ketiga-tiga faktor menunjukkan hubungan yang sangat lemah dah lemah, iaitu sekitar 0.00 hingga 0.40.

#### **7.2.3.1 Faktor Jantina**

Jantina yang dimiliki oleh pelajar memainkan peranan penting dalam kehidupan individu terutamanya pelajar yang mempelajari bahasa kedua kerana jantina boleh membentuk keseluruhan pengalaman (Becirovic, 2017). Jantina dan bahasa adalah satu daripada bidang kajian utama antaranya berkaitan linguistik terapan, sosiolinguistik dan psikolinguistik dalam menyelidik aspek pertuturan yang berbeza (Tannen, 1996). Perbezaan jantina semasa mempelajari bahasa adalah berkaitan dengan fisiologi, psikologi dan pengalaman peribadi. Dalam kebanyakan kajian, penyelidik menjadikan jantina sebagai faktor penting, iaitu sebagai pemboleh ubah bebas. Oleh bahagian ini akan

menilai faktor jantina sebagai pemboleh ubah bebas bagi menguji penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa di Universiti Malaya.

Berdasarkan kepada ujian yang telah dilakukan, kajian ini membuktikan bahawa skor ujian penilaian kosa kata bahasa Melayu mengikut perbezaan jantina tidak memberikan kesan yang begitu ketara kerana pelajar lelaki memperoleh nilai  $M = 62.25$  dan nilai  $SP = 3.05$ , manakala pelajar perempuan memperoleh nilai  $M = 60.72$  dan nilai  $SP = 3.29$ . Terdapat perbezaan skor ujian sebanyak 1.53 sahaja. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa nilai signifikan yang diperoleh ialah  $p = 0.210$  ( $>0.05$ ). Oleh itu tidak terdapat perbezaan pencapaian penguasaan kosa kata bahasa Melayu antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Kajian ini selari dengan kajian oleh Nadhilah Abdul Pital dan Kamarul Shukri Mat Teh (2018) serta Mohamad Yazid Mohamad (2017) dengan menyatakan bahawa faktor jantina, iaitu pelajar lelaki dan pelajar perempuan tidak memberi kesan terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Bhatti dan Mukhtar (2020) dan Siti Hajar Bidin et al. (2019) telah menjelaskan bahawa faktor jantina antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai perbezaan pencapaian dan menyumbang kepada penguasaan bahasa kedua yang dipelajari.

Terdapat penjelasan untuk hasil penyelidikan yang menyatakan bahawa faktor jantina boleh mempengaruhi tahap penguasaan kosa kata pelajar. Antara penjelasan yang diberikan ialah gabungan faktor jantina dan latar belakang pendidikan bahasa yang diterima sejak dari awal zaman kanak-kanak. Kedua-dua faktor ini, iaitu jantina dan latar belakang pendidikan boleh memberi kesan yang besar dari segi pemahaman dan pencapaian pelajar terhadap penguasaan bahasa kedua yang dipelajari (Becirovic, 2017). Werker (2018) pula mengatakan bahawa jantina dikaitkan dengan faktor biologi yang

boleh membezakan pencapaian pelajar semasa mempelajari bahasa yang baharu. Terdapat penjelasan lain yang boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata, iaitu pengaruh media dan teknologi yang dijadikan satu daripada item strategi pembelajaran kosa kata (Quiroz et al., 2021). Begitu juga kajian oleh Andreou et al. (2005) yang menggabungkan jantina dan kemahiran pelajar, jantina dan kebolehan kognitif serta jantina dan bidang pengajian pelajar. Guru perlu mempertimbangkan perbezaan jantina ketika memilih kaedah pengajaran yang sesuai kerana dianggap boleh mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu.

### **7.2.3.2 Faktor Umur**

Umur yang dimiliki oleh pelajar merupakan satu daripada perbezaan individu semasa mempelajari bahasa Melayu. Umur seseorang yang mula mempelajari bahasa kedua ialah faktor kritikal dalam menentukan kejayaan dan keupayaan menguasai bahasa yang dipelajari. Bagi meneliti faktor umur, kajian ini hanya memfokuskan kepada pelajar dewasa, iaitu pelajar ijazah tinggi berbanding kajian yang membuat perbandingan antara kanak-kanak dan pelajar dewasa.

Kajian lepas menunjukkan bahawa faktor umur pelajar adalah yang paling penting kerana boleh menjadi pemboleh ubah kepada kesan konteks pembelajaran (Hu, 2016). Namun, berdasarkan analisis dalam kajian ini, faktor umur yang dimiliki pelajar dilihat kurang mempengaruhi dalam usaha pelajar mempelajari bahasa Melayu. Hal ini kerana data yang dianalisis tidak signifikan terhadap hasil penguasaan kosa kata bahasa Melayu kerana nilai yang diperoleh ialah  $p = 0.056 (> 0.05)$ . Dalam kajian yang dijalankan untuk menentukan saiz kosa kata bahasa Melayu, pelajar berumur antara 41 tahun hingga 50 tahun mempunyai nilai sisihan piawai paling besar, iaitu 6.36 berbanding pelajar berumur antara 21 tahun hingga 30 tahun yang memperoleh nilai sisihan piawai paling kecil, iaitu 2.85. Hal ini menjelaskan bahawa pelajar dewasa yang lebih berusia

mempunyai skor markah lebih tinggi berbanding dua kategori umur pelajar yang lebih muda, iaitu antara 31 tahun hingga 40 tahun dan 21 tahun hingga 30 tahun.

Kajian ini tidak selari dengan kajian oleh (Bai, 2018) yang menjelaskan bahawa faktor umur sangat penting untuk penggunaan strategi pembelajaran kosa kata dan penguasaan bahasa kedua. Hal ini disebabkan pelajar dewasa lebih cenderung menggunakan strategi dengan lebih teratur dan terkini seperti penggunaan teknologi. Kajian oleh Hawkins (2018) membuktikan bahawa pelajar dewasa boleh dikaitkan dengan strategi pembelajaran sendiri sekiranya persekitaran pembelajaran berubah daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar. Selain itu, Dong dan Ren (2013) menjelaskan penggunaan strategi pembelajaran juga boleh dipelbagaikan mengikut kehendak dan situasi sama ada melakukan perbincangan bersama rakan sebaya atau pembelajaran melalui media sosial. Berbanding kanak-kanak yang hanya bergantung kepada guru atau ibu bapa untuk memperoleh kosa kata bahasa yang dipelajari.

Ellis (1994) menjelaskan bahawa dari aspek kepelbagaian strategi pembelajaran dan tatabahasa, pelajar dewasa memiliki kelebihan mempelajari bahasa kedua berbanding pelajar kanak-kanak. Perkara ini terjadi dalam pembelajaran bahasa kerana penggunaan bahan-bahan pengajaran yang berlaku di dalam kelas berbanding pendedahan yang berlaku secara semula jadi di luar kelas. Manan dan Khadija-Tul-Kubra (2017) menjelaskan bahawa terdapat halangan terhadap keupayaan kanak-kanak untuk mempelajari bahasa kedua, iaitu dari segi struktur tatabahasa yang lebih kompleks terutamanya bahagian penggolongan kata. Pelajar dewasa yang berupaya mengenal pasti perbezaan berkaitan golongan kata dan boleh memberi penjelasan makna kosa kata yang dipelajari (Carlisle, 2001).

Hal ini menjelaskan bahawa kebolehan kognitif pelajar dewasa lebih menerima perkembangan bahasa terutama melibatkan semantik, fonologi dan alat artikulasi (Kempe & Brooks, 2011). Namun begitu, faktor umur bukan satu-satunya penentu kepada penguasaan bahasa Melayu pelajar. Sebaliknya terdapat faktor-faktor lain yang dapat menjelaskan kepada penguasaan pelajar seperti faktor motivasi, sosioekonomi dan sosiobudaya (Birdsong, 2006).

### **7.2.3.3 Faktor Bidang Pengajian**

Bagi faktor bidang pengajian pula, terlalu sedikit kajian yang telah dilakukan para sarjana dengan melihat kepada perbezaan bidang pengajian pelajar semasa mempelajari bahasa Melayu sama ada bidang sains atau sains sosial. Kebanyakan kajian lebih menjurus kepada latar belakang pendidikan sama ada pernah mempelajari bahasa Melayu semasa berada di sekolah, menerima pendidikan awal bahasa Melayu semasa zaman kanak-kanak dan menerima pendidikan bahasa Melayu semasa berada di negara asal penutur. Berbanding dalam kajian ini yang menilai latar belakang pendidikan, iaitu bidang pengajian oleh pelajar antarabangsa semasa melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya.

Ellis (1994) berpendapat bahawa tahap pendidikan boleh mempengaruhi penguasaan pelajar semasa mempelajari bahasa kedua. Oleh itu, berdasarkan kepada analisis, kajian ini mendapati bahawa skor ujian penilaian kosa kata bahasa Melayu mengikut bidang pengajian tidak memberikan kesan yang begitu ketara terhadap penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Dapat dijelaskan bahawa bidang sains memperoleh nilai  $M = 62.13$  dan nilai sisihan piawai 4.51, manakala bidang sains sosial pula memperoleh nilai  $M = 61.05$  dan nilai sisihan piawai 2.70. Terdapat perbezaan skor ujian penilaian sebanyak 1.08 sahaja. Kajian ini membuktikan bahawa bidang pengajian yang dimiliki oleh pelajar antarabangsa semasa mempelajari bahasa Melayu tidak memberi kesan yang signifikan terhadap penguasaan kosa kata kerana memperoleh nilai  $p = 0.428$



(>0.05). Oleh itu, bidang pengajian sains atau sains sosial mempunyai kesan yang sama dalam pembelajaran bahasa Melayu. Bidang pengajian di peringkat ijazah tinggi yang diambil semasa mempelajari bahasa Melayu di Universiti Malaya tidak mempunyai kesan yang besar terhadap penguasaan kosa kata.

Kajian ini selari dengan dapatan data Andreou et al. (2005) yang menjelaskan bahawa pelajar bidang sains memperoleh pemahaman yang sama dengan pelajar bidang sains sosial yang mempelajari bahasa kedua. Namun begitu, kajian ini tidak selari dengan kajian oleh Lin (2007) yang menegaskan bahawa penguasaan bahasa boleh dipengaruhi oleh tahap pendidikan yang berbeza berdasarkan kepada bidang dan aliran semasa berada di peringkat rendah atau pun peringkat tinggi. Lin (2007) berpendapat, pelajar bidang sains sosial yang menerima pendedahan dari awal berkaitan bahasa dan linguistik kerana memperoleh keputusan yang lebih cemerlang berbanding pelajar dalam bidang sains.

Selain itu, Nemati (2013) menyatakan bahawa latar belakang pendidikan boleh mempengaruhi pembelajaran bahasa. Hal ini boleh merujuk kepada latar belakang pendidikan pelajar dan latar belakang pendidikan ibu bapa. Namun dalam kajian ini, latar belakang pendidikan dalam bidang pengajian dijadikan sebagai pemboleh ubah bebas. Terdapat kajian oleh Ghalebi et al. (2020) yang membuat perbandingan antara tahap pengajian, iaitu tahap ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah sarjana doktor falsafah. Berbanding kajian ini yang hanya melihat kepada satu tahap pendidikan, iaitu pelajar ijazah tinggi sahaja.

Secara ringkasnya, kajian berkaitan faktor perbezaan pelajar dalam penguasaan kosa kata bahasa Melayu memberi kesan kepada pemahaman pelajar dalam membantu merapatkan jurang perbezaan setiap individu. Penguasaan berbahasa dipengaruhi oleh saiz kosa kata dan pengetahuan kosa kata yang diajarkan oleh guru secara langsung dan

tidak langsung. Walau bagaimanapun, setiap perbezaan ini boleh mengurangkan kesan dengan intervensi, pendekatan dan strategi pembelajaran yang diterapkan sama ada berpusatkan pelajar atau guru.

### **7.3 Psikolinguistik Dalam Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu**

Amalan psikolinguistik memainkan peranan penting dalam memudahkan penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Dengan memahami mekanisme yang terlibat dalam pembelajaran bahasa Melayu, pelajar dapat merancang strategi yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu. Selain itu, psikolinguistik adalah bidang yang meneroka proses psikologi dan kognitif yang terlibat dalam pemerolehan dan penggunaan bahasa (Zulkifley Hamid, 2006). Oleh itu, pelajar memerlukan pemahaman tentang mekanisme yang terlibat dalam memperoleh, mempelajari dan seterusnya mengukuhkan kosa kata yang telah dipelajari. Lebih tepat untuk mengatakan bahawa psikolinguistik memberikan pemahaman tentang proses kognitif yang terlibat dalam pemerolehan dan penguasaan kosa kata.

Pemerolehan kosa kata merujuk kepada proses mendapat dan mengekalkan kosa kata baharu dalam minda. Kekekapan dan pendedahan input bahasa ialah faktor penting dalam pemerolehan kosa kata sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hal ini bermakna, lebih kerap pelajar menemui kosa kata, maka semakin besar jumlah kosa kata yang boleh diingati dan menggunakannya semula semasa berkomunikasi. Pelajar antarabangsa memperoleh manfaat daripada strategi pembelajaran secara berulang kali di dalam kelas sekiranya tidak mempunyai banyak pendedahan bahasa Melayu kepada penutur asli. Oleh itu, pembelajaran kosa kata secara ulang kaji merupakan strategi yang boleh diamalkan dan sekali gus membina kekuatan memori yang berkesan di dalam minda.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, psikolinguistik memberikan kaedah tentang cara pelajar menguasai kosa kata. Pembelajaran kosa kata melalui membaca, mendengar, menulis dan bertutur boleh membantu pelajar antarabangsa mengembangkan pemahaman yang lebih baik berkaitan kosa kata dan makna. Penguasaan kosa kata menekankan amalan psikolinguistik dalam pemerolehan dan penggunaan kosa kata sama ada secara kerap, berulang atau penggunaan teknologi dan media. Kajian ini telah membuktikan bahawa, pelajar yang kerap mengamalkan strategi pembelajaran secara berulang kali boleh menguasai kosa kata bahasa Melayu. Hal ini merujuk kepada pelajar yang berumur antara 21 tahun hingga 30 tahun yang mengamalkan strategi mengulangi secara lisan untuk mempelajari semula kosa kata bahasa Melayu. Begitu juga pelajar yang berumur antara 41 tahun hingga 50 tahun yang mengamalkan strategi pembelajaran dengan mengulang kaji semula pelajaran sebelum bermulanya kelas bahasa Melayu.

Selain itu, perbezaan individu dalam penguasaan kosa kata disebabkan oleh faktor-faktor seperti kebolehan kognitif, jantina, umur dan strategi pembelajaran. Perkara ini mempengaruhi keupayaan pelajar antarabangsa memperoleh dan menguasai kosa kata. Pelajar yang mempunyai memori yang lebih baik akan menunjukkan kecekapan yang lebih tinggi dalam ingatan penggunaan kosa kata. Selain itu, penglibatan secara aktif dengan menggunakan kemahiran bahasa seperti perbualan atau bacaan dan digabungkan dengan strategi pembelajaran yang berkesan dapat meningkatkan hasil pembelajaran kosa kata dengan ketara. Dengan mengkaji faktor-faktor ini, kajian ini dapat mengenal pasti strategi pembelajaran kosa kata yang berkesan dan mengoptimumkan kaedah pengajaran bahasa oleh guru.

Dapat disimpulkan bahawa, psikolinguistik dapat menyumbang kepada pemahaman pelajar tentang proses kognitif yang mendasari pemerolehan kosa kata

bahasa Melayu. Proses-proses yang berlaku di dalam minda merupakan struktur asas yang terjadi bermula daripada memperoleh, menyimpan dan menggunakan semula pengetahuan kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Setelah itu, peningkatan input bahasa disebabkan oleh penekanan ciri-ciri bahasa seperti tekanan, intonasi dan tatabahasa yang dapat membantu pelajar berkomunikasi.

#### **7.4 Cadangan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Melayu**

Semua teori, pendekatan pemerolehan dan pengajaran bahasa Melayu mempunyai pengaruh terhadap pengembangan idea dan strategi pembelajaran bahasa. Sebahagian daripada hasil pembelajaran bahasa dapat dijelaskan dengan penggunaan pelbagai strategi pembelajaran kosa kata termasuklah bahasa Melayu. Ellis (2006) menjelaskan pembelajaran bahasa dilihat sebagai satu daripada komponen asas dalam pembentukan bahasa dan dibantu dengan penggunaan strategi pembelajaran bahasa. Seterusnya Stockwell (2013) menyatakan, penguasaan bahasa dilihat sebagai dilihat sebagai proses kognitif berkaitan pemprosesan input bahasa kedua, pemindahan bahasa ibunda, mekanisme pembelajaran, strategi komunikasi dan bahan pengajaran.

Cohen (2014) menyatakan bahawa strategi pembelajaran bahasa kedua adalah proses secara sedar yang dipilih oleh pelajar serta mengakibatkan tindakan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman pembelajaran. Seterusnya Nation (2001) memberikan dua ciri penting proses strategi pembelajaran bahasa, iaitu strategi yang dipilih dan strategi yang boleh diamalkan oleh pelajar. Pelajar yang memperoleh manfaat hasil daripada strategi tersebut boleh meningkatkan kecekapan pelajar.

Berne dan Blachowicz (2008) menjelaskan bahawa pembelajaran kosa kata boleh menjadi terganggu sekiranya pelajar tidak yakin dengan strategi pembelajaran yang diamalkan. Pelajar tidak bersedia dan tidak tahu untuk memulakan pembelajaran kosa

kata, di samping tiada penekanan khusus berkaitan pengajaran kosa kata oleh guru. Rabadi (2016) berpendapat guru perlu menggunakan pelbagai strategi pembelajaran untuk menarik perhatian pelajar dan digabung jalin bersama usaha pelajar ketika mempelajari kosa kata yang baharu. Pelajar pula perlu sentiasa bermotivasi untuk terus mempelajari bahasa kedua dan menetapkan rancangan pembelajaran dengan teliti (M. Syaeful Rizki U et al., 2013). Berikut cadangan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu yang boleh diamalkan oleh pelajar antarabangsa di Universiti Malaya.

#### **7.4.1 Mencari Maklumat Kosa Kata Baharu di Internet**

Pembelajaran bahasa Melayu adalah proses yang memerlukan dedikasi, usaha dan penggunaan pelbagai strategi pembelajaran. Strategi pembelajaran ini adalah dengan mencari maklumat kosa kata baharu di Internet. Internet boleh menjadi sumber yang sangat baik untuk pelajar antarabangsa mempelajari kosa kata baharu bahasa Melayu. Terdapat pelbagai sumber yang terdapat di dalam Internet seperti e-kamus, tesaurus, kuiz dan laman sesawang pendidikan. Aplikasi ini direka dengan lebih interaktif untuk menjadikan pengalaman pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Hal ini dapat membantu pelajar mempelajari kosa kata dan mengamalkan kemahiran bahasa Melayu.

Selain laman sesawang dan aplikasi pembelajaran bahasa Melayu, terdapat juga komuniti dan forum dalam talian yang membolehkan pelajar berhubung antara satu sama lain dan berkongsi maklumat mengenai bahasa Melayu. Komuniti ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan kemahiran bahasa dengan melibatkan diri dalam perbualan dengan penutur asli dan pelajar lain. Simonson (1997) menjelaskan bahawa kemudahan Internet membolehkan pelajar berkomunikasi dengan penutur natif dalam suasana yang lebih selesa dan menjimatkan kos. Berkomunikasi dengan penutur natif membolehkan pelajar mengamalkan kemahiran bahasa yang dipelajari seperti bertanya, berbincang, meminta maklumat dan terlibat secara aktif dalam perbualan harian dengan

menggunakan bahasa Melayu. Interaksi sosial yang berlaku membawa kepada hubungan dan kerjasama pembelajaran, iaitu pertukaran idea dan maklumat dengan pelajar di seluruh dunia. Pelajar boleh berkongsi maklumat melalui satu platform ilmu atau media sosial yang sama seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Future Learn*. Hal ini secara tidak langsung juga boleh menggalakkan peningkatan kemahiran komputer dan pengalaman teknikal penggunaan teknologi terkini.

Selain itu, Internet juga boleh digunakan untuk memperoleh maklumat daripada sumber bahasa seperti korpus bahasa Melayu untuk pelbagai tujuan akademik. Sebagai tambahan, carian maklumat berkaitan bahasa Melayu memberi pemahaman dengan lebih jelas berkaitan semakan yang boleh dilakukan berdasarkan sumber rujukan yang terkini (Suzlina Hilwani & Jamaludin Badusah, 2015). Sebagai contoh, pelajar boleh mendapatkan maklumat dari negara-negara penutur bahasa Melayu di seluruh dunia seperti Indonesia, Brunei dan Singapura. Pelajar boleh mendapatkan maklumat geografi, budaya, ekonomi dan sosial dari negara-negara bahasa yang dituturkan. Pengalaman yang dilalui membolehkan pelajar mengambil bahagian dalam pembelajaran bahasa dan seterusnya mengembangkan pengetahuan kosa kata (Dina & Ciornei, 2013).

Terdapat banyak kebaikan, kelebihan dan kemudahan dengan mengintegrasikan penggunaan Internet dalam pembelajaran bahasa Melayu. Antara kelebihan penting penggunaan Internet adalah mempunyai kemudahan untuk mengakses dan mendapatkan bahan pembelajaran bahasa Melayu daripada sumber utama untuk kegunaan pelajar dan guru. Menurut Zahirah Zainal dan Noor Hanim Rahmat (2020) Internet sebagai satu daripada sumber yang boleh mengembang dan mempelbagaikan bentuk pengajaran dan pembelajaran bahasa. E. Kartal dan Uzun (2010) juga berpendapat, Internet berfungsi sebagai rujukan pelbagai fungsi seperti pencarian artikel akademik dan pakar rujuk bahasa jarak jauh yang boleh digunakan dalam pembelajaran bahasa.

Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan yang boleh berlaku melalui Internet sebagai sumber untuk pembelajaran bahasa Melayu. Satu daripada cabaran tersebut ialah kekurangan maklum balas yang diperlukan oleh pelajar. Tanpa guru, pelajar tidak menerima panduan tentang cara menggunakan kosa kata baharu yang pelajari dengan betul seperti cara sebutan dan rumus tatabahasa. Hal ini boleh membawa kepada kesilapan penggunaan kosa kata dalam konteks yang betul. Di samping itu, sumber dalam talian mungkin tidak tepat atau terkini yang boleh menyebabkan kekeliruan dan penggunaan kosa kata yang salah.

Terdapat juga risiko terlalu bergantung pada sumber dalam talian yang boleh menghalang keupayaan pelajar untuk mengembangkan kemahiran pembelajaran secara sendiri. Menurut Sepulveda-Escobar dan Morrison (2020) yang menjelaskan bahawa, tumpuan pembelajaran pelajar boleh terganggu dan kurang bermotivasi kerana faktor luar jangka seperti capaian Internet yang lemah dan kekurangan sumber rujukan dalam talian yang tidak lengkap. Hal ini menyebabkan pelajar perlu mencari sumber rujukan daripada lawan sesawang yang lain. Bagi mengatasi masalah ini, pelajar harus memilih sumber yang boleh dipercayai, seperti laman sesawang dan aplikasi pembelajaran bahasa yang diyakini betul, cepat dan boleh mengesahkan ketepatan maklumat yang diperolehi secara dalam talian.

#### **7.4.2 Mengulang kaji Semula Pelajaran Bahasa Melayu**

Mengulang kaji semula pelajaran kosa kata adalah strategi pembelajaran penting yang membantu pelajar mengekalkan kosa kata dan frasa yang telah dipelajari. Kosa kata ialah komponen penting dalam pembelajaran bahasa dan komunikasi. Tanpa pemahaman yang kukuh tentang kosa kata dan frasa, pelajar mengetahui kemahiran menulis dan bertutur tanpa memahami makna yang hendak disampaikan. Oleh itu, mengulang kaji semula

pelajaran kosa kata secara berkala adalah penting untuk pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu.

Mengulang kaji pelajaran boleh diterjemahkan kepada amalan membuat latihan, latih tubi atau permainan bahasa yang boleh membantu pelajar menyemak sendiri tahap penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Gonzalez-Gomez et al. (2016) menjelaskan bahawa aktiviti mengulang kaji sebagai satu daripada aspek pengekalan memori yang boleh dilakukan di dalam dan di luar kelas. Kaedah ini boleh membantu pelajar untuk mendapat gambaran dengan lebih jelas berkaitan pembelajaran yang lepas dan membina pemahaman yang lebih baik untuk pelajaran yang datang (Tudor, 2019). Selain itu, pelajar memperoleh persepsi yang lebih baik berkaitan penggunaan kosa kata untuk berkomunikasi.

Strategi yang diamalkan ini secara tidak langsung memberi peluang kepada pelajar untuk memahami istilah kosa kata yang dihafal dan digunakan kembali di dalam kelas bersama rakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (Bakhsh, 2016). Selain itu kaedah ulang kaji boleh membantu guru untuk membuat semakan berkaitan tahap kefahaman pelajar berdasarkan topik yang telah dipelajari. Sekiranya terdapat kesalahan sama ada melibatkan pertuturan atau penulisan yang dilakukan oleh pelajar, guru boleh membuat pembetulan dan mengulang semula topik pembelajaran seterusnya meningkatkan pemahaman pelajar.

Terdapat perkara yang dicadangkan oleh Barron et al. (1998) berkaitan kepentingan mengulang kaji semula pelajaran yang telah dilalui, iaitu dengan memberi latihan kepada pelajar untuk mengingat kembali topik pembelajaran yang telah dilalui. Selain itu, pelajar boleh melatih semula cara sebutan, tulisan dan bacaan berkaitan kosa kata bahasa Melayu dengan menyebut dengan betul. Cara mengulang kaji bersama rakan



sebagai salah satu daripada cara yang terbaik kerana membantu pelajar mengembangkan kemahiran bahasa dengan ada pembedaan dan semakan dua hala (Dunp et al., 1991). Hal ini dijelaskan sekiranya terdapat penggunaan kosa kata yang salah atau tidak jelas, maka rakan boleh mencadangkan kosa kata yang lain tetapi mempunyai makna yang sama. Oleh itu, mengulang kaji pelajaran dapat meningkatkan daya ingatan pelajar dan tumpuan aktiviti di dalam kelas.

Kesimpulannya, mengulang kaji semula pelajaran kosa kata adalah strategi pembelajaran yang penting untuk pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu. Dengan menggunakan kad imbas, membaca dan mendengar, menulis dan bertutur dapat mengukuhkan pemahaman pelajar tentang kosa kata dan frasa serta mengukuhkan pengetahuan berkaitan bahasa Melayu. Mengulang kaji semula kosa kata secara berkala dapat meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar, meningkatkan keyakinan dan akhirnya membantu pelajar mencapai matlamat penguasaan bahasa Melayu.

#### **7.4.3 Menggunakan Kamus Dwibahasa (Bahasa Melayu – Bahasa Inggeris)**

Penggunaan kamus sebagai satu daripada strategi pembelajaran kosa kata yang berkesan telah dibuktikan oleh ramai pengkaji seperti Sökmen (1997), Tragant et al. (2013), Y. Zhang et al. (2018) serta Rosita Ambarwati dan Berlinda Mandasari (2020). Terdapat banyak strategi pembelajaran yang boleh digunakan untuk mempelajari bahasa Melayu seperti penggunaan kamus. Kamus telah menjadi alat penting kepada pelajar sama ada di peringkat rendah mahupun di peringkat universiti untuk memahami teks dan kosa kata yang dipelajari. Kamus dapat membantu pelajar bahasa memahami kosa kata baharu, menambah bilangan saiz kosa kata dan mengembangkan kemahiran membaca, menulis dan bertutur.

Satu daripada strategi pembelajaran kosa kata adalah dengan menggunakan kamus. Kamus dapat membantu pelajar memperoleh kosa kata baharu. Tanpa kosa kata yang mencukupi, sukar bagi pelajar untuk berkomunikasi dengan berkesan. Kamus menyediakan pelajar dengan senarai lengkap kosa kata, makna dan penggunaan kosa kata. Terdapat juga kamus yang menggolongkan kosa kata seperti kata nama, kata kerja, kata sifat dan kata sendi nama. Dengan menggunakan kamus, pelajar dapat mengembangkan kosa kata, mempelajari kosa kata baharu dan meningkatkan kecekapan bahasa Melayu.

Read (2004) telah menjelaskan satu daripada keperluan strategi pembelajaran bahasa adalah dengan merujuk kamus atau guru untuk pemerolehan kosa kata di dalam kelas. Pelajar perlu menunjukkan usaha dan dedikasi melalui pencarian rujukan daripada sumber yang tepat seperti kamus berbentuk dwibahasa. Seterusnya Schmitt (1997) menyatakan bahawa strategi yang kerap digunakan termasuklah menggunakan kamus dwibahasa, pengulangan lisan dan tulisan, mempelajari ejaan dan menyebut kosa kata dengan kuat. Qian (2002) berpendapat pelbagai strategi boleh digunakan seperti meneka makna secara kontekstual, mencari kosa kata yang signifikan dengan tajuk yang dipelajari, penggunaan kamus dwibahasa secara aktif, pengambilan nota dan pemerhatian pembentukan kosa kata.

Strategi penggunaan kamus yang dinyatakan oleh Sökmen (1997), Tragant et al. (2013), Y. Zhang et al. (2018) serta Rosita Ambarwati dan Berlinda Mandasari, (2020) selari dengan hasil kajian yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa yang bertujuan untuk pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Dengan kata lain, penggunaan kamus dwibahasa memerlukan kemahiran yang tinggi, iaitu pelajar perlu tahu untuk mencari ribuan kosa kata yang terdapat di dalam kamus (Purwanti et al., 2015). Hal ini dijelaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan Ahmad Harith Syah (2009) berkaitan perubahan bentuk kosa

kata di dalam kamus kerana menerima imbuhan. Dalam bahasa Melayu, kosa kata dapat mengubah bentuk dan makna kata dengan menambah imbuhan. Imbuhan awalan, akhiran, apitan dan sisipan dapat membina kosa kata lain yang menjadi sumber pembentukan kata lain (Siti Rahayu Muhammad & Sharil Nizam Shari, 2020). Penambahan imbuhan ini boleh mengubah makna kosa kata yang dicari di dalam kamus.

Seiring dengan perkembangan terkini dalam teknologi digital dalam pendidikan, terdapat kamus berbentuk digital atau e-kamus yang lebih mudah menyediakan ciri tambahan seperti sebutan audio dan contoh ayat dengan lengkap. Alhatmi (2019) menjelaskan bahawa terdapat pelajar lebih suka dengan pelbagai jenis kamus elektronik kerana mempunyai kelebihan seperti mudah dibawa dan boleh dimuat turun secara percuma dari Internet. Guru perlu melihat penggunaan kamus elektronik sebagai sumber asas dalam kelas pengajaran kontemporari. Oleh sebab kamus adalah satu daripada strategi yang digunakan oleh pelajar untuk mempelajari kosa kata, adalah penting untuk memahami dan menganalisis kesan penggunaan kamus terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

#### **7.4.4 Menghubungkan Gambar dengan Makna Kosa Kata Baharu**

Penggunaan gambar boleh menjadi alat yang berguna untuk pelajar antarabangsa membina kosa kata. Gambar juga boleh memberikan konteks yang boleh membantu dalam pemahaman dan pengekalan dalam minda. Pelajar boleh menggunakan gambar untuk membuat perkaitan antara kosa kata, seperti gambar rumah yang merujuk kepada tempat tinggal, kereta merujuk kepada kenderaan dan banyak lagi. Hal ini menjelaskan bahawa gambar boleh menjadi alat pembelajaran yang penting untuk pelajar meningkatkan pemahaman keseluruhan teks.

Satu daripada penemuan kajian ini dalam analisis borang soal selidik berkaitan strategi memori ialah penggunaan gambar lebih mudah diingati berbanding kosa kata dalam bentuk tulisan dan lisan. Hal ini boleh dijelaskan juga melalui kad imbas huruf berbentuk grafik yang digunakan untuk meningkatkan daya ingatan pelajar. Penggunaan gambar atau gambar rajah ketika mempelajari bahasa melalui sambungan huruf-bunyi untuk membentuk suku kata ejaan, sebutan dan makna kosa kata tertentu dikaitkan dengan memori pelajar. Andarab (2019) berpendapat set kosa kata yang diajarkan perlu mempunyai gabungan definisi dengan imej yang menerangkan situasi.


Satu daripada kelebihan menggunakan gambar dalam pembelajaran bahasa Melayu ialah dapat menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan. Kaedah pembelajaran bahasa secara konvensional boleh menghalang dan mengurangkan minat pelajar. Dengan menggabungkan gambar dan ilustrasi ke dalam pembelajaran bahasa Melayu, pelajar boleh terlibat secara aktif dan berminat dengan bahan tersebut. Hal ini juga dapat membantu pelajar mengembangkan sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Melayu yang boleh memberi manfaat untuk penguasaan kosa kata secara keseluruhan.

Selain itu, menggunakan gambar dan ilustrasi dalam pembelajaran kosa kata dapat membantu pelajar mengembangkan kemahiran kreatif dan seni. Sekiranya pelajar mencipta sendiri alat bantu visual, pelajar dapat melibatkan diri dalam proses kreatif yang boleh memberi keseronokan. Selain itu, mencipta alat bantu visual dapat membantu pelajar mengukuhkan pengetahuan tentang kosa kata baharu dan peraturan tatabahasa. Dengan melibatkan diri dalam proses kreatif ini, pelajar juga boleh mengembangkan kebolehan seni yang memberi manfaat dalam bidang lain dalam kehidupan.

Pelajar memperoleh gambaran yang lebih jelas ketika mempelajari kosa kata kerana terdapat bantuan visual dan gambar untuk digunakan ketika sesi pembelajaran. Perkara ini selari dengan pendapat Andra et al. (2020) dengan mengatakan bahawa gambar rajah yang disertakan dengan definisi kosa kata mampu meningkatkan daya ingatan jangka panjang pelajar. Selain itu, penggunaan gambar dalam pembelajaran kosa kata mudah diingati dengan lebih baik berbanding tulisan kerana kecenderungan memori pelajar yang diwakili oleh kod lisan dan imej (Carpenter & Olson, 2012). Hal ini secara langsung dapat mengaitkan makna kosa kata kepada bentuk fizikal objek sebenar. Pelajar boleh mengingati item kosa kata dan menghasilkan penyimpanan maklumat linguistik dan visual. Kesimpulannya, pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu pada peringkat asas boleh menggunakan gambar dan ilustrasi sebagai satu daripada strategi pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan.

Terdapat empat cadangan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu yang disokong oleh pendapat para sarjana berdasarkan item strategi yang dikemukakan dalam kajian ini. Oleh itu, kajian ini berpendapat empat item strategi tersebut boleh meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Zulkifley Hamid (2000) menegaskan bahawa pelajar perlu diajar untuk menerapkan strategi yang sesuai untuk membolehkan pengembangan kosa kata bahasa Melayu.

Rumusannya, penting untuk diperhatikan bahawa strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu hendaklah disesuaikan dengan pembelajaran pelajar. Terdapat strategi yang berfungsi dengan baik untuk pelajar terbabit dan mungkin tidak untuk pelajar yang lain. Mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua memerlukan masa dan usaha. Pelajar harus berusaha untuk mengamalkan kosa kata baharu mereka dengan kerap untuk menjadikannya berkesan.



**Rajah 7.1: Cadangan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Melayu**

## **7.5 Perancangan Pembangunan Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu**

Penguasaan kosa kata bahasa Melayu memerlukan perancangan dan tindakan secara holistik daripada pelbagai pihak seperti pelajar mahupun pihak berkepentingan yang lain, iaitu guru dan pentadbiran. Perancangan yang betul dan usaha yang konsisten berupaya menghasilkan output yang baik. Perancangan yang dilakukan boleh dalam bentuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Berikut diterangkan berkaitan penerangan perancangan untuk penguasaan kosa kata bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa.

### **7.5.1 Ujian Khas Kosa Kata Bahasa Melayu**

Pelbagai pihak berusaha untuk mengembang dan memantapkan penguasaan bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa. Maka kajian ini mencadangkan pembinaan Ujian Khas Kosa Kata Bahasa Melayu khususnya kepada pelajar antarabangsa yang mahu mempelajari bahasa Melayu. Ujian khas kosa kata ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada pengkaji-pengkaji bahasa yang mahu meneliti dan menganalisis tahap

penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Dari segi pembinaan set soalan tersebut, kerjasama daripada pihak-pihak berkepentingan perlu diwujudkan dengan mengambil kira pandangan dan idea daripada pelbagai peringkat akademik seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Awam dan Universiti Swasta.

Hal ini jauh berbeza dengan kemajuan dan perkembangan bahasa Inggeris yang mempunyai instrumen bagi menguji tahap kosa kata seperti *Vocabulary Level Test*, *Eurocentres Vocabulary Size Test*, *Expressive Vocabulary Test*, *Productive Vocabulary Test* dan *Vocabulary Knowledge Scale*. Segala bentuk ujian kosa kata ini boleh dijadikan panduan untuk membentuk satu ujian khas kosa kata Bahasa Melayu sama ada berkaitan saiz kosa kata, ke dalaman kosa kata dan tahap kosa kata.

Pembinaan ujian khas ini boleh dilakukan berdasarkan kepada tiga peringkat pembelajaran bahasa, iaitu asas, pertengahan dan tinggi. Ujian yang dilakukan boleh dijadikan sebagai syarat kemasukan ke institusi pendidikan tinggi sama ada awam atau swasta. Pelajar yang sudah mempunyai sijil pada tahap asas, tidak perlu mengikuti kursus bahasa Melayu asas di institusi pengajian tinggi, malah boleh terus ke tahap sederhana dan tahap tinggi. Seterusnya dari segi kemahiran pula boleh diuji berdasarkan kemahiran berbahasa, iaitu membaca, menulis, bertutur dan mendengar. Ujian khas yang telah diambil oleh pelajar antarabangsa boleh dijadikan syarat kemasukan untuk ke institusi pengajian tinggi dan alam pekerjaan yang menjadikan syarat lulus bahasa Melayu sebagai kriteria utama.

Dari aspek seliaan ujian khas tersebut, satu badan bebas dan berautoriti di peringkat pusat yang boleh memberi pengiktirafan kepada sijil yang dikeluarkan nanti seperti pihak Majlis Peperiksaan Malaysia. Ujian Khas Kosa Kata ini juga sebagai satu daripada penilaian umum yang boleh diterima pakai di semua peringkat pengajian sama

ada di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Oleh itu, perlunya kajian yang holistik berkaitan penilaian penguasaan kosa kata yang boleh memberi sumbangan penting kepada bidang pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu yang semakin berkembang pada masa akan datang.

### **7.5.2 Pembelajaran Berpusatkan Pelajar**

Pembelajaran berpusatkan pelajar telah dicadangkan oleh sarjana - sarjana seperti Brandl (2002), Thamraksa (2003), Zohrabi et al. (2012) dan Emaliana (2017). Maka kajian ini mencadangkan agar pembelajaran kosa kata lebih memberatkan kepada pelajar dan dipantau rapi secara berkala oleh guru. Proses pengajaran dan pembelajaran antara guru dan pelajar tidak terhenti hanya di dalam kelas sahaja, malah hubungan yang terjalin perlu dikekalkan dalam jangka masa panjang, iaitu di luar waktu pengajaran. Pelajar harus diberi kebenaran untuk bertanya kepada guru berkaitan bahasa Melayu walaupun di luar kursus dan tanggungjawab. Perkara ini menyebabkan keyakinan pelajar untuk terus menggunakan bahasa Melayu sebagai komunikasi harian dapat ditingkat dan dikembangkan tanpa batas medium penyampaian. Secara tidak langsung, bahasa Melayu akan terus berkembang di negara asal pelajar.

Guru disarankan menjadi pembimbing dan pemudah cara kepada pelajar. Hal ini bermakna, guru bukan sahaja perlu memberi arahan dan bimbingan, tetapi juga menyokong dan menggalakkan pelajar dalam pembangunan peribadi dan akademik. Dengan berkhidmat sebagai pemudah cara, guru boleh menawarkan nasihat, maklum balas dan sokongan kepada pelajar sambil memudahkan pembelajaran dengan mewujudkan peluang pembelajaran sendiri. Bahan pembelajaran yang dibina atas inisiatif pelajar perlu disemak, dikembangkan dan dibantu oleh guru yang berpengalaman. Pelajar memperoleh kosa kata dan peraturan penggunaannya semasa berinteraksi dalam persekitaran dan masyarakat. Hal ini mendorong pelajar menggunakan



pelbagai strategi pembelajaran dalam menyelesaikan masalah dan seterusnya dikembangkan menjadi bahan pembelajaran sendiri. Guru boleh memberi motivasi dan galakkan kepada pelajar. Seterusnya pelajar perlu membina pengetahuan sendiri untuk memperoleh kemahiran yang diperlukan bergantung kepada keadaan semasa pembelajaran.

#### **7.5.2.1 Penilaian Kendiri Kosa Kata Bahasa Melayu**

Ramai pelajar sama ada di peringkat sekolah atau universiti adalah seorang yang pasif terhadap sesuatu bahasa baharu yang dipelajari (Harris, 1997). Matlamat yang selalu diberi oleh pelajar adalah hanya lulus dalam peperiksaan. Sekiranya pelajar mendapat markah yang baik, ini memberi peluang untuk melanjutkan pelajaran atau mendapat pekerjaan dalam bidang yang dikehendaki. Dalam konteks ini, penilaian sendiri atau pembelajaran berpusatkan pelajar dapat membantu mencari kelemahan dan kekuatan sendiri. Tindakan yang perlu dilakukan bertujuan untuk mendapat keputusan peperiksaan, markah dan gred yang lebih baik. Dorongan refleksi terhadap penilaian sendiri membantu pelajar melihat proses pembelajaran bahasa secara peribadi (Chamot & O'Malley, 1994). Penilaian sendiri memerlukan pelajar melalui pelbagai strategi pembelajaran dan kemahiran berfikir yang lebih tinggi bukan sahaja boleh memberi maklum balas kepada guru, malah boleh memberi kesan kepada hasil pembelajaran bahasa Melayu pada masa akan datang.

Penilaian sendiri dalam kalangan pelajar tidak boleh terhad kepada pembelajaran dan perlu bimbingan daripada guru dalam bidang bahasa Melayu. Proses pembelajaran dalam kelas adalah faktor konvensional dan praktikal secara formal. Pelaksanaan secara sistematik dilakukan dengan pemantauan rapi daripada guru bergantung kepada jadual pertemuan bersemuka. Penilaian sendiri ini bukan sahaja dapat menjadikan pelajar lebih aktif, malah dapat membantu pelajar untuk terus menggunakan bahasa Melayu ketika

berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling. Perkara yang penting adalah dapat melihat kemajuan pelajar serta dikembangkan kepada peringkat penguasaan bahasa Melayu daripada tahap asas ke tahap sederhana dan seterusnya ke tahap yang lebih tinggi.

Pelaksanaan penilaian sendiri mestilah berkesan dan praktikal dari segi masa, bahan pengajaran dan pembelajaran serta sesuai dari segi jadual kelas. Terdapat kursus bahasa Melayu yang memperuntukkan dua hingga tiga jam seminggu sahaja berbanding 10 jam seminggu dalam kajian ini. Penilaian sendiri boleh dijadikan sebagai penilaian berterusan dan sebahagian daripada proses pembelajaran terutama bagi menangani keupayaan kemahiran berbahasa yang terhad. Aktiviti-aktiviti berkala dan tinjauan kemajuan kemahiran memerlukan masa yang lebih lama dan perancangan yang rapi sama ada daripada pelajar mahupun guru. Penilaian sendiri boleh dilakukan dengan mengadakan latihan bahasa, kuiz, teka silang kata dan aktiviti bahasa Melayu yang lain.

Seterusnya, penilaian sendiri yang sistematik dapat menyediakan pelajar terhadap proses pengembangan bahasa, mengatur kaedah, merancang pembelajaran, strategi pembelajaran dan perbincangan berkaitan komunikasi. Sebagai alternatif, penilaian sendiri dapat memberi inti utama kepada proses pengembangan pelajar dalam memantapkan penguasaan bahasa Melayu yang dipelajari.

### **7.5.3 Pembelajaran Bahasa Melayu Menggunakan Multimedia**

Pembelajaran menggunakan teknologi dapat membawa kepada hasil pembelajaran yang jitu dan mapan terutama perkara berkaitan makna, cara sebutan dan bunyi kosa kata. Bhakta dan Dutta (2016) menjelaskan bahawa teknologi dalam pendidikan boleh memberi kesan besar dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa selain peranan pelajar itu sendiri. Setiap teknologi mempunyai faedah dan aplikasi yang khusus dengan memenuhi keperluan keempat - empat kemahiran berbahasa (Bustillo et al., 2017).

Kaedah pengajaran teknikal yang moden harus diikuti oleh guru untuk pembelajaran dan pengajaran bahasa yang berkesan (Basheer Nomass, 2013). Namun untuk mendapat hasil dan keputusan yang baik, pelajar harus berkebolehan dan mampu mengendalikan aplikasi atau teknologi yang digunakan. Penggunaan teknologi harus dilihat dengan memberi kelebihan kepada kedua-dua belah pihak, iaitu guru dan pelajar.

Bagi kebanyakan buku rujukan dan modul bahasa, kandungan serta cara penyampaian dilihat kurang menarik kerana sering kali dikaitkan dengan penggunaan ayat yang panjang untuk menerangkan sesuatu isi (Basheer Nomass, 2013). Pelajar lebih berminat dengan maklumat teks berbentuk grafik, nota bergambar, berwarna dan mempunyai ciri-ciri tambahan seperti audio suara dan animasi. Selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Hussain et al. (2010) penggunaan info grafik yang menarik boleh memberi pemahaman dan penguasaan bahasa pelajar dengan lebih cepat dan pantas.

Guru berpeluang untuk memilih penggunaan teknologi yang berbeza untuk mengajar pelajar dengan cara yang lebih baik. Terdapat sebilangan teknik dan metodologi sesuai digunakan berdasarkan situasi semasa di dalam kelas seperti pandemik Covid-19 yang menerapkan pembelajaran secara dalam talian. Dengan bantuan teknologi ini, pelajar mendapat pemahaman tentang konsep, rumus dan aspek pembelajaran serta dapat meningkatkan hubungan berdasarkan sumber rujukan yang berada di luar kelas. Hal ini merangkumi bahan rujukan tambahan, pusat pembelajaran bahasa jarak jauh serta nasihat pakar bahasa yang boleh dihubungi hanya dengan menggunakan teknologi terkini.

## **7.6 Peranan Pihak-Pihak Berkepentingan**

Sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini, penelitian dan kajian bahasa khususnya berkaitan kosa kata mengalami perubahan yang ketara di seluruh dunia (Noorhidayah Abu Hasim et al., 2020). Sebahagian besar perubahan ini didorong oleh pihak-pihak yang

sentiasa mengambil berat akan perkembangan, pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu. Hal ini seiring dengan kemajuan dalam teknologi dan peranan akademik untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar bahasa Melayu dan masyarakat.

Penggunaan bahasa Melayu boleh memberi manfaat berkaitan maklum balas dalam pembentukan dasar, polisi dan pengembangan pembelajaran. Perkara ini memerlukan sokongan dan keputusan pihak-pihak berkepentingan untuk membentuk dasar sebagai garis panduan pendidikan bahasa Melayu. Kekurangan komunikasi, penyelidikan bahasa dan dasar antara pakar-pakar bahasa Melayu akan memberi kesan jangka pendek dan jangka panjang akibat daripada dasar pendidikan yang sentiasa berubah-ubah. Terdapat pihak - pihak yang bertanggungjawab untuk mengembang dan memantapkan lagi bahasa Melayu.

#### **7.6.1 Kementerian Pengajian Tinggi**

Kementerian Pengajian Tinggi merupakan pihak penting yang membentuk polisi dan peraturan yang bertanggungjawab untuk mempertahankan keutuhan bahasa Melayu sama ada kepada pelajar tempatan atau pelajar antarabangsa. Dalam konteks globalisasi kini, penerimaan dan penggunaan bahasa menjadi komponen penting kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Berdasarkan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016 -2025 (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2017) pihak kementerian berupaya melindungi kelangsungan bahasa Melayu sebagai bahasa akademik dan berupaya membangunkan fungsi sosialnya.

Terdapat universiti dan institusi pendidikan tinggi yang telah melaksanakan dasar pengantarabangsaan pengajaran program dengan menggunakan bahasa Inggeris (Junaidah Abu Seman et al., 2022). Oleh itu perkara ini tidak boleh mengetepi dan mengabaikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam sektor pendidikan.

Pertimbangan yang teliti perlu diberi perhatian dengan penggunaan dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran di universiti. Penerangan dan panduan yang jelas berkaitan hubungan penggunaan bahasa rasmi kepada golongan akademik demi mewujudkan situasi menang-menang antara pihak-pihak berkepentingan. Perkara ini memberi kesan yang baik terhadap penggunaan bahasa Melayu di peringkat universiti.

Tidak dapat dinafikan terdapat permintaan dalam sektor pendidikan yang memerlukan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran (Chew Fong Peng & Zahari Ishak, 2008). Maka pihak kementerian wajar memikirkan semula dasar bahasa untuk memberi ruang kepada bahasa Melayu untuk terus berkembang. Penyediaan dasar pengajaran dalam bahasa Melayu bukan sahaja memberi peluang dalam sektor pertukaran program antara universiti malah turut memberi peluang dalam sektor ekonomi dan sosial.

### **7.6.2 Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta**

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memainkan peranan penting dalam penentuan dasar penguasaan kosa kata bahasa Melayu. IPTA bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan dan menetapkan piawaian untuk pengajaran bahasa Melayu. Institusi-institusi ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk belajar bahasa Melayu yang menawarkan program dan kursus bahasa Melayu. Sebaliknya, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mempunyai lebih banyak autonomi dalam menentukan sendiri dasar pendidikan. IPTS boleh membangunkan program bahasa Melayu dan kursus yang mencerminkan nilai dan matlamat penubuhannya.

Dasar penguasaan bahasa Melayu ialah aspek penting dalam sistem pendidikan yang secara langsung memberi kesan kepada kualiti pendidikan pada masa depan. Kedua-

dua institusi pengajian tinggi awam dan swasta memainkan peranan penting dalam menentukan dasar bahasa Melayu. Segala kepentingan dasar, peranan institusi awam dan swasta akan memberi implikasi terhadap sistem pendidikan. Oleh itu, matlamat program bahasa Melayu di pelbagai peringkat dan tahap sama ada tahap asas, pertengahan dan tinggi akan melalui pengembangan dan pemantapan dalam jangka masa panjang. Program bahasa Melayu yang diwujudkan perlu berterusan dan diukur berdasarkan prestasi pelajar selagi terdapat dasar yang mendukung keperluan lulus bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan. Hasil dan kesan mungkin tidak dapat dilihat dengan cepat, tetapi dengan perancangan yang rapi boleh memberi panduan dan rujukan pada masa akan datang.

Dasar penguasaan bahasa Melayu adalah penting kerana dasar tersebut akan menentukan keupayaan pelajar antarabangsa dapat berkomunikasi dalam bahasa Melayu yang pelajari. Perkara ini memberi kesan kepada keupayaan pelajar untuk memahami dan mengikuti program atau kursus lain yang diajarkan dalam bahasa Melayu. Dasar ini menetapkan piawaian untuk pengajaran bahasa Melayu dan memastikan pelajar dilengkapi dengan kosa kata yang diperlukan untuk mahir berkomunikasi. Terdapat juga program yang tidak dapat diukur dalam jangka masa pendek kerana kekangan masa. Oleh itu, kajian kes sebagai satu daripada pendekatan yang boleh membantu pihak pengurusan untuk membuat dasar dan polisi yang memberi kebaikan bukan sahaja kepada pelajar antarabangsa tetapi juga kepada guru.

Program bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa pada dasarnya didorong oleh pendekatan dan sukatan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti dan fakulti. Segala program atau kursus bahasa Melayu berdasarkan kepada keputusan pihak pengurusan dan ada kalanya tanpa memberi peluang kepada guru untuk merangka sendiri kaedah pengajaran yang sesuai. Selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Rea-Dickins

(1997), iaitu guru perlu diberi peranan dan tanggungjawab untuk membentuk dan menentukan kaedah yang sesuai untuk diajarkan kepada pelajar. Hal ini kerana guru merupakan pihak yang berhubung terus kepada pelajar dan menilai setiap tugas dan proses perkembangan bahasa pelajar. Daripada aspek kerjasama dan perkongsian idea antara institusi pendidikan, dasar dalam pengajaran bahasa Melayu boleh meliputi kandungan, kemudahan pengajaran dan infrastruktur pendidikan boleh dibentuk dalam menangani permasalahan yang timbul.

Dasar penguasaan kosa kata bahasa Melayu mempunyai implikasi yang signifikan terhadap sistem pendidikan. Dasar ini menentukan piawaian pengajaran bahasa Melayu dan mempengaruhi kualiti pendidikan yang diterima oleh pelajar. Dasar ini juga mempunyai implikasi untuk pasaran kerja, kerana kemahiran dalam bahasa Melayu semakin penting dalam ekonomi global. Oleh itu, dasar penguasaan kosa kata bahasa Melayu perlu dikaji semula secara berkala untuk memastikan kekal relevan.

### **7.6.3 Guru Bahasa Melayu**

Guru bahasa Melayu ialah pendidik yang mengajar kursus atau program bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa. Tanggungjawab utama guru bahasa Melayu adalah untuk membantu pelajar mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk berkomunikasi dengan berkesan dalam bahasa Melayu. Guru bahasa Melayu mesti mempunyai pemahaman yang mendalam tentang tatabahasa, kosa kata, sintaksis, teknik dan metodologi pengajaran. Guru bahasa Melayu perlu mempunyai semangat untuk pengajaran dan komitmen membantu pelajar mencapai matlamat akhir pembelajaran bahasa Melayu, iaitu menguasai bahasa Melayu. Guru bahasa Melayu juga boleh bertindak menentukan dasar penguasaan kosa kata bahasa Melayu sebagai aspek penting dalam pengajaran. Pemerolehan kosa kata bahasa Melayu adalah sebahagian dalam pembelajaran bahasa Melayu untuk pembangunan kecekapan komunikasi. Oleh itu

terdapat peranan dan kepentingan yang perlu diterapkan dalam diri seorang guru bahasa Melayu.

Guru bahasa Melayu mesti memahami kepentingan pemerolehan kosa kata bahasa Melayu dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kosa kata adalah asas setiap bahasa dan tanpa pemahaman yang mencukupi tentang kosa kata, maka pelajar akan menghadapi masalah untuk berkomunikasi sama ada secara lisan atau tulisan. Oleh itu, guru mesti menekankan kepentingan pemerolehan kosa kata dan mengintegrasikannya ke dalam metodologi pengajaran. Menjadi tanggungjawab pelajar untuk menggunakan kosa kata yang telah dipelajari mengikut keperluan harian seperti perbualan dan ucapan. Pengalaman yang dilalui oleh seorang guru kepada pelajar antarabangsa meletakkan asas yang kukuh untuk memahami tentang peluang untuk mendekati pelajar. Pengalaman yang ada pada guru menjadi petunjuk kepada segala aktiviti pembelajaran yang dijalankan sama ada perlu secara berkumpulan atau individu (Ahmad Firdaus Mohd Noor et al., 2021).

Selain itu, guru hendaklah merancang sukatan pembelajaran kosa kata yang sesuai dengan keperluan pelajar. Pelajar yang berbeza mempunyai gaya dan pilihan pembelajaran yang berbeza. Diane J. Tedick (2013) menjelaskan bahawa guru yang menunjukkan sikap positif dalam suasana pembelajaran kondusif menyebabkan para pelajar menganggap pembelajaran menyeronokkan dan meningkatkan motivasi untuk belajar serta mudah untuk berkomunikasi. Guru perlu menyediakan pelbagai aktiviti pembelajaran kosa kata yang memenuhi matlamat akhir pengajaran seperti penggunaan visual, alat bantu pengajaran dan teknologi dalam pendidikan. Dasar ini juga harus merangkumi penilaian kosa kata yang kerap digunakan untuk mengukur kemajuan pelajar dan mengenal pasti topik yang memerlukan penambahbaikan.



Seterusnya, guru perlu menggunakan pelbagai teknik pengajaran kosa kata untuk melibatkan pelajar secara aktif dan menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan. Guru boleh menerapkan aktiviti pengajaran secara interaktif untuk menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan dan menarik minat pelajar untuk terus mempelajari bahasa Melayu. Hal ini bukan sahaja akan memberi motivasi kepada pelajar tetapi juga membantu mengekalkan kosa kata bahasa Melayu dengan lebih baik. Guru perlu bersikap fleksibel dan kreatif dengan menggunakan perisian-perisian sedia ada yang boleh didapati secara percuma di pelbagai laman sesawang (Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali, 2013). Kemudahan ini merupakan satu cara yang terbaik untuk menarik minat pelajar terus mendalami dan menguasai bahasa Melayu. J. C. Richards (2013) menjelaskan bahawa, dalam pengajaran bahasa kedua, tahap pencapaian pelajar dikaitkan dengan kreativiti guru dalam pembelajaran bahasa. Oleh itu, guru perlu menerapkan pelbagai aktiviti yang menarik serta pendekatan yang sesuai selari dengan peredaran zaman. Tanggungjawab utama guru adalah sentiasa berusaha untuk mencari sesuatu yang baharu dan menyesuaikan gaya pengajaran dengan situasi semasa.

Akhir sekali, guru boleh menilai keberkesanan dasar pembelajaran kosa kata secara teratur. Guru mesti menganalisis hasil penilaian kosa kata dan menyesuaikan dasar pengajaran dengan sewajarnya mengikut kepada hasil perkembangan dan penguasaan bahasa Melayu oleh pelajar. Dengan mengambil maklum balas yang diterima daripada pelajar untuk mengenal pasti penambahbaikan, segala perubahan kepada dasar pada masa akan datang adalah untuk kebaikan dan kemajuan bersama antara guru dan pelajar. Kesimpulannya, peranan guru bahasa dalam menentukan dasar pembelajaran dan pengajaran kosa kata bahasa Melayu adalah penting untuk kejayaan pelajar dalam penguasaan bahasa Melayu. Dengan berbuat demikian, guru dapat memastikan bahawa pelajar mencapai tahap kemahiran yang tinggi dalam bahasa Melayu. Pada masa yang sama, peluang turut diberikan kepada guru dalam mengembangkan kemampuan dan

kemahiran untuk membuat penilaian berkaitan kandungan dan kaedah pengajaran bahasa Melayu.

#### **7.6.4 Pelajar yang Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua**

Pelajar yang mempelajari bahasa Melayu perlu diberi sokongan untuk perkembangan dan kemahiran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Peluang-peluang komunikasi yang terdapat dalam masyarakat boleh diguna sebaik mungkin dengan mengintegrasikan bahasa selepas mendapat pendidikan formal di dalam kelas. Pelajar berpeluang bertindak dengan menjadikan pengajar, rakan sekelas dan masyarakat sebagai satu daripada sumber rujukan dengan mengambil peranan yang lebih aktif dalam pergaulan.

Tanggapan negatif pelajar berkaitan pembelajaran bahasa secara tidak formal terutama melibatkan masyarakat sekeliling adalah perkara yang merugikan (Norling & Sandberg, 2015). Terdapat penjelasan mengatakan bahawa pelajar boleh bertutur dengan baik hanya melalui proses pembelajaran di dalam kelas sahaja (K. Richards, 2009). Kepercayaan seperti ini sebenarnya telah mengehadkan kemahiran komunikasi pelajar. Pelajar sering menjangkakan bahawa pembelajaran bahasa Melayu boleh berlaku dalam keadaan tertentu sahaja berdasarkan situasi dan paksaan. Namun, input yang diperoleh hanya sedikit dan tidak mencerminkan keseluruhan pembelajaran bahasa Melayu. Perkara ini menyebabkan penyertaan pelajar menjadi terhad dan pasif. Oleh itu pelajar perlu aktif dan membuang rasa malu untuk terus bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu terhadap penutur natif.

Pelajar mencirikan pembelajaran bahasa kedua sebagai proses bertahap, iaitu daripada asas kepada pertengahan dan seterusnya ke tahap yang lebih tinggi (Saito & Samimy, 1996). Hal ini didorong oleh sukatan pelajaran dan bukannya proses untuk mempelajari bahasa Melayu secara semula jadi. Pelajar memilih peluang hanya bercakap

berdasarkan perkara dan maksud yang diyakini paling tepat. Akibatnya, pelajar sering gagal dalam merealisasikan dan memanfaatkan sepenuhnya peluang yang berada di persekitaran terutamanya untuk mengembangkan kecekapan komunikasi bahasa Melayu.

Sebagai seorang pelajar, terdapat perkara yang perlu ada dalam fikiran seperti yang dikemukakan oleh Kohonen (2000), iaitu sentiasa bertanya kelemahan dan kekurangan diri serta bersedia untuk memperbaikinya. Selain itu juga, sebagai seorang pelajar hendaklah tahu peranan yang perlu dimainkan untuk menimba ilmu pengetahuan terutama dalam memilih strategi pembelajaran yang sesuai dengan kemampuan diri. Sentiasa berusaha dan mencari jalan yang terbaik sama ada mengubah strategi pembelajaran dengan menggunakan kaedah dan teknik terbaharu. Hal seperti ini boleh diimplementasikan semasa proses pembelajaran bahasa Melayu.

#### **7.7 Cadangan Kajian Lanjutan**

Dalam kajian ini, objektif lebih tertumpu kepada saiz kosa kata, strategi pembelajaran dan faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa. Sebagai cadangan kajian lanjutan, penelitian yang lebih mendalam boleh dikaji berdasarkan faktor-faktor ekstra linguistik berkaitan penguasaan bahasa Melayu antara saiz kosa kata dan strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar antarabangsa, seperti minat dan motivasi. Selain itu dalam kajian ini, penguasaan kosa kata dinilai berdasarkan kepada saiz dan tahap semata-mata. Maka aspek yang berkaitan dengan kedalaman kosa kata boleh dipertimbangkan bagi meneliti dengan lebih lanjut berkaitan penguasaan bahasa Melayu. Seterusnya, kosa kata yang diuji hanya sehingga tahap 3,000 sahaja, maka kajian lanjut boleh dilakukan bagi tahap-tahap berikutnya melibatkan kosa kata sehingga tahap 5,000 dan tahap 10,000.

Selain itu, pelbagai kaedah kajian sama ada dari segi kualitatif, pemerhatian secara langsung, temu bual secara berstruktur boleh dilakukan untuk meneliti dengan lebih mendalam perkara berkaitan penguasaan kosa kata bahasa Melayu. Pelbagai gabungan metodologi dan kemahiran bahasa yang berbeza boleh dijadikan sebagai objektif kajian. Terdapat pelbagai kemahiran yang boleh diteliti untuk menentukan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Sebagai tambahan, fokus kajian boleh dilakukan terhadap kemahiran tulisan dan lisan. Kedua-kedua kemahiran ini juga boleh memberi penyelesaian yang terbaik terhadap permasalahan pelajar antarabangsa dalam mempelajari bahasa Melayu.

Terdapat faktor lain seperti faktor sosial, faktor budaya, faktor psikologi dan motivasi yang boleh mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa. Faktor-faktor seperti ini boleh dilihat oleh penyelidik bahasa Melayu sebagai perkara yang perlu diteliti dengan lebih mendalam untuk kajian-kajian pada masa akan datang. Penemuan empirikal berkaitan dengan kepelbagaian linguistik bahasa Melayu boleh diterjemahkan dalam bentuk teori dan model bahasa sambil menggunakan pendekatan yang komprehensif dan menyeluruh.

## **7.8 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, berdasarkan kepada analisis dan huraian yang telah dilakukan dapat dinyatakan bahawa kajian ini telah mencapai objektif yang ditentukan, iaitu berkaitan penguasaan kosa kata bahasa Melayu pelajar antarabangsa di Universiti Malaya. Kajian yang telah dijalankan secara statistik deskriptif berasaskan data dan analisis yang empirikal dengan membuktikan bahawa penguasaan kosa kata bahasa Melayu boleh berlaku berdasarkan kepada amalan strategi pembelajaran kosa kata dan faktor pelajar itu sendiri, iaitu jantina, umur dan bidang pengajian.

Satu daripada sumbangan utama dalam kajian ini ialah dengan mengetahui bilangan saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar antarabangsa di samping penggunaan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Setiap data ujian kosa kata dibuktikan dengan pengukuran yang sistematik di samping korelasi yang berkaitan dengan tahap kosa kata pelajar. Selain itu, penggunaan strategi pembelajaran yang paling tinggi diamalkan membantu kepada penguasaan kosa kata pelajar antarabangsa di Universiti Malaya sama berlaku di dalam kelas atau di luar kelas kursus Bahasa Malaysia Asas.

Penguasaan kosa kata boleh diklasifikasikan kepada penemuan kosa kata baharu, pengekalan pengetahuan kosa kata, pengembangan kosa kata dan seterusnya kepada pengukuhan kosa kata. Penggunaan kosa kata yang dipelajari boleh dikaitkan dengan cara pelajar tersebut menghadapi proses pembelajaran sama ada secara formal atau secara sendiri. Hakikatnya, kajian yang telah dijalankan bukan hanya memberi kelebihan kepada pelajar malah turut mempunyai kelebihan dan panduan kepada para guru terutamanya dalam bidang pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

## RUJUKAN

- Abdul Razif bin Zaini. (2015). *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Peringkat Kolej Universiti*. Universiti Malaya.
- Abdul Razif Zaini, Yaakob Hasan, & Muhammad Harun Husaini. (2021). Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan penuntut tahun akhir Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 606–614.
- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu Di Persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Kemanusiaan*, 16, 59–81.
- Abdullah Ibrahim. (2004). Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Dan Kaitannya Dengan Pembangunan Diri Dan Peluang Pekerjaan. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan 2004*, 1–10. [http://umpir.ump.edu.my/943/1/27\\_Dr\\_AbdullahSCL.pdf](http://umpir.ump.edu.my/943/1/27_Dr_AbdullahSCL.pdf)
- Achard, M., & Niemeier, S. (2008). *Cognitive linguistics, second language acquisition, and foreign language teaching* (Vol. 18). Walter de Gruyter.
- Adolphs, S. (2004). Vocabulary coverage according to spoken. *Vocabulary in a Second Language: Selection, Acquisition, and Testing*, 10, 39.
- Adolphs, S., & Schmitt, N. (2003). Lexical Coverage of Spoken Discourse. *Applied Linguistics*, 24(4), 425–438. <https://doi.org/10.1093/applin/24.4.425>
- Agung Setiyawan. (2018). Problematika Keragaman Latar Belakang Pendidikan Mahasiswa dan Kebijakan Program Pembelajaran Bahasa Arab. *Arabiyat : Jurnal Pendidikan Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban*, 5(2), 195–213.
- Ahmad Azman Mokhtar, Rafizah Mohd Rawian, Mohamad Fadhili Yahaya, Azaharee Abdullah, Mahani Mansor, Mohd Izwan Osman, Zahrullaili Ahmad Zakaria, Aminarashid Murat, Surina Nayan, & Abdul Rashid Mohamed. (2010). Vocabulary Knowledge of Adult ESL Learners. *English Language Teaching*, 3(1), 71–80. <https://doi.org/10.5539/elt.v3n1p71>
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Khairunnisa A Shukor, Nur Afifah Saharudin, & Mohd Farhan Abd Rahman. (2021). Pencapaian Matlamat Outcome-Based Education (OBE) dan Strategi Pembelajaran Kendiri Pendidikan Islam: Satu Kajian Rintis. *Jurnal 'Ulwan*, 6(Special Issue II: Wanita dan Kesejahteraan Ummah), 229–241.
- Ahmad Zaki Amiruddin, Ahmed Thalal Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Nor Abdul Rahman, & Mohd Shahrman. (2014). Penggunaan Aplikasi Atas Talian dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan Kepada QUIZLET.COM. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014) Batu Pahat, Johor, 9 – 10 April 2014, April*, 9–10.

- Aizan Yaacob, Aspalila Shapii, Ayman Saad Alobaisy, Waleed Mugahed Al-Rahmi, Yahya M. Al-Dheleai, Noraffandy Yahaya, & Mahdi M. Alamri. (2019). Vocabulary Learning Strategies Through Secondary Students at Saudi School in Malaysia. *SAGE Open*, 9(1), 1–12. <https://doi.org/10.1177/2158244019835935>
- Akins, A., & Akerson, V. L. (2002). Connecting science, social studies, and language arts: An interdisciplinary approach. *Educational Action Research*, 10(3), 479–498. <https://doi.org/10.1080/09650790200200196>
- Al-Khresheh, M. H., & Al-Ruwaili, S. F. (2020). An Exploratory Study into Vocabulary Learning Strategies Used by Saudi EFL learners. *Journal of History Culture and Art Research*, 9(2), 288. <https://doi.org/10.7596/taksad.v9i2.2616>
- Alaa Alahmadi, Christopher Shank, & Anouschka Foltz. (2018). Vocabulary Learning Strategies and Vocabulary Size: Insights from Educational Level and Learner Styles. *Vocabulary Learning and Instruction*, 7(1), 1–21. <https://doi.org/10.7820/vli.v07.1.2187-2759>
- Alhatmi, S. (2019). A Survey Study of the Dictionary Use Sub-strategies of English Majors in Saudi Arabia: Dictionary Related Aspects. *English Language Teaching*, 12(3), 139. <https://doi.org/10.5539/elt.v12n3p139>
- Alhaysony, M. (2017). Language Learning Strategies Use by Saudi EFL Students: The Effect of Duration of English Language Study and Gender. *Theory and Practice in Language Studies*, 7(1), 18. <https://doi.org/10.17507/tpis.0701.03>
- Ali, B. J., & Anwar, G. (2021). Vocabulary Learning Strategies and Foreign Language Acquisition. *Vocabulary Learning Strategies and Foreign Language Acquisition*, 6(3), 1–197. <https://doi.org/10.22161/ijels>
- Alice Alim. (2015). Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing : Kajian Kes Pelajar China di Universiti Malaysia Sabah. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(2), 157–168.
- Alpino Susanto. (2017). Assessing the Relationship between the Vocabulary Level Test ( VLT ) and Reading Comprehension. *Studies in English Language and Education*, 4(2), 157–171.
- Alzouebi, S., Ridley, D., & Alzouebi, K. (2020). Educational Background and Identity: Factors Influencing Arab Women Learning English as a Second Language. *Journal of International Women's Studies*, 21(6), 207–234.
- Amirul Mukminin Mohamad, & Zamri Mahamod. (2019). Penguasaan Kosa Kata dan Pembinaan Keyakinan Pelajar Antarabangsa dalam komunikasi Bahasa Melayu melalui Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(1), 31–38.
- Andarab, M. S. (2019). The Effect of Humor-Integrated Pictures Using Quizlet on Vocabulary Learning of EFL Learners. *Journal of Curriculum and Teaching*, 8(2), 24. <https://doi.org/10.5430/jct.v8n2p24>

- Anderson, N. J. (1992). The Role of Metacognition in Second Language Teaching and Learning. *Skin Cancer*, 7(1), 47–52.
- Andra, C., Mathias, B., Schwager, A., Macedonia, M., & von Kriegstein, K. (2020). Learning Foreign Language Vocabulary with Gestures and Pictures Enhances Vocabulary Memory for Several Months Post-Learning in Eight-Year-Old School Children. *Educational Psychology Review*, 32(3), 815–850. <https://doi.org/10.1007/s10648-020-09527-z>
- Andreou, G., Vlachos, F., & Andreou, E. (2005). Affecting Factors in Second Language Learning. *Journal of Psycholinguistic Research*, 34(5). <https://doi.org/10.1007/s10936-005-6202-0>
- Anisa, I. (2016). The vocabulary mastery of the second semester students of Widya Dharma University in academic year 2015/2016. *Magistra*, 28(98).
- Archila-Suerte, P., Zevin, J., & Hernandez, A. E. (2015). The effect of age of acquisition, socioeducational status, and proficiency on the neural processing of second language speech sounds. *Brain and Language*, 141, 35–49. <https://doi.org/10.1016/j.bandl.2014.11.005>
- Asgari, A., & Ghazali bin Mustapha. (2012). The Type of Vocabulary Learning Strategies Used by ESL Students in University Putra Malaysia. *International Education Studies*, 5(4), 150. <https://doi.org/10.5539/ies.v5n4p150>
- Asher, J. J., & Ben S. Price. (2018). The Learning Strategy of the Total Physical Response: Some Age Differences. *Society for Research in Child Development*, 38(4), 1219–1227.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). Positioning languages in the Malaysian education system. In *Languages in the Malaysian Education System* (pp. 15–44). Routledge.
- Asmuni Zumrah, Nazipah Mat Shaid@Md. Said, & Rosni Samah. (2020). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Politik dan Ekonomi dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Universiti Awam. *Sains Humanika*, 12(2), 55–60.
- Asyraf Hj. Ab Rahman, Mazlina Ahmad, Mariati Mat Salleh@Md Nor, & H. Gunawan Adnan. (2022). Cabaran dan Sumbangan Penterjemahan dalam Memperkasa Bahasa Melayu di Peringkat Antarabangsa. *Jurnal Pengajian Melayu - JOMAS*, 33(2), 63–82.
- Atay, D., & Ozbulgan, C. (2007). Memory strategy instruction, contextual learning and ESP vocabulary recall. *English for Specific Purposes*, 26(1), 39–51. <https://doi.org/10.1016/j.esp.2006.01.002>
- Atkinson, R. C., Shiffrin, R. M., Mill, J., & Mill, S. (1971). *The Control of Short-Term*



*Memory*. 225(2), 82–91.

Aubrecht, K. (2013). The new vocabulary of resilience and the governance of university student life. *Studies in Social Justice*, 6(1), 67–83. <https://doi.org/10.26522/ssj.v6i1.1069>

Awang Sariyan. (2009). Peranan bahasa dalam pembinaan insan dan pembangunan masyarakat hadhari. *Jurnal Hadhari*, 1, 1–30.

Ayu Siti Aminah bin Husin. (2020). Kajian Kes Indeks Kesukaran Dan Diskriminasi Item Ujian Sumatif Bahasa Inggeris (Pemahaman) Tahun 5. *Sains Humanika*, 12(2–2), 57–66. <https://doi.org/10.11113/sh.v12n2-2.1786>

Azlia Cahyani Ngalawi, & Hakim Zainal. (2020). Kajian Literatur Saiz Kosa Kata Arab di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 157–169.

Azman Che Mat, & Soon, G. Y. (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 9–21.

Baayen, R. H. (2001). *Word frequency distributions* (Vol. 18). Springer Science & Business Media.

Baddeley, A. (2015). Working Memory in Second Language Learning. In A. M. Zhisheng Wen, Mailce Borges Mota (Ed.), *Working Memory in Second Language Acquisition and Processing* (pp. 17–28). Multilingual Matters.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2017). *Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025*.

Bai, Z. (2018). An Analysis of English Vocabulary Learning Strategies. *Journal of Language Teaching and Research*, 9(4), 849–855. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.17507/jltr.0904.24>

Bakhsh, S. A. (2016). Using Games as a Tool in Teaching Vocabulary to Young Learners. *English Language Teaching*, 9(7), 120–128. <https://doi.org/10.5539/elt.v9n7p120>

Barron, B. J. S., Schwartz, D. L., Vye, N. J., Moore, A., Zech, L., & Bransford, J. D. (1998). Doing With Understanding: Lessons From Research on Problem- and Project Based Learning. *The Journal of The Learning Science*, 7(3/4), 271–311.

Basheer Nomass, B. (2013). The Impact of Using Technology in Teaching English as a Second Language. *English Language and Literature Studies*, 3(1), 111–116. <https://doi.org/10.5539/ells.v3n1p111>

Baskin, S., Iscan, A., Karagoz, B., & Birol, G. (2017). The Use of Vocabulary Learning Strategies in Teaching Turkish as a Second Language. *Journal of Education and*

*Practice*, 8(9), 126–134.  
<http://ezproxy.lib.uconn.edu/login?url=https://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=eric&AN=EJ1138831&site=ehost-live>

- Batluk, L. (2015). Does Listening to English Songs Motivate Students to Expand Their Extramural English?: A Case Study of Swedish Upper-Secondary School Students' Perceptions of Possible Impact of Listening to Vocal Music on Their Extramural English. *Language Didactics*, May. <https://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:817139/FULLTEXT01.pdf>
- Becirovic, S. (2017). The relationship between gender, motivation and achievement in learning english as a foreign language. *European Journal of Contemporary Education*, 6(2), 210–220. <https://doi.org/10.13187/ejced.2017.2.210>
- Benjamin Rifkin, & Felicia D. Roberts. (1995). *Error gravity: A critical review of research design* (Vol. 45, Issue 3, pp. 511–637).
- Berne, J. I., & Blachowicz, C. L. Z. (2008). What Reading Teachers Say About Vocabulary Instruction : Voices From the Classroom. *The Reading Teacher*, 62(4), 314–323. <https://doi.org/10.1598/RT.62.4.4>
- Bhakta, K., & Dutta, N. (2016). Impact of Information Technology on Teaching-Learning Process. *International Research Journal of Interdisciplinary & Multidisciplinary Studies (IRJIMS) A Peer-Reviewed Monthly Research Journal*, 2(11), 131–138.
- Bhasah Abu Bakar. (2007). *Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah*. Utusan Publications.
- Bhatti, M. S., & Mukhtar, R. (2020). Impact of Vocabulary Learning Strategies on Gender Based ESL Learners in Pakistan. *Journal of Research and Innovation in Language*, 2(3), 134–140.
- Birdsong, D. (2006). Age and Second Language Acquisition and Processing: A Selective Overview. *Language Learning*, 56(SUPPL. 1), 9–49. <https://doi.org/10.1111/j.1467-9922.2006.00353.x>
- Bista, K. (2016). *Campus support services, programs, and policies for international students*. IGI Global.
- Blaxter, L. (2010). *How to research*. McGraw-Hill Education.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences* (3rd Editio). Psychology Press. <https://doi.org/https://doi.org/10.4324/9781315814698>
- Brandl, K. (2002). Integrating Internet-Based Reading Materials Into The Foreign Language Curriculum : From Teacher- to Student-Centered Approaches. *Language Learning & Technology*, 6(3), 87–107. <http://llt.msu.edu/vol6num3/brandl/%0ASeptember>

- Buchstaller, I., & Khattab, G. (2018). Population samples. *Research Methods in Linguistics*, 74–95. <https://doi.org/10.1017/cbo9781139013734.006>
- Bustillo, J., Rivera, C., Guzmán, J. G., & Ramos Acosta, L. (2017). Benefits of using a mobile application in learning a foreign language. *Sistemas y Telemática*, 15(40), 55–68. <https://doi.org/10.18046/syt.v15i40.2391>
- Cameron, L. (2001). *Teaching languages to young learners*. Cambridge university press.
- Campbell, D. T., & Stanley, J. C. (2015). *Experimental and quasi-experimental designs for research*. Ravenio books.
- Carlisle, R. S. (2001). Syllable Structure Universals and Second Language Acquisition. *International Journal of English Studies*, 1(1), 1–19. <https://doi.org/10.6018/ijes.1.1.47581>
- Carpenter, S. K., & Olson, K. M. (2012). Are pictures good for learning new vocabulary in a foreign language? only if you think they are not. *Journal of Experimental Psychology: Learning Memory and Cognition*, 38(1), 92–101. <https://doi.org/10.1037/a0024828>
- Caspi, T. (2010). *A Dynamic Perspective on Second Language Development*. University of Groningen.
- Catalán, R. M. J. (2003). Sex differences in L2 vocabulary. *International Journal of Applied Linguistics*, 13(1), 54–77. <http://doi.wiley.com/10.1111/1473-4192.00037>
- Cenoz, J., & Gorter, D. (2008). The linguistic landscape as an additional source of input in second language acquisition. *IRAL - International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 46(3), 267–287. <https://doi.org/10.1515/IRAL.2008.012>
- Chamot, A. U. (2008). *Strategy instruction and good language learners*. na.
- Chamot, A. U., & O'Malley, J. M. (1994). *The CALLA handbook: Implementing the cognitive academic language learning approach*. Addison-Wesley Publishing Company.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Malay Language Education Journal – MyLEL*, 6(2), 10–22. <http://journalarticle.ukm.my/10190/1/113-222-1-SM.pdf>
- Chew Fong Peng, & Zahari Ishak. (2008). Tahap Penggunaan Bahasa Melayu Dan Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Mahasiswa/i IPTA Dan IPTS Dalam Sistem Pendidikan Negara. *Jurnal Pengajian Melayu*, 19, 16–36. <https://ijps.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9709>
- Chomsky, N. (2002). *On nature and language*. Cambridge University Press.

- Chung, K. K. H. (2003). Effects of Pinyin and First Language Words in Learning of Chinese Characters as a Second Language. *Journal of Behavioral Education*, 12(3), 207-223–223. <http://www.springerlink.com/content/n51357p8106722q4/>
- Chye, Y. C., & Subramaniam, V. (2012). Analisis kesilapan dalam pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar asing. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 667–692. <https://doi.org/10.1152/ajplegacy.1960.198.3.537>
- Close, C. A. (1993). NNS readers' strategies for inferring the meanings of unknown words. In *Reading in a Foreign Language* (pp. 867–892).
- Coady, J. (1997). L2 vocabulary acquisition. In *Second language vocabulary acquisition*.
- Coady, J., & Huckin, T. (1997). *Second language vocabulary acquisition: A rationale for pedagogy*. Cambridge University Press.
- Cohen, A. D. (2014). *Strategies in learning and using a second language*. Routledge.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design* (5th ed.). SAGE Publications, Inc.
- Cronbach, L. J. (1951). Coefficient alpha and the internal structure of tests. *Psychometrika*, 16(3), 297–334. <https://doi.org/10.1007/BF02310555>
- Cummins, J. (1998). Immersion Education for the Millennium: What We Have Learned from 30 Years of Research on Second Language Immersion. *Learning through Two Languages: Research and Practice. Second Katoh Gakuen International Symposium on Immersion and Bilingual Education.*, 34–47.
- Daif, A. S. (2012). Beliefs about foreign language learning and their relationship to gender. *English Language Teaching*, 5(10), 20–33. <https://doi.org/10.5539/elt.v5n10p20>
- Darasawang, P., & Reinders, H. (2021). Willingness to communicate and second language proficiency: A correlational study. *Education Sciences*, 11(9). <https://doi.org/10.3390/educsci11090517>
- Dayang Sulfilkawany Ujai, & Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad. (2017). Pengaruh Faktor Sosial Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Iban (Social Factors Influence in Malay Language Teaching among Iban Students). *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 7(1), 74–84. <http://journalarticle.ukm.my/10415/1/135-260-1-SM.pdf>
- DeKeyser, R. M. (2017). Age in Learning and Teaching Grammar. *The TESOL Encyclopedia of English Language Teaching*, 1–6. <https://doi.org/10.1002/9781118784235.eelt0106>
- Deng, Y., & Wang, Q. (2019). *Influence of Starting Age on Second Language Acquisition*.

- Deygers, B., & Vanbuel, M. (2022). Gauging the impact of literacy and educational background on receptive vocabulary test scores. *Language Testing*, 2(39), 191–121. <https://doi.org/10.1177/02655322211049097>
- Diane August, & Timothy Shanahan. (2006). *Developing Literacy in Second-Language Learners: Report of the National Literacy Panel on Language-Minority Children and Youth*. <https://doi.org/https://doi.org/10.4324/9781315094922>
- Diane J. Tedick. (2013). *Second Language Teacher Education: International Perspectives*. Taylor & Francis.
- Dina, A., & Ciornei, S.-I. (2013). The Advantages and Disadvantages of Computer Assisted Language Learning and Teaching for Foreign Languages. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 76, 248–252. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.04.107>
- Dong, G., & Ren, H. (2013). The role of age in second language acquisition - A psychological perspective. *British Journal of English Linguistics*, 1(1), 1–6. [www.ea-journals.org](http://www.ea-journals.org)
- Dörnyei, Z., & Kormos, J. (2000). The role of individual and social variables in oral task performance. *Language Teaching Research*, 4(3), 275–300. <https://doi.org/10.1177/13621688000400305>
- Drost, E. A. (2004). Validity and Reliability in Social Science Research. *Education Research and Perspectives*, 38(1), 105–125.
- Dunp, G., Kern-dunuup, L. E. E., Clarke, S., & Robbins, F. R. (1991). Functional assessment, curricular revision, and severe behavior problems. *Journal of Applied Behavior Analysis*, 2(24), 387–397.
- Duong, T. M., Tran, T. Q., & Nguyen, T. T. P. (2021). Non-English Majored Students' Use of English Vocabulary Learning Strategies with Technology-Enhanced Language Learning Tools. *Asian Journal of University Education*, 17(4), 455–463. <https://doi.org/10.24191/ajue.v17i4.16252>
- Duursma, E., Romero-Contreras, S., Szuber, A., Proctor, P., Snow, C., August, D., & Calderón, M. (2007). The role of home literacy and language environment on bilinguals' English and Spanish vocabulary development. *Applied Psycholinguistics*, 28(1), 171–190. <https://doi.org/10.1017/S0142716407070099>
- Easterbrook, R. M. (2013). *The process of vocabulary learning: Vocabulary learning strategies and beliefs about language and language learning* (Issue November). The University of Canberra.
- Ehrman, M. E., Leaver, B. Lou, & Oxford, R. L. (2003). A brief overview of individual differences in second language learning. *System*, 31(3), 313–330.

[https://doi.org/10.1016/S0346-251X\(03\)00045-9](https://doi.org/10.1016/S0346-251X(03)00045-9)

- Ellis, N. C. (1995). The psychology of foreign language vocabulary acquisition: Implications for CALL. *Computer Assisted Language Learning*, 8(2–3), 103–128.
- Ellis, N. C. (2008). *Usage-based and form-focused language acquisition: The associative learning of constructions, learned attention, and the limited L2 endstate*. Routledge/Taylor & Francis Group.
- Ellis, N. C., Street, E. W., & Arbor, A. (2011). *Frequency-based accounts of SLA Nick C . Ellis University of Michigan 1 . Historical Discussion*.
- Ellis, R. (1994). The Study of Second Language Acquisition. In *Oxford University*. <https://doi.org/10.5785/10-1-248>
- Ellis, R. (1996). *Reviews / Comptes rendus The Study of Second Language Acquisition*. 13(2), 53–80.
- Ellis, R. (1997). *SLA research and language teaching*. ERIC.
- Ellis, R. (2005). Principles of instructed language learning. *System*, 33(2), 209–224. <https://doi.org/10.1016/j.system.2004.12.006>
- Ellis, R. (2006). Individual Differences in Second Language Learning. In *The Handbook of Applied Linguistics* (pp. 525–551). <https://doi.org/10.1002/9780470757000>
- Elsya Matruty, & Stella Rose Que. (2021). Using Flashcrads as A Media in Teaching Vocabulary for the Eighth Grade Students Of Junior High School. *MATAI International Journal of Language Education*, 2(1), 22–31. <https://doi.org/https://doi.org/10.30598/matail.v2i1.5490>
- Emaliana, I. (2017). Teacher-centered or Student-centered Learning Approach to Promote Learning ? *Jurnal Sosial Humaniora*, 10(2).
- Ezzah‘Afifah Nasrudin, & Rohaida Kamaruddin. (2020). Ekstralinguistik Dalam Personaliti Mempengaruhi Pembelajaran Bahasa Melayu Di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 158–169.
- Fatemeh Ramani, & Najmeh Nasri. (2013). The Effects of Instruction Type on Vocabulary Learning: A Psycholinguistics Study. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 70, 787–794. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.01.124>
- Flege, J. E. (2002). Assessing bilingual dominance. *Applied Psycholinguistics*, 23, 567–598.
- Fowle, C. (2002). Vocabulary notebooks: Implementation and outcomes. *ELT Journal*, 56(4), 380–388. <https://doi.org/10.1093/elt/56.4.380>

- Gawi, E. M. K. (2012). The effects of age factor on learning English: A case study of learning English in Saudi schools, Saudi Arabia. *English Language Teaching*, 5(1), 127–139. <https://doi.org/10.5539/elt.v5n1p127>
- Ghalebi, R., Sadighi, F., & Bagheri, M. S. (2020). Vocabulary learning strategies: A comparative study of EFL learners. *Cogent Psychology*, 7(1). <https://doi.org/10.1080/23311908.2020.1824306>
- Giedt, T., & Gokcek, G. (2015). International Education in the 21 st Century : The Importance of Faculty in Developing Study Abroad Research Opportunities. *The Interdisciplinary Journal of Study Abroad*, XXVI, 167–186.
- Godfroid, A., Ahn, J., Choi, I., Ballard, L., Cui, Y., Johnston, S., Lee, S., Sarkar, A., & Yoon, H. J. (2017). Incidental vocabulary learning in a natural reading context : an. *Bilingualism: Language and Cognition*, 1–22. <https://doi.org/10.1017/S1366728917000219>
- Gogtay, N. J., & Thatte, U. M. (2017). Principles of correlation analysis. *Journal of Association of Physicians of India*, 65(March), 78–81.
- Gomleksiz, M. N. (2001). the Effects of Age and Motivation Factors on Second Language Acquisition. *Firat University Journal of Social Science*, 11(2), 217–224. <http://web.firat.edu.tr/sosyalbil/dergi/arsiv/cilt11/sayi2/217-224.pdf>
- Gonzalez-Gomez, D., Jeong, J. S., & Rodriguez, D. A. (2016). Performance and Perception in the Flipped Learning Model: An Initial Approach to Evaluate the Effectiveness of a New Teaching Methodology in a General Science Classroom. *Journal of Science Education and Technology*, May. <https://doi.org/10.1007/s10956-016-9605-9>
- Gorgoz, S., & Tican, C. (2020). Investigation of Middle School Students' Self-Regulation Skills and Vocabulary Learning Strategies in Foreign Language. *International Journal of Educational Methodology*, 6(1), 25–42. <https://doi.org/10.12973/ijem.6.1.25>
- Govindasamy, P., Yunus, M. M., & Hashim, H. (2019). Mobile assisted vocabulary learning: Examining the effects on students' vocabulary enhancement. *Universal Journal of Educational Research*, 7(12 A), 85–92. <https://doi.org/10.13189/ujer.2019.071911>
- Grabe, W., & Stoller, F. L. (2018). Teaching vocabulary for reading success. *The TESOL Encyclopedia of English Language Teaching*, 1–7.
- Gu, Y. (2012). Learning Strategies: Prototypical Core and Dimensions of Variation. *Studies in Self-Access Learning Journal*, 3, 330–356. <https://doi.org/10.37237/030402>
- Guo, Y., & Guo, S. (2017). Internationalization of Canadian higher education: discrepancies between policies and international student experiences. *Studies in*

- Haarmann, H. (2012). *Language in ethnicity*. De Gruyter Mouton.
- Hadar, L., & Laufer, B. (1997). Assessing the effectiveness of monolingual, bilingual and 'biligualised' dictionaries. *The Modern Language Journal*, 81(2), 189–196.
- Halimah Ma'alip, Khuzaiton Zakaria, Che Hazira Che Roza, & Nurul Adila Zulkipli. (2021). Motivasi dan Halangan bagi Pelajar Asing Menguasai Bahasa Melayu Melalui Pembelajaran Secara dalam Talian di Universiti Teknologi Malaysia. *LSP International Journal*, 8(2), 41–54.
- Han, Z., & Chen, C. A. (2010). Repeated-reading-based instructional strategy and vocabulary acquisition : A case study of a heritage speaker of Chinese. *Reading in a Foreign Language*, 22(2), 242–262.
- Handoko, L. V. A. (2019). Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Mandarin Pada Aplikasi Pembelajaran Chineseskill. *Century: Journal of Chinese Language, Literature and Culture*, 07(02), 29–38. <https://doi.org/10.9744/century.7.2>.
- Hanna, G. S., & Dettmer, P. (2004). Assessment for effective teaching: Using context-adaptive planning. In *Allyn & Bacon*. Pearson Education.
- Hardan, A. A. (2013). Language Learning Strategies: A General Overview. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 106, 1712–1726. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.12.194>
- Harmer, J. (2007). *The practice of English language teaching*. Pearson longman.
- Harris, M. (1997). Self-assessment of language learning in formal settings. *ELT Journal*, 51(1), 12–20. <https://doi.org/10.1093/elt/51.1.12>
- Hartshorne, J. K., Tenenbaum, J. B., & Pinker, S. (2018). A critical period for second language acquisition: Evidence from 2/3 million English speakers. *Cognition*, 177(May), 263–277. <https://doi.org/10.1016/j.cognition.2018.04.007>
- Harun Baharudin. (2007). *Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Universiti Malaya.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan. (2002). *Language testing: The construction and validation*. University of Malaya Press.
- Hassan, R. (2017). Malay language learning styles and strategies among French students. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(1), 125–146. <https://doi.org/10.17576/gema-2017-1701-08>
- Hawkins, M. W. (2018). Self-directed learning as related to learning strategies, self-



regulation , and autonomy in an English language program : A local application with global implications. *Studies in Second Language Learning and Teaching*, 8(2), 445–469. <https://doi.org/10.14746/ssl.2018.8.2.12>

Hema Rosheny Mustafa, Noridah Sain, & Noor Zainab Abdul Razak. (2012). Using Internet for Learning Vocabulary among Second Language Learners in a Suburban School. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 66, 425–431. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.286>

Hilary Nesi. (2000). *The Use and Abuse of EFL Dictionaries*. De Gruyter. <https://doi.org/https://doi.org/10.1515/9783110946031>

Hill, R. (1998). What Sample Size is “Enough” in Internet Survey Research? *Interpersonal Computing and Technology: An Electronic Journal for the 21st Century*, 6(3), 1–10.

Hu, R. (2016). The Age Factor in Second Language Learning. *Theory and Practice in Language Studies*, 6(11), 2164. <https://doi.org/10.17507/tpls.0611.13>

Huang, B. H. (2014). The Effects of Age on Second Language Grammar and Speech Production. *Journal of Psycholinguistic Research*, 43(4), 397–420. <https://doi.org/10.1007/s10936-013-9261-7>

Huckin, T., & Coady, J. (1999). Incidental vocabulary acquisition in a second language: A review. *Studies in Second Language Acquisition*, 21(2), 181–193.

Hui, D. (2004). Reflections on vocabulary size of Chinese university students. *International Education Journal*, 5(4), 571–581.

Huseyin Oz, Mehmet Demirezen, & Jafar Pourfeiz. (2015). Emotional Intelligence and Attitudes Towards Foreign Language Learning: Pursuit of Relevance and Implications. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 186, 416–423. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.118>

Hussain, M., Iqbal, M., & Akhtar, M. (2010). Technology based learning environment and student achievement in English as a foreign language in Pakistan. *World Academy of Science, Engineering and Technology*, 61, 129–133.

Irma Martiny Md Yasim, Maimun Aqsha Lubis, Zaid Arafat Mohd Noor, & Aisyah Sjahrony. (2017). Penggunaan Teknik Pembelajaran Aspek Kosakata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 14–24.

Jasah Jumayza Ahmad, Syafika Atika Othman, & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2020). Kerumitan Sebutan Bunyi Vokal dan Diftong Bahasa Melayu Pelajar Arab. *Jurnal Melayu*, 19(1), 7–32. <https://doi.org/10.4324/9780429347122-1>

John Read, Felicity O’Dell, & Michael McCarthy. (2000). *Assessing vocabulary*. Cambridge university press.

- Johnson, K. (2008). *An introduction to foreign language learning and teaching*. 2. painos. Harlow: Pearson Education Limited.
- Junaidah Abu Seman, Ainun Syafiqah Shahrudin, & Ummul Nadiah Pambi. (2022). Memperkasakan Agenda Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi Melalui Platform Program Pelajar: Pengalaman dari FEM International Mobility Student 2022 ( FIMS 2022 ). *E-Prosiding Seminar Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi 2022 (SPPT 2022), Fims*, 485–500.
- Juwairiah Osman, & Mardian Shah Omar. (2021). Aplikasi teknologi dan motivasi dalam kemahiran berbahasa Melayu untuk penutur asing. *Jurnal Linguistik*, 25(1), 20–32.
- Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar, Salinah Jaafar, Zuraina Ali, Suryanti Awang, Haslinda Hashim, & Mardhiyyah Zamani. (2020). Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kepada penutur asing : Pendekatan teknologi (Apps) dan program pengukuhan berdasarkan Model Kolb. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 5(1), 65–82.
- Kafipour, R., & Naveh, M. H. (2011). Vocabulary learning strategies and their contribution to reading comprehension of EFL undergraduate students in Kerman Province. *European Journal of Social Sciences*, 23(4), 626–647.
- Karim Harun, Khairulanuar Ismail, Lokman abd Wahid, Zawahir Ismail, & Azhar Md. Sabil. (2018). Membina kerangka standard bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 241–254.
- Kartal, E., & Uzun, L. (2010). the Internet , Language Learning , and International Dialogue : Constructing Online. *Turkish Online Journal of Distance Education-TOJDE*, 11(April), 90–107. [http://tojde.anadolu.edu.tr/tojde38/articles/article\\_4.htm](http://tojde.anadolu.edu.tr/tojde38/articles/article_4.htm)
- Kartal, G., & Sarigul, E. (2017). Frequency Effects in Second Language Acquisition: An Annotated Survey. *Journal of Education and Training Studies*, 5(6), 1. <https://doi.org/10.11114/jets.v5i6.2327>
- Keith S. Folse. (2004). Myths about teaching and learning second language vocabulary: what recent research says. *TESL Reporter*, 2, 1–13. <https://journals.lib.byu.edu/spc/index.php/TESL/article/download/32544/30704>
- Kelo, M., & Teichler, U. (2006). *Eurodata*.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2020). *Statistik Pendidikan Tinggi 2020*.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2021). *Statistik Pendidikan Tinggi 2021*.
- Kempe, V., & Brooks, P. J. (2011). Individual differences in adult second language learning: A cognitive perspective. *Scottish Languages Review Issue*, 23(May), 15–22.

- Kendal, R. L., Boogert, N. J., Rendell, L., Laland, K. N., Webster, M., & Jones, P. L. (2018). Social Learning Strategies : Bridge-Building between Fields. *Trends in Cognitive Sciences*, 22(7), 651–665. <https://doi.org/10.1016/j.tics.2018.04.003>
- Kerras, N., & Essayahi, M. L. B. (2022). Education and COVID-19 : Learning Arabic Language and Perspectives. *The Electronic Journal of E-Learning*, 20(1), 36–52.
- Kida, S. (2022). Secondary task type , exposure frequency , and their combined effects on second language vocabulary learning through reading. *Second Language Research*, 38(2), 213–232. <https://doi.org/10.1177/0267658320931919>
- Kissau, S. (2006). Gender differences in second language motivation: An investigation of micro- and macro-level influences. *Canadian Journal of Applied Linguistics*, 9(1), 73–96. <https://journals.lib.unb.ca/index.php/CJAL/article/view/19755>
- Kliesch, M., Giroud, N., Pfenninger, S. E., & Meyer, M. (2018). Research on Second Language Acquisition in Old Adulthood: What We Have and What We Need. *Third Age Learners of Foreign Languages*, December, 48–75. <https://doi.org/10.21832/9781783099412-006>
- Kocaman, O., Yıldız, M., & Kamaz, B. (2018). Use of Vocabulary Learning Strategies in Turkish as a Foreign Language Context. *International Journal of Psychology and Educational Studies*, 5(2), 54–63. <https://doi.org/10.17220/ijpes.2018.02.7>
- Kohonen, V. (2000). Student reflection in portfolio assessment: making language learning more visible. Visible and invisible outcomes in language learning. *Babylonia*, 1, 13–19. <http://eportfolio.atmajaya.ac.id/fkip/portfolio/files/yunus/Reflection 1.pdf>
- Komachali, M. E., & Khodareza, M. (2012). The effect of using vocabulary flash card on Iranian pre-university students' vocabulary knowledge. *International Education Studies*, 5(3), 134–147. <https://doi.org/10.5539/ies.v5n3p134>
- Kramsch, C. (2003). Second language acquisition, applied linguistics and the teaching of foreign languages. *Language Learning Journal*, 27(1), 66–73. <https://doi.org/10.1080/09571730385200101>
- Kramsch, C. (2020). Translating Experience in Language Teaching Research and Practice. *Applied Linguistics*, 41(1), 30–51. <https://doi.org/10.1093/applin/amz011>
- Krashen, S. D. (2003). Explorations in language acquisition and use. *Heinemann*, February, 87. <https://www.heinemann.com/shared/onlineresources/E00554/chapter2.pdf>
- Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim, & Mohd Hafiz Sulaiman. (2013). Keupayaan Bahasa Melayu di persada antarabangsa. *International Journal of the Malay World and Civilization*, 1(1), 55–65.
- Lakshmi, S. (2013). Issues in Reliability and Validity of Research. *International Journal*

- Lantolf, J. P. (2000). Second Language Learning as a Mediated Process. In *Language Teaching* (pp. 79–96). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/S0261444800015329>
- Larsen Freeman, Diane and Long, & Michael H. (2014). *An introduction to second language acquisition research*.
- Laufer, B., & Nation, P. (1995). Vocabulary Size and Use: Lexical Richness in L2 Written Production. *Applied Linguistics*, 16(3), 307–322. <https://doi.org/10.1093/applin/16.3.307>
- Lee, J. H., & Macaro, E. (2013). Investigating age in the use of L1 or english-only instruction: Vocabulary acquisition by Korean EFL learners. *Modern Language Journal*, 97(4), 887–901. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4781.2013.12044.x>
- Lee, M., & Schuele, C. M. (2021). *Encyclopedia of Research Design*. SAGE Publications, Inc. <https://doi.org/https://dx.doi.org/10.4135/9781412961288> Print
- Letchumanan, K., Muthusamy, P., Govindasamy, P., & Farashaiyan, A. (2016). An overview of preferred vocabulary learning strategies by learners. *Asian Social Science*, 12(10), 174–179. <https://doi.org/10.5539/ass.v12n10p174>
- Leung, Y., & Hui, A. N. (2011). Language Learning Strategy of Hong Kong Putonghua Learners. *Educational Research Journal*, 26(1), 17–39.
- Li, C. (2009). A Research on Second Language Acquisition and College English Teaching. *English Language Teaching*, 2(4), 57–60. <https://doi.org/10.5539/elt.v2n4p57>
- Li, H., Qu, J., Chen, C., Chen, Y., Xue, G., Zhang, L., Lu, C., & Mei, L. (2019). Lexical learning in a new language leads to neural pattern similarity with word reading in native language. *Human Brain Mapping*, 40(1), 98–109. <https://doi.org/10.1002/hbm.24357>
- Li Yan, Kamarulzaman Bin Abdul Ghani, & Nordiniana binti Ab. Jabar. (2022). Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Universiti di China. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 5(April), 85–99.
- Lin, A. M. Y. (2007). Modernity, Postmodernity, and The Future of “Identity”: Implications for Educators. In *Problematizing identity: everyday struggles in language, culture, and education* (pp. 199–219). Routledge.
- Little, D. (1999). Developing learner autonomy in the foreign language classroom: A social-interactive view of learning and three fundamental pedagogical principles. *Revista Canaria de Estudios Ingleses*, 38, 77–88.

- Loewen, S., & Sato, M. (2018). Interaction and instructed second language acquisition. *Language Teaching*, 51(3), 285–329. <https://doi.org/10.1017/S0261444818000125>
- Londe, Z. C. (2009). *The Effects of Video Media in English as a Second Language Listening Comprehension Tests*. <https://doi.org/10.5070/L4171005108>
- Luque, A., & Morgan-Short, K. (2021). The relationship between cognitive control and second language proficiency. *Journal of Neurolinguistics*, 57(September 2020), 100956. <https://doi.org/10.1016/j.jneuroling.2020.100956>
- M. Al Zahrani, S., & Chaudhary, A. (2022). Vocabulary Learning Strategies in ESP Context: Knowledge and Implication. *Arab World English Journal*, 13(1), 382–393. <https://doi.org/10.24093/awej/vol13no1.25>
- M. Syaeful Rizki U, Dwi Rukmini, & Djoko Sutopo. (2013). The Use of Picture Games to Improve Students' Motivation in Learning Vocabulary. *English Education Journal*, 3(2), 126–135.
- Ma, Q. (2009). *Second language vocabulary acquisition* (Vol. 79). Peter Lang.
- Mahgoub, S. (2016). Strategies for Learning Second Language Skills : Arabic Speaking Skills in the Malaysian Context. *International Journal of English Language Teaching and Linguistics*, 1(1), 19–34. [www.ijeltal.com](http://www.ijeltal.com)
- Manan, S. A., & Khadija-Tul-Kubra. (2017). The younger, the better: Idealized versus situated cognitions of educators about age and instruction of English as a second/foreign language in Pakistan. *Language Sciences*, 64, 54–68. <https://doi.org/10.1016/j.langsci.2017.07.002>
- Manuel, N. N. (2017). Evaluating Vocabulary Learning Strategies ( VLS ): Gender differences , the most and least used ( VLS ) among Angolan EFL Students at the Faculty of Arts ( Luanda , Angola ). *International Journal of Scientific Research in Education*, 10(December), 483–504.
- Mardian Shah Omar, & Mashrom Muda. (2019). Kemahiran Komunikasi Penutur Asing: Aplikasi Pendekatan Telefon Pintar dan Internet. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 353–367. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3504-22>
- Maritha, E., & Dakhi, S. (2017). The Effectiveness of Picture: An Empirical Evidence in Vocabulary Mastery. *JET (Journal of English Teaching)*, 3(3), 163–176. <https://doi.org/10.33541/jet.v3i3.757>
- Mark N. K. Saunders, Philip Lewis, Adrian Thornhill, & Alexandra Bristow. (2015). *Understanding research philosophy and approaches to theory development*.
- Masrai, A. (2019). Vocabulary and Reading Comprehension Revisited: Evidence for High-, Mid-, and Low-Frequency Vocabulary Knowledge. *SAGE Open*, 9(2). <https://doi.org/10.1177/2158244019845182>

- Mat Zaid Hussein, Samsur Rijal Yahaya, Ahmad Sabri Abdul Samat, Norizah Hassan, & Norfaizal Jamain. (2017). *Efektif Bahasa Melayu Asas*. UM Press.
- Mazlina Ahmad, Noor Rohana Mansor, Roswati Abdul Rashid, Rosdi Zakaria, & Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy. (2018). Kemahiran Pertuturan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing: Pengalaman di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). *Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa Dan Budaya Nusantara Zamri*.
- Mazlina Baharudin, & Razalina Md Radzi. (2015). Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing kepada Pelajar dari Negara China: Perkongsian Pengalaman di Universiti Sains Malaysia. *Dinamika Ilmu P-ISSN*, 15(1), 1411–3031.
- McDonough, S. H. (1995). *Strategy and skill in learning a foreign language*. Oxford University Press.
- McLean, S., & Kramer, B. (2015). The creation of a new vocabulary levels test. *A New Vocabulary Levels Test*, 19(2), 1–32. [http://teval.jalt.org/sites/teval.jalt.org/files/Shiken\\_19-02\\_Complete-1.pdf#page=26](http://teval.jalt.org/sites/teval.jalt.org/files/Shiken_19-02_Complete-1.pdf#page=26)
- Meara, P. (1980). Vocabulary acquisition: A neglected aspect of language learning. *Language Teaching*, 13(3–4), 221–246. <https://doi.org/10.1017/S0261444800008879>
- Mega Lestari, & Achmad Yudi Wahyudin. (2020). Language learning strategies of undergraduate efl students. *Journal of English Language Teaching and Learning (JELTL)*, 1(1), 25–30.
- Meyer, H. J. (1997). Language centres and the international dimension of university life. *Language Centres: Planning for the New Millennium*, 3–12.
- Mitchell, R. (1996). Language education and applied linguistics in a changing world. *Language, Education and Society in a Changing World*, 7–20.
- Mohamad Adam Bujang, & Nurakmal Baharum. (2016). Sample Size Guideline for Correlation Analysis. *World Journal of Social Science Research*, 3(1), 37. <https://doi.org/10.22158/wjssr.v3n1p37>
- Mohamad Yazid Mohamad. (2017). Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa melayu dalam kalangan murid cemerlang etnik cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 7(Mei), 85–92.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusri Ibrahim. (2010). *Analisis Data Penyelidikan Untuk Pendidikan dan Sains Sosial*. Bandar Ilmu.

- Mohd Zaki Ismail, Kaseh Abu Bakar, Nik Farhan Nik Mustapha, & Nurazan M Rouyan. (2016). Bahasa Arab Pada Kalangan Pelajar Cemerlang. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 47–68.
- Nadhilah Abdul Pisal, & Kamarul Shukri Mat Teh. (2018). Perbezaan Jantina dalam Penggunaan Strategi Pembelajaran Kemahiran Berbahasa Arab. *Journal of Nusantara Studies* 2018, 3(1), 143–153. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp143-153>
- Nadya Supian, & Mohd-Asraf, R. (2019). A case study on vocabulary learning strategies in Malaysia: implications for teaching and learning. *Asian ESP Journal*, 15(1.2), 363–420.
- Naeem Afzal. (2019). A Study on Vocabulary-Learning Problems Encountered by BA English Majors at the University Level of Education. *Arab World English Journal*, 10(3), 81–98. <https://doi.org/10.24093/awej/vol10no3.6>
- Nalini Jairath, Mary Hogerney, & Christine Parsons. (2000). The role of the pilot study: A case illustration from cardiac nursing research. *Applied Nursing Research*, 13, 92–96. [https://doi.org/10.1016/S0897-1897\(00\)80006-3](https://doi.org/10.1016/S0897-1897(00)80006-3).
- Nation. (1994). *New Ways in Teaching Vocabulary. New Ways in TESOL Series: Innovative Classroom Techniques*. ERIC.
- Nation. (2001). *Learning vocabulary in another language*. Cambridge university press.
- Nation. (2006). How large a vocabulary is needed for reading and listening? *Canadian Modern Language Review*, 63(1), 59–82. <https://doi.org/10.3138/cmlr.63.1.59>
- Nation. (2013). *Learning vocabulary in another language Google eBook*. Cambridge University Press.
- Nation, I. S. (2004). Learning Vocabulary in Another Language I. *English for Specific Purposes*, 23(1), 87–90. [https://doi.org/10.1016/s0889-4906\(02\)00014-5](https://doi.org/10.1016/s0889-4906(02)00014-5)
- Nation, I. S. P., & Webb, S. A. (2011). *Researching and analyzing vocabulary*. Heinle, Cengage Learning Boston, MA.
- Nation, P. (1990). A vocabulary-size test of controlled productive ability. *Language Testing*, 16(1), 33–51.
- Nation, P. (2015). Principles guiding vocabulary learning through extensive reading. *Reading in a Foreign Language*, 27(1), 136–145.
- Nation, P., & Waring, R. (1997). *Vocabulary : Description , Acquisition and Pedagogy Edited by*. Cambridge University Press.
- Nation, & Waring, R. (1997). Vocabulary size, text coverage and word lists. *Vocabulary:*

*Description, Acquisition and Pedagogy*, 14, 6–19.

Nemati, A. (2010). Memory Vocabulary Learning Strategies and Long-Term Retention. *Marang: Journal of Language and Literature*, 20(1), 14–24. <https://doi.org/10.4314/marang.v20i1.56821>

Nemati, Azadeh. (2013). Vocabulary learning strategies: A short way to long term retention. *Linguistics and Literature Studies*, 1(1), 8–14.

Neuman, W. L. (2002). Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches. In *Teaching Sociology* (Vol. 30, Issue 3). <https://doi.org/10.2307/3211488>

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2004). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noorhidayah binti Abu Hasim, Nurul Huda binti Adnan, Nor Izzuani binti Izhar, & Abdul Muhaimin bin Abu Bakar. (2020). Pengaruh Persekitaran dalam Penggunaan Strategi Memori Kosa Kata Pelajar KUIM. *Jurnal Kesidang*, 5, 1–9. <http://kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/761>

Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Pemugaran penyelidikan untuk pemeraksanaan bahasa. Retrieved from Institut Alam Dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia Website: [Http://Eseminar.Dbp.Gov.My/Ceramahnj/Kertas\\_kerja\\_norhashimah\\_jalaluddin](Http://Eseminar.Dbp.Gov.My/Ceramahnj/Kertas_kerja_norhashimah_jalaluddin).

Nor Hashimah Jalaluddin, & Ahmad Harith Syah. (2009). Penelitian makna imbuhan pen- dalam Bahasa Melayu : satu Kajian Rangka Rujuk Silang The Prefix peN- In Malay : A Bridging Cross Reference Analysis. *Jurnal Gema*, 9(2), 57–72.

Norazlin Mohd Rusdin, & Siti Rahaimah Ali. (2013). Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, 87–105. <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-09.pdf>

Norling, M., & Sandberg, A. (2015). Language Learning in Outdoor Environments: Perspectives of preschool staff. *Nordisk Barnehageforskning*, 9(1998). <https://doi.org/10.7577/nbf.749>

Norton, B. (2012). Identity and Second Language Acquisition. *The Encyclopedia of Applied Linguistics*. <https://doi.org/10.1002/9781405198431.wbeal0521>

Nunan, D. (1999). *Second Language Teaching & Learning*. ERIC.

Nunnally, J. C. (1978). Psychometric theory McGraw-Hill book company. INC New York.

Nur Fadilah Abdul Basit, Isa Hamzah, & Harun Baharudin. (2017). Strategi kognitif



dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 6(1), 41–51.

Nur Fatin Zulkifli. (2017). *Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Cina Di Sebuah Sekolah Menengah Persendirian Cina Klang*. Universiti Malaya.

Nur Naimah Akmar Kamaruddin, & Harun Baharudin. (2017). Strategi Pembelajaran Kosa Kata Dan Penguasaan Pengetahuan Kosa Kata Arab Dalam Kalangan Pelajar STAM. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 64–73.

Nurain Syafina Husain, & Norhayuza Mohamad. (2020). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional, UiTM. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 4(2), 38.

Nuraznan Jaafar, Mohd Zahimie Mohd Dzahid, Noor Adawiyah Ahmad Radzi, & Akmarina Mohd Salwai. (2019). Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka. *Jurnal Kesidang*, 4(1), 53–62.

Nurmasturah Jamil, Noor Asliza Abdul Rahim, & Shuhairimi Abdullah. (2020). Penguasaan Kosa Kata dalam Komunikasi Bahasa Asing. *Journal of Human Development and Communication*, 9(1), 99–108.

Nursyafina Mohd Sabri. (2018). Strategi Pembelajaran Bahasa Pelajar Prasiswazah Pengajian Bahasa Melayu Di Prince Of Songkhla University, Pattani Berdasarkan Jantina, Tahun Pengajian Dan Tahap Pencapaian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 8(2), 1–12.

Nurul Ain Ahmad, & Rohaidah Kamarudin. (2019). Faktor Ekstralinguistik terhadap Sikap Pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing di Universiti Terpilih di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu*, 7(1), 69–76.

Nurul Ain Alizuddin, & Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif. (2021). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Bahasa Melayu Pelajar Antarabangsa. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 4(1), 113–127. <http://journal.al-qiyam.net/index.php/my1/article/view/103>

Nyikos, M., & Fan, M. (2007). A review of vocabulary learning strategies: Focus on language proficiency and learner voice. *Language Learner Strategies*, 30, 251–273.

O'malley, J. M., O'Malley, M. J., Chamot, A. U., & O'Malley, J. M. (1990). *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge university press.

OECD. (2006). *Education at a Glance*.

Olson, C. B., & Land, R. (2007). A Cognitive Strategies Approach to Reading and Writing Instruction for English Language Learners in Secondary School. In

*Research in the Teaching of English* (pp. 269–303). National Council of Teachers of English.

Oxford, R. (1989). The Role of Styles and Strategies in Second Language Learning. *Languages and Linguistics*, 12, 1–9.

Oxford, R. (1990). *Language learning strategies What every teacher should know*. Heinle & Heinle Publishers.;

Oxford, R., & Crookall, D. (1990). Vocabulary Learning: A Critical Analysis of Techniques. *TESL Canada Journal*, 7(2 SE-Articles), 9–30. <https://doi.org/10.18806/tesl.v7i2.566>

Oyinloye, G. O., & Adeleye, I. O. (2010). Impact Of The Media On The Senior Secondary School Students Performance In Speech Work In English Language. *Academic Leadership: The Online Journal Volume*, 8(4).

Padraig O Riagain. (2002). The Consequences of Demographic Trends for Language Learning and Diversity. *Linguistic Diversity*, 2004(12/08). [http://www.coe.int/T/E/Cultural\\_Co-operation/education/Languages/Language\\_Policy/Policy\\_development\\_activities/Studies/ORaigainEN.pdf](http://www.coe.int/T/E/Cultural_Co-operation/education/Languages/Language_Policy/Policy_development_activities/Studies/ORaigainEN.pdf)

Panduangkaew, R. (2018). An Analysis of Vocabulary Learning Strategies Employed by Thai EFL Undergraduates: Dictionary Use. *REFlections*, 25(1), 116–125. <https://www.tci-thaijo.org/index.php/reflections/article/view/136270#?>

Patahuddin, P., Syawal, S., & Bin-Tahir, S. Z. (2017). Investigating Indonesian EFL Learners' Learning and Acquiring English Vocabulary. *International Journal of English Linguistics*, 7(4), 128. <https://doi.org/10.5539/ijel.v7n4p128>

Patricia Antai Robin, Mahizer Hamzah, & Madeline Pandang. (2020). Penguasaan Kosakata Bahasa Melayu Kanak-Kanak Iban Melalui Lagu Didi & Friends. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9((Special Issue)), 41–51.

Paul, P. V. (1996). Reading vocabulary knowledge and deafness. *The Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, 1(1), 3–15.

Pavlenko, A. (2000). Access to linguistic resources: Key variable in second language learning. *Sociolinguistic Studies*, 85–105.

Phaosan Jehwae. (2016). Penguasaan Perbendaharaan Bahasa Melayu Standard dalam Kalangan Pelajar Melayu di Sekolah Pondok di Patani, Thailand. *Jurnal Pustaka Budaya*, 3(1), 17–37.

Pinter, A. (2017). *Teaching young language learners*. Oxford University Press.

Porte, G. (1988). Poor language learners and their strategies for dealing with new

vocabulary. *ELT Journal*, 42(3), 167–172.

Pratami, B., & Margana, M. (2020). *Vocabulary Learning Strategies Preference Used By The Seventh Grade Students of SMP Negeri 1 Mlati*. <https://doi.org/10.4108/eai.12-10-2019.2292226>

Purwanti, Bambang Setiyadi, & Ari Nurweni. (2015). Relationship Between Vocabulary Mastery and Vocabulary Learning Strategies. *U-JET: Unila Journal of English Teaching*, 4(5).

Qian, D. D. (2002). Investigating the relationship between vocabulary knowledge and academic reading performance: An assessment perspective. *Language Learning*, 52(3), 513–536.

Quarterly, T. (1993). Using Likert Scales in L2 Research . Another Researcher Comments Author ( s ): Jean Turner Published by : Teachers of English to Speakers of Other Languages , Inc . ( TESOL ) Stable URL : <http://www.jstor.com/stable/3587409> REFERENCES Linked references ar. *Teachers of English to Speakers of Other Languages, Inc. (TESOL)*, 27(4), 736–739.

Quiroz, M. F., Gutiérrez, R., Rocha, F., Valenzuela, M. P., & Vilches, C. (2021). Improving English Vocabulary Learning Through Kahoot! *Teaching English with Technology*, 21(2), 3–13. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1293906.pdf>

Rabadi, R. I. (2016). Vocabulary Learning Strategies Employed by Undergraduate EFL Jordanian Students. *English Language and Literature Studies*, 6(1), 47. <https://doi.org/10.5539/ells.v6n1p47>

Rabiah Tul Adawiyah Mohamed Salleh, Bruno Di Biase, & Satomi Kawaguchi. (2021). Lexical and morphological development: A case study of Malay English bilingual first language acquisition. *Psychology of Language and Communication*, 25(1). <https://doi.org/10.2478/plc-2021-0003>

Rahimy, R., & Shams, K. (2012). An investigation of the effectiveness of vocabulary learning strategies on Iranian EFL learners' vocabulary test score. *International Education Studies*, 5(5), 141–152. <https://doi.org/10.5539/ies.v5n5p141>

Rahman, M. M., Pandian, A., Karim, A., & Shahed, F. H. (2017). Effect of Age in Second Language Acquisition: A Critical Review from the Perspective of Critical Period Hypothesis and Ultimate Attainment. *International Journal of English Linguistics*, 7(5), 1. <https://doi.org/10.5539/ijel.v7n5p1>

Rea-Dickins, P. (1997). So, why do we need relationships with stakeholders in language testing? A view from the UK. *Language Testing*, 14(3), 304–314. <https://doi.org/10.1177/026553229701400307>

Read, J. (2004). Vocabulary knowledge be defined. *Vocabulary in a Second Language: Selection, Acquisition, and Testing*, 10, 209.

- Read, J. (2007). Second Language Vocabulary Assessment: Current Practices and New Directions. *International Journal of English Studies*, 7(2), 105–125.
- Richards, J. C. (2013). Creativity in Language Teaching. *Iranian Journal of Language Teaching Research*, 1(Issue 3 (Special Issue)), 19–43. [http://ijltr.urmia.ac.ir/article\\_20431\\_64df30b4b96c25e989b517df96132199.pdf](http://ijltr.urmia.ac.ir/article_20431_64df30b4b96c25e989b517df96132199.pdf)
- Richards, K. (2009). Trends in qualitative research in language teaching since 2000. *Language Teaching*, 42(2), 147–180. <https://doi.org/10.1017/S0261444808005612>
- Richey, R. C., Klein, J. D., & Nelson, W. A. (2005). Handbook of research on educational communications and technology. In *TechTrends* (Vol. 49, Issue 3). <https://doi.org/10.1007/BF02763650>
- Riding, R., & Rayner, S. (2013). *Cognitive styles and learning strategies: Understanding style differences in learning and behavior*. David Fulton Publishers.
- Riley, P. (1997). BATS'and 'BALLS': Beliefs about talk and beliefs about language learning. In *Mélanges Crapel* (Vol. 23, Issue 1). [http://web.atilf.fr/IMG/pdf/melanges/09\\_riley.pdf](http://web.atilf.fr/IMG/pdf/melanges/09_riley.pdf)
- Robert G. Burgess. (2016). *In the Field: An Introduction to Field Research*. Routledge, Taylor & Francis Group.
- Robinson, P. (2002). *Individual differences and instructed language learning* (Vol. 2). John Benjamins Publishing.
- Roshidah Hassan. (2017). Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(1), 125–146. <https://doi.org/10.17576/gema-2017-1701-08>
- Rosita Ambarwati, & Berlinda Mandasari. (2020). The Influence of Online Cambridge Dictionary Toward Students' Pronunciation and Vocabulary Mastery. *Journal of English Language Teaching and Learning*, 1(2), 50–55. <https://doi.org/10.33365/jeltl.v1i2.605>
- Rozana Jaafar. (2020). Strategi Pembelajaran Kemahiran Mendengar Dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Etnik Cina Dan India Ketika Belajar Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ)*, 10(1), 64–76.
- Saito, Y., & Samimy, K. K. (1996). Foreign Language Anxiety and Language Performance: A Study of Learner Anxiety in Beginning, Intermediate, and Advanced-Level College Students of Japanese. *Foreign Language Annals*, 29(2), 239–249. <https://doi.org/10.1111/j.1944-9720.1996.tb02330.x>
- Sakata, N. (2019). Profiling vocabulary for proficiency development: Effects of input and general frequencies on L2 learning. *System*, 87, 102167. <https://doi.org/10.1016/j.system.2019.102167>

- Savitry Chelliah, & Norasmah Hj Othman. (2022). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dengan Pencapaian Prestasi Mata Pelajaran Perniagaan Murid Bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN, 7(5))*.
- Schmitt, N. (1997). *Vocabulary Learning Strategies - Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy*. Cambridge University Press, 199–227.
- Schmitt, Norbert. (1997). Vocabulary learning strategies. *Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy, 199227*.
- Schmitt, Norbert. (2007). Current Perspectives on Vocabulary Teaching and Learning. In J. Cummins & C. Davison (Eds.), *International Handbook of English Language Teaching* (pp. 827–841). Springer US. [https://doi.org/10.1007/978-0-387-46301-8\\_55](https://doi.org/10.1007/978-0-387-46301-8_55)
- Schmitt, Norbert. (2008). *Review article Instructed second language vocabulary learning* (Vol. 3).
- Schmitt, Norbert, & Schmitt, D. (1995). Vocabulary notebooks: theoretical underpinnings and practical suggestions. *Readings in Methodology, 49*, 174.
- Schmitt, Norbert, & Schmitt, D. (2020). *Vocabulary in language teaching*. Cambridge university press.
- Sepulveda-Escobar, P., & Morrison, A. (2020). Online teaching placement during the COVID-19 pandemic in Chile: challenges and opportunities. *European Journal of Teacher Education, 43(4)*, 587–607. <https://doi.org/10.1080/02619768.2020.1820981>
- Sharala Subramaniam, & Zamri Mahamod. (2017). Pembangunan Modul Belajar-Cara-Belajar Bahasa Melayu Komunikasi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ, 7(2))*, 51–64.
- Sherry, M., Thomas, P., & Chui, W. H. (2010). International students: a vulnerable student population. *Higher Education, 60(1)*, 33–46. <https://doi.org/10.1007/s10734-009-9284-z>
- Shofwatul Fu'adah. (2021). Penggunaan Strategi Mind Mapping dalam Pembelajaran Kosa kata Bahasa Arab. *Lahjah Arabiyah, 2(1)*, 30–39. <https://doi.org/https://doi.org/10.35316/lahjah.v2i1.30-39>
- Shumin, K. (2002). Factors to Consider: Developing Adult EFL Students' Speaking Abilities. In J. C. Richards & W. A. Renandya (Eds.), *Methodology in Language Teaching, An Anthology of Current Practice* (pp. 204–211). Cambridge University Press.
- Simonson, M. R. (1997). Evaluating teaching and learning at a distance. In *New Directions for Teaching and Learning* (4th editio, Vol. 1997, Issue 71). <https://doi.org/10.1002/tl.7111>

- Sinkeviciute, R., Brown, H., Brekermans, G., & Wonnacott, E. (2019). The role of input variability and learner age in second language vocabulary learning. *Studies in Second Language Acquisition*, 41(4), 795–820. <https://doi.org/10.1017/S0272263119000263>
- Siti Hajar Bidin, Hiyama Junko Abdullah, Nurul Sabrina Zan, Zulida Abdul Kadir, & Rosmahalil Azrol Abdullah. (2019). Faktor Sikap , Motivasi dan Jantina Mempengaruhi Penguasaan Pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 1(1), 105–115.
- Siti Nuur Roihan Saidin. (2015). *Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing di Sebuah IPTA*. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rahayu Muhammad, & Sharil Nizam Shari. (2020). Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Karangan Murid Sekolah Rendah. *International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 77–89.
- Siti Saniah Abu Bakar, & Adenan Ayob. (2016). Persepsi Pensyarah terhadap Penerimaan Pelajar Asing dalam Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*, 3(2), 31–40.
- Skehan, P. (2002). Theorising and updating aptitude. *Individual Differences and Instructed Language Learning*, 2, 69–94.
- Sökmen, A. J. (1997). Current trends in teaching second language vocabulary. *Vocabulary; Description, Acquisition and Pedagogy*, 1.
- Stakanova, E., & Tolstikhina, E. (2014). Different Approaches to Teaching English as a Foreign Language to Young Learners. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 146, 456–460. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.08.154>
- Stockwell, G. (2013). Investigating an intelligent system for vocabulary learning through reading. *The JALT CALL Journal*, 9(3), 259–274. <https://doi.org/10.29140/jaltcall.v9n3.158>
- Suhaidah Abdul Samat, Sofian Abdullah, & Kamarulzaman Abdul Ghani. (2014). Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama di Negeri Perak. *The Online Journal of Islamic Education, Special Issue of ICIEd2014*, 1–11.
- Suzlina Hilwani Baharuddin, & Jamaludin Badusah. (2015). Tahap Penggunaan Web 2.0 Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 5(2), 38–48.
- Swain, M. (1995). Three functions of output in second language learning. *Principles and Practice in Applied Linguistics: Studies in Honor of HG Widdowson*, 125–144.
- Swan, M. (1997). The influence of the mother tongue on second language vocabulary

- acquisition and use. *Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy*, 156–180.
- Syahr Nurmala Sari, & Dyah Aminatun. (2021). Students' Perception on The Use of English Movies to Improve Vocabulary Mastery. *Journal of English Language Teaching and Learning (JELTL)*, 2(1), 16–22.
- Takahashi, C. (2012). Impact of dictionary use skills instruction on second language writing. *Working Papers in TESOL and Applied Linguistics*, 12(2), 104–132.
- Tannen, D. (1996). Researching Gender-Related Patterns in Classroom Discourse. *Teachers of English to Speakers of Other Languages, Inc.*, 30(2), 341–344.
- Thamraksa, C. (2003). Student-Centered Learning : Demystifying the Myth. *Studies in Language and Language Teaching*.
- Tinutda, K., & Waraporn, S. (2011). Vocabulary Learning Strategies Employed by Undergraduate Students and its Relationship to their Vocabulary Knowledge. *The 3rd International Conference on Humanities and Social Sciences, Proceedings-Factors Affecting English Language Teaching and Learning*, 1–18.
- Tiranant, P., Khumsat, T., Ngamnikorn, T., & Wiboolyasari, W. (2022). Beliefs about native-speaking teachers in grammar and pronunciation instruction: Views and voices from second language learners. *International Journal of Language Studies*, 16(1), 45–72.
- Tomlinson, B. (2011). *Materials Development in Language Teaching*.
- Trafimow, D., & MacDonald, J. A. (2017). Performing Inferential Statistics Prior to Data Collection. *Educational and Psychological Measurement*, 77(2), 204–219. <https://doi.org/10.1177/0013164416659745>
- Tragant, E., Thompson, M. S., & Victori, M. (2013). Understanding foreign language learning strategies: A validation study. *System*, 41(1), 95–108. <https://doi.org/10.1016/j.system.2013.01.007>
- Tran, T. Q., & Duong, T. M. (2018). The effectiveness of the intercultural language communicative teaching model for EFL learners. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 3(1). <https://doi.org/10.1186/s40862-018-0048-0>
- Tse, L. (2000). Student perceptions of foreign language study: A qualitative analysis of foreign language autobiographies. *The Modern Language Journal*, 84(1), 69–84.
- Tudor, O. C. (2019). Vocabulary Acquisition in Esp : Perspectives , Strategies and Resources. *Ovidius, December 2018*, 171–180.
- Udaya, M. (2022). Using Semantic Maps As a Teaching Strategy for Vocabulary Development. *European Journal of English Language Teaching*, 6(5), 193–205.

<https://doi.org/10.46827/ejel.v6i5.4095>

- UNESCO, I. for S. (2006). *Global Education Digest 2006: Comparing Education Statistics Across the World*.
- Universiti Malaya. (2020). Laporan Tahunan 2020. *Penerbit Universiti Malaya*, 1–381.
- Van Patten, B., & Benati, A. G. (2010). *Key Terms in Second Language Acquisition. continuum. london–new york*.
- Vandergrift, L. (1999). Facilitating second language listening comprehension: acquiring successful strategies. *ELT Journal*, 53(3), 168–176. <https://doi.org/10.1093/elt/53.3.168>
- Vermunt, J. D., & Vermetten, Y. J. (2004). Patterns in student learning: Relationships between learning strategies, conceptions of learning, and learning orientations. *Educational Psychology Review*, 16(4), 359–384. <https://doi.org/10.1007/s10648-004-0005-y>
- Wan Amar Ikram Wan Abdullah, & Kaseh Abu Bakar. (2022). Penguasaan Kosa Kata Menerusi Dimensi Saiz dan Pengukuran Kosa Kata Bahasa Arab di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences Volume*, 5(1), 132–144.
- Waring, R., & Nation, I. S. P. (2004). Second language reading and incidental vocabulary learning. *Angles on the English Speaking World*, 4, 97–110.
- Werker, J. F. (2018). Perceptual beginnings to language acquisition. *Applied Psycholinguistics*, 39(4), 703–728. <https://doi.org/10.1017/S0142716418000152>
- Williams, M., & Burden, R. (1997). Motivation in language learning: A social constructivist approach. *Cahiers de l'APLIUT*, 16(3), 19-27.
- Wong, L. L. C., & Nunan, D. (2011). The learning styles and strategies of effective language learners. *System*, 39(2), 144–163. <https://doi.org/10.1016/j.system.2011.05.004>
- Wright, S. C., & Taylor, D. M. (1995). Identity and the language of the classroom: Investigating the impact of heritage versus second language instruction on personal and collective self-esteem. *Journal of Educational Psychology*, 87(2), 241.
- Yesilbursa, A., & Ipek, Ö. F. (2013). Why it is Necessary to Validate SILL? *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 70, 887–893. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.01.135>
- Young, D. J., & Oxford, R. (1997). A gender-related analysis of strategies used to process written input in the native language and a foreign language. *Applied Language Learning*, 8(1), 43–73.



- Yu, K., Li, L., Chen, Y., Zhou, Y., Wang, R., Zhang, Y., & Li, P. (2019). Effects of native language experience on Mandarin lexical tone processing in proficient second language learners. *Psychophysiology*, 56(11), 1–20. <https://doi.org/10.1111/psyp.13448>
- Yudintseva, A. (2015). Game-Enhanced Second Language Vocabulary Acquisition Strategies : A Systematic Review. *Open Journal of Social Sciences*, 3(October), 101–109.
- Zahirah Zainal, & Noor Hanim Rahmat. (2020). Social Media and Its Influence on Vocabulary and Language Learning: a Case Study. *European Journal of Education Studies*, 7(11), 1–18. <https://doi.org/10.46827/ejes.v7i11.3331>
- Zainur Rijal Abdul Razak, & Rosni Samah. (2018). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar di Peringkat Pengajian Tinggi : Permasalahan dan Strategi Pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 08(2), 61–70.
- Zaliza Mohamad Nasir, & Zaitul Azma Zainon. (2014). Sikap Dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 408–415. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.263>
- Zambri Mahamod, & Mohamed Amin Embi. (2005). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Mengikut Jantina di Luar Kelas. *Jurnal Pendidikan (UKM)*, 30(June), 51–73. <http://www.ukm.my/jurpend>
- Zare-ee, A. (2007). The Relationship between Cognitive and Meta-cognitive Strategy use and EFL Reading Achievement. In *Journal of Applied Psychology* (Vol. 2, Issue 5).
- Zeckqualine Melai, & Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin. (2020). Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing: Analisis Pola Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan. *Issues in Language Studies*, 9(1), 86–106. <https://doi.org/10.33736/ils.2351.2020>
- Zhang, S., Xu, H., & Zhang, X. (2021). The Effects of Dictionary Use on Second Language Vocabulary Acquisition : A Meta-Analysis. *International Journal OfLexicography*, 34(1), 1–38. <https://doi.org/10.1093/ijl/ecaa010>
- Zhang, X., & Lu, X. (2014). A Longitudinal Study of Receptive Vocabulary Breadth Knowledge Growth and Vocabulary Fluency Development. *Applied Linguistics*, 35(3), 283–304. <https://doi.org/10.1093/applin/amt014>
- Zhang, Y., Chen, B., Tang, Y., Yao, P., & Lu, Y. (2018). Semantic similarity to known second language words impacts learning of new meanings. *Frontiers in Psychology*, 9(OCT). <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2018.02048>
- Zohrabi, M., Torabi, M. A., & Baybourdiani, P. (2012). Teacher-centered and / or Student-centered Learning : English Language in Iran. *English Language and Literature Studies*, 2(3), 18–30. <https://doi.org/10.5539/ells.v2n3p18>

- Zulkifley Hamid. (2000). *Bahasa: konsep, fungsi, dan penguasaannya oleh penutur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid. (2006). *Aplikasi Psikolinguistik: Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa*. Akademia.
- Zulkifley Hamid, & Mohd Asyraf Zulkifley. (2012). Hegemoni ilmu dan masa hadapan bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 9, 129–139.
- Zyzik, E. (2011). Second language idiom learning : The effects of lexical knowledge and pedagogical sequencing. *Language Teaching Research*, 15(4), 413–433. <https://doi.org/10.1177/1362168811412025>

Universiti Malaya